



# Rancangan Selangor Pertama

2021-2025

**Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur**

**Kajian Separuh Penggal**

Hak cipta terpelihara © 2024  
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat 13  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan  
semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran daripada penerbit.

# Rancangan Selangor Pertama (RS-1)

NEGERI PINTAR, BERDAYA HUNI DAN MAKMUR

## Kajian Separuh Penggal

# Isi Kandungan

Prakata oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor	6
Prakata oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	7
Kata Pengantar oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	8
<b>1. Gambaran Keseluruhan</b>	
1.1. Petikan Kajian Separuh Penggal RS-1	12
1.2. Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2024 - 2025	19
1.3. Mesej Utama Berkenaan Pelaksanaan RS-1	22
<b>2. Selangor Dalam Perubahan Landskap Global</b>	
2.1. Landskap Makroekonomi	26
2.2. Landskap Makro Selangor: Peluang dan Cabaran	28
2.3. Dasar-dasar Selangor	30
<b>3. Pemacu Perubahan</b>	
3.1. Pengenalan	34
3.2. Pencapaian dan Kemajuan Utama	35
3.3. Refleksi	42

#### 4. Tema Strategik 1: Pengukuhan Ekonomi

4.1. Pengenalan	45
4.2. Pencapaian dan Kemajuan Utama	46
SEKTOR TUMPUAN 1: Pelabuhan dan Logistik	46
SEKTOR TUMPUAN 2: Pelancongan	48
SEKTOR TUMPUAN 3: Ekonomi Digital	49
SEKTOR TUMPUAN 4: Aeroangkasa	53
SEKTOR TUMPUAN 5: Automotif	54
SEKTOR TUMPUAN 6: Elektrik & Elektronik dan Mesin & Peralatan	56
SEKTOR TUMPUAN 7: Industri Halal	58
SEKTOR TUMPUAN 8: Sains Hayat	59
SEKTOR TUMPUAN 9: Agroteknologi	60
PEMBANGUNAN BERASASKAN GEOGRAFI 1: Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA)	61
PEMBANGUNAN BERASASKAN GEOGRAFI 2: Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS)	64
PEMBANGUNAN BERASASKAN GEOGRAFI 3: Zon Pembangunan Ekonomi Selangor <i>Maritime Gateway</i> (ZPE SMG)	66
Lain-lain: Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)	67
4.3. Isu dan Cabaran	68
4.4. Hala Tuju	69

#### 5. Tema Strategik 2: Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

5.1. Pengenalan	71
5.2. Pencapaian dan Kemajuan Utama	72
BIDANG TUMPUAN 1: Penjanaan Pendapatan dan Kebajikan Sosial	72
BIDANG TUMPUAN 2: Tumpuan Khas kepada Kumpulan Sasar	75
BIDANG TUMPUAN 3: Wanita, Keluarga dan Masyarakat	76
BIDANG TUMPUAN 4: Perumahan Mampu Milik	78
BIDANG TUMPUAN 5: Kesihatan Awam	79
BIDANG TUMPUAN 6: Pendidikan	81
5.3. Isu dan Cabaran	83
5.4. Hala Tuju	84

#### 6. Tema Strategik 3: Pemacuan Kelestarian

6.1. Pengenalan	86
6.2. Pencapaian dan Kemajuan Utama	87
BIDANG TUMPUAN 1: Daya Tahan dan Pengurusan Bencana	87
BIDANG TUMPUAN 2: Pengurusan Air	89
BIDANG TUMPUAN 3: Negeri Rendah Karbon	91
BIDANG TUMPUAN 4: Pengurusan Sisa	92
BIDANG TUMPUAN 5: Biodiversiti dan Sumber Asli	94
Projek, Program dan Inisiatif ' <i>Cross Cutting</i> '	96
6.3. Isu dan Cabaran	97
6.4. Hala Tuju	98

#### 7. Tema Strategik 4: Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

7.1. Pengenalan	100
7.2. Pencapaian dan Kemajuan Utama	101
BIDANG TUMPUAN 1: Penjajaran Strategik Matlamat dan Dasar	101
BIDANG TUMPUAN 2: Pengurusan Prestasi dan Akauntabiliti	103
BIDANG TUMPUAN 3: Tenaga Kerja Awam yang Tangkas	105
BIDANG TUMPUAN 4: Kemampanan Hasil	106
BIDANG TUMPUAN 5: Transformasi Teknologi	109
7.3. Isu dan Cabaran	111
7.4. Hala Tuju	112

#### 8. Memacu pembangunan wilayah yang seimbang dan menyetempatan impak

8.1. Pembangunan Wilayah dan Daerah di Selangor – Kini dan Masa Hadapan	114
8.2. Pencapaian di Daerah: Bagaimanakah RS-1 Memberikan Impak Kepada Setiap Daerah?	115

#### 9. Langkah ke hadapan

Singkatan	129
-----------	-----

# Prakata oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor



Kita telah menyaksikan perubahan pada landskap makroekonomi global sejak bermulanya tempoh Rancangan Selangor Pertama (RS-1) pada tahun 2021. Ekonomi global sudah mula bertambah baik pasca COVID-19, namun pemulihannya masih lagi tidak kukuh. Peperangan di Ukraine telah mengakibatkan pertumbuhan global menjadi perlahan, lalu mengakibatkan berlakunya satu siri krisis makanan dan tenaga yang memburukkan lagi isu-isu yang sedia ada termasuk isu inflasi, kos hidup yang tinggi, perang perdagangan dan bencana berkaitan iklim. Ketegangan yang semakin memuncak di rantau Timur Tengah pula menyebabkan berlakunya ancaman dan ketidakpastian baharu terhadap pertumbuhan ekonomi global. Tanpa mengambil kira perkembangan terkini, *Global Economic Prospect by World Bank* (Jun 2023), *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) Economic Outlook Interim Report* (September 2023) dan *IMF World Economic Outlook* (Oktober 2023) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan pada tahun 2024 (2.7% hingga 2.9%).

Malaysia, dan termasuklah Selangor tidak terkecuali daripada faktor-faktor global ini ekoran tahap keterbukaan ekonomi dan perdagangan kita. Dalam keadaan pertumbuhan yang perlahan ini, *Economic Outlook 2024* yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar lebih kurang 4% pada tahun 2023 dan mengunjurkan kadar pertumbuhan 4% hingga 5% pada tahun 2024 dengan dipacu oleh kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

Pada tahun lalu, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan beberapa dasar utama termasuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK-12), Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), dan Pelan Rancangan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang menyasarkan untuk memacu ekonomi negara, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta memberikan manfaat kepada semua segmen di dalam masyarakat, dan membantu peralihan tenaga yang adil. Oleh itu, Selangor perlu menyelaraskan usaha-usaha kita agar selari dengan dasar-dasar Persekutuan ini bagi memastikan rakyat dapat menikmati manfaat yang diharapkan secara menyeluruh.

RS-1 menyasarkan untuk memenuhi keperluan jangka pendek Negeri dan meletakkan batu asas yang kukuh demi pembangunan Negeri yang mampan dalam jangka panjang. Kajian Separuh Penggal (KSP) kemudiannya menyelaraskan semula RS-1 dengan keutamaan, sasaran, dan pelaksanaan usaha yang sedang dijalankan dan yang baru diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kesejahteraan sosioekonomi rakyat terus menjadi matlamat utama dalam agenda RS-1.

Peningkatan pendapatan isi rumah dan pengurangan kemiskinan secara bersasar adalah antara sasaran utama Kerajaan Negeri Selangor, selaras dengan keutamaan pada peringkat Kerajaan Persekutuan. Kita berharap agar rakyat Selangor hidup lebih bahagia dengan kualiti hidup yang lebih baik (sebagaimana yang ditunjukkan oleh Indeks Kebahagiaan Malaysia).

Kerajaan Negeri Selangor berusaha untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang turut mengambil kira keterangkuman sosial dan kelestarian alam sekitar. Keterjaminan makanan, penjaan tenaga yang lebih bersih, kualiti dan ketersediaan air, dan juga penerimgunaan digital adalah antara keutamaan yang diberikan penekanan dalam KSP RS-1. Kawasan-kawasan pembangunan wilayah yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor menjadi petunjuk betapa kerajaan Negeri berhasrat untuk mempertingkatkan usaha bagi mengurangkan ketidaksamarataan dan merapatkan jurang antara wilayah yang wujud di seluruh Negeri Selangor. Sememangnya tadbir urus yang baik, tenaga kerja awam yang tangkas dan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap menjadi tonggak kepada pembangunan Negeri Selangor seperti yang diharapkan, serta disokong oleh kepercayaan peningkatan daripada rakyat dan persekitaran yang mesra perniagaan.

Memandangkan kita sudah pun melangkaui tempoh separuh penggal dalam pelaksanaan RS-1, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menzahirkan rasa penghargaan dan terima kasih sepenuh hati saya kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang lalu dan kini, agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor, pelaksana-pelaksana inisiatif, semua pemegang taruh, dan rakyat Selangor amnya, kerana telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam melaksanakan RS-1 sejak tiga tahun lepas. Saya berharap dengan adanya dedikasi dan sokongan berterusan daripada kita semua, kita akan terus mara untuk mencapai aspirasi menjadi Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur pada tahun 2025. Bersama-samalah kita menjamin masa depan yang lebih cerah dan berkekal demi Negeri Selangor yang kita cintai. #KitaSelangor Maju Bersama

YANG AMAT BERTHORMAT  
DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

# Prakata oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



Rancangan Selangor Pertama (RS-1) telah menggariskan hala tuju dan keutamaan strategik bagi Negeri Selangor agar terus berada pada pertumbuhan trajektori yang dirancang dan kekal sebagai salah sebuah negeri yang termaju di Malaysia. Kajian Separuh Penggal (KSP) RS-1 menekankan komitmen teguh Kerajaan Negeri Selangor dalam memudah cara pelaksanaan rancangan tersebut demi manfaat rakyat dan perniagaan. Langkah ini penting agar Selangor mencapai hasratnya untuk menjadi Negeri yang Pintar, Berdaya Huni dan Makmur pada tahun 2025.

Sepanjang tempoh kajian (2021-2023), Selangor telah menikmati pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, sungguhpun masih berada dalam tempoh pemulihan ekonomi pasca pandemik. Selangor terus mendapat tumpuan pelabur-pelabur asing dan domestik. Rakyat Selangor daripada pelbagai latar belakang turut mendapat manfaat daripada pelbagai program kemasyarakatan yang meliputi kebajikan sosial, sokongan keusahawanan, skim dan insentif kesihatan, skim perumahan mampu milik dan program pendidikan. Golongan belia, warga emas, golongan kelainan upaya dan orang asli turut tidak dilupakan. Inisiatif-inisiatif RS-1 yang meletakkan sasaran untuk mendorong kelestarian alam sekitar yang mencakupi usaha mitigasi dan kesiapsiagaan terhadap bencana, kualiti dan ketersediaan air, pelepasan gas rumah hijau (GHG), pengurusan sisa dan pemuliharaan biodiversiti sedang berjalan dengan jayanya. Usaha pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan bagi meningkatkan kecekapan dan tindak balas terhadap keperluan rakyat turut sedang dijalankan dengan peratusan perkhidmatan digital kerajaan secara *end-to-end* mencecah 82% pada tahun 2023.

Dalam tempoh RS-1 yang masih berbaki ini, Selangor akan terus memfokuskan kepada usaha memperkukuh ekonomi Negeri secara keseluruhannya bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di samping memajukan pembangunan yang bersifat inklusif dan mampan, yang dipacu oleh penyampaian perkhidmatan awam yang pintar dan berkesan. Bagi meneruskan usaha pembangunan wilayah yang seimbang di seluruh kawasan luar bandar dan bandar, Kerajaan Negeri telah menetapkan tiga buah kawasan pembangunan serantau yang utama iaitu Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA), Zon Pembangunan Ekonomi *Selangor Maritime Gateway* (ZPE SMG) dan Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS). Pembangunan di kawasan-kawasan ini akan memanfaatkan keunikan yang sedia ada dan meneroka peluang-peluang baru.

Selaras dengan komitmen dalam RS-1, Selangor akan terus menyalurkan sumber-sumbernya ke arah pembangunan yang berimpak dan bersifat inklusif. Dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kerajaan Negeri berusaha untuk mengambil pendekatan yang memandang ke hadapan, berpacuan data dan bersifat terbuka dalam menggubal dasar tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan. Bagi mendorong keberkesanan pelaksanaan RS-1, *Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit* (SIAP) memainkan peranan penting untuk memastikan kebertanggungjawaban dan memantau prestasi.

Dalam kita mengorak langkah ke hadapan, semua pihak termasuk sektor awam, sektor swasta, organisasi masyarakat sivil dan rakyat perlu berganding bahu demi mencapai hasrat bersama bagi menjadikan Selangor sebuah Negeri yang Pintar, Berdaya Huni dan Makmur pada tahun 2025. Dengan semangat tanggungjawab bersama dan pendekatan *whole-of-state*, kita boleh mencapai hasrat bersama ini.

YANG BERTAMBAH  
DATO' SETIA HAJI HARIS BIN KASIM

# Kata Pengantar oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor



Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Selangor Pertama (RS-1) memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memantau pelaksanaan pelan pembangunan lima tahun Negeri Selangor yang pertama, selain menyantuni keperluan untuk mengkaji keutamaan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri secara berkala dalam mendepani dunia yang kian berubah. KSP ini mengguna pakai pendekatan sistematik dalam menilai kemajuan dan mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam fasa pertama pelaksanaan RS-1 (2021-2023), dan melaksanakan pelarasan yang diperlukan. Langkah ini bagi memastikan RS-1 mencapai hasil yang diinginkan, kekal relevan dan memberikan kesan yang bermakna kepada rakyat Selangor. KSP ini selari dengan usaha-usaha RS-1 dan hala tuju dasar kebangsaan yang terkini, termasuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK-12), Ekonomi MADANI, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Tambahan lagi, usaha-usaha RS-1 ini turut diselaraskan dengan dasar-dasar dan rancangan-rancangan lain di Negeri Selangor, seperti 5 Tekad Untuk 5 Tahun, Rancangan Struktur Negeri (RSN) Selangor 2035 dan Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

Sepanjang KSP ini, lebih daripada 120 pemegang taruh kerajaan dan swasta telah terlibat melalui 11 bengkel dan pelbagai perbincangan bersemuka sepanjang KSP ini. Pendekatan rundingan ini diguna pakai bagi memastikan dapatan kajian disahkan dengan sumber-sumber yang betul dan rancangan-rancangan yang akan datang telah mendapat persetujuan dan sokongan daripada pemegang-pemegang taruh yang berkaitan. Selanjutnya, beberapa sesi pengesahan telah dijalankan bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO), pihak pentadbiran dan agensi-agensi Negeri, semua pejabat daerah dan tanah (PDT), semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan agensi-agensi yang berhubung kait dengan infrastruktur untuk memastikan kajian RS-1 ini dijalankan secara menyeluruh. Selain itu, prestasi dan kesesuaian petunjuk-petunjuk makro bagi RS-1 telah dinilai bagi memastikan pengukuran impak tersebut bersifat praktikal, relevan dan bermakna.


Selangor komited untuk merangsang pembangunan yang saksama dan seimbang antara kawasan dan daerah di seluruh negeri. Oleh itu, KSP ini mengandungi bab yang khusus bertajuk "Memacu pembangunan wilayah yang seimbang dan menghasilkan impak setempat". Bab ini menggariskan penekanan dan keutamaan untuk masa depan bagi kesemua

sembilan daerah dan dua belas Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor bagi memberikan hala tuju yang strategik demi pertumbuhan daerah-daerah tersebut.

Kita melihat bahawa pelaksanaan RS-1 yang berbaki bakal berlangsung dalam keadaan dunia yang menghadapi cabaran tekanan ekonomi global, gangguan rantaian bekalan, sekatan dagangan, pendigitalan yang pesat dan cabaran yang semakin menggugunng kesan daripada perubahan iklim. Faktor-faktor ini menyukarkan lagi pelaksanaan RS-1 yang diharapkan dapat membawa perubahan yang positif. Dengan usaha yang bersepadu dan kesungguhan yang jitu, kita berharap agar kita dapat mencapai visi untuk menjadikan Selangor sebuah negeri yang Pintar, Berdaya Huni dan Makmur.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kemajuan RS-1 setakat ini. Kesungguhan yang ditunjukkan demi menjayakan projek dan usaha RS-1 ini sungguh terpuji. Ayuh kita terus memberikan sepenuh jiwa raga kita demi merealisasikan kesan positif yang besar dan berpanjangan untuk Selangor dan rakyatnya.

YANG BERBAHAGIA  
DATU' JOHARY BIN ANUAR



# 01

## GAMBARAN KESELURUHAN

Petikan Kajian Separuh Penggal RS-1	12
Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2024 - 2025	19
Mesej Utama Berknaan Pelaksanaan RS-1	22

Rancangan Selangor Pertama, 2021-2025 (RS-1) ialah rancangan lima tahun yang komprehensif dengan visi untuk menjadikan Selangor sebuah negeri yang pintar, berdaya huni dan makmur menjelang tahun 2025. Rancangan ini menetapkan hala tuju strategik bagi Negeri ini dalam tempoh lima tahun.

**PINTAR** - Memperkasakan rakyat, sektor awam dan swasta dengan menggunakan teknologi digital secara optimum dalam kehidupan seharian mereka.

**BERDAYA HUNI** - Pembangunan yang inklusif dipacu oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh, membangun masyarakat yang berkemampuan, berilmu dan berintegriti, serta pembangunan yang mampan melalui pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

**MAKMUR** - Hasil yang mampan dan perkongsian hasil yang saksama di seluruh Negeri dan daerah-daerahnya; masyarakat yang terpelajar dan rencam; dengan kehidupan yang harmoni dan gembira.

## Kerangka RS-1

ASPIRASI >

TEMA STRATEGIK >

### Negeri Pintar, Berdaya

#### 1 Penguatan Ekonomi

- Menyelaraskan pembangunan dan strategi pelaburan dalam sektor utama bagi **menarik minat syarikat bertaraf antarabangsa dan syarikat unicorn**
- Memacu projek pemangkin melalui sektor tumpuan utama dengan **memanfaatkan kelebihan Negeri dalam menyediakan peluang pekerjaan** demi meningkatkan tahap ekonomi pasca-pandemik

#### 2 Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

- Menyediakan peluang bagi **menjana pendapatan** untuk semua
- **Intervensi sosial** bersasar untuk golongan miskin bandar dan luar bandar
- Memastikan **masyarakat inklusif didayakan dengan perkembangan teknologi**

#### 9 Sektor Tumpuan



#### 6 Bidang Tumpuan



PEMBOLEH DAYA >

TINDAKAN PELAKSANAAN >

Infrastruktur Awam, Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan PKS, Digitalisasi,

Projek, Program

**93 PPI**

**98 PPI**

Kajian Separuh Penggal (KSP) RS-1 menilai kemajuan fasa pertama pelaksanaan RS-1 (2021-2023) bagi mengenal pasti jurang dan keutamaan untuk fasa seterusnya. RS-1 dilaksanakan menerusi sejumlah 282 Projek, Program dan Inisiatif, termasuk 20 projek pemacu perubahan (game changer) dan projek pemangkin.

## Huni dan Makmur

### 3 Pemacuan Kelestarian



- Menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur awam yang **pintar dan lestari**
- Meningkatkan kesejahteraan sosial di samping **mengutamakan kelestarian alam sekitar** melalui infrastruktur hijau dan pemeliharaan sumber asli
- Memacu kejayaan melalui komitmen ke arah **negeri rendah karbon**

### 5 Bidang Tumpuan



Daya Tahan dan Pengurusan Bencana



Pengurusan Air



Negeri Rendah Karbon



Pengurusan Sisa



Biodiversiti dan Sumber Asli

### 4 Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan



- Merealisasikan sebuah **kerajaan S.M.A.R.T.** berintegrasi, produktif, tangkas dan bertanggungjawab dalam melaksanakan mandat
- Pendekatan **berjiwa rakyat**
- Mempelbagaikan **sumber hasil** dan mengadaptasi **transformasi teknologi** untuk memacu penyampaian perkhidmatan awam

### 5 Bidang Tumpuan



Penjajaran Strategik Matlamat dan Dasar



Pengurusan Prestasi dan Akauntabiliti



Tenaga Kerja Awam Tangkas



Kemampuan Hasil



Transformasi Teknologi

Penambahbaikan Dasar, Akses kepada Pembiayaan dan Pembangunan Berasaskan Geografi

dan Inisiatif (PPI)

**39 PPI**

**52 PPI**

# 1.1

## Petikan Kajian Separuh Penggal RS-1

### Prestasi RS-1, 2021-2023

Prestasi RS-1 pada amnya berjalan seperti yang dirancang, khususnya dari sudut prestasi ekonomi yang menunjukkan proses pemulihan yang positif pasca COVID-19. Kebanyakan petunjuk makro menunjukkan kemajuan seperti yang dirancang. Walau bagaimanapun, terdapat tiga petunjuk yang berkait dengan prestasi sosial dan kelestarian berkemungkinan akan tersasar jika pelaksanaannya tidak dipercepat. Contohnya, pengurusan sisa yang lebih baik amat diperlukan untuk meningkatkan kadar kitar semula sisa secara signifikan sebagaimana yang ditangani semasa tempoh KSP melalui fasiliti kitar semula, program kesedaran dan penguatkuasaan yang lebih baik pada peringkat tempatan.

Sebahagian daripada petunjuk makro telah diperhalusi dan diganti untuk mempertingkatkan kegunaan praktikal dan menunjukkan prestasi dengan lebih baik dengan menandaaraskannya petunjuk-petunjuk makro tersebut dengan piawai kebangsaan. Contohnya, pengurangan keamatan pelepasan gas rumah hijau (GHG) telah diganti dengan purata tahap PM2.5 (jirim zarah 2.5 mikrogram per meter padu,  $\mu\text{g}/\text{m}^3$ ) kerana tiada data garis dasar yang kukuh bagi pelepasan GHG. Kerajaan Negeri bersama-sama PBT sedang meningkatkan kapasiti dan usaha mereka untuk membangunkan inventori GHG dengan sesetengah PBT mula memberikan fokus untuk mengukur karbon. Satu petunjuk yang berkaitan dengan pencemaran udara diusulkan kerana kebanyakan projek seperti mobiliti rendah pelepasan karbon dan penanaman pokok akan memberikan kesan positif terhadap kualiti udara yang menghasilkan manfaat bersama dalam menangani isu perubahan iklim dan kualiti alam sekitar.

Walaupun Selangor menunjukkan prestasi yang baik dalam "menaikkan siling", Kerajaan Negeri perlu melipatgandakan usaha dalam "menaikkan lantai" dalam konteks Ekonomi MADANI. Selangor mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding purata kebangsaan sejak tahun 2015 sementara pendapatan isi rumah penengah

menunjukkan peningkatan yang ketara dan melepasi sasaran Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi wilayah tengah. Walaupun kemiskinan tegar di Selangor telah mencecah 0% pada 2022, insiden kemiskinan mutlak menyaksikan pengurangan kecil sebanyak 0.2% dari tahun 2020 ke tahun 2022 dan masih lebih tinggi daripada insiden pada tahun 2019. Sementara insiden kemiskinan relatif telah meningkat daripada 13.9% kepada 14.2% dalam tempoh yang sama, terdapat sedikit peningkatan daripada tahun 2019 (15.3%). Untuk mencapai sasaran RS-1, usaha yang lebih bersasar dan bersepadu perlu ditumpukan bagi menangani kemiskinan bandar dan luar bandar. Sasaran kemiskinan mutlak menjelang 2025 telah dikemas kini daripada 0.7% kepada 0.5%, menunjukkan komitmen Selangor untuk memperkukuh pengurangan kemiskinan secara bersasar. Peningkatan peratusan populasi warga emas juga merupakan isu keutamaan bagi Selangor. Selain program-program kesihatan yang memberi manfaat kepada warga emas, adalah penting untuk Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada aspek-aspek lain berkaitan kesejahteraan warga emas seperti pendapatan yang mencukupi dan kualiti hidup yang tinggi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia yang pertama pada peringkat negeri pada tahun 2022. Ia dijadikan garis dasar bagi data untuk mengukur kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat Selangor. Garis dasar Indeks Kebahagiaan bagi Selangor adalah 5.74 pada tahun 2021, iaitu skor terendah dalam kalangan semua negeri di Malaysia. Tiga komponen tertinggi dalam Indeks Kebahagiaan untuk Selangor adalah keluarga (6.53), amalan kerohanian (6.27) dan penggunaan masa (6.04) sementara tiga komponen yang paling rendah adalah perumahan dan alam sekitar (5.50), keselamatan awam (5.35) dan pengalaman emosi (5.32). Indeks ini juga menunjukkan golongan bandar kurang bahagia berbanding golongan luar bandar (5.73 untuk bandar dan 5.86 untuk luar bandar).

Jadual 1.1 Status kemajuan bagi petunjuk makro RS-1





Mengenai sasaran atau hampir mengenai sasaran





Trajektori menuju ke arah yang betul tetapi sasaran mungkin akan tersasar



Trajektori menuju ke arah yang salah

Tema strategik	Petunjuk makro	Sasaran RS-1	Pencapaian terkini	Status kemajuan	Ulasan KSP RS-1
 <b>#1</b> <b>Pengukuhan Ekonomi</b>	<b>1</b> Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	6.5-7.0% (purata 2021-2025)	8.5% purata 2021-2022) <sup>1</sup>	↑	Pelaburan baharu pasca pandemik merangsang pertumbuhan dan sekatan pergerakan ketika pandemik turut bermaksud peratusan tersebut bermula daripada dasar yang lebih rendah (2020: RM326.8 bilion). Nilai KDNK pada 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 11.6% berbanding kepada peringkat pra-pandemik pada 2019 (2019: RM345.0 bilion, 2022: RM384.9 bilion)
	<b>2</b> Nilai pelaburan yang diluluskan dalam sektor-sektor utama dan berkompleksiti tinggi	RM23-35 bilion (purata 2021-2025)	RM39.4 bilion (purata 2021-2023) <sup>2</sup>	↑	Seperti dirancang
	<b>3</b> Pekerjaan	3.5-3.8 juta orang (purata 2021-2025)	3.7 juta orang (purata 2021-2022) <sup>3</sup>	↑	Seperti dirancang
	<b>4</b> Penembusan jalur lebar tetap	70% (menjelang tahun 2025)	61.6% (2023) <sup>4</sup>	↑	Seperti dirancang
 <b>#2</b> <b>Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial</b>	<b>5</b> Pendapatan isi rumah penengah	RM9,290/bulan (menjelang tahun 2025)	RM9,983/bulan (2022) <sup>5</sup>	↑	Seperti dirancang
	<b>6</b> Kemiskinan mutlak*	0.5% (menjelang tahun 2025)	1.5% (2022) <sup>6</sup>	→	Selangor telah mengemas kini sasaran insiden kemiskinan mutlak daripada 0.7% kepada 0.5% yang menunjukkan komitmennya untuk memperkukuh pengurangan kemiskinan secara bersasar. Insiden kemiskinan tegar di Selangor ialah 0% (2022).
	<b>7</b> Kemiskinan relatif*	11.0% (menjelang tahun 2025)	14.2% (2022) <sup>7</sup>	←	
	<b>8</b> Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Negeri Selangor)	7.00 (menjelang tahun 2025)	5.74 (Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021, Negeri Selangor) <sup>8</sup>	→	Indeks Kesejahteraan Keluarga diganti dengan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia untuk diselaraskan dengan penanda aras kebangsaan

Tema strategik	Petunjuk makro	Sasaran RS-1	Pencapaian terkini	Status kemajuan	Ulasan KSP RS-1
 <p><b>#3</b> Pemacuan Kelestarian</p>	<b>9</b> Purata Tahunan tahap PM2.5 ( $\mu\text{g}/\text{m}^3$ )	15 $\mu\text{g}/\text{m}^3$ (purata 2021-2025)	20.38 $\mu\text{g}/\text{m}^3$ (purata 2021-2022) <sup>9</sup>	↑	Mengemaskini petunjuk makro pelepasan GHG kerana kekurangan data oleh sebab Selangor sedang mengkaji garis dasar pelepasan GHG. Kualiti udara digunakan sebagai penanda aras kerana ia berhubung kait dengan kesihatan awam dan kesejahteraan hidup
	<b>10</b> Ketersediaan air bersih setiap jam dalam sehari	24 jam (2021-2025)	24 jam (2023)	↑	Mengekalkan tahap perkhidmatan secara berterusan
	<b>11</b> Kadar kitar semula sisa	15% (menjelang tahun 2025)	8.24% (2023)	→	PBT sedang berusaha memperkukuh pelaksanaan bagi mencapai sasaran. Program <i>Selangor Recycle Surge</i> diumumkan dalam Belanjawan Selangor 2024 dengan peruntukan sebanyak RM3 juta
	<b>12</b> Pengekalan liputan Hutan Simpanan Kekal	31%	31.7% (2023)	↑	Petunjuk makro baharu diusulkan, selaras dengan sasaran pemuliharaan hutan
 <p><b>#4</b> Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan</p>	<b>13</b> Kemajuan projek pemacu perubahan RS-1	100% (menjelang tahun 2025)	49% (2023)	→	Mengikuti perancangan untuk diselesaikan berdasarkan pencapaian projek
	<b>14</b> Kedudukan kebangsaan untuk PBT	Semua PBT mencapai peratus Penarafan Bintang (SSR) sebanyak 95% dan ke atas	10 PBT (2022)	↑	Sasaran diubah daripada "10 Teratas (semua PBT)" kepada SSR 95% dan ke atas. Walaupun semua PBT mencapai taraf lima bintang (>90%), hanya sepuluh PBT memperoleh lebih daripada 95%, oleh itu masih ada ruang penambahbaikan petunjuk dan sasaran yang realistik
	<b>15</b> Perkongsian perkhidmatan kerajaan digital end-to-end	85% (menjelang tahun 2025)	82.32% (2023) <sup>10</sup>	↑	Seperti dirancang
	<b>16</b> Tahap kepuasan penduduk terhadap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan	85% (menjelang tahun 2025)	89.84% (2023)	↑	Mengekalkan tahap perkhidmatan secara berterusan

<sup>1</sup> DOSM 2023. KDNK mengikut negeri

<sup>2</sup> MIDA 2023. Pelaburan Diluluskan di Selangor (2021 - 2023)

<sup>3</sup> DOSM 2023. Poket Stats Negeri Selangor ST2 2023

<sup>4</sup> MCMC 2023. Fakta dan Angka Komunikasi & Multimedia

<sup>5</sup> DOSM 2023. Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah

<sup>6</sup> DOSM 2023. Insiden Kemiskinan Mutlak Mengikut Strata, Etnik & Negeri

<sup>7</sup> DOSM 2023. Insiden Kemiskinan Relatif Mengikut Strata, Etnik & Negeri

<sup>8</sup> DOSM 2023. Indeks Kebahagiaan Malaysia 2021

<sup>9</sup> Jabatan Alam Sekitar (2022). Kepekatan purata tahunan berdasarkan bahan pencemar udara di Malaysia (2018 - 2022)

<sup>10</sup> Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri Disember 2023. Pengesahan Maklumat Perkhidmatan End-To-End (E2E) Sehingga Disember 2023

## Kajian Tema Strategik RS-1

Tema strategik

Pemerhatian/ Pertimbangan utama



#1  
Penguatan  
Ekonomi

**Tema Strategik 1 mempersiapkan ke arah merangsang pembangunan ekonomi yang mampan di Selangor dipacu oleh projek pemangkin atau pemacu perubahan, inisiatif pendigitalan, pembangunan bakat dan program-program kemajuan teknologi.**

Projek pemacu perubahan tersebut bertumpu kepada sektor-sektor utama dan berkompleksiti tinggi, dan juga pembangunan wilayah yang strategik untuk memanfaatkan kelebihan daya saing Selangor. Hal ini akan membantu mewujudkan peluang pekerjaan tambahan dan mendorong aktiviti ekonomi yang lebih kukuh, khususnya dalam mendukung perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Kemajuan di bawah tema ini pada amnya bergerak seperti yang dirancang dengan inisiatif-inisiatif yang selesai dilaksanakan terutamanya di dalam sektor Ekonomi Digital yang memberikan fokus kepada usaha untuk menyokong pendigitalan PMKS dalam fasa pemulihan pasca-COVID. Sejak tahun 2021, PMKS telah menjalani latihan untuk mencipta kehadiran secara dalam talian dan membina kedai web serta penggunaan awan (*cloud utilisation*). Dianggarkan 44,000 orang usahawan telah mendaftarkan perniagaan mereka di platform dalam talian melalui Kempen e-Bazar Selangor pada tahun 2021 manakala 1,047 PMKS menerima geran di bawah program Geran Padanan Pendigitalan PKS Selangor. Usaha pendigitalan ini telah memperkasakan PMKS dengan mempertingkatkan keterlihatan mereka dalam talian, memperluas capaian pasaran dan menambah baik kecekapan operasi mereka.

Projek infrastruktur dan perindustrian yang utama di dalam Pembangunan Berasaskan Geografi dan sektor Pelabuhan dan Logistik masih lagi berjalan dan dipacu oleh sektor awam dan swasta. Memandangkan betapa besarnya skala projek-projek ini, kebanyakannya berada dalam fasa reka bentuk dan kelulusan dengan tarikh selesai projek melepasi garis masa RS-1. Manfaat ekonomi utama antara tahun 2021 hingga tahun 2025 akan berpasak pada pelaburan pembinaan manakala pertambahan nilai dijangka akan berlaku di dalam fasa-fasa seterusnya melalui peningkatan pelaburan sektor swasta, pendapatan yang lebih tinggi dan penggunaan peribadi yang lebih tinggi. Walaupun kemajuannya pada amnya adalah seperti yang dirancang, projek pemangkin kerap memerlukan kelulusan pada peringkat negeri dan juga penyelarasan antara agensi (contohnya, tanah, bekalan air, kelulusan reka bentuk); oleh itu, pelaksanaan projek tersebut perlu dipercepat dan manfaatnya kepada rakyat Selangor perlu direalisasikan.

Kemajuan di dalam industri-industri teras seperti Pelancongan, Elektrik dan Elektronik (E&E) dan Mesin dan Peralatan (M&E), Aeroangkasa dan Industri Halal adalah seperti yang dirancang. Tanda-tanda awal yang menunjukkan impak terhadap sektor-sektor tersebut sudah dapat diperhatikan. Bilangan pelancong domestik dan antarabangsa yang melawat Selangor telah dicapai seperti yang disasarkan. Usaha untuk menyokong pembangunan modal insan dan fasiliti penyelidikan dan pembangunan sedang dijalankan dan dijangka akan menarik pelaburan ke dalam sektor E&E dan M&E serta Sains Hayat. Peningkatan keupayaan aeroangkasa yang berterusan dan pertumbuhan industri Halal melalui pendigitalisasian, pembangunan modal insan dan aktiviti promosi menyumbang kepada kerancakkan ekonomi dan daya tahan Selangor pada amnya.

Selari dengan tema Sosial, usaha dihalakan ke arah mempertingkatkan pengagihan kekayaan, khususnya melalui pembangunan wilayah yang strategik dan memperkukuh keterjaminan makanan untuk meningkatkan pendapatan pengeluar makanan dan mendukung pengeluaran makanan. Untuk mencapai sasaran bagi tema Kelestarian, program pembangunan bakat E&E dan M&E merangkumi inisiatif tenaga boleh baharu manakala projek agroteknologi direka bentuk untuk meminimalkan pencemaran tanah dan air, dan ekopelancongan pula dipromosikan di dalam kedua-dua sektor pelancongan dan pembangunan berasaskan geografi.



#2  
Peningkatan  
Kesejahteraan  
dan  
Keterangkuman  
Sosial

**Tema Strategik 2 memberikan fokus kepada peningkatan keterangkuman sosial di seluruh Negeri Selangor meliputi semua segmen masyarakat dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.**

Tema Strategik 2 tidak hanya meletakkan sasaran untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan kebajikan sosial dan membantu keluarga B40, ia turut meletakkan sasaran untuk mewujudkan negeri yang inklusif dari sudut sosial dengan menyasarkan usaha kepada golongan wanita, kanak-kanak dan golongan kelainan upaya dan berkeperluan khas. Walaupun terdapat pelbagai program yang menyantuni kumpulan-kumpulan sasar ini, capaiannya terhad kerana program-program tersebut amat bergantung pada ketersediaan peruntukan.

Berdasarkan petunjuk-petunjuk makro, pendapatan isi rumah penengah di Selangor telah meningkat daripada RM7,300 pada tahun 2020 kepada RM9,983 pada tahun 2022, melepasi sasaran yang ditetapkan di dalam RMK-12 bagi Wilayah Tengah (sasaran adalah RM9,290 pada tahun 2025) serta tahap pra-pandemik (RM8,210 pada 2019). Insiden kemiskinan relatif yang merupakan petunjuk yang semakin penting dalam ekonomi moden kelihatan merosot daripada 13.9% pada tahun 2020 kepada 14.2% pada tahun 2022 tetapi telah menunjukkan sedikit peningkatan berbanding 15.3% pada tahun 2019. Hal ini mungkin disebabkan oleh had pendapatan kemiskinan relatif (berdasarkan separuh daripada pendapatan isi rumah penengah) yang lebih rendah pada tahun 2020 dan pemulihan pasca pandemik. Insiden kemiskinan mutlak pula hanya berkurang daripada 1.7% pada tahun 2020 kepada 1.5% pada tahun 2022 dan masih lebih tinggi daripada insiden kemiskinan mutlak yang dicatatkan sebelum pandemik (1.2% pada tahun 2019).

Walaupun insiden kemiskinan tegar di Selangor telah mencecah 0% pada tahun 2022, lebih banyak usaha dan intervensi bersasar diperlukan untuk menangani kemiskinan mutlak dan relatif bagi menyokong wawasan Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat ("Ekonomi MADANI") dalam membasmi kemiskinan tegar di dalam negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Pengemaskinian sasaran insiden kemiskinan mutlak daripada 0.7% kepada 0.5% menjelang tahun 2025 menunjukkan komitmen Selangor ke arah pengurangan kemiskinan secara bersasar.

## Tema strategik

## Pemerhatian/ Pertimbangan utama

Dari segi kemajuan program dan inisiatif RS-1 di dalam Tema Strategik ini, kebanyakannya berjalan seperti dirancang dengan majoriti program dan inisiatif berada dalam fasa pelaksanaan. Oleh sebab pelaksanaan program-program ini hanya bermula pada tahun 2021 atau 2022, kesan daripada program-program sosial ini terhadap petunjuk-petunjuk makro mungkin akan dapat dilihat pada tahun 2023 dan seterusnya.

Untuk memastikan impak penuh daripada program-program ini terhadap hasil peringkat tinggi seperti tahap kemiskinan dan indeks kebahagiaan, program-program tersebut perlu mencapai lebih banyak penerima manfaat dan memberikan kesan kepada lebih ramai rakyat Selangor. Namun begitu, memandangkan banyak program sosial yang dijalankan di dalam Negeri ini, terdapat ruang bagi penambahbaikan pengurusan sumber untuk mencapai kesan yang diinginkan. Dengan meletakkan keutamaan kepada program-program yang paling efektif bagi setiap bidang tumpuan atau kumpulan sasaran, ia mungkin boleh menghasilkan impak yang lebih ketara terhadap indikator-indikator sosial.

Itizam Selangor Penyayang adalah program induk yang menyentuh kelompok yang berbeza-beza di dalam masyarakat dan bidang tumpuan, daripada kesihatan kepada pengangkutan, keusahawanan dan penjagaan kanak-kanak. Menyambut usaha Kerajaan Persekutuan untuk menambah baik sistem kesihatan dan pendidikan, Selangor menyediakan bantuan yang lebih bersasar kepada kumpulan-kumpulan sasar yang khusus. Dari segi kesihatan, fokus bertumpu kepada pengurangan kos bagi mendapatkan rawatan perubatan di hospital dan klinik swasta serta penggalakan saringan kesihatan dilakukan secara kerap untuk membolehkan penyakit dikesan lebih awal. Lebih banyak usaha boleh dilakukan dari sudut rawatan pencegahan dan memupuk gaya hidup yang lebih sihat seperti mendidik dan menggalakkan orang ramai berkenaan diet dan amalan yang sihat serta merancang gaya hidup yang lebih sihat di dalam persekitaran bandar.

Dari segi pendidikan, terdapat banyak inisiatif yang dijalankan, daripada penyediaan bantuan kewangan kepada penyediaan kelas tuisyen tambahan, penggalakan penyelidikan dan pembangunan, pembangunan modul Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pelbagai program pemerksaan pelajar. Sasaran utama bagi inisiatif berkaitan pendidikan ini adalah untuk mengeluarkan keluarga daripada kepompong kemiskinan melalui pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat. Semua usaha ini memerlukan perubahan dan perancangan sistemik untuk mencapai aspirasi RS-1 dan lebih lagi.



### #3 Pemacuan Kelestarian

**Tema Strategik 3 memberikan fokus kepada kelestarian untuk memacu pertumbuhan ekonomi hijau dan menangani cabaran semasa dalam mendepani perubahan iklim dan bencana alam, pengurusan air, pelepasan karbon, pengurusan sisa dan pemeliharaan litupan hutan dan biodiversiti.**

Langkah-langkah aktif sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mendepani dan menangani cabaran-cabaran ini seperti penubuhan Pusat Operasi Bencana Daerah (DDOC), pembangunan Skim Bekalan Air Sungai Rasau, pembangunan stesen janakuasa Pulau Indah, pembangunan loji Waste-to-Energy (WTE) dan Hutan Warisan Diraja Selangor.

Pada keseluruhannya, tema Kelestarian ini berjalan seperti dirancang dalam memacu pembangunan yang mampan di Selangor dengan kebanyakan daripada inisiatifnya menunjukkan kemajuan seperti dirancang untuk mencapai sasaran yang ditetapkan menjelang tahun 2025. Salah satu daripada keutamaan terpenting bagi Kerajaan Negeri adalah untuk mempertingkatkan daya tahan dengan membina struktur mitigasi banjir atau menambah baik infrastruktur awam untuk mengurangkan risiko banjir. Selain infrastruktur tersebut, tindak balas risiko bencana melalui penyelarasan yang lebih baik pada peringkat tempatan, negeri dan persekutuan turut dilaksanakan melalui Skwad Pantas, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN).

Berkenaan agenda air di Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang kukuh untuk meningkatkan margin rizab simpanan airnya daripada 13.8% (2023) kepada 15.6% menjelang tahun 2025 melalui usaha seperti pembangunan skim bekalan air baharu, terutamanya skim bekalan air Sungai Rasau. Tambahan pula, usaha untuk menangani aduan berkenaan gangguan bekalan air dipacu oleh inisiatif-inisiatif seperti program pengurangan air tanpa hasil yang bertujuan untuk mengurangkan keseluruhan bilangan paip yang pecah dan penggantian paip lama di Selangor.

Pengurusan sisa dan kitar semula merupakan tugas yang mencabar untuk Selangor, khususnya dalam mengurangkan pembuangan sampah secara haram, meningkatkan kadar kitar semula dan pengurusan akhir hayat. Selangor mencapai kadar kitar semula sisa sebanyak 8.24% (2023), namun untuk mencapai sasaran 15% menuntut usaha yang lebih banyak bagi mempertingkatkan kemampuan pengurusan sisa dan perubahan sikap dalam kalangan masyarakat. Untuk melakukannya, semua PBT di Selangor telah memperkenalkan program atau fasiliti kitar semula sisa di daerah masing-masing untuk menggalakkan kadar kitar semula yang lebih tinggi.

Untuk mengurangkan sisa yang dihantar ke pusat pelupusan sampah dan menambah baik proses pengurusan sisanya, Kerajaan Negeri sedang menjalankan inisiatif berskala besar termasuk penubuhan loji-loji WTE dan pembangunan fasiliti pengumpulan dan pemulihan bahan (MRCF). Dengan hala tuju jangka panjang ini, pengumuman Belanjawan Selangor 2024 mengetengahkan rancangan untuk membina loji Sultan Idris Shah Green Energy Plant (SISGEP) dan Selangor Recycle Surge yang akan mempercepat hasil usaha MRCF.

## Tema strategik

## Pemerhatian/ Pertimbangan utama

Kerajaan Negeri turut menunjukkan usaha yang baik dalam mengekalkan hutan simpanan kekal (HSK) dan meningkatkan liputan pokok, seiring dengan aspirasinya untuk menjadi Negeri rendah karbon. Hutan Warisan Diraja Selangor dan *Central Forest Spine Selangor* yang baru-baru diwartakan mencerminkan komitmen Selangor untuk menjaga liputan HSK yang kini berada pada tahap 31.7%, di samping mewujudkan lebih banyak kawasan rekreasi untuk dinikmati oleh masyarakat. PBT sedang aktif menanam pokok dengan tujuan untuk menanam sejuta batang pokok sebagaimana yang diumumkan di dalam Belanjawan Selangor 2024. Lebih utama lagi, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan sistem inventori GHG untuk membina garis dasar pelepasan GHG yang lebih baik bagi menjejak dan menguruskan pelepasan gas tersebut.

Sebagai salah satu daripada negeri yang paling membangun di Malaysia, Selangor berada pada kedudukan yang betul untuk membina infrastruktur yang diperlukan bagi memacu pembangunan yang mampan dan pertumbuhan hijau yang diiringi oleh pengagihan ekonomi yang saksama dan inklusif merentas kumpulan pendapatan dan masyarakat yang berbeza. Kemajuan yang amat baik sudah dapat dilihat melalui pelaburan oleh pelabur-tempatan dan asing di dalam inisiatif hijau dan usaha untuk meningkatkan permintaan akan dipercepat agar Selangor dapat menyumbang kepada sasaran sifar pelepasan GHG di Malaysia menjelang tahun 2050.

Rentetan itu, Selangor beraspirasi untuk meningkatkan hasil daripada sektor hijau, memacu perubahan sikap dalam kalangan masyarakat dan memberi sokongan kepada PBT yang kurang membangun bagi mempercepat pelaksanaan sesetengah inisiatif dan program untuk memastikan pembangunan bandar dan luar bandar yang seimbang. Sejak RS-1 diperkenalkan, lebih banyak usaha bersepadu telah digerakkan bagi menyelaraskan sistem dan inisiatif merentas semua PBT yang membolehkan kolaborasi mendarat dan integrasi menegak yang lebih baik.



### #4 Tadbir Urus yang S.M.A.R.T. dan Berkesan

**Tema Strategik 4 meletakkan sasaran untuk memodenkan sektor awam dengan mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih bertanggungjawab, berkesan, cekap dan berpaksikan rakyat dalam penyampaian perkhidmatan awam melalui pendekatan *whole-of-government*. Tumpuan terhadap pendigitalisasian serta peningkatan kemahiran dan kecekapan yang relevan dengan kerja di seluruh agensi di Selangor adalah penting untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi dan mengurangkan birokrasi.**

Penyampaian RS-1 amat penting bagi Negeri Selangor. Oleh itu, *Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit* (SIAP) memainkan peranan yang penting dalam memantau status pelaksanaan RS-1 dan memastikan akauntabiliti pemegang taruh di semua agensi pelaksana dan PBT. Tadbir urus RS-1 amat berkesan dalam menyelesaikan masalah dalam tempoh yang sewajarnya dan menjejak kemajuan untuk memastikan PPI yang dilaksanakan adalah selari dengan sasaran-sasaran makro dan bidang tumpuan. Sehingga tahun 2023, 49% daripada pemacu perubahan RS-1 berjalan seperti yang dirancang.

Bagi meningkatkan kepercayaan umum melalui komunikasi yang berkesan dan telus, tumpuan diberikan kepada libat urus yang aktif dan kerap bersama rakyat melalui pelbagai medium dan platform seperti penyertaan belanjawan dengan melibatkan kumpulan-kumpulan industri di dalam sesi dialog awam atau kumpulan fokus semasa penyediaan belanjawan tahunan Selangor.

Sementara itu, untuk mentransformasi tenaga kerja awam, Kerajaan Negeri terus menyokong para penjawat awam dalam pembangunan kerjaya melalui pelbagai program latihan dan sesi libat urus bersama pekerja, termasuk pembinaan kapasiti digital, Program *Mentor-Mentee* dan sesi libat urus bersama penjawat awam di seluruh Negeri untuk berkongsi pandangan dan mendapatkan maklum balas mengenai cadangan pembaharuan pengurusan sumber manusia dan sistem saraan perkhidmatan awam.

Bingkas daripada krisis COVID-19, tumpuan Selangor dituju ke arah merangsang penjana hasil dan mencipta ekosistem untuk menarik pelaburan daripada sektor-sektor utama dan berkompleksiti tinggi mekanisme dan pelaksanaan tadbir urus yang baik. Kerajaan Negeri telah menikmati sebahagian daripada bayaran dividen sejumlah RM40 juta daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC). Hasil daripada strategi mempelbagaikan pelaburan dengan membina Model Pelaburan Berdaya Tahan yang berasaskan pasaran, portfolio pelaburan Negeri Selangor telah meningkat kepada 5.2% dengan jumlah sebanyak RM989.41 juta.


Dalam memacu penyampaian perkhidmatan awam yang memandang ke depan, Negeri Selangor telah memperkukuh komitmennya terhadap transformasi digital yang berpaksikan rakyat untuk memberdaya rakyat, ekonomi dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Akses dan interaksi awam dengan perkhidmatan digital kerajaan dimaksimumkan melalui pelaksanaan CEPat, iaitu platform pembayaran berpusat bagi perkhidmatan kerajaan yang berbayar, dan Sistem e-Tanah, iaitu pusat setempat untuk menjalankan transaksi berkaitan tanah. Selangor turut memanfaatkan pengkomputeran awan pelbagai aspek iaitu MySUKSELCloud dan mempertingkatkan infrastruktur digital seperti Jaringan Gigabit Selangor (SeGNet) dan Pusat Data *Smart Selangor* (SSDC) di semua agensi Negeri sebagai sebahagian daripada usaha proaktifnya untuk memperkukuh penerimgunaan digital di dalam sektor awam serta untuk mengintegrasikan data dan teknologi dalam penggubalan dasar. Setakat ini, perkongsian perkhidmatan kerajaan digital secara *end-to-end* telah meningkat kepada 82.32% pada tahun 2023, menghampiri sasaran 85% pada tahun 2025.

Walaupun Selangor disasarkan untuk menerajui penerimgunaan digital di Malaysia, keutamaan usaha perlu dinilai semula bagi mendapatkan komitmen atau penerimaan daripada pemilik inisiatif dan para pemegang taruh untuk menerima guna inisiatif-inisiatif digital yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri. Oleh sebab inisiatif-inisiatif ini biasanya melibatkan banyak pemegang taruh dan pelaksanaannya melibatkan pelbagai agensi, adalah penting bagi Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kurangnya penyelarasan dan kerjasama antara agensi dengan memberikan arahan yang jelas menggunakan pendekatan *top-down* yang perlu disampaikan kepada keseluruhan struktur kerajaan.


## KSP RS-1 dalam angka




### ANGKA PPI KSP RS-1



### FASA PELAKSANAAN PEMACU PERUBAHAN



### HUBUNGKIT PPI BARU DENGAN DASAR-DASAR KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI SELANGOR



# 1.2

## Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2024-2025

Strategi-strategi utama diselaraskan untuk mempertimbangkan pembangunan baharu di Selangor dan Malaysia.

### 1. Memperkukuh infrastruktur untuk mencapai pembangunan bandar dan luar bandar yang seimbang dan perkembangan ekonomi

Pelaburan infrastruktur menjadi asas kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan peningkatan kualiti hidup. Selangor berusaha untuk mengukuhkan ketersambungan fizikal dengan merancang pembangunan infrastruktur rel, logistik dan pengangkutan awam sebagai asas bagi pembangunan ekonomi wilayah dan integrasi rantaian bekalan global yang lebih cekap. RS-1 meletakkan tumpuan kepada pelaburan berskala besar di dalam infrastruktur pengangkutan, digital dan tenaga agar ia selaras dengan permintaan yang semakin meningkat untuk melibatkan lebih banyak komuniti dalam perkembangan ekonomi di Malaysia dan pasaran global. Pembangunan wilayah yang strategik seperti SABDA, IDRIS, ZPE SMG dan pembangunan pelabuhan ketiga di Pulau Carey disasarkan untuk meningkatkan pembangunan di persisiran pantai barat Selangor.

Untuk menyeimbangkan pembangunan bandar dan luar bandar dan mewujudkan peluang ekonomi baharu di pantai barat, Selangor telah memperuntukkan bajet untuk meneroka kebolehlaksanaan pembangunan Jajaran Rel Kita Selangor dari Klang ke Kuala Selangor, Tanjong Karang dan Sabak Bernam serta peluasan daripada jajaran yang sedia ada dari Kuang ke Kuala Selangor. Jajaran pantai barat tersebut mempunyai potensi untuk membangunkan Kapar, Jeram, Kuala Selangor, Sekinchan dan Sabak Bernam serta dapat memberikan manfaat sehingga sempadan negeri Perak. Usaha ini akan melengkapi *East Coast Rail Link* (ECRL) yang menghubungkan Selangor dengan bahagian timur Malaysia. Selain jajaran rel antara bandar tersebut, Selangor menyokong usaha Kerajaan Persekutuan untuk mengembangkan jaringan transit aliran ringan (LRT) sebagai sebahagian daripada projek LRT-3 dan usaha ke arah memperkukuh ketersambungan batuan akhir (*last-mile*) melalui perkhidmatan bas.

Selain infrastruktur, Selangor akan memperkenalkan sebuah kawasan pembangunan baharu yang dikenali sebagai Zon Pembangunan Kuala Selangor dan Hulu Selangor yang memberikan tumpuan untuk mempertingkatkan hab pertanian, akuakultur dan ekopelancongan untuk merangsang pembangunan pertanian luar bandar. Tambahan pula, Lembah Klang Raya Selangor akan ditubuhkan sebagai sebuah model metropolitan untuk memperkukuh ketersambungan ekonomi dan fizikal antara empat PBT (Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya dan Klang). Lembah Klang Raya Selangor tersebut akan memperlihatkan infrastruktur digital yang lebih baik dan akan menjadi tapak uji untuk teknologi internet berkelajuan tinggi dan perkhidmatan kerajaan yang sepenuhnya digital.

### Pembangunan infrastruktur di Selangor: Meningkatkan ketersambungan, daya tahan dan peluang perdagangan

Selangor telah membuat pelaburan yang signifikan dalam pembangunan infrastruktur merentas pelbagai sektor. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM145 juta untuk projek-projek jalan raya perantaraan daerah-daerahnya untuk menambah baik ketersambungan dan kemudahan akses. Tambahan pula, RM9 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf infrastruktur institusi pengajian tinggi bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga telah menerima Peruntukan Pembangunan Negeri sebanyak RM615.06 juta untuk melaksanakan 73 projek mitigasi banjir. Sebanyak RM41.4 juta telah diperuntukkan di bawah Akaun Amanah Caruman Parit bagi lapan projek untuk dilaksanakan oleh JPS. Selanjutnya, kerajaan Selangor telah menyediakan RM33.85 juta untuk pelaksanaan dua projek mitigasi banjir di daerah Kuala Langat.

Kedudukan strategik dan infrastruktur bertaraf dunia di Pelabuhan Klang dan Selangor telah menempatkan Malaysiasebagai hab logistik kemasukan dan pengeluaran perdagangan. Aksesibiliti dan kecekapan Pelabuhan Klang menjadikannya pilihan pelabuhan yang utama bagi perdagangan serantau serta menyumbang kepada pembangunan infrastruktur Negeri. Hasil kejayaan ini juga telah memainkan peranan dalam memberikan sokongan kepada pembangunan projek baharu iaitu *Global Distribution Centre* (GDC) yang akan meningkatkan ketersambungan dan peluang perdagangan.

Selangor juga memberi tumpuan kepada infrastruktur pendidikan dan bangunan-bangunan yang mempunyai fungsi yang pelbagai. Selangor telah melabur dalam pembinaan dan peningkatan kemudahan-kemudahan pendidikan untuk mencipta ruang yang kondusif bagi pembelajaran dan perkembangan penduduknya.

Pada keseluruhannya, usaha-usaha Selangor dalam membangunkan infrastruktur merangkumi infrastruktur luar bandar untuk meningkatkan akses dan ketersambungan, infrastruktur banjir dan bencana untuk daya tahan dan mitigasi banjir, infrastruktur pelabuhan dan logistik untuk memudah cara urusan perdagangan serta pelaburan dalam pendidikan dan bangunan-bangunan yang mempunyai fungsi yang pelbagai untuk menyokong pelbagai sektor di Selangor.

## 2. Mempercepat peralihan tenaga di Selangor sebagai respons terhadap agenda pelepasan karbon sifar bersih

Pertumbuhan hijau merupakan strategi peringkat negara dalam usahanya untuk kekal berdaya saing dan meningkatkan pelaburan dalam sektor pertumbuhan baharu serta memposisikan Selangor sebagai hab menarik untuk pelaburan dalam tenaga bersih ke negeri ini. Pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (*National Energy Transition Roadmap*, NETR) dan National Industrial Master Plan (2030) akan mempercepat peralihan tenaga sementara Selangor kepada pertumbuhan hijau dan sektor pembuatan bernilai tinggi. Selangor telah meluluskan projek taman solar berskala besar di tanah pertanian di luar tanah perindustrian, selain memperkenalkan loji SISGEP di Rawang untuk menempatkan loji WTE yang dapat menjana hampir 58 megawatt melalui pemrosesan 2,400 tan sampah setiap hari. Selanjutnya, Selangor juga akan membangunkan Visi Tenaga Net Zero 2040 memandangkan Selangor meletakkan sasaran untuk mencapai kapasiti penjanaan tenaga total sebanyak 1 gigawatt menjelang tahun 2030.

Oleh kerana peralihan kepada tenaga hijau ini memerlukan kecekapan dan bakat yang berbeza-beza, Pusat Kecemerlangan PV Solar telah ditukar namanya kepada Pusat Kecemerlangan untuk Tenaga Mampan yang menunjukkan komitmen meluas Kerajaan Negeri untuk memajukan kepakaran dan inovasi dalam landskap tenaga boleh baharu yang kian berkembang. Isyarat dasar yang kukuh telah menunjukkan respons positif daripada pelabur-pelabur domestik dan asing, dan menarik kerjasama awam-swasta dan pelaburan dalam projek peralihan tenaga, termasuk pengembangan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV).



## 3. Menjaga keterjaminan makanan dan sara diri

Sekatan perdagangan telah memberi impak kepada Malaysia secara langsung dan mengganggu rantai bekalan makanan global, menjadikan keterjaminan makanan sebagai isu keutamaan bagi Selangor. Selangor turut terjejas secara tidak langsung sebagai kesan daripada peningkatan kos tenaga dan baja. Walaupun mekanisme kawalan harga dan subsidi telah dibangunkan oleh pihak kerajaan, isu ini telah menimbulkan kebimbangan berkenaan keterjaminan makanan, kuasa beli dan kos sara hidup. Justeru, Selangor telah mengutamakan keterjaminan makanan dengan peruntukan RM40 juta yang telah diumumkan dalam Belanjawan Selangor 2024. Walaupun keterjaminan makanan merupakan topik yang luas, perhatian dan usaha utama Selangor terletak pada sasarannya untuk mencapai tahap sara diri yang lebih tinggi bagi beradaptasi dengan cabaran-cabaran dalam rantai bekalan. Hal ini akan tercapai dengan meletakkan Selangor sebagai pengeluar hasil yang utama bagi produk-produk pertanian bernilai tinggi dengan memberikan tumpuan kepada peningkatan hasil pengeluaran dan kualiti tanaman makanan dan ternakan utama dengan menggunakan teknik dan teknologi pertanian moden, memandangkan ketersediaan tanah yang terhad di Negeri Selangor disebabkan kadar urbanisasi yang tinggi.

Inisiatif-inisiatif baharu tersebut diperkukuh dengan pemodenan sektor tumpuan ekonomi agroteknologi dan disetempatan melalui strategi pembangunan wilayah (contohnya, SABDA). Ini termasuk inisiatif yang berkaitan dengan usaha dalam menambah baik kualiti biji benih untuk pengeluaran tanaman dan baka untuk pengeluaran ternakan dengan impak yang kurang menjejaskan alam sekitar. Program Pemecut Agroteknologi Selangor memperkenalkan beberapa projek yang menggunakan teknologi pengeluaran makanan yang canggih seperti teknologi kompos, hidroponik, fertigasi, sistem maklumat geografi dan sistem kawalan. Selain projek-projek tersebut, dasar pengeluaran makanan (pengeluaran akuakultur dan ayam) turut dikaji semula untuk menyokong pemodenan bagi menghasilkan pengeluaran yang lebih tinggi dan bersih.

Dari perspektif pembangunan berasaskan geografi, inisiatif baharu di bawah SABDA adalah Taman Agro Pintar Selangor (SSAP) dan Ladang Agro Pintar Selangor (SSAF) di Sungai Air Tawar, Jelutong Jati, Changkat Menteri dan Sungai Panjang yang memberikan fokus kepada pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran dan daging. Selain itu, Selangor berhasrat untuk

membangunkan Kuala Selangor dan Hulu Selangor sebagai hab akuakultur moden dan membangunkan rantai nilai tanaman yang kukuh. Pada peringkat negeri yang lebih meluas, Selangor akan mewujudkan kluster-kluster hasil tanaman dan aktiviti sokongan hiliran di setiap wilayah.

Akhir sekali, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) akan menjaga ketersediaan stok makanan, khususnya bekalan beras, ikan dan daging untuk memberi respons dengan lebih baik terhadap gangguan-gangguan pada masa akan datang akibat perubahan iklim dan krisis geopolitik.

#### **4. Memacu momentum digital dalam tadbir urus dan ekonomi**

Pendigitalan telah berkembang pesat secara global dengan dorongan yang kuat oleh kerajaan Malaysia. Ia telah mengubah landskap ekonomi dan memberi impak terhadap komuniti-komuniti. Peningkatan kecekapan dan kemudahan melalui pendigitalan merupakan keutamaan bagi warga pemastautin. Oleh itu, inisiatif-inisiatif pendigitalan meletakkan sasaran pada transformasi digital bagi pentadbiran dan perkhidmatan kerajaan serta membina ekonomi digital. Fasa kedua RS-1 bertujuan untuk memperkemas dan menyelaraskan platform-platform dan aplikasi-aplikasi untuk memudahkan penggunaan oleh masyarakat tempatan (contohnya, CEPat dan *Selangor Super App*). Selanjutnya, terdapat juga inisiatif baharu yang berkaitan dengan transformasi digital bagi pentadbiran kerajaan berkenaan hal-ehwal agama Islam seperti e-Masjid dan Smart Masjid untuk menambah baik pengurusan masjid di Selangor dan juga e-Tauliah untuk memudahcara permohonan lesen mengajar agama Islam di Selangor. Sektor tumpuan ekonomi digital memperkenalkan Pusat Kecerdasan Buatan Selangor sebagai inisiatif utama untuk menarik pelaburan dan bakat baru. Selain itu, pembangunan Smart Selangor GigaBit network (SeGnet) dijangka akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui ketersambungan yang lebih baik.

#### **5. Mempertingkatkan usaha membasmi kemiskinan dan menggerakkan ekonomi penjagaan**

Walaupun pelbagai program sosial bertujuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan menangani masalah pengangguran telah dijalankan, petunjuk makro berkaitan kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif masih belum menunjukkan perubahan positif yang signifikan daripada tahun 2020 hingga tahun 2022. Dalam fasa berikutnya, KSP berhasrat untuk menilai semula keutamaan dan meningkatkan usaha membasmi kemiskinan menerusi perluasan program sosial seperti Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor dan Dana Usahawan Madani Selangor (DUMS) bukan hanya untuk memberikan manfaat kepada lebih banyak penerima, tetapi juga untuk mengkaji keberkesanan usaha ini dan menentukan langkah-langkah untuk memastikan peningkatan pendapatan yang mampan buat para penerima. Usaha menggerakkan ekonomi penjagaan juga menjadi fokus baru Negeri Selangor bagi memastikan penyediaan perkhidmatan sokongan serta infrastruktur yang mencukupi, untuk menangani kesejahteraan kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, dan kumpulan rentan lain. Selain itu, pembasmian kemiskinan di kawasan luar bandar turut ditangani menerusi pendekatan berasaskan lokaliti. Contohnya, wilayah pembangunan ekonomi SABDA bertujuan untuk merangsang aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan barat laut di Selangor, selain memperkukuh hubungan antara bandar dengan luar bandar melalui pembangunan dan kepelbagaian pertanian.

#### **6. Meningkatkan akses kepada pembiayaan**

Akses kepada pembiayaan telah dikenal pasti sebagai pemboleh ubah penting semasa RS-1 MTR untuk memastikan pelaksanaan PPI yang berjaya dan meningkatkan impaknya. Pembangunan pelbagai projek infrastruktur, rancangan pembangunan berasaskan geografi dan inisiatif sosioekonomi memerlukan sumber kewangan yang mampan. Selangor sedang meneroka mekanisme pembiayaan mampan untuk meningkatkan pembiayaan di luar pembiayaan awam untuk menyokong pelbagai projek dan keperluan, termasuk kerjasama awam-swasta (PPP). Selain itu, pelbagai bentuk instrumen ekonomi juga sedang dikaji seperti mengenakan caj pencemaran bagi pembuangan sisa ke dalam sistem saliran sebagai cara untuk memberi insentif kepada amalan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Usaha-usaha seperti ini adalah penting untuk memastikan kelestarian jangka panjang projek-projek tersebut.

## 1.3

# Mesej Utama Berkenaan Pelaksanaan RS-1

Mesej-mesej utama berkaitan KSP RS-1 untuk memandu Selangor melalui fasa berikutnya dalam pelaksanaan RS-1.

### Mesej Utama 1: Kemajuan yang baik telah ditunjukkan namun lebih banyak perlu dilakukan

Sejak tahun 2021, Selangor telah menunjukkan kemajuan positif ke arah mencapai sasaran RS-1. Namun, usaha perlu dipergiatkan dengan memberikan fokus kepada pencapaian yang berkualiti bagi projek-projek pemacu perubahan (kini pada tahap kemajuan 49%). KSP RS-1 telah menggabungkan dan menilai semula keutamaan PPI untuk memperkukuh dan menyelaraskan pelaksanaannya tanpa memberikan impak terhadap petunjuk-petunjuk makro. Selain itu, perubahan struktur asas perlu dilakukan bagi mencapai aspirasi untuk menjadikan Selangor berdaya huni dan pintar. Walaupun penyelesaian yang diambil selalunya cenderung ke arah teknologi, program atau infrastruktur, namun perlunya ada anjakan paradigma dalam proses perancangan itu sendiri. Sebagai contoh, walaupun pelaburan dalam infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik di Selangor menunjukkan tanda positif, usaha menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya memerlukan perubahan asas tentang bagaimana bandar dan sistem mobiliti dirancang. Selain itu, terdapat panggilan untuk bertindak ke arah pengurusan sisa yang lebih baik dengan mempromosikan penggunaan dan pengeluaran yang mampan selain solusi teknologi seperti loji WTE.

### Mesej Utama 2: Tadbir urus dan kepimpinan yang kukuh amat penting dalam pelaksanaan RS-1 yang konsisten

Tadbir urus dan kepimpinan yang kukuh adalah tulang belakang dalam memastikan pelaksanaan RS-1 yang konsisten dan berkesan. Sejak RS-1 diperkenalkan, belanjawan Negeri Selangor yang diumumkan didapati lebih selari dengan rancangan pembangunan jangka panjang. Komitmen jitu yang diberikan oleh pasukan tadbir urus RS-1 telah memupuk akauntabiliti dan kolaborasi, dan memperkemas proses membuat keputusan, dengan pemantauan komprehensif dan berterusan oleh SIAP. Selain itu, Selangor konsisten dalam mengadaptasi trend dan dasar pembangunan baharu kerana proses pelaksanaan RS-1 memangkin pengintegrasian dan perkemasan usaha dan dasar, dengan peranan dan tanggungjawab yang lebih jelas serta pemahaman berkenaan kesan dan isu rentas bidang.





### Mesej Utama 3: Kerjasama awam-swasta untuk pembiayaan projek

Kerjasama awam-swasta (*public-private partnerships*, PPP) memainkan peranan penting untuk menggerakkan pembiayaan dan memastikan kemajuan dan penyelesaian projek, program atau inisiatif (*projects, programmes or initiatives*, PPI) RS-1. PPP memanfaatkan kekuatan kewangan daripada sektor swasta dan menggunakan kekukuhan dan inovasinya serta menggalakkan hubungan sinergi yang menyelaraskan kepentingan pemegang taruh awam dan swasta. Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) dan anak-anak syarikatnya memainkan peranan penting dalam menstruktur perkongsian dalam banyak projek pembangunan ekonomi dan pembangunan berasaskan geografi. Pada masa mendatang, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menerokai mekanisme pembiayaan yang mampan untuk meningkatkan peruntukan untuk disalurkan kepada pelaksanaan RS-1.

### Mesej Utama 4: Agenda penyetempatan melalui perancangan spatial bersepadu dan strategi ekonomi

Pengintegrasian perancangan spatial dan pembangunan ekonomi menjadi instrumen penting dalam memastikan dasar dan impak daripada RS-1 mendatangkan manfaat kepada masyarakat tempatan selain memupuk pendekatan pelaksanaan yang konsisten dan berasaskan kawasan. Dalam tempoh RS-1 yang berbaki, pembangunan berterusan di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar ditekankan dengan penyatupaduan perancangan spatial dengan matlamat pembangunan ekonomi. Pewartaan Rancangan Tempatan yang masih berterusan merangkumi kluster-kluster ekonomi di samping memenuhi keperluan sosial dan infrastruktur. Sebagaimana yang diumumkan di dalam Belanjawan Selangor 2024, sasaran untuk menaik taraf Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) kepada status bandaraya akan menyokong pengklusteran Lembah Klang Raya Selangor dan memastikan peluasan spatial adalah selari dengan kegiatan ekonomi bersasar dan memenuhi keperluan unik masyarakat yang pelbagai. Komitmen terhadap perancangan dan pembangunan yang bersepadu akan memainkan peranan yang penting dalam memupuk kemakmuran dan meningkatkan kualiti hidup merentas lokaliti dan memperkukuh hubungan antara bandar dengan luar bandar.

## Mesej Utama 5: Memperkukuh pembasmian kemiskinan dan sokongan sosial yang lebih bersasar

Walaupun Selangor menunjukkan prestasi yang baik dalam “menaikkan siling”, Kerajaan Negeri perlu melipatgandakan usaha dalam “menaikkan lantai” dalam konteks Ekonomi MADANI. Selangor mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding purata kebangsaan sejak tahun 2015 sementara pendapatan isi rumah penengah menunjukkan peningkatan yang ketara dan melepasi sasaran Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi wilayah tengah. Kemiskinan mutlak di Selangor menyaksikan pengurangan sebanyak 0.2% dari tahun 2020 ke tahun 2022 sementara kemiskinan relatif telah meningkat daripada 13.9 kepada 14.2 dalam tempoh yang sama. Untuk mencapai sasaran RS-1, usaha yang lebih bersasar dan bersepadu perlu ditumpukan bagi menangani kemiskinan bandar dan luar bandar. Peningkatan peratusan populasi warga emas juga merupakan isu keutamaan bagi Selangor. Selain program-program kesihatan yang memberi manfaat kepada warga emas, adalah penting untuk Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada aspek-aspek lain berkaitan kesejahteraan warga emas seperti pendapatan yang mencukupi dan kualiti hidup yang tinggi.

Selanjutnya, dalam satu langkah yang berani, Selangor memperkenalkan Rangka Tindakan Ekonomi Penjagaan Selangor 2024-2028, diikuti dengan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Penjagaan Selangor yang dipengerusikan oleh YAB Dato’ Menteri Besar Selangor. Inisiatif ini menjadikan Selangor sebagai negeri pertama di Malaysia yang mengambil peranan proaktif dalam merancang dan memantau secara strategik bagi menangani cabaran yang berkaitan dengan perkhidmatan penjagaan yang tidak dibayar atau dibayar pada kadar yang rendah. Keutamaan Kerajaan Negeri kepada ekonomi perkhidmatan penjagaan akan mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan adil, mengiktiraf sumbangan para penjaga dan memastikan kesejahteraan mereka.

# 02

## SELANGOR DALAM PERUBAHAN LANDSKAP GLOBAL

Landskap Makroekonomi 26

Landskap Makro Selangor:  
Peluang dan Cabaran 28

Dasar-dasar Selangor 30

## 2.1

# Landskap Makroekonomi

Landskap ekonomi kini menyaksikan perubahan yang terus-menerus berlaku dengan pelbagai cabaran dan peluang. Pada tahun 2021, dunia telah kembali kepada kehidupan normal dengan “norma baharu” selepas pandemik COVID-19 namun dengan pantas ia digugat pula oleh peperangan di Ukraine yang seterusnya mewujudkan siri krisis makanan dan tenaga yang memburukkan lagi isu-isu yang sedia ada seperti inflasi, kos sara hidup yang tinggi, perang dagang dan bencana-bencana berkaitan iklim.

### Apakah perubahan yang telah berlaku di Malaysia sejak RS-1 diperkenalkan pada tahun 2021?

**Malaysia tidak kebal daripada tekanan ekonomi global namun negara ini telah mencapai kejayaan dan berhadapan dengan cabaran yang tersendiri dalam menyeimbangkan pertumbuhan sosioekonomi.**

Pertumbuhan ekonomi global semakin perlahan, malah hampir jatuh meleset rentetan penurunan kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara maju daripada 5.3% pada tahun 2021 kepada anggaran 2.5% pada tahun 2022. Ini merupakan penurunan kadar pertumbuhan keempat paling laju dalam tempoh 50 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di Malaysia menongkah arus trend pertumbuhan perlahan di peringkat global, malah mencatatkan pertumbuhan tertinggi berbanding negara-negara jiran seperti Vietnam (13.9%), Filipina (7.6%) dan Singapura (4.1%) kerana ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 14% (YoY) pada tahun 2022. Sungguhpun begitu, Bank Dunia mengkaji semula pertumbuhan KDNK Malaysia daripada 4.3% kepada 3.9%, kadar terendah dalam tempoh dua tahun, pada bulan Oktober 2023 disebabkan oleh permintaan luaran yang terhad dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di China<sup>11</sup>. Kesannya akan menular terutamanya kepada golongan rentan dalam masyarakat, sektor-sektor ekonomi dan rantai bekalan.

**Gangguan pada rantai bekalan global telah menjejaskan Malaysia secara langsung melalui sekatan dagangan dan secara tidak langsung melalui kesan pindahan kadar pertukaran daripada peningkatan kos tenaga dan baja.** Hal ini menimbulkan isu berkenaan keterjaminan makanan, kuasa beli dan kos sara hidup walaupun kawalan harga dikuatkuasakan dan subsidi kerajaan diberikan. Inflasi telah menyumbang

kepada peningkatan kos makanan, perumahan dan utiliti walaupun ia mula mereda pada tahun 2023. Belanjawan Malaysia 2024 menyatakan keperluan untuk meningkatkan keterjaminan makanan di samping merasionalisasikan subsidi kerajaan. Menurut kajian selidik Bank Dunia (2023), lonjakan ekonomi kekal tidak sekata. Hampir 70% isi rumah berpendapatan rendah melaporkan bahawa mereka tidak memiliki sumber kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas bulanan mereka, manakala lebih daripada 60% isi rumah tiada simpanan.

**Pandemik COVID-19 mempercepat pendigitalan di Malaysia merentas pelbagai sektor dan perkhidmatan kerajaan serta swasta.** Penggunaan platform, pembayaran, perkhidmatan kewangan dan platform kolaborasi digital telah meningkat. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, antara 70% hingga 90% daripada perkhidmatan kerajaan adalah *end-to-end* atau sepenuhnya digital pada tahun 2022. Sebagai perbandingan, Selangor pula telah mencapai 82.32% perkhidmatan kerajaan digital *end-to-end*. Walaupun begitu, masih terdapat jurang dan cabaran, terutamanya dalam kalangan penduduk luar bandar dan PMKS. Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia terus menyokong usaha Kerajaan-Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat untuk membina literasi dan infrastruktur digital untuk mendorong Malaysia agar menjadi negara yang berpacuan digital, berpendapatan tinggi serta menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital.

**Selain ketersambungan digital, usaha memperkukuh ketersambungan infrastruktur fizikal melalui rel, logistik dan pengangkutan awam juga penting demi pembangunan wilayah dan pengintegrasian dengan rantaian bekalan global.**

ECRL menghubungkan Pelabuhan Klang dengan kawasan Pantai Timur Malaysia serta memanfaatkan infrastruktur rel sebagai pendorong pertumbuhan dan mengurangkan jurang antara wilayah. Ia turut memaksimumkan peluang-peluang pembangunan dalam Negeri Selangor. Usaha memperkukuh infrastruktur dan ketersambungan pelabuhan adalah penting kerana industri maritim Malaysia menyumbang lebih kurang 40% daripada KDNK dan lebih daripada 90% perdagangan di Malaysia adalah melalui laut. Peningkatan kapasiti pelabuhan seperti Pelabuhan Klang akan mempertingkatkan keupayaan perdagangan memandangkan kapasiti tahunannya akan meningkat sebanyak 60% kepada 32 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) menjelang tahun 2040<sup>12</sup>. Di Selangor, pelaburan dalam sistem pengangkutan awam dan mobiliti rendah karbon, termasuklah infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik disokong oleh Kerajaan Negeri dan PBT bagi melengkapkan usaha kerajaan persekutuan.

**Memandangkan tekanan kesan perubahan iklim yang semakin memuncak dan tempoh masa yang semakin singkat untuk menghalang peningkatan suhu global melebihi 1.5°C,**

dunia menyaksikan peningkatan yang mendadak terhadap komitmen pelepasan karbon sifar bersih dalam perundangan dan dasar negara sejak dua setengah (2.5) tahun yang lepas, dengan peningkatan daripada 10% kepada 75%. Yang luar biasanya, 65% daripada 2,000 syarikat terbesar di dunia mempunyai sasaran pelepasan karbon sifar bersih, dengan tekanan kini beralih ke arah menterjemahkan komitmen kepada pelaksanaan<sup>13</sup>. Sama juga dengan Malaysia yang telah meneliti semula *Nationally Determined Contribution* (NDC) pada tahun 2021 untuk mengurangkan pelepasan GHG tanpa syarat sebanyak 45% pada tahun 2030 berbanding tahap pada tahun 2005 (pada asalnya 35% pengurangan bersyarat) dan mengumumkan komitmen untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih seawal tahun 2050. Pertumbuhan hijau, perlindungan biodiversiti dan sumber asli serta peralihan tenaga bukan lagi sekadar teori, tetapi kini menjadi strategi negara untuk kekal berdaya saing dan membuka pelaburan teknologi mesra alam ke dalam negara di

samping menyemarakkan sektor pembuatan di Selangor. PETRONAS, syarikat minyak dan gas nasional Malaysia, turut membuat pengumuman penting untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050 di samping beralih kepada sektor tenaga yang baharu. Langkah ini tidak hanya akan memberikan kesan kepada syarikat-syarikat di sepanjang rantaian bekalannya, malah turut menunjukkan isyarat hala tuju pertumbuhan Malaysia pada masa akan datang. Di peringkat Negeri, Selangor telah mengumumkan pembangunan Visi Tenaga Net Zero 2040 melalui anak syarikatnya, Air Selangor, yang akan menjana 1 gigawatt tenaga boleh diperbaharui menjelang 2030 serta mempercepatkan pembangunan mampan dan meletakkan negeri ini sebagai hab tarikan pelaburan tenaga bersih.

**Dalam usaha untuk memastikan peluang pertumbuhan sosial dan ekonomi yang inklusif tanpa meminggirkan sesiapa,**

peralihan yang saksama "menerangkan interaksi penting antara pembangunan negara, mitigasi dan adaptasi perubahan iklim serta keadilan sosial... untuk membuka jalan ke arah masa depan yang mampan tanpa meminggirkan sesiapa," sebagaimana yang dinukilkan dalam Tinjauan Ekonomi 2024 oleh Kementerian Kewangan. Peralihan ini juga mengetengahkan keperluan untuk meningkatkan kemahiran modal insan dan tenaga kerja Selangor dengan kemahiran yang diperlukan untuk masa depan. Dalam pengumuman Belanjawan Malaysia 2024, rasionalisasi subsidi akan dilaksanakan secara bersasar seperti menamatkan pemberian subsidi diesel kecuali kepada syarikat-syarikat logistik untuk menguruskan inflasi.



<sup>11</sup> World Bank. February 2023. Malaysia Economic Monitor. Expanding Malaysia's Digital Frontier.

<sup>12</sup> MIDA 2022 Malaysia's top ports to boost capacity to support trade growth.

<sup>13</sup> Net Zero Tracker 2023. Net-Zero Stocktake Report.

## 2.2

# Landskap Makro Selangor: Peluang dan Cabaran

Sumbangan Selangor terhadap agenda pembangunan negara adalah signifikan kerana statusnya sebagai negeri paling ramai penduduk dan termaju di Malaysia. Kerajaan Negeri memainkan peranan yang penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan langsung asing (FDI) melalui peletakan strategik dan daya tahannya yang tinggi. Komitmen Selangor terhadap pertumbuhan ekonomi dan penyediaan persekitaran yang stabil dan mesra perniagaan, khususnya PMKS, telah menyumbang kepada kejayaannya. Peletakan strategik dan daya tahan ini diperkuatkan oleh asas yang kukuh - tadbir urus yang baik, inovasi, inklusiviti, infrastruktur yang lebih baik dan tenaga kerja yang berdaya saing.

### **Bagaimanakah RS-1 menyokong pembangunan ekonomi dan sosial serta alam sekitar Selangor? Apakah ruang penambahbaikan utama?**

***Pemulihan Selangor daripada pandemik COVID-19 yang mengagumkan dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 11.9% pada 2022 menunjukkan usaha negeri untuk kekal berdaya tahan. Namun, usaha untuk menarik pelaburan daripada sektor-sektor berkompleksiti tinggi mesti diperkuatkan.*** Selain itu, sumbangan Selangor kepada KDNK Malaysia pada 2022 sebanyak 25.5% mengatasi sasaran awal RMK-12 sebanyak 23.6% menjelang 2025. KSP RMK-12 kemudiannya menyelaraskan unjuran sumbangan Selangor kepada 25.1% menjelang 2025 bagi mengambil kira jangkaan perkembangan ekonomi negeri-negeri Malaysia yang lain. Usaha RS-1 untuk mempercepat reformasi sektoral untuk merangsang sektor-sektor utama dan berkompleksiti tinggi telah mencapai kemajuan yang positif. Pelaburan yang diluluskan di Selangor terus meningkat hingga mencecah RM55.3 bilion pada 2023 dan menyumbang 17% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di Malaysia. Sebahagian besar daripada nilai pelaburan yang diluluskan (RM53.9 bilion) adalah dalam sektor-sektor utama dan berkompleksiti tinggi (97.8%).

Selangor telah menjadi hab pembuatan untuk pelbagai industri seperti logistik, elektrik dan elektronik. Ekosistem rantai nilai Selangor yang matang telah membantu pertumbuhan syarikat tempatan dan PMKS. Antara keutamaan RS-1 termasuklah meningkatkan aktiviti ekonomi di wilayah utara dan barat Selangor yang kurang membangun dengan menyediakan infrastruktur dan ketersambungan yang lebih baik. Ini akan membawa kepada peningkatan aktiviti perdagangan dan sumbangan sosioekonomi yang signifikan kepada

sektor logistik dan pertanian, dengan kesan limpahan kepada sektor pelancongan. Usaha ini akan merapatkan jurang pertumbuhan di antara daerah-daerah dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan di Selangor.

***Walaupun Selangor merupakan negeri ketiga terendah dari segi kemiskinan mutlak (1.5%, 2022), kemiskinan relatif kekal menjadi cabaran bagi mencapai pertumbuhan inklusif di Negeri Selangor.*** Pandemik telah meningkatkan lagi cabaran ini terutamanya dalam kalangan pekerja kurang mahir. RS-1 memberi tumpuan kepada penyediaan peluang ekonomi yang menjana pendapatan dan intervensi sosial yang didayakan oleh kemajuan teknologi untuk manfaat golongan miskin bandar dan luar bandar serta kumpulan sosial yang berbeza. Selangor merupakan negeri pertama di Malaysia yang memperkenalkan program jaringan keselamatan sosial secara menyeluruh di bawah Iltizam Selangor Penyayang yang merangkumi 46 inisiatif. Selangor akan terus memainkan peranan utama dalam mempromosikan pembangunan rumah mampu milik dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Usaha bagi menangani kemiskinan akan beralih kepada perspektif multidimensi, menangani isu-isu ketidaksamaan dan kos sara hidup bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan miskin dan rentan.

**Agenda pertumbuhan hijau Selangor adalah sejajar dengan matlamat mitigasi dan daya tahan iklim Malaysia. Selangor menasaskan peningkatan produktiviti guna tanah, tenaga dan kelestarian air, serta mempercepat pelaksanaan inisiatif pertumbuhan hijau.** Sebagai negeri yang mempunyai tahap urbanisasi yang tertinggi di Malaysia, Selangor memainkan peranan penting dalam menyokong Malaysia mencapai sasaran NDC dan sifar bersih menjelang 2050. Walaupun Selangor juga telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon daripada KDNK, terdapat cabaran dalam menentukan garis dasar yang boleh dipercayai. Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan setempat dan bekerjasama dengan PBT dalam menangani isu berkaitan iklim dan kelestarian alam sekitar. Selangor menasaskan untuk menyumbang sehingga 1.5 gigawatt daripada sasaran Malaysia untuk menghasilkan 13 gigawatt tenaga boleh baharu menjelang 2025. Terdapat satu lagi inisiatif strategik bagi mengembangkan sektor EV. Di bawah RS-1, sebanyak 1,000 lagi peranti pengecasan akan dipasang di seluruh PBT Negeri Selangor di mana 500 unit akan dipasang pada tahun 2024 dan 500 unit pada tahun 2025. Ini menyumbangkan 10% daripada sasaran Malaysia untuk memasang 10,000 stesen pengecas menjelang 2025 di bawah Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030. Selangor juga telah menubuhkan Pusat Operasi Bencana Daerah bagi memantau data berkaitan bencana dan memperkukuh daya tahan iklim setempat. Dalam tempoh RS-1 yang berbaki, Kerajaan Negeri akan mengintegrasikan lagi usaha untuk meningkatkan daya tahan bandar dan menambah baik infrastruktur dengan memanfaatkan data bagi membuat keputusan yang lebih baik.



**Selangor memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam melalui pendekatan yang inovatif untuk meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan keberkesanan yang lebih baik.** Dalam tempoh RS-1, Selangor telah memperkenalkan model tadbir urus metropolitan Lembah Klang Raya Selangor yang mengintegrasikan sistem pentadbiran empat (4) PBT. Tambahan pula, *Selangor Government Data Exchange (SelGDX)* yang telah dilancarkan menyediakan platform perkongsian data bersepadu merentas agensi-agensi dan sektor awam di Selangor. Ini menggalakkan proses membuat keputusan berpacuan data, meningkatkan kecekapan dan membolehkan penggubalan dasar yang lebih baik. Ini turut memudah cara interaksi perniagaan antara syarikat dan bakal pelabur.




## 2.3 Dasar-dasar Selangor

Falsafah dan konsep pembangunan RS-1 bertujuan menyokong pemulihan ekonomi pasca pandemik. RS-1 berhasrat untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan yang baharu dan memperkukuh industri dan sektor teras yang strategik untuk memacu pertumbuhan yang inklusif dan mampan. Memandangkan pelaksanaan RS-1 telah bermula sejak 2021, terdapat peralihan yang mendadak dalam landskap makroekonomi dan politik di Malaysia dan Selangor. Bagi mendepani perubahan ini, **apakah tema lazim yang muncul daripada penjajaran Selangor dengan dasar-dasar terkini negara dan penyesuaian yang dilakukan ekoran perubahan persekitaran makroekonomi?**

Rajah 2.1: Gambaran penting dasar makroekonomi dan sektoral yang diumumkan pada tahun lepas (tidak menyeluruh)




## 1: Memupuk kompleksiti ekonomi yang lebih tinggi dan merangsang pertumbuhan dalam sektor-sektor ekonomi berkompleksiti tinggi



Selangor menyumbang 25.5% daripada KDNK Malaysia pada 2022. Melangkah ke hadapan, Negeri ini berhasrat untuk terus merangsang pertumbuhan dalam sektor-sektor berkompleksiti tinggi untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi, dengan tumpuan khusus diberikan kepada sektor berimpak tinggi dan sektor pertumbuhan baharu muncul seperti elektrik dan elektronik (E&E), mobiliti elektrik, aeroangkasa dan farmaseutikal. Ini adalah sejajar dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang bertujuan untuk memupuk industri bernilai tinggi melalui teknologi dan inovasi bagi meningkatkan daya saing industri di Malaysia. Sebagai hos lapangan terbang antarabangsa kebangsaan, Selangor memberi tumpuan kepada pembangunan aeroangkasa melalui projek-projek seperti *Selangor Aero Park (SAP)*, *Selangor Drone Centre of Excellence (SDCOE)*, dan Platform Rangka Kerja Kemahiran Selangor. Selangor juga komited terhadap pelaburan hijau untuk pertumbuhan hijau jangka panjang seperti pembinaan loji SISGEP di Rawang.

## 2: Menerapkan pembangunan inklusif khusus untuk golongan rentan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana



Di bawah tonggak “menaikkan lantai” dalam konteks Ekonomi MADANI, Selangor menyasarkan untuk menyediakan peluang dan akses yang inklusif kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan berkualiti untuk semua, khusus bagi melindungi golongan rentan terutamanya miskin bandar dan daerah-daerah yang kurang membangun. Iltizam Selangor Penyayang merupakan inisiatif induk yang merangkumi inisiatif-inisiatif bagi membasmi kemiskinan, menyokong keusahawanan mikro serta menyediakan perlindungan sosial. Pelbagai insentif dan program telah diperkenalkan untuk menyokong PMKS dan syarikat pemula melalui geran dan bantuan dana seperti Geran Padanan Pendigitalan PKS Selangor, *Selangor e-Commerce Education*, Program *Selangor e-Commerce Onboarding*, Jelajah Usahawan Digital Selangor dan Dana Inovasi Selangor. Usaha untuk memastikan akses sama rata kepada infrastruktur digital juga sedang dilaksanakan bagi meningkatkan ketersediaan infrastruktur digital di kawasan-kawasan ekonomi utama serta kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai kurang penduduk melalui inisiatif seperti JALIN, Wifi Smart Selangor dan kemudahan rangkaian 5G.



### 3. Memacu pembangunan wilayah yang seimbang




Pembangunan berasaskan geografi memainkan peranan yang penting dalam RS-1 dalam usaha memacu pembangunan wilayah dan tempatan demi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang mampan. Fokus inisiatif seperti *NCT Smart Industrial Park* dan Pembangunan ZPE SMG menjurus kepada menarik pelaburan bernilai tinggi dan hijau. IDRIS menempatkan taman perindustrian terus pertama yang diperakui di Selangor. Pembangunan ZPE SMG pula berkisar tentang pemulihan dan pengindahan sungai serta usaha mewujudkan pembangunan bercampur yang berdaya huni untuk menarik perniagaan dan penduduk. Demikian juga, projek pertanian di bawah SABDA seperti Taman Agro Pintar Selangor (*Selangor Smart Agro Park, SSAP*) dan Ladang Agro Pintar Selangor (*Selangor Smart Agro Farm, SSAF*), Industri Hiliran Hasil Laut & Agro Makanan Sungai Lang dan Kompleks Pendaratan Hasil Laut Sekinchan akan menyokong pertumbuhan di kawasan tersebut. PBT dijangka memainkan peranan aktif dalam membentuk dasar-dasar dan infrastruktur bagi pembangunan wilayah yang seimbang dalam mendakap pelaksanaan RS-1 di peringkat lokal.

### 4: Menceburi sektor pertumbuhan yang baharu dan mempromosi daya tahan iklim




Selangor komited terhadap pertumbuhan hijau dan daya tahan iklim, sejajar dengan NETR. Selangor berhasrat untuk menceburi sektor pertumbuhan baharu dan meningkatkan kapasiti penjaanaan tenaga boleh baharu. Selangor telah menunjukkan kemajuan dalam memperkenalkan tenaga solar di bangunan-bangunan awam dan pemasangan stesen pengecas EV. Namun begitu, usaha memperluas inisiatif ini memerlukan lebih banyak pembiayaan dan pelaburan daripada sektor swasta. Selangor juga menyokong usaha-usaha negara untuk membangunkan pasaran dan dasar-dasar karbon dengan merintis Program Karbon Selangor yang memfokuskan kepada penjaanaan kredit karbon berkualiti tinggi seperti pemulihan semula paya bakau.

### 5: Memperkasa pemboleh daya



Pemboleh daya utama seperti infrastruktur awam, pembangunan modal insan, pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), pendigitalisasian dan rangka kerja dasar dan kawal selia yang berkesan adalah penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan RS-1 dan merealisasikan impak positif di Selangor. Selangor selaku penyumbang ekonomi yang signifikan dengan sumber tenaga kerja yang besar kepada Malaysia, pencapaian objektif RS-1 Selangor akan menjadi pemangkin kepada kemajuan negara ke arah merealisasikan wawasan MADANI. Selangor berhasrat untuk menyampaikan perkhidmatan kerajaan yang lebih responsif melalui pelbagai inisiatif. Sebagai contoh, mempercepat penglibatan digital dalam kalangan PBT untuk menggunakan SeGNet dan SSDC memangkin penyampaian perkhidmatan Kerajaan Pintar seiring dengan Pelan Tindakan Smart Selangor 2025. Sementara itu, Sistem e-Tanah Selangor akan memperkemas proses pembayaran cukai tanah dan cukai petak kepada pejabat daerah dan tanah (PDT) selain meningkatkan kepatuhan cukai dan mencegah ketirisan. Usaha ini menyumbang kepada operasi Kerajaan Negeri Selangor yang lebih cekap dan berkesan.




# 03

## PEMACU PERUBAHAN

Pengenalan	34
Pencapaian dan Kemajuan Utama	35
Refleksi	42

## 3.1 Pengenalan

RS-1 telah mengenal pasti 20 pemacu perubahan merentas keempat-empat tema strategik untuk memangkin pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan mampan di Selangor. Inisiatif-inisiatif pemangkin ini merangkumi inisiatif yang diterajui oleh sektor awam dan sektor swasta serta kerjasama awam-swasta-sivil. KSP mendapati bahawa semua pemacu perubahan tersebut menunjukkan kemajuan dan masih sedang dijalankan pada pelbagai peringkat. Hampir separuh daripada pemacu perubahan tersebut berada dalam fasa pelaksanaan manakala selebihnya masih berada dalam fasa awal, iaitu konsep, reka bentuk, perancangan dan mendapatkan kelulusan. Pencapaian ini adalah seperti yang dijangkakan bagi projek-projek pembangunan jangka masa panjang dan berskala besar.



**KAJIAN SEPARUH PENGGAL (KSP) RS-1  
MENILAI KEMAJUAN FASA PERTAMA  
PELAKSANAAN RS-1 (2021-2023) BAGI  
MENGENAL PASTI JURANG DAN KEUTAMAAN  
UNTUK FASA SETERUSNYA**

## 3.2

# Pencapaian dan Kemajuan Utama

### PEMACU PERUBAHAN 1



#### CAREY SELANGOR (PELABUHAN KETIGA)

##### HURAIAN

Carey Selangor ialah pembangunan Zon Ekonomi Khas (SEZ) yang dicadangkan di Pulau Carey untuk pembangunan bercampur yang terdiri daripada kawasan perindustrian, komersial, logistik, pelabuhan dan aktiviti rekreasi. Pembangunan ini bertujuan untuk merangsang dan meningkatkan ekosistem ekonomi maritim sedia ada di Selangor, menambah baik ketersediaan tanah bagi tujuan pembangunan perindustrian, meningkatkan kesalinghubungan pelabuhan darat untuk menyokong penggunaan domestik dan perdagangan asing dalam jangka masa panjang.

##### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Pembangunan kedua-dua pelabuhan dan SEZ berada pada peringkat awal kelulusan pada kerajaan Persekutuan dan negeri, selaras dengan garis masa jangkaan pembangunan (2025-2026)
- Pembangunan pelabuhan: Kajian kebolehlaksanaan untuk pembangunan Carey Selangor (Pelabuhan Ketiga) telah diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan pada tahun 2022 dan Kabinet pada November 2023. Seterusnya, model perniagaan dan operasi dijangka akan dimuktamadkan menjelang tahun 2025
- Pembangunan SEZ: Kajian Pelan Induk Pembangunan Pulau Carey telah diselesaikan oleh PLANMalaysia, dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada Disember 2023

### PEMACU PERUBAHAN 2



#### GALERI SENI KONTEMPORARI DAN MODEN SHAH ALAM (SAMA)

##### HURAIAN

Pembangunan kompleks SAMA dijangka akan beroperasi bukan sahaja sebagai sebuah galeri tetapi juga sebagai pemangkin kepada pembangunan industri seni visual tanah air.

##### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Pembangunan konsep SAMA telah selesai dan sedang dalam proses mendapatkan kelulusan

### PEMACU PERUBAHAN 3



#### JALUR LEBAR INDUSTRI SELANGOR (JALIN)

##### HURAIAN

Penambahbaikan ketersambungan internet di kawasan-kawasan perindustrian untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing atau domestik (FDI/DDI) ke Negeri ini dan mengukuhkan kedudukan Negeri Selangor sebagai negeri pilihan bagi syarikat tempatan dan asing.

##### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Usaha berterusan untuk mengenal pasti zon-zon perindustrian *greenfield* dan *brownfield* serta memuktamadkan perjanjian dengan pemaju, pembekal perkhidmatan dan operator untuk membina menara telekomunikasi bagi memberikan perkhidmatan di zon-zon perindustrian yang telah dikenal pasti

## PEMACU PERUBAHAN 4



### SELANGOR AERO PARK (SAP)

#### HURAIAN

Pembangunan taman aeroangkasa pertama di Sepang bagi merealisasikan aspirasi Selangor untuk menjadi hab aeroangkasa serantau di ASEAN.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA:

- Kajian kebolehlaksanaan bagi Fasa 1 telah selesai pada tahun 2023
- Usaha perancangan berterusan dari segi pelan induk dan konsep pembangunan

## PEMACU PERUBAHAN 5



### WILAYAH PEMBANGUNAN BERSEPADU DI SELANGOR SELATAN (IDRISS)

#### HURAIAN

IDRISS merupakan pembangunan pelaburan swasta bersepadu di daerah Sepang dan Kuala Langat, dipacu oleh Kerajaan Negeri dan disokong oleh insentif daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Jawatankuasa Pasukan Petugas telah ditubuhkan sebagai pemudah cara dan penyelaras bagi pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti
- Kerja-kerja fizikal bagi *NCT Smart Industrial Park* sedia untuk dimulakan pada tahun 2024
- Pembangunan bercampur utama (*Selangor Goldcoast Global Village* dan *Amverton Cove Eco-Integrated Township*) berada pada peringkat kelulusan tanah dan perancangan
- Projek-projek utama termasuk Carey Selangor (Pelabuhan Ketiga) dan Zon Ekonomi Khas Pulau Carey berada pada pelbagai peringkat kelulusan dan reka bentuk

## PEMACU PERUBAHAN 6



### KAWASAN PEMBANGUNAN SABAK BERNAM (SABDA)

#### HURAIAN

SABDA bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di daerah Sabak Bernam melalui lima aktiviti teras: (1) Menambah komoditi bernilai tinggi dan meningkatkan tahap produktiviti dengan penggunaan teknologi pertanian terkini; (2) Membangunkan pertumbuhan rantaian industri serta mencipta pekerjaan dan pasaran; (3) Membangunkan produk pelancongan yang berkaitan dengan agropelancongan dan ekopelancongan; (4) Menarik pelaburan baharu untuk membangunkan aktiviti perindustrian hiliran; dan (5) Membina infrastruktur dan kemudahan awam.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Sebahagian Lebuhraya Pantai Barat, infrastruktur ketersambungan utama yang menghubungkan SABDA telah siap pada tahun 2022
- Infrastruktur ketersambungan lain seperti Jambatan Sg Air Tawar – Hutan Melintang dan R&R Air Manis @ Kompleks Agropolitian Sabak Bernam, berada pada peringkat perancangan awal
- Pelbagai projek pertanian, termasuk projek Taman Agro Pintar Selangor dan Ladang Agro Pintar Selangor pada amnya berada dalam fasa reka bentuk dan perancangan
- Projek ekopelancongan, contohnya Ekopelancongan Ban Canal, pada amnya telah memulakan operasi dengan penambahbaikan lanjut sedang dalam perancangan
- Majlis Perunding Sabak Bernam ditubuhkan sebagai pemudah cara dan penyelaras bagi pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti dalam SABDA

## PEMACU PERUBAHAN 7



### ZON PEMBANGUNAN EKONOMI SELANGOR MARITIME GATEWAY (ZPE SMG)

#### HURAIAN

ZPE SMG merupakan koridor pembangunan ekonomi baharu bagi Selangor yang akan meliputi kawasan seluas 27,960 hektar di sekitar Sungai Klang. Dua zon pembangunan utama telah dikenal pasti di ZPE SMG: (A) Zon Pembangunan Ekonomi seluas kira-kira 22,780 hektar yang telah diiktiraf dalam Rancangan Tempatan MBDK 2035 dan (B) Zon Pembangunan Ekonomi merangkumi tiga Majlis Bandaraya iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan keluasan lebih kurang 5,180 hektar

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Pembangunan pinggir sungai utama di Seksyen 24 Shah Alam dan Tanjung Syawal, Klang sedang mendapatkan kelulusan perancangan (contohnya, peringkat permohonan, kelulusan bersyarat)
- Pembangunan Fasa 1 dijangka akan bermula pada tahun 2025

## PEMACU PERUBAHAN 8



### ILTIZAM SELANGOR PENYAYANG (ISP)

#### HURAIAN

Suatu inisiatif induk yang memayungi program-program sosial yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri merangkumi kebajikan sosial, pembiayaan mikro dan geran keusahawanan, skim dan insentif kesihatan, skim perumahan mampu milik, program pendidikan dan pelbagai program bantuan lain.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

Senarai program sosial di bawah ISP telah bertambah daripada 44 kepada 46 program. Pencapaian utama bagi sebahagian daripada program tersebut adalah seperti berikut:

- Antara program terbesar dalam ISP ialah BINGKAS, yang menyediakan bantuan bulanan sebanyak RM300 melalui aplikasi e-dompot untuk mengurangkan tekanan kos hidup yang tinggi. Kini, BINGKAS telah membantu sebanyak 27,542 buah keluarga
- Dari tahun 2021 hingga tahun 2023, seramai 251,380 orang penerima daripada keluarga B40 telah mendapat manfaat daripada perlindungan perubatan Itizam Selangor Sihat sebanyak RM500 bagi mendapatkan rawatan perubatan di klinik dan hospital swasta di Selangor
- Skim Hijrah Selangor adalah satu lagi program contoh di dalam ISP yang membantu lebih daripada 17,000 orang usahawan dalam tempoh 3 tahun lepas (2021-2023)
- Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) telah berkembang daripada 177 buah sekolah yang mengambil bahagian pada tahun 2021 kepada 189 buah sekolah pada tahun 2022 dan 225 buah sekolah pada tahun 2023; seramai 135,000 orang pelajar telah mendaftar di portal PTRS, yang memberikan mereka akses kepada bahan-bahan pembelajaran, dari tahun 2021 hingga tahun 2023
- Sebagai sebahagian daripada inisiatif perumahan mampu milik, 15,043 buah unit perumahan disediakan di bawah Skim Rumah Selangorku, manakala 1,146 buah unit telah ditawarkan di bawah Skim Smart Sewa pada tahun 2022 dan 422 buah unit tambahan bagi Smart Sewa ditawarkan pada tahun 2023



## PEMACU PERUBAHAN 9



### PROGRAM PEKERJAAN WARGA EMAS SELANGOR

**HURAIAN** Pembangunan platform pekerjaan untuk warga emas di Selangor.

**PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA**

- Inisiatif ini berada pada peringkat perancangan konsep
- Pembangunan konsep program menjelang suku keempat (ke-4) tahun 2024 dan pelancaran program rintis dijangka menjelang tahun 2025

## PEMACU PERUBAHAN 10



### SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG) - PEMBERSIHAN DAN PEMULIHAN SUNGAI KLANG

**HURAIAN** Memperdalam dan memperluas sepanjang 56km daripada Sungai Klang dengan cara menambah baik dan memasang infrastruktur bagi meningkatkan kapasiti muatan Sungai Klang sebagai langkah pencegahan banjir.

**PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA**

- 25% daripada reka bentuk terperinci di seluruh Blok 1 hingga 4 telah selesai pada tahun 2023
- Kerja-kerja memperdalam dan memperluas di dalam Pakej 1 dan 2 Sungai Klang dijangka akan disiapkan pada tahun 2025

## PEMACU PERUBAHAN 11




### SKIM BEKALAN AIR RASAU

**HURAIAN** Pembangunan Loji Rawatan Air (LRA) Rasau untuk meningkatkan kapasiti air yang dijangka dapat menghasilkan 1,400 juta liter sehari (JLH) air bersih apabila kedua-dua fasa telah siap dibina sepenuhnya.

**PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA**

- Pembangunan LRA Rasau Fasa 1 dijangka akan siap dibina dan mula beroperasi pada bulan Disember 2025



## PEMACU PERUBAHAN 12



### PEMBANGUNAN SISTEM INVENTORI GAS RUMAH HIJAU UNTUK NEGERI SELANGOR

#### HURAIAN

Pembangunan mekanisme pelaporan pelepasan GHG yang seragam akan diguna pakai pada peringkat Kerajaan Negeri dan PBT bagi membolehkan perancangan rendah karbon yang lebih baik di peringkat tempatan.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Selangor sedang dalam proses untuk membangunkan sistem inventori GHG yang akan mematuhi standard Protokol Global untuk Inventori Pelepasan GHG Berskala-Komuniti (GPC) yang lebih diiktiraf
- *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre* (MGTC) membantu Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Selayang untuk menubuhkan sistem inventori GHG dengan menggunakan standard GPC

## PEMACU PERUBAHAN 13



### PEMBANGUNAN PUSAT PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU (ISWMC) DENGAN LOJI RAWATAN WASTE-TO-ENERGY (WTE)

#### HURAIAN

ISWMC dijangka akan dilengkapi dengan fasiliti moden untuk memproses sisa perbandaran termasuk Loji WTE, Fasiliti Pemulihan Bahan (MRF), Loji Kompos, penghadam Anaerobik dan tapak pelupusan sampah. Semua fasiliti akan saling melengkapi dengan WTE sebagai komponen utama bagi ISWMC. Loji WTE ialah sebuah fasiliti untuk menukar sisa yang tidak boleh dikitar semula kepada tenaga boleh guna. Dua buah fasiliti WTE akan berada di ISWMC Jeram dengan kemampuan untuk memproses 3,000 tan sisa pepejal setiap hari kepada bekalan elektrik, manakala satu buah fasiliti WTE akan dibina di Tanjung Duabelas dengan kemampuan untuk memproses 1,800 tan sisa pepejal setiap hari.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Pembinaan WTE di Jeram telah dimulakan pada 1 Ogos 2023 dan upacara pecah tanah telah dilancarkan pada 17 Oktober 2023

## PEMACU PERUBAHAN 14



### JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO BERPUSAT (RMC)

#### HURAIAN

Menubuhkan jawatankuasa teras pengurusan risiko untuk menjalankan perancangan risiko, analisis dan kerjasama untuk menguruskan risiko dan ancaman makro di seluruh negeri yang tidak terhad kepada bencana semata-mata. Pandangan menyeluruh dan penyelarasan pusat adalah penting untuk membolehkan penjajaran dalam kesediaan dasar untuk mengurangkan risiko dan menangani cabaran pelaksanaan bagi memberikan tindak balas yang sewajarnya.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Penubuhan RMC berada pada peringkat perancangan konsep awal. Jawatankuasa tersebut dijangka akan ditubuhkan paling awal menjelang tahun 2024



## PEMACU PERUBAHAN 15



### MENUBUHKAN INTELLIGENCE ANALYTICS UNIT (IAU) NEGERI

#### HURAIAN

Menubuhkan pasukan pakar teknikal untuk menyelidik, memproses, menganalisis dan mendapatkan kecerdasan dan pemahaman yang kritikal daripada kekayaan data raya Negeri yang terbuka untuk mempengaruhi keputusan dan tindakan dasar.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- IAU Negeri telah ditubuhkan untuk menyelia analisis data untuk proses penggubalan dasar yang lebih baik dan termaklum. Bakat dan pakar dalaman dengan kompetensi yang tepat akan dilantik untuk menjalankan fungsi IAU

## PEMACU PERUBAHAN 16



### KERJASAMA AWAM-SWASTA-SIVIL (PPCP)

#### HURAIAN

Projek berasaskan komuniti yang diilhamkan atau dicetuskan oleh masyarakat sivil, khususnya Program Sinergi Prihatin, iaitu program usaha sama berasaskan kebajikan antara persatuan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan Kerajaan Negeri.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Sembilan persatuan kebajikan dan NGO menerima peruntukan sebanyak RM450,000 untuk Program Sinergi Prihatin pada tahun 2023
- Persatuan kebajikan dan NGO disasarkan untuk menerima peruntukan sebanyak RM150,000 untuk melaksanakan program kebajikan sosial dengan kerjasama NGO pada tahun 2024

## PEMACU PERUBAHAN 17




### SELANGOR GOVERNMENT DATA EXCHANGE (SelGDX)

#### HURAIAN

SelGDX merupakan platform perkongsian data yang menyediakan perkhidmatan pengintegrasian data merentas agensi untuk memudahkan penyediaan perkhidmatan dalam talian secara *end-to-end*. Pelaksanaan SelGDX membolehkan maklumat diselaraskan dan dikongsi dengan lebih cekap. Secara tidak langsung, agensi-agensi negeri dapat mengurangkan kos penyediaan infrastruktur dan pengintegrasian sistem.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- SelGDX yang menawarkan perkhidmatan broker data untuk jabatan-jabatan dan agensi-agensi negeri telah dilancarkan pada 13 Oktober 2023
- 12 daripada 30 API yang disasarkan telah diintegrasikan ke dalam Platform SelGDX setakat 11 Januari 2024



## PEMACU PERUBAHAN 18



### STESEN JANAKUASA PULAU INDAH (PIPP)

#### HURAIAN

PIPP, sebuah stesen jana kuasa gas asli yang berkapasiti 1,200 megawatt di Pulau Indah, akan menampung peningkatan permintaan terhadap bekalan elektrik yang lebih bersih melalui proses yang lebih cekap dan efisien bagi mengurangkan pengeluaran karbon.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- PIPP kini berada dalam fasa Pengujian dan Pentauliahan dengan Back Energisation dicapai pada Oktober 2023 bagi Blok 1 dan Februari 2024 bagi Blok 2
- Operasi komersial PIPP dijangka bermula pada suku ke-empat (ke-4) tahun 2024

## PEMACU PERUBAHAN 19



### PEMBANGUNAN KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM (KSSA)

#### HURAIAN

Pembangunan KSSA sebagai kemudahan bertaraf dunia di Seksyen 13 Shah Alam dijangka meningkatkan aktiviti dan imej sektor sukan di Selangor. Aktiviti ekonomi di kawasan tersebut akan diteruskan oleh pelbagai kemudahan peruncitan dan komuniti, yang disokong oleh infrastruktur mitigasi banjir.

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- Pembangunan KSSA berada pada peringkat pra-pembinaan dan kerja-kerja perobohan struktur sedia ada sedang dijalankan

## PEMACU PERUBAHAN 20



### SELANGOR IMPLEMENTATION AND PERFORMANCE MONITORING UNIT (SIAP)

#### HURAIAN

Peranan dan tanggungjawab SIAP termasuk memantau, menilai dan melaporkan pelaksanaan inisiatif utama Kerajaan Negeri. SIAP juga memainkan peranan sebagai penyokong pengurusan perubahan (*change management*).

#### PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN UTAMA

- SIAP telah ditubuhkan sebagai unit khas di bawah UPEN
- Kini, SIAP memantau inisiatif utama Kerajaan Negeri, termasuk PPI RS-1 dan projek-projek berimpak tinggi
- Sejumlah RM1 juta telah diperuntukkan dalam Belanjawan Negeri 2024 untuk menambah baik fungsi dan kapasiti SIAP



## 3.3 Refleksi

Dalam retrospeksi terhadap hubungkait PPI pemacu perubahan dengan keempat-empat tema strategik tersebut, beberapa perspektif dapat diringkaskan:



### Pengukuhan Ekonomi

Projek pembangunan jangka panjang dan berskala besar dijangka akan merangsang pertumbuhan ekonomi, mencipta peluang pekerjaan dan mempromosikan pembangunan wilayah yang lebih seimbang. Kebanyakan projek fizikal semasa berada pada peringkat awal pembangunan. Faktor utama kejayaan pelaksanaan projek tersebut adalah akses kepada sumber pembiayaan, kerjasama awam-swasta, struktur pemantauan dan tadbir urus projek yang baik, serta disokong oleh komitmen dan hala tuju dasar yang konsisten. Usaha Kerajaan Negeri dapat dilihat melalui penubuhan pasukan kerja yang berkaitan untuk memantau pelaksanaan projek secara berterusan. Ke arah mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang, Kerajaan Negeri juga mendukung kesejahteraan sosial melalui pembangunan KSSA dan SAMA.



### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Walaupun ISP merangkumi pelbagai bidang dan kumpulan sasaran, bilangan program turut meningkat dari tahun ke tahun. Adalah penting bagi Kerajaan Negeri untuk menilai keberkesanan program-program ISP yang sudah beroperasi selama beberapa tahun (contohnya, lima tahun dan ke atas) agar pengutamaan program tersebut dapat dilakukan berdasarkan keberkesanan dan keperluannya. Ini akan memastikan peruntukan sumber yang berkesan dan pendekatan yang bersasar untuk membasmi kemiskinan. Satu kajian yang komprehensif perlu dijalankan untuk mengenal pasti impak program tersebut seperti peningkatan pendapatan, pembangunan kemahiran dan keuntungan perniagaan milik usahawan. Tambahan pula, dengan mengambil kira keperluan spesifik bagi setiap kumpulan pendapatan dan melaksanakan dasar fiskal dan sosial yang strategik akan menyokong usaha pembasmian kemiskinan dan mempromosikan keterangkuman sosial memandangkan kemiskinan adalah satu fenomena multidimensi. Rangkaian dengan Pangkalan Data Utama (PADU) Kerajaan Persekutuan boleh memperkukuh pelaksanaan program-program sosial agar menjadi lebih bersasar dengan pemahaman mengenai impak jangka panjangnya pada peringkat isi rumah.



### Pemacuan Kelestarian

Mengambil kira isu perbandaran dan peningkatan pertumbuhan penduduk di Selangor, pemacuan kelestarian adalah penting untuk mengurangkan pelepasan karbon dan menggunakan sumber dengan cekap demi mewujudkan sebuah negeri yang berdaya huni. Walaupun projek pembangunan fizikal awam-swasta tersebut sedang berjalan dengan lancar mengikut garis masa yang dirancang, impak sebenarnya hanya akan dapat dilihat apabila ia telah siap dibina (contohnya, loji WTE). Negeri Selangor berusaha untuk menambah baik tadbir urus dasar dan institusinya yang berkaitan dengan mitigasi iklim, adaptasi perubahan iklim dan urbanisasi yang mampan. Walaupun begitu, beberapa cabaran tetap berterusan, khususnya dalam berurusan dengan kompleksiti teknikal dan ketersediaan data serta integrasi mendatar dan menegak dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar. Tambahan pula, pembinaan kapasiti dalam kalangan pihak berkuasa negeri dan tempatan di Selangor ialah faktor utama dalam proses ini.



### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

Dalam landskap yang sentiasa berubah, adalah penting bagi Kerajaan Negeri untuk sentiasa mengikuti perkembangan terkini berkenaan trend dan cabaran baharu termasuk kemajuan teknologi, landskap risiko yang berubah-ubah dan peningkatan pengaruh masyarakat partisipatif. Usaha inisiasi sistem, unit dan jawatankuasa hanyalah peringkat permulaan sahaja. Bagi memastikan kejayaan dapat dicapai, Negeri Selangor perlu menjadi efektif dalam memperuntukkan sumber yang cukup dengan kemampuan yang tepat dan kompetensi untuk menyampaikan perkhidmatan. Walaupun pendigitalan perkhidmatan kerajaan dan perkhidmatan pengintegrasian data berusaha untuk merangsang kerjasama, cabaran yang sebenar ialah mengguna pakai pemahaman dan pendekatan sistem untuk menangani isu-isu yang rumit dan mengelakkan penggubalan dasar secara silo. Satu lagi komponen penting dalam menyampaikan projek pemacu perubahan dan infrastruktur ialah kerjasama awam-swasta yang lebih baik seperti menubuhkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) kecil sebagai pasukan petugas bagi isu-isu spesifik. Akhirnya, keupayaan untuk menerokai solusi kewangan yang mampan juga adalah penting bagi pembangunan dan pelaburan di dalam projek infrastruktur, program sosial dan usaha tindak balas iklim di Selangor.



# 04

## Tema Strategik 1: **PENGUKUHAN EKONOMI**


Pengenalan	45
Pencapaian dan Kemajuan Utama	46
Isu dan Cabaran	68
Hala Tuju	69

## 4.1 Pengenalan

Objektif utama bagi Tema Strategik Pengukuhan Ekonomi adalah untuk menjajarkan pembangunan pertumbuhan Selangor dan strategi-strategi pelaburan untuk menarik syarikat-syarikat bertaraf dunia termasuk syarikat-syarikat *unicorn* dan aktiviti-aktiviti ekonomi berkompleksiti tinggi. Ia turut meletakkan sasaran untuk memacu projek-projek perangsang di dalam sektor-sektor pertumbuhan tinggi dan kawasan-kawasan geografi terpilih yang menggunakan kelebihan daya saing Kerajaan Negeri. Usaha-usaha ini akan membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang menarik untuk memenuhi hasrat rakyat

Selangor dengan tumpuan utama diberikan kepada usaha menyokong PMKS agar turut mencapai pertumbuhan. Untuk mencapai sasaran ini, RS-1 mengenal pasti sembilan sektor tumpuan dan tiga bidang pembangunan berasaskan geografi. Pertumbuhan kesembilan-sembilan sektor tersebut akan diperteguh oleh empat strategi menyeluruh iaitu: (1) membantu pemulihan ekonomi pasca-COVID-19, (2) memperkukuh industri-industri teras yang strategik, (3) merangsang pembangunan sektor-sektor baharu dan sektor yang sedang berkembang serta (4) meningkatkan daya saing Negeri.

**Rajah 4.1** Gambaran keseluruhan bagi Tema Strategik 1




**93** Bilangan terkini projek/program/inisiatif yang dikenali pasti setakat Kajian Separuh Penggal

Melalui KSP, keempat-empat strategi utama (perkhidmatan, pembuatan, pertanian dan pembangunan berasaskan geografi) sedang dalam pelaksanaan sejak RS-1 dimulakan dengan pelbagai pencapaian di kesemua sektor tumpuan dan PPI. PPI yang perlu mengambil masa yang lama untuk disiapkan di bawah pembangunan berasaskan geografi kebanyakannya berada dalam fasa konsep dan permulaan

iaitu pelbagai peringkat bagi kelulusan awal berkaitan tanah. PPI yang diwujudkan untuk membantu pemulihan pasca COVID-19 kebanyakannya sudah selesai. Pencapaian ini menyerlahkan usaha Kerajaan Negeri yang berhasrat untuk membantu perniagaan dan menterjemahkan rancangan kepada pelaksanaan.

## 4.2 Pencapaian dan Kemajuan Utama

Rajah 4.2 Status pelaksanaan PPI bagi Tema Strategik 1



### SEKTOR TUMPUAN 1: PELABUHAN DAN LOGISTIK

Sektor Pelabuhan dan Logistik meletakkan tumpuan untuk memenuhi permintaan perindustrian yang semakin meningkat dan menjadikan Selangor sebagai hab logistik setempat yang menyediakan perkhidmatan pelabuhan bertaraf dunia. Selangor sebagai negeri yang berada di kawasan yang strategik merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negara. Oleh itu, ia memerlukan peningkatan kapasiti infrastruktur di samping menggunakan infrastruktur sedia ada dan jaringan pengangkutan strategik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti komersial dan perindustrian.

Inisiatif *Klang: Prime Port City* merupakan inisiatif untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai hab logistik utama serantau serta destinasi pelancongan persiaran laut antarabangsa yang utama. PPI di bawah *Klang: Prime Port City* merangkumi pembangunan logistik yang besar seperti

peluasan *Westports 2*, *SBB Industrial Park* dan *Port Klang Cruise Terminal* (PKCT) yang akan menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi di pelbagai sektor utama.

Peluasan *Westports 2* dijangka akan meningkatkan hampir dua kali ganda keupayaan yang sedia ada iaitu kepada 27 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU). PKCT pula akan memberikan perkhidmatan kepada industri kapal layar dan industri perkapalan automotif. Projek *Sunway Pier* akan menempatkan bangunan kompleks terminal dengan kemudahan sedia ada. Projek *SBB Industrial Park*, yang sedang dalam pelaksanaan, diperkenalkan dalam KSP RS-1, manakala *Carey Selangor* (Pelabuhan Ketiga) kini diselaraskan semula kepada Pembangunan Berasaskan Geografi: IDRIS sebagai projek infrastruktur yang penting untuk IDRIS.



## SOROTAN UTAMA: SBB INDUSTRIAL PARK

SBB Industrial Park ialah projek pembangunan taman perindustrian utama di Pulau Indah yang terletak berhampiran dengan Westports. Ia dihubungkan melalui jambatan Lebuhraya Pulau Indah yang menghubungkan Pulau Indah ke Pulau Carey dan Teluk Panglima Garang melalui lebuhraya KESAS dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan. Ketika fasa reka bentuk, pembangunan tersebut memenangi beberapa anugerah iaitu Taman Perindustrian Rendah Karbon Pertama (*The First Low Carbon Industrial Park*) oleh Malaysian Institute of Planners pada tahun 2018 dan Pelan Induk Terbaik untuk Taman Bioteknologi (*Best Master Plan for Biotechnology Park*) oleh *Property Insight Prestigious Developer's Award* pada tahun 2019.



Dengan keluasan 1,000 ekar di tanah yang berhadapan dengan laut, SBB Industrial Park dibangunkan dalam tiga fasa: Presint 1, 2 dan 3 dalam tempoh 23 tahun. Projek pembangunan perindustrian tersebut akan menampung pelbagai sektor termasuk (namun tidak terhad kepada) makanan dan minuman, pemprosesan, logistik, pergudangan, pembuatan, pembungkusan, bioindustri dan farmaseutikal. Presint 1A (perindustrian dan komersial) hampir melengkapkan kerja-kerja infrastrukturnya manakala kerja-kerja pembangunan yang lain sedang dijalankan.

Sumber: Laman sesawang dan media sosial Central Spectrum, data yang dilaporkan ketika KSP, Selangor Kini

**Jadual 4.1: PPI yang sedang dijalankan dalam sektor tumpuan Pelabuhan dan Logistik**  
Sedang Dijalankan

Peluasan Westports 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan Kabinet telah diperolehi dan perjanjian konsesi telah ditandatangani pada Disember 2023</li> <li>• Memulakan kerja-kerja pembinaan awal</li> <li>• Untuk meningkatkan jumlah kapasiti kepada 27 juta TEU</li> </ul>
Sistem Komuniti Pelabuhan Digital (sebelum ini dikenali sebagai Inisiatif Pelabuhan Digital Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian kebolehlaksanaan telah selesai pada tahun 2023</li> <li>• Menjajarkan sistem dengan <i>Malaysia Maritime Single Window (MMSW)</i></li> <li>• Sistem yang dibangunkan akan membantu proses <i>end-to-end</i> seperti pendaftaran kapal, pelepasan kapal, jejak &amp; cari</li> </ul>
Port Klang Cruise Terminal (PKCT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan kelulusan kerajaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan Terminal Kapal RoRo (<i>Roll on-Roll off</i>) di terminal</li> <li>• Proses penaiktarafan sebahagian bangunan terminal sedang dijalankan</li> <li>• Untuk menyokong aktiviti pelancongan, khususnya kapal persiaran dan untuk menjadikan PKCT hab pemunggaan automotif khas yang pertama di Malaysia</li> </ul>
Sunway Pier	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek swasta ini dalam proses mendapatkan kelulusan perancangan dan memulakan proses merobohkan struktur yang sedia ada</li> <li>• Mengikut perancangan untuk siap pada tahun 2026</li> </ul>

**Jadual 4.2: PPI baharu di bawah sektor tumpuan Pelabuhan dan Logistik**  
Baharu

SBB Industrial Park	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja-kerja infrastruktur hampir siap untuk Presint 1A</li> <li>• Membina Presint 2 dan 3</li> <li>• Pembangunan ini akan memacu aktiviti-aktiviti perindustrian yang penting (seperti pembuatan, farmaseutikal, pembungkusan, makanan &amp; minuman, pemprosesan dan logistik), dibantu oleh kedudukannya yang dekat dengan pelabuhan utama</li> </ul>
---------------------	--

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## SEKTOR TUMPUAN 2: PELANCONGAN

PPI bagi sektor Pelancongan meletakkan sasaran untuk meningkatkan kemasukan pelancong ke Selangor dan perbelanjaan mereka di dalam negeri. Antara usaha yang dilakukan merangkumi aktiviti promosi pelancongan, sokongan kepada PMKS, Kerjasama Awam-Swasta (PPP) untuk menjana produk-produk dan perkhidmatan pelancongan yang baharu serta mendapatkan pengiktirafan antarabangsa bagi kawasan-kawasan pelancongan yang terpilih. Kempen Pusing Selangor Dulu diunjurkan untuk mencapai sasaran-sasaran

menyambut ketibaan pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa pada tahun 2023. Satu PPI telah ditambah, iaitu projek *Gombak - Hulu Langat Geopark* yang meletakkan sasaran untuk mendapatkan pengiktirafan daripada *UNESCO Global Geopark*. Taman Geo tersebut telah memperoleh status Taman Geo Negara dan sedang diusahakan untuk memenuhi syarat-syarat UNESCO dari segi menambah baik infrastruktur tapak geo dan meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan promosi.

**Jadual 4.3: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam sektor tumpuan Pelancongan**

### Selesai

Selangor Tourism e-baucer	<ul style="list-style-type: none"> <li>PPI telah selesai pada tahun 2022 dengan 10,000 e-Baucar diedarkan dengan jumlah nilai sebanyak RM1 juta. Sejumlah RM1.8 juta pakej pelancongan telah dijual</li> <li>Membantu hasil dan pendapatan syarikat-syarikat pelancongan khususnya ketika tempoh pemulihan pasca COVID-19</li> </ul>
Latihan Pelancongan Digital Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>PPI telah selesai pada tahun 2022 dengan 300 orang peniaga menamatkan latihan dalam usaha mereka untuk meningkatkan tahap pendigitalan dan mewujudkan perniagaan dalam talian</li> <li>Melalui program ini, 100 orang peniaga mendaftarkan akaun baharu di platform e-dagang</li> <li>Membantu hasil dan pendapatan syarikat-syarikat pelancongan melalui peningkatan perniagaan di pasaran dalam talian ketika tempoh pemulihan pasca-COVID-19 dan selanjutnya</li> </ul>

### Sedang Dijalankan

Program PPP Pelancongan Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Beberapa perjanjian PPP telah ditandatangani dan produk telah dicipta di dalam program ini (contohnya aplikasi <i>Go Selangor</i> dan bas <i>Hop-on Hop-Off</i>)</li> <li>Perjanjian dan produk-produk baharu sedang dijalankan</li> </ul>
Aplikasi <i>Go Selangor</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aplikasi telah dilancarkan pada tahun 2022</li> <li>Aktiviti promosi untuk meningkatkan penggunaan aplikasi tersebut sedang dijalankan</li> </ul>
Kempen Pusing Selangor Dulu	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencapai sasaran kemasukan pelancong tahun 2023 iaitu sebanyak 4.4 juta pelancong domestik dan 2.1 juta pelancong antarabangsa</li> <li>Kempen sedang berjalan melalui pengenalan beberapa pakej percutian dan aktiviti promosi</li> </ul>
Selangor Ecotourism Master Plan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam proses pembangunan pelan induk pelancongan negeri</li> </ul>
Kluster Pelancongan Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti-aktiviti promosi dalam kluster-kluster penting sedang dijalankan (kapal persiaran, sukan, pelancongan perubatan)</li> </ul>
Hos Komuniti Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan kemahiran untuk hos komuniti pada tahun 2024</li> </ul>

**Jadual 4.4: PPI baharu di bawah sektor tumpuan Pelancongan**

### Baharu

<i>Gombak - Hulu Langat Geopark</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Status taman geo kebangsaan telah diperoleh pada tahun 2022</li> <li>Sedang membuat persiapan untuk mendapatkan status <i>UNESCO Global Geopark</i> (infrastruktur tapak geo, promosi, program dan penyelidikan)</li> <li>Akan membangunkan sepuluh taman geo baru menjelang tahun 2025</li> </ul>
-------------------------------------	---

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## SEKTOR TUMPUAN 3: EKONOMI DIGITAL

PPI bagi sektor Ekonomi Digital dirancang untuk meningkatkan bilangan syarikat pemula, syarikat *unicorn* dan PMKS digital di Selangor supaya menjadi penyumbang utama kepada KDNK ekonomi digital negara dan juga untuk mencapai liputan penuh dan infrastruktur telekomunikasi yang menyeluruh.

PPI yang sudah selesai pada amnya merupakan langkah-langkah jangka pendek untuk membantu pemulihan pasca COVID-19 dengan membantu PMKS mendigitalisasi operasi mereka atau meningkatkan kehadiran dalam talian. PPI yang masih dalam fasa pelaksanaan pula merangkumi program-program pemecutan syarikat pemula, inisiatif-inisiatif pendidikan dan latihan, persidangan perniagaan antarabangsa, usaha meningkatkan jaringan pengangkutan di kawasan-kawasan perindustrian utama dan usaha mengurangkan jurang digital.



### SOROTAN UTAMA: PROGRAM ACCELERATOR SELANGOR DAN PITCH@SELANGOR

Pada bulan Julai 2023, *Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation* (Sidec) mengumumkan pelancaran kohort keenam bagi *Program Accelerator Selangor 2023*. Inisiatif ini ditunjangi oleh Kerajaan Negeri Selangor dan disokong oleh Affin Bank Berhad sebagai penaja utama.

Program tersebut memberikan tumpuan kepada elemen-elemen penting dalam AI, Impak Kemampanan, Teknologi Kesihatan, Teknologi Pertanian dan Bioteknologi. *Program Accelerator Selangor 2023* menawarkan rangkaian bantuan yang menyeluruh bagi syarikat pemula yang terpilih, termasuk:

- Modul program berstruktur dan intensif selama tiga bulan yang mengandungi 11 bengkel, tiga klinik penyampaian (*pitching*), lima sesi pementoran pada waktu bekerja dan hari demo.
- Bimbingan dan maklum balas pakar daripada mentor-mentor dan para peneraju industri yang berpengalaman.
- Peluang-peluang membina rangkaian kerja dan perkongsian strategik dengan pelabur, pelanggan dan rakan usaha sama berpotensi.
- Mata wang maya daripada *Amazon Web Services (AWS)*, rakan kongsi strategik bagi program tersebut.
- Reruai pameran di Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC) 2023.
- Akses kepada ruang kerja yang khas di *Selangor Sandbox* selama setahun.

Program Accelerator Selangor menjadi titik mula untuk syarikat pemula mengorak langkah sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2018 dan program ini telah menghasilkan lebih daripada 150 buah syarikat pemula dengan 41% daripadanya telah berjaya mendapatkan dana. Selain itu, 70 buah syarikat pemula telah menyertai lawatan pendedahan dan pembelajaran ke luar negara. Edisi *Program Accelerator Selangor 2023* pula bekerjasama dengan 40 buah syarikat pemula dan daripada bilangan itu, 40% telah berjaya menerima dana. Pada bulan Disember 2023, Sidec memimpin sepuluh buah syarikat pemula yang menang untuk menyertai program *Meet Taipei* bagi memberikan mereka peluang untuk bergaul dengan pelabur dan pemain inovasi pada peringkat antarabangsa. Lawatan kerja di Taipei juga diisi dengan sesi di Makmal AI Taiwan yang mempamerkan kuasa AI Janaan.

Dalam edisi terdahulu, *Program Accelerator Selangor 2022*, lima pemenang adalah daripada industri seperti teknologi kewangan, bioteknologi dan teknologi kesihatan. Empat daripada lima pemenang tersebut berjaya mendapatkan dana dalam masa enam bulan selepas memenangi program tersebut.



Sumber: *Digital News Asia*, laman sesawang dan media sosial Sidec, data pemilik projek yang memberikan laporan ketika KSP



## SOROTAN UTAMA: SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT (SIBS)

*Selangor International Business Summit* (SIBS) ialah inisiatif berterusan yang diadakan pada setiap tahun untuk menarik pelaburan domestik dan antarabangsa ke dalam Selangor dan untuk meletakkan Selangor sebagai gerbang ASEAN. SIBS biasanya terdiri daripada enam acara besar iaitu Ekspo Makanan dan Minuman Antarabangsa Selangor, Konvensyen Ekonomi Digital dan Bandar Pintar Selangor, Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi, Ekspo Antarabangsa Selangor (Perubatan), Persidangan Perniagaan Asean Selangor dan Ekspo Taman Perindustrian Selangor.



Persidangan pada tahun 2023 itu telah memecahkan rekod dengan menarik lebih 57,000 orang pelawat dan lebih daripada RM6 bilion transaksi yang berpotensi pada tahun 2023, iaitu kenaikan yang ketara daripada hanya RM217 juta pada tahun 2021 dan RM4.5 bilion pada tahun 2022. Persidangan itu menyaksikan 34 memorandum persefahaman ditandatangani yang melibatkan pelbagai subsektor.

Rentetan kejayaan besar yang dicapai oleh SIBS 2023, edisi 2024 berkemungkinan besar akan diadakan dalam dua bahagian untuk memenuhi keperluan peserta dan hadirin dengan lebih baik.

Sumber: Laman sesawang dan media sosial SIBS, Selangor Journal

Selain itu, sambungan Internet di dalam negeri diperkukuh dengan hampir 1,700 titik akses yang dilengkapi dengan *Wifi Smart Selangor* yang menyasarkan tempat-tempat yang kerap diakses dan mempunyai populasi yang tinggi seperti pusat pendidikan, institusi kesihatan dan agama, pusat masyarakat dan kawasan-kawasan perumahan berkos rendah. PPI yang serupa, Rangkaian Sistem Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), melebarkan sambungan jaringan ke 15 buah perpustakaan negeri bagi meningkatkan sambungan jaringan internet di kawasan-kawasan luar bandar.

Dua PPI baharu telah diperkenalkan iaitu *Smart Selangor Gigabit Network* (SeGnet) dan *Smart Selangor Cashless Society*. SeGnet meletakkan sasaran untuk menambah baik sambungan internet dan membantu dalam menyampaikan perkhidmatan kerajaan dengan lebih cekap. PPI *Smart Selangor Cashless Society* yang telah selesai pula meletakkan sasaran untuk meningkatkan penggunaan transaksi tanpa tunai, seiring dengan sasaran-sasaran *Smart Economy* untuk mempromosikan ekonomi digital tanpa tunai di seluruh negeri selain untuk merangsang pendigitalan dalam kalangan peniaga bagi meningkatkan perniagaan dalam talian.

Bidang-bidang tumpuan pada masa akan datang termasuk Kecerdasan Buatan (AI), selari dengan NIMP 2030. Kerajaan Negeri di dalam belanjawan Negeri mengumumkan suatu rancangan untuk menubuhkan Pusat AI Selangor bagi mempersiapkan bakat-bakat di Selangor untuk merebut peluang yang besar di dalam industri tersebut. Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM6 juta untuk *IoT-Enabled Industrial Park* (IEIP) bagi memajukan infrastruktur telekomunikasi di kawasan-kawasan perindustrian utama. Inisiatif ini akan melengkapkan inisiatif jaringan pengangkutan perindustrian yang sedia ada iaitu Jalur Lebar Industri Selangor (JALIN).



## Jadual 4.5: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam sektor tumpuan Ekonomi

### Selesai

Program <i>Selangor e-Commerce Onboarding</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dijalankan pada tahun 2021 dan 2022. PPI ini membantu melatih 200 orang usahawan untuk mencipta akaun di platform e-dagang dan membantu 200 orang usahawan menubuhkan stor dalam talian</li> <li>Untuk melonjakkan perkembangan perniagaan, aktiviti-aktiviti PPI ini turut menyediakan usahawan-usahawan dengan laman sesawang e-dagang yang komprehensif termasuk nama domain, pengehosan, gerbang pembayaran, troli membeli-belah, pelayan dan kemudahan-kemudahan e-dagang yang lain</li> </ul>
Kempen <i>Selangor e-Bazaar</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diselesaikan pada tahun 2021 PPI ini ialah hasil usaha sama antara Kerajaan Negeri Selangor dengan platform e-dagang Shopee dan Lazada bagi mendepani pandemik COVID-19</li> <li>Aktiviti-aktiviti di bawah PPI ini bertujuan untuk membantu peniaga-peniaga yang terjejas agar mereka terus berniaga dalam talian dan usaha ini merekodkan 44,000 pendaftaran baharu di platform-platform yang mengambil bahagian serta RM100 juta jualan langsung daripada baucar</li> </ul>
Geran Padanan Pendigitalan PKS Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>PPI ini menyediakan 50% geran pepadanan atau sehingga RM5,000 untuk membantu usaha-usaha pendigitalan PKS, khususnya ketika dalam tempoh pemulihan pasca COVID-19</li> <li>Diselesaikan pada tahun 2021, 1,047 orang pengusaha PMKS menerima geran pepadanan dan dibantu oleh seramai 150 panel pembekal perkhidmatan teknologi pendigitalan</li> </ul>
<i>Amazon Web Services Smart Selangor Cloud Accelerator Learning Programme (SCALE)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PPI ini dilaksanakan untuk membantu meningkatkan kemahiran dalam bidang pengkomputeran awan bagi membantu aktiviti-aktiviti ekonomi berasaskan digital oleh PKS dan syarikat pemula</li> <li>Pada tahun 2021, 42 orang pengusaha PKS menyertai 108 sesi latihan yang memberikan pendedahan berkenaan pengkomputeran awan <i>Amazon Web Service (AWS)</i> dan penggunaan pengkomputeran awan untuk membantu operasi perniagaan mereka</li> </ul>
Platform PKS <i>Smart Selangor</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Data yang dikumpulkan melalui Platform PKS akan membantu Kerajaan Negeri memantau pertumbuhan PKS dan mengenal pasti keperluan mereka untuk merancang bantuan yang bersasar dan berkesan</li> <li>Setakat tahun 2021, 30,113 orang pengusaha PKS telah didaftarkan di dalam platform tersebut manakala 113 orang pengusaha PKS telah menjalani latihan berkenaan pendigitalan perniagaan mereka</li> </ul>
<i>Smart Selangor Cashless Society</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selesai pada tahun 2021, 4,000 orang peniaga telah didaftarkan dan 420 orang pengusaha PKS menyertai bazar dalam talian e-Souq yang didaftarkan di dalam platform Maybank Sama-Sama Lokal</li> </ul>

### Sedang Dijalankan

<i>Selangor e-Commerce Education</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Latihan berkenaan pendidikan e-dagang untuk syarikat-syarikat dimulakan pada bulan Ogos 2023 dan berjalan seperti dirancang untuk mencapai sasaran</li> <li>PPI ini merekodkan penyertaan sebanyak 30 buah syarikat dengan 15 latihan intensif telah dijalankan</li> <li><b>Program bagi tahun 2024 akan bermula pada bulan Jun</b></li> </ul>
<i>Selangor International Business Summit (SIBS)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persidangan pada tahun 2023 menjana RM6.12 bilion transaksi yang berpotensi dan menarik lebih daripada 57,000 orang pelawat</li> <li><b>Perancangan untuk persidangan pada tahun 2024 sedang dijalankan dengan sasaran untuk menarik pelaburan domestik dan antarabangsa ke dalam industri-industri utama di Selangor khususnya yang mempunyai nilai dan impak yang tinggi serta meletakkan Selangor sebagai gerbang masuk ke ASEAN untuk merangsang pelaburan bernilai dan berimpak tinggi</b></li> </ul>
<i>Wifi Smart Selangor</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1,693 titik akses dilengkapi dengan talian Wifi setakat 2023 termasuk pusat komuniti, pusat pendidikan dan rumah ibadah, kawasan-kawasan perumahan kos rendah dan lain-lain</li> </ul>
<i>Selangor Advance</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencapai sasaran kadar penggunaan dana untuk membantu PKS melalui pembiayaan (contohnya pemfaktoran invoices)</li> <li><b>Usaha berterusan untuk meningkatkan bantuan pembiayaan PKS sedang dijalankan</b></li> </ul>
Rangkaian Sistem Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setakat tahun 2023, sebanyak 15 titik akses yang baharu dilengkapi dengan talian Wifi telah diwujudkan dengan purata kadar penggunaan tahunan sebanyak 6,000 orang pengguna bagi setiap titik akses</li> <li><b>Usaha berterusan untuk meningkatkan bilangan titik akses yang dilengkapi dengan talian Wifi melalui rangkaian PPAS sedang dijalankan</b></li> </ul>
Pusat Kecemerlangan (CoE) Smart Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar penggunaan Wisma BSN CoE ialah 100% setakat tahun 2023</li> <li><b>Usaha berterusan termasuk perjanjian usaha sama bagi pengurusan CoE sedang dijalankan</b></li> </ul>
Penubuhan Unit Keselamatan Siber	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Dalam proses penubuhan dan mendapatkan kelulusan MMKN</b></li> </ul>

## Sedang Dijalankan

Platform Selangor - PLATS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih kurang 27,000 perniagaan berdaftar dengan PLATS</li> <li>• Usaha berterusan untuk mendaftarkan lebih banyak PBT dan untuk meneruskan sesi latihan berkenaan penggunaan PLATS sedang dijalankan</li> </ul>
Selangor Digital School	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha berterusan sedang dijalankan untuk mendaftarkan pelajar-pelajar yang layak dan untuk memuktamadkan pembangunan kurikulum (contohnya Pemasaran AI, Kejuruteraan Prom AI)</li> </ul>
Kemudahan Rangkaian 5G di Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha berterusan sedang dijalankan untuk membina menara pemancar 5G rintis dan untuk mengenal pasti lokasi-lokasi menara pemancar pada masa akan datang berdasarkan permintaan</li> </ul>
Dana Inovasi Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencarian pelabur sedang dijalankan</li> </ul>
Jalur Lebar Industri Selangor (JALIN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha berterusan sedang dijalankan untuk mengenal pasti zon-zon perindustrian berpotensi dan kurang berpotensi, juga memuktamadkan perjanjian bersama pemaju, vendor dan operator</li> </ul>
Malaysia Top e-Commerce Merchant Awards	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan peserta yang disenarai pendek meningkat dua kali ganda daripada 181 buah syarikat pada tahun 2021 kepada 360 buah syarikat pada tahun 2023, manakala jualan dan pesanan meningkat daripada RM47 juta kepada RM77.6 juta dalam tempoh yang sama</li> <li>• Acara penganugerahan akan diadakan pada setiap tahun untuk meningkatkan pengiktirafan dan menaikkan ketampakan jenama bagi usahawan e-dagang di samping menjadi pemangkin industri e-dagang melalui kempen promosi yang diciptakan khas untuk usahawan-usahawan yang disenarai pendek</li> </ul>
Jelajah Usahawan Digital Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada tahun 2021 dan 2022, bantuan yang diberikan melalui program ini melibatkan sebanyak lapan lokasi dan 1,700 orang peserta</li> <li>• Perancangan bagi tahun 2024 sedang dijalankan untuk membantu usaha pendigitalan dan e-dagang khususnya bagi kawasan-kawasan luar bandar</li> </ul>
Program Accelerator Selangor dan Pitch@Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sepanjang tahun 2021 hingga 2023, 120 buah syarikat telah dilatih. Daripada bilangan tersebut, antara 34% hingga 41% daripadanya berjaya memperoleh pelaburan (contohnya melalui pendanaan awam ekuiti)</li> <li>• PPI ini akan diteruskan pada tahun 2024 untuk membantu syarikat-syarikat melalui latihan dan pementoran</li> </ul>

## Jadual 4.6: PPI baharu di bawah sektor tumpuan Ekonomi Digital

### Baharu

Smart Selangor GigaBit Network (SeGnet)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha berterusan sedang dijalankan untuk meningkatkan bilangan nod operasi di dalam jaringan gigabit untuk membantu penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih cekap</li> </ul>
---	--

● Pencapaian utama (2021-2023)      ● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)      ● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)      \*PPI Pemacu Perubahan





## SEKTOR TUMPUAN 4: AEROANGKASA

PPI dalam sektor Aeroangkasa dirancang untuk menjadikan Selangor sebagai pilihan utama pelabur bagi industri aeroangkasa di Asia Pasifik. Sektor aeroangkasa diketengahkan sebagai salah satu daripada lima sektor utama di dalam NIMP 2030 oleh Kerajaan Persekutuan. Selangor memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai aspirasi tersebut sebagai sebuah negeri yang menempatkan lebih 67% daripada keseluruhan ekosistem aeroangkasa di Malaysia, menurut Invest Selangor Berhad. Antara PPI yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan menambahkan aktiviti di dalam sektor ini termasuk fasiliti pembuatan dan pengujian, inisiatif-inisiatif berkaitan pendidikan dan latihan serta aktiviti-aktiviti promosi yang lain.

Bagi menggalakkan pertumbuhan industri ini, pembangunan bakat perlu diutamakan dengan bantuan daripada *Selangor Skills Framework Platform* (SSFP) yang telah pun memenuhi sasaran-sasaran awal berkenaan kerangka kemahiran dan laluan kerjaya dalam sektor aeroangkasa. Selanjutnya, SSFP

akan diperluas melangkaui sektor aeroangkasa dan platform tersebut akan dijadikan sebagai pusat rujukan bagi pemain-pemain utama dalam industri ini agar penyedia khidmat latihan lebih memahami kemahiran yang diperlukan.

Aktiviti promosi untuk sektor tersebut termasuk *Selangor Aviation Show* yang menarik lebih daripada 19,000 orang pengunjung dari dalam dan luar negara pada tahun 2023, tiga kali ganda lebih besar bilangannya sejak ia dimulakan pada tahun 2021 (hampir 5,000 orang pengunjung) dan 2022 (lebih kurang 11,000 pengunjung).

*Selangor Aero Park*, taman perindustrian aeroangkasa pertama yang berkonsepkan hijau telah diletakkan sebagai projek utama dalam Pembangunan Berasaskan Geografi: IDRIS.

### Jadual 4.7: PPI yang sedang dijalankan dalam sektor tumpuan Aeroangkasa

#### Sedang Dijalankan

<i>Selangor Aviation Show</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertunjukan pada tahun 2023 merekodkan lebih daripada 19,000 orang pengunjung, meningkat daripada lebih kurang 5,000 orang pada tahun 2021</li> <li>Transaksi yang berpotensi sebanyak RM823 juta dilaporkan pada tahun 2023 (2021: RM100 juta)</li> </ul>
<i>Selangor Skills Framework Platform</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Platform telah selesai dibangunkan pada tahun 2022 dan memetakan laluan kerjaya untuk industri aeroangkasa pada tahun 2023</li> <li>Peluasan dan penambahbaikan platform terus dijalankan untuk merangkumkan sektor-sektor utama yang lain, dibantu dengan usaha sama daripada HRD Corp dan diintegrasikan dengan rangka kerja kemahiran yang sedia ada (Rangka Kerja Kelayakan Malaysia, MQF)</li> </ul>
<i>Selangor Drone Centre of Excellence (SDCOE)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>UNISEL bersetuju dan melantik SELATI sebagai rakan kerjasama untuk pembangunan dron di Selangor dan Malaysia</li> <li>Program kerjasama dengan pemain dron CAAM setuju dengan pelaksanaan di UNISEL</li> </ul>
Bernam River Airfield	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam proses perjanjian bersama operator/pengendali, Melljets &amp; Helicopters Sdn Bhd (surat perjanjian pada Oktober 2023, milikan kosong pada November 2023)</li> </ul>
Meletakkan Selangor sebagai Pusat Pertama Dron dan Negeri Mesra 'Airwaze' di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek masih di fasa perbincangan</li> </ul>
<i>Apprenticeship 4.0: World-class Engineering Workforce And Aerospace Training</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>47 perantis sedang menjalani latihan di bawah Program Perantisan Aeroangkasa bersama GE Engine Services Malaysia Sdn. Bhd.</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## SEKTOR TUMPUAN 5: AUTOMOTIF

Selangor merupakan hab utama bagi industri automotif di Malaysia yang menempatkan lebih daripada separuh pembekal automotif negara. Sejajar dengan NIMP 2030, trajektori masa depan bagi industri automotif menekankan pengintegrasian sektor mobiliti dan E&E di samping meluaskan teknologi dan infrastruktur kenderaan cekap tenaga (EEV) untuk memupuk industri

bernilai tinggi dan mobiliti hijau. PPI dalam sektor tumpuan ini berhubung kait dengan sektor-sektor tumpuan dan tema-tema strategik yang lain. Contohnya, inisiatif-inisiatif di bawah Insentif Kerajaan Selangor, IKTISASS dan peluasan infrastruktur EV menyumbang kepada industri automotif dari perspektif sosio-ekonomi dan pertumbuhan hijau.

### Jadual 4.8: PPI yang sedang dijalankan dalam sektor tumpuan Automotif

#### Sedang Dijalankan

<p>Selangor Mobiliti (sebelum ini dikenali sebagai Pelaksanaan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon di peringkat negeri dan tempatan)* (rujuk Bab 6 Negeri Rendah Karbon)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>194 stesen pengecas EV telah dipasang oleh Kerajaan Negeri di seluruh Selangor</li> <li>Negeri Selangor akan memasang 1,000 unit pengecas EV sehingga tahun 2025 dan 4,000 unit sehingga tahun 2030</li> </ul>
<p>Meningkatkan kecekapan tenaga bagi kenderaan kerajaan (rujuk Bab 6 Projek, Program dan Inisiatif 'Cross Cutting')</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Negeri Selangor telah berjaya dalam menggantikan 10% daripada kenderaan pengangkutannya dengan sama ada kenderaan cekap tenaga, EV, kenderaan elektrik hibrid, atau kenderaan kenderaan elektrik hibrid plug-in</li> <li>Negeri mencapai 10% daripada sasarannya untuk memasang satu stesen pengecas EV di setiap pihak berkuasa tempatan dan pejabat daerah dan tanah</li> <li>Melangkah ke hadapan, armada pengangkutan kerajaan yang dihentikan secara berperingkat akan digantikan dengan EV</li> </ul>
<p>Pengembangan Malaysian Smart Factory 4.0 untuk Centre of Emerging Technologies (MSF4.0 – CET)* (rujuk Bab 4 E&amp;E dan M&amp;E)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencapai sasaran 2023 dari segi bilangan projek Bukti Nilai (POV) yang dilaksanakan (sepuluh projek), bilangan projek Teknologi Sumber Terbuka (lima projek) dan bilangan Juruteknologi terlatih dan bertauliah dalam bidang Kilang Pintar dan Teknologi Baru Muncul pada tahun 2023 (264 pelajar)</li> <li>Fokus untuk 2024 dan 2025 adalah untuk meningkatkan jumlah POV, Projek Teknologi Sumber Terbuka dan ahli teknologi</li> </ul>
<p>IKTISASS - Pembangunan Kurikulum Industri TVET* (rujuk Bab 4 E&amp;E dan M&amp;E)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencapai matlamat 2023 dalam hal bilangan kursus TVET yang ditingkatkan (tiga kursus), bilangan pelajar yang mendaftar (300 pelajar) dan bahagian pelajar yang diterima bekerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat kursus (70%)</li> <li>Fokus untuk 2024 dan 2025 ialah untuk meningkatkan bilangan kursus yang ditingkatkan dan pendaftaran pelajar</li> </ul>
<p>IKTISASS - Penawaran Persijilan Profesional yang Diiktiraf oleh Industri* (rujuk Bab 4 E&amp;E dan M&amp;E)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Secara meluas mencapai matlamat dalam hal bilangan Memorandum Perjanjian (MoA) ditandatangani dengan syarikat-syarikat untuk pembangunan modul (satu perjanjian) dan bilangan pelajar yang mendapat sijil dalam bidang pembuatan lanjutan, pembangunan aplikasi, kandungan kreatif dan simulasi 3D (444 students)</li> <li>Untuk meneruskan usaha untuk MOAs dan pelajar yang disahkan pada tahun 2024 dan 2025</li> </ul>
<p>Selangor International Business Summit (SIBS)* (rujuk Bab 4 Ekonomi Digital)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Summit 2023 menjana RM6.12 bilion transaksi potensial dan menarik lebih daripada 57,000 pelawat</li> <li>Perancangan semasa KTT 2024 fokus kepada menarik pelaburan domestik dan antarabangsa ke dalam industri utama di Selangor. Tujuannya adalah untuk mensasarkan industri yang mempunyai nilai dan dampak yang tinggi, manakala meletakkan Selangor sebagai pintu gerbang ke ASEAN. Pendekatan strategik ini bertujuan untuk merangsang pelaburan bernilai tinggi dan berpengaruh di rantau ini</li> </ul>
<p>Insentif Kerajaan Selangor (Selangor Government Incentives, SGI)* (rujuk Bab 4 E&amp;E dan M&amp;E)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan Negeri yang diperolehi pada 2022</li> <li>Proses penyebaran sirkular rasmi sedang dilaksanakan</li> <li>Untuk menyokong pembangunan di bawah IDRIS dan Taman Industri Diuruskan Lain di Selangor</li> </ul>


● Key achievement (2021-2023)

● Implementation in progress (As of 2023)

● Planned implementation (2024 onwards)

\*A Game Changer PPI





## SEKTOR TUMPUAN 6: ELEKTRIK & ELEKTRONIK DAN MESIN & PERALATAN

PPI bagi sektor E&E dan M&E menasaskan untuk meningkatkan pelaburan domestik dan asing ke dalam negeri dan menarik segmen nilai tambah bernilai tinggi daripada aktiviti-aktiviti rantaian nilai E&E dan M&E. Pada amnya, PPI tersebut adalah selari dengan NIMP 2030, khususnya projek-projek berasaskan misi yang disusun di dalam rancangan tersebut seperti mentransformasikan kilang pintar dan AI janaan.

Beberapa PPI memberikan tumpuan kepada sasaran untuk meningkatkan bekalan modal insan di Selangor yang akan menyokong kemasukan pelaburan. PPI tersebut merangkumi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pendidikan profesional. *Malaysian Smart Factory 4.0* untuk *Centre of Emerging Technologies* telah melatih dan menganugerahkan sijil kepada 264 orang ahli teknologi dalam bidang AI dan Kilang Pintar.

Usaha-usaha di bawah program IKTISASS termasuk menambah baik kurikulum TVET dengan rundingan bersama pemain industri dan membangunkan modul bagi pensijilan profesional dalam bidang-bidang seperti pembuatan maju, pembangunan aplikasi, kandungan kreatif dan simulasi tiga dimensi (3D). Daripada jumlah pelajar yang menamatkan latihan TVET di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC), hampir 70% telah diambil bekerja dalam masa enam bulan selepas tamat kursus. PPI Pusat Kecemerlangan PV Solar telah diberikan nama baharu kepada Pusat Kecemerlangan untuk Tenaga Mampan bagi menyelaraskannya dengan NETR. Pusat ini menawarkan kursus-kursus yang tidak hanya berkaitan dengan solar.





#### Jadual 4.9: PPI yang sedang dijalankan dalam sektor tumpuan E&E and M&E

##### Sedang Dijalankan

Insentif Kerajaan Selangor ( <i>Selangor Government Incentives, SGI</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan daripada Kerajaan Negeri telah diperoleh pada tahun 2022</li> <li>• <b>Pekeliling dalam proses pengemaskinian</b></li> <li>• Untuk membantu pembangunan di bawah IDRIS dan Taman Perindustrian Terurus (MIP) yang lain di Selangor</li> </ul>
Pusat Kecemerlangan untuk Tenaga Mampan (sebelum ini Pusat Kecemerlangan PV Solar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja pengubahsuaian telah siap dan beberapa kursus telah dimulakan kebanyakannya dalam fasa reka bentuk dan perancangan</li> <li>• <b>Usaha berterusan untuk memasang kemudahan yang diperlukan untuk Fotovolta Luar Grid (OGPV), latihan sistem, latihan pengecas EV, latihan Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS), latihan Pengurusan Tenaga &amp; Kecekapan Tenaga (EM &amp; EE), latihan pemantauan dron, latihan bekerja di tempat tinggi dan keselamatan serta latihan hidrogen hijau sedang dijalankan</b></li> </ul>
Pengembangan <i>Malaysian Smart Factory 4.0</i> untuk <i>Centre of Emerging Technologies (MSF4.0 – CET)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencapai sasaran-sasaran bagi tahun 2023 dari segi Bukti Nilai (POV) bagi projek yang dilaksanakan (sepuluh projek), bilangan projek Teknologi Sumber Terbuka (lima projek) dan bilangan ahli teknologi terlatih dan dianugerahkan sijil dalam bidang Kilang Pintar dan Teknologi Berkembang pada tahun 2023 (264 orang pelajar)</li> <li>• Untuk meningkatkan bilangan POV, Projek Teknologi Sumber Terbuka dan ahli teknologi bersijil pada tahun 2024 dan 2025</li> </ul>
IKTISASS - Pembangunan Kurikulum Industri TVET	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencapai sasaran-sasaran bagi tahun 2023 dari segi bilangan kursus TVET yang telah ditambah baik (tiga kursus), bilangan pelajar yang menyertai kursus (300 orang) dan bilangan pelajar yang diambil bekerja dalam masa enam bulan selepas tamat belajar (70%)</li> <li>• Untuk meningkatkan bilangan kursus yang ditambah baik dan kemasukan pelajar pada tahun 2024 dan 2025</li> </ul>
IKTISASS - Penawaran Persijilan Profesional yang Diiktiraf oleh Industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada amnya telah mencapai sasaran-sasaran dari segi bilangan Memorandum Persetujuan (MoA) yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat untuk pembangunan modul (satu perjanjian) dan bilangan pelajar yang menerima sijil dalam bidang pembuatan maju, pembangunan aplikasi, kandungan kreatif dan simulasi 3D (444 orang pelajar)</li> <li>• Untuk meneruskan usaha berkenaan MoA dan pensijilan pelajar pada tahun 2024 dan 2025</li> </ul>

#### Jadual 4.10: PPI baharu di bawah sektor tumpuan E&E dan M&E

##### Baharu

<i>Malaysia Semiconductor Accelerator and Integrated Circuit (IC) Design Park: Selangor Hub</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada peringkat perancangan akhir - <i>soft landing centre</i> dan penyertaan syarikat akan bermula pada tahun 2024</li> </ul>
---	--

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## SOROTAN UTAMA: INSENTIF KERAJAAN SELANGOR (SELANGOR GOVERNMENT INCENTIVES, SGI)

Pada bulan November 2021, Selangor menerbitkan garis panduan untuk pembangunan Taman Industri Berkonsepkan MIP, iaitu dokumen yang menetapkan standard bagi taman-taman perindustrian berteknologi tinggi dengan pensijilan ciri-ciri hijau dan penerimgunaan Alam sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Antara ciri-ciri bagi pembangunan Taman Industri Berkonsepkan MIP adalah untuk memasukkan elemen-elemen bandar pintar dan rendah karbon, selain stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) yang wajib dibangunkan.

Untuk membantu aktiviti ekonomi dan pelaburan di dalam Taman Industri Berkonsepkan MIP yang akan dibangunkan, Insentif Kerajaan Negeri telah diluluskan. Insentif – insentif yang ditawarkan seperti Skim Premium Khas, Bayaran Ansuran Caj Pemajuan Tanpa Faedah, Pengecualian Kilang Kos Rendah, Kuota Pemilikan Asing, Pajak jangka Masa Panjang, Cukai Tanah dan Cukai Taksiran. SGI berkenaan turut meliputi komitmen terhadap pelabur untuk mempercepatkan proses kelulusan, insentif cukai taksiran dan pengecualian bayaran lesen perniagaan.



Sumber: Data yang dilaporkan oleh pemilik projek ketika KSP, laman sesawang PLANMalaysia, The Edge Property



## SEKTOR TUMPUAN 7: INDUSTRI HALAL

PPI bagi sektor industri halal meletakkan sasaran untuk menempatkan Selangor sebagai hab halal bagi memenuhi permintaan pada masa depan terhadap produk-produk halal pada peringkat antarabangsa dengan cara membangunkan industri halal di negeri ini. PPI tersebut dijangka akan membantu meningkatkan aktiviti-aktiviti di dalam sektor Industri Halal di Selangor melalui inovasi digital, program-program pembangunan kapasiti, usaha promosi dan perkhidmatan bagi rantaian bekalan halal. Inisiatif yang dilaksanakan adalah melalui platform maklumat pusat yang akan menjadi tumpuan bagi penggiat industri halal. Platform Maklumat Pusat Halal (CIP) mengintegrasikan beberapa aplikasi ke satu platform untuk memudahkan perniagaan. Platform itu terdiri daripada permohonan dalam talian untuk penilaian sendiri mengenai *Certificate Readiness Assessment* (CRA), Halal e-Pembelajaran (ELH), *Halal Integrated Trade and Trade System* (HITS), Rangkaian Gabungan Mesra Muslim Antarabangsa (IMFAN) dan pangkalan data Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Inisiatif Penyelesaian Rantaian Bekalan Halal Selangor dikhususkan untuk memudahkan kesalinghubungan yang lancar di seluruh rantaian bekalan halal, sekaligus mengukuh dan memperkemas amalan integriti halal dalam ekosistem halal. Usaha komprehensif ini merangkumi kemudahan inkubator, perolehan bahan mentah, proses pembuatan, pemprosesan produk, pengeluaran, perkhidmatan halal dan penghantaran tepat pada masanya. Dengan mewujudkan ekosistem rantaian bekalan halal yang berdaya tahan, pihak berkepentingan dalam industri akan memanfaatkan peluang untuk meluaskan pasaran perniagaan domestik dan antarabangsa. Pada masa yang sama, inisiatif ini berterusan bagi menjalin kerjasama strategik bersama dengan penyedia perkhidmatan logistik dan pergudangan, seterusnya mengukuhkan komitmen inisiatif untuk memastikan integriti dan kecekapan rantaian bekalan halal.

**Jadual 4.11: PPI yang sedang dijalankan dalam sektor tumpuan Industri Halal**

### Sedang Dijalankan

Pembangunan Kapasiti Halal Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hampir 3,000 orang dilatih berkenaan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) antara tahun 2021 hingga 2023</li> <li>Menyediakan latihan dan bantuan nasihat melebihi 300 buah syarikat termasuk PKS berkenaan cara memperoleh SPHM</li> </ul>
Promosi Halal Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelbagai usaha promosi telah dijalankan pada tahun 2023 antaranya Konvensyen Halal Antarabangsa Selangor (SELHAC) yang mencapai anggaran nilai padanan perniagaan sebanyak RM55 juta</li> </ul>
Perkhidmatan bagi Rantaian Bekalan Halal Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Authorised Halal Integrated Selangor (HIS) Operator (AHO)</i> dilancarkan pada 13 Jun 2023</li> <li>Usaha berterusan sedang dijalankan untuk menubuhkan perkongsian dalam logistik dan pergudangan</li> </ul>
<i>Central Information Platform (CIP)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Usaha berterusan sedang dijalankan untuk mengintegrasikan portal-portal penting yang berkaitan dengan pelbagai aspek di dalam industri (contohnya, pensijilan halal, e-dagang, pangkalan data ramuan dan e-pembelajaran) ke dalam satu CIP</li> </ul>

**Jadual 4.12: PPI baharu di bawah sektor tumpuan Industri Halal**

### Baharu

Penilaian Tahap Kesediaan Sijil Halal (CRA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peringkat awal pembangunan sistem</li> <li>Untuk diintegrasikan ke dalam CIP menjelang tahun 2025</li> </ul>
---	---

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## SEKTOR TUMPUAN 8: SAINS HAYAT

PPI bagi sektor Sains Hayat menyasarkan agar Selangor menjadi kluster sains hayat setempat dalam bidang farmaseutikal, peranti perubatan, bioteknologi, kosmetik, penjagaan diri, dan kelengkapan peribadi berasaskan bio. PPI tersebut merangkumi program pemecut atau perkongsian industri serta inisiatif-inisiatif rangkaian dan promosi. Beberapa inisiatif di dalam sektor tersebut adalah berdasarkan Pelaksanaan Inisiatif Pelan Tindakan Bioteknologi Selangor (*Selangor Biotechnology Action Plan, SBAP*) 2021-2030.

Untuk membantu fasa-fasa awal dalam menerokai kebolehlaksanaan dan pelaburan dalam bidang sains hayat, inisiatif-inisiatifnya termasuk portal maklumat dan *soft landing centre*. Rangkaian Bioteknologi Dalam Talian dan Portal Promosi sedang dijalankan mengikut perancangan dan dijangka akan mula beroperasi menjelang tahun 2024. Portal ini akan bertindak sebagai hab rujukan utama yang boleh diakses bukan hanya oleh syarikat-syarikat berkaitan bioteknologi di Selangor, bakal pelabur, rakan kerjasama, entiti kerajaan dan orang awam. Selain memberikan maklumat berkenaan pembangunan bioteknologi di Selangor, portal ini juga akan memaparkan pangkalan data serta direktori pakar dan orang di dalam industri yang boleh membantu dalam usaha untuk bekerjasama dan membantu para pelabur untuk mencari rakan-rakan kongsi yang berpotensi.

*Soft Landing Centre* pula bertindak sebagai ruang kerja sementara untuk pelabur-pelabur yang berpotensi dari dalam dan luar negara serta para usahawan yang berminat untuk menerokai peluang-peluang dan menubuhkan perniagaan di Selangor. Para pelabur dan usahawan prospektif boleh mengakses fasiliti di pusat ini pada kadar sewaan yang munasabah bagi memudahkan mereka memperoleh ruang kerja ketika menjalankan penyelidikan di Selangor.



**Jadual 4.13: PPI yang telah selesai dan yang sedang dijalankan dalam sektor tumpuan Sains Hayat**

### Selesai

Penubuhan S-BIOCO	▪ S-BIOCO telah ditubuhkan pada tahun 2022
-------------------	--

### Sedang Dijalankan

<i>SELBIO Accelerate</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sebanyak 19 buah syarikat telah dipilih untuk program berasaskan biologi pada tahun 2023</li> <li>▪ Program tahunan diteruskan pada tahun 2024 dan 2025</li> </ul>
<i>Soft Landing Centre</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Konsep dan rangka kerja telah diluluskan oleh BOD</li> <li>▪ Kelulusan sudah diperoleh pada peringkat MMKN</li> <li>▪ Operasi (sewaan ruang dan fasiliti kepada para pelabur) dirancang untuk bermula pada tahun 2024</li> </ul>
Program kerjasama makmal dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institusi Penyelidikan (IP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Konsep dan rangka kerja telah diluluskan oleh BOD</li> <li>▪ Kelulusan sudah diperoleh pada peringkat MMKN</li> <li>▪ Beberapa kerjasama dengan IPT telah dimulakan</li> <li>▪ Libat urus berterusan dengan lebih banyak IPT dan IP</li> </ul>
Rangkaian Bioteknologi Dalam Talian dan Portal Promosi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dalam proses kajian penandaarasan yang berterusan dan penyediaan cadangan kerangka portal</li> <li>▪ Pelancaran portal dirancang akan diadakan pada tahun 2024</li> </ul>

**Jadual 4.14: PPI baharu di bawah sektor tumpuan Sains Hayat Baharu**

Pelaksanaan Inisiatif Pelan Tindakan Bioteknologi Selangor ( <i>Selangor Biotechnology Action Plan, SBAP</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mencapai sasaran bilangan SBAP yang mencapai sasaran</li> <li>▪ Lapan pelan tindakan sedang dilaksanakan dengan kerjasama strategik daripada pelbagai pemegang taruh</li> </ul>
--	--

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## SEKTOR TUMPUAN 9: AGROTEKNOLOGI

PPI bagi sektor Agroteknologi berhasrat untuk menjadikan Selangor sebagai pengeluar utama bagi produk-produk pertanian yang bernilai tinggi dengan mempromosikan dan membolehkan penggunaan teknologi IR 4.0 dalam operasi pertanian dan menggunakan teknologi biji dan benih yang terkini dalam produk-produk tersebut. Sektor agroteknologi ini memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan pengeluaran dan hasil daripada tanaman dan ternakan yang utama khususnya bagi tujuan menjaga keterjaminan makanan. Aktiviti-aktiviti di dalam sektor ini diperkuat dengan usaha-usaha pemodenan termasuk usaha meningkatkan kualiti biji untuk hasil pertanian dan benih untuk hasil ternakan serta usaha mengurangkan impak pengeluaran tersebut terhadap alam sekitar (seperti mengurangkan pencemaran air dengan menggunakan bahan-bahan organik).

PPI tersebut merangkumi dokumen-dokumen dasar untuk menyokong proses pengeluaran yang lebih moden dan mesra alam, program-program untuk menambah baik teknologi biji dan benih serta pelbagai program pemecut teknologi. Satu PPI baharu yang berpotensi untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Selangor adalah berkaitan dengan keterjaminan makanan yang telah dikenal pasti sebagai keutamaan bagi Kerajaan Negeri ketika belanjawan Negeri dibentangkan pada bulan November 2023 lalu. Pada keseluruhannya, peruntukan yang diumumkan di dalam belanjawan Negeri untuk keterjaminan makanan berada pada nilai yang agak besar iaitu RM40 juta.

### Jadual 4.15: PPI yang sedang dijalankan dalam sektor tumpuan Agroteknologi

#### Sedang Dijalankan

Pemodenan Pertanian & Pertanian Bernilai Tinggi Selangor - Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Usaha berterusan untuk mendapatkan kelulusan bagi dasar-dasar terkini dan dimodenkan untuk pengeluaran akuakultur dan ayam sedang dijalankan</li> </ul>
Pemodenan Pertanian & Pertanian Bernilai Tinggi Selangor - Program	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program-program berada pada peringkat awal, contohnya Bukti Konsep (<i>Proof of Concept, POC</i>) dan kajian kebolehlaksanaan khususnya yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan melalui teknologi biji dan benih yang dipertingkat serta teknologi pengeluaran moden</li> </ul>
Program Selangor Agri-Tech Accelerator	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lapan program di bawah PPI ini sedang dijalankan khususnya yang berkaitan dengan teknologi pengeluaran makanan</li> </ul>
Taman Agro Pintar Selangor & Ladang Agro Pintar Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penanaman dan pengeluaran sedang dijalankan khususnya yang berkaitan dengan pengeluaran makanan</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan





## PEMBANGUNAN BERASASKAN GEOGRAFI I: KAWASAN PEMBANGUNAN SABAK BERNAM (SABDA)

Pembangunan SABDA ialah pembangunan berasaskan geografi terbesar di dalam RS-1 dari segi saiz dan bilangan PPI (18 PPI). Aktiviti-aktiviti ekonomi utamanya ialah pertanian dan ekopelancongan yang membantu keterjaminan makanan di dalam negeri dan meningkatkan atau mengoptimumkan tarikan pelancong yang sedia ada secara strategik dengan cara menambah baik fasiliti dan melalui promosi. Selain itu, PPI di bawah SABDA dijangka akan menarik pelaburan baharu untuk membangunkan aktiviti-aktiviti pertanian hiliran serta membangunkan infrastruktur dan fasiliti awam.

Projek-projek infrastruktur disasarkan untuk meningkatkan jaringan pengangkutan termasuk Lebuhraya Pantai Barat, Jambatan Sg Air Tawar – Hutan Melintang serta kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Air Manis @ Kompleks Agropolitan Sabak Bernam. Bahagian-bahagian lebuhraya yang bersambung dengan SABDA telah siap dan dijangka akan memperkukuh jaringan pengangkutan daripada SABDA ke

selatan Selangor (Banting) sehingga Taiping, Perak. R&R Air Manis @ Kompleks Agropolitan Sabak Bernam akan ditempatkan bersebelahan dengan kompleks agropolitan tersebut bagi mempromosikan SABDA sebagai kawasan yang berpacukan pertanian. Jajaran Rel Kita Selangor telah diumumkan dalam belanjawan Negeri baru-baru ini, iaitu laluan rel terancang yang menghubungkan Klang ke Kuala Selangor, Tanjong Karang dan Sabak Bernam. Kajian kebolehlaksanaan dan perancangan dijangka akan bermula pada tahun 2024. Dengan meningkatnya tahap jaringan pengangkutan tersebut, ia akan membantu pembangunan SABDA pada masa akan datang.

Oleh sebab kebanyakan PPI jaringan pengangkutan di bawah SABDA ialah pembangunan yang berjangka panjang dan berskala besar, PPI tersebut pada amnya masih berada pada tahap awal kelulusan termasuk pertimbangan alam sekitar, tanah dan perancangan serta reka bentuk.



### SOROTAN UTAMA: SABDA DAN KETERJAMINAN MAKANAN


PPI baharu telah diperkenalkan di dalam SABDA bagi menyelaraskannya dengan keutamaan Kerajaan Negeri dalam memastikan keterjaminan makanan (seperti yang diumumkan di dalam pembentangan belanjawan 2024). Taman Agro Pintar Selangor dan Ladang Agro Pintar Selangor memberikan tumpuan kepada pembangunan pertanian berteknologi tinggi termasuk di Changkat Menteri, Jelutong Jati, Sungai Air Tawar dan Sungai Air Panjang. Pada amnya, projek-projek ini sedang berada pada peringkat perancangan. Sebahagian daripada tanaman utama dijangka akan mula menunjukkan hasil pada tahun 2024 atau 2025. Hasil tanaman utama di kawasan tersebut ialah buah-buahan dan sayur-sayuran seperti nanas Yankee, nanas MD2, jagung manis, serai dan sayur-sayuran berdaun yang akan memenuhi keperluan dalam negeri dan mengurangkan kebergantungan terhadap produk import.

Beberapa projek hiliran membantu pembangunan tersebut bagi menyumbang kepada rantai bekalan yang moden dan lengkap dalam proses pengeluaran makanan. Projek Industri Hiliran Hasil Laut & Agro Makanan Sg Lang termasuk ladang ikan mampan, loji pemrosesan produk ikan moden, pemrosesan baja dan makanan haiwan peliharaan, fasiliti penyimpanan sejuk, mesin fillet dan fasiliti pelabuhan moden yang sudah mendapat sijil daripada Kesatuan Eropah (EU). Antara projek utama ialah pembangunan kilang pemrosesan dan pembungkusan tuna dan ikan laut dalam pertama di Malaysia, serta ladang penternakan ikan dan ketam darat yang dijangka dapat mencipta antara 2,500 hingga 5,000 peluang pekerjaan. Projek tersebut berada dalam fasa reka bentuk dan perancangan iaitu perjanjian usaha sama dengan pihak operator dan warta tanah untuk tujuan akuakultur. Projek Kompleks Pendaratan Hasil Laut Sekinchan juga masih berada dalam fasa reka bentuk dan perancangan, dan ia merangkumi restoran makanan laut, pasar ikan dan hasil laut, dewan bidaan ikan, kawasan pembersihan dan pengedaran, jeti ikan, gudang pembungkusan, bilik penyimpanan sejuk, bengkel pembinaan dan pembaikan bot serta kawasan meletak bot nelayan. Pelabuhan tersebut akan dilengkapi dengan sistem kebolehesanan komprehensif yang berupaya menjejaki asal usul, pemrosesan, dan pengedaran setiap produk ikan di kemudahan itu.

Terkini, Kerajaan Negeri memberikan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk menjaga keterjaminan makanan khususnya bekalan beras, ikan dan daging untuk bersiap sedia menghadapi gangguan akibat perubahan iklim atau krisis geopolitik. Inisiatif-inisiatif yang akan dilakukan ini memberikan faedah kepada SABDA kerana kawasan tersebut dipersiapkan untuk membantu pengeluaran makanan.



Sumber: Maklumat yang dilaporkan ketika KSP



**Jadual 4.16: PPI yang telah selesai dan yang sedang dijalankan dalam Pembangunan Berasaskan Geografi SABDA**

**Selesai**

Lebuhraya WCE* - Gerbang ke Wilayah Pembangunan SABDA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahagian-bahagian lebuhraya di sekeliling di kawasan SABDA telah selesai seperti dirancang</li> </ul>
---	--

**Sedang Dijalankan**

Industri Hiliran Hasil Laut & Agro Makanan Sg Lang*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memorandum Perjanjian (MoA) bersama pihak operator utama telah ditandatangani pada tahun 2023</li> <li>Kelulusan tanah sedang dalam kemajuan</li> </ul>
Pejabat Operasi & Ruang Pameran Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Sabak Bernam*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Proses baik pulih pejabat operasi dan kawasan pameran telah selesai pada tahun 2023</li> <li>Usaha memuktamadkan barang-barang untuk dipamerkan dan ketersediaan pangkalan data untuk para pelabur dan masyarakat tempatan sedang dijalankan</li> </ul>
Segitiga Ekopelancongan Sg Air Tawar*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja-kerja baik pulih di Kelong <i>Paradise</i> telah selesai pada tahun 2022</li> <li>Usaha berterusan untuk memuktamadkan rancangan-rancangan dan mendapatkan pelabur untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti ekopelancongan dan ketibaan pelancong sedang dijalankan</li> </ul>
Kelip-Kelip Sg Panjang*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Operasi telah bermula pada tahun 2020</li> <li>Usaha berterusan untuk menambah baik fasiliti dan usaha promosi untuk meningkatkan ketibaan pelancong sedang dijalankan</li> </ul>
Ekopelancongan <i>Ban Canal</i> *	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karnival <i>Ban Canal</i> 2023 telah menarik 13,889 pengunjung</li> <li>Usaha berterusan untuk menyediakan rancangan pembangunan untuk kawasan di sekitar <i>Ban Canal</i> untuk meningkatkan usaha mempromosikan ekopelancongan di sekitar sungai dan rizab hutan dan untuk menarik pelabur sedang dijalankan</li> </ul>
R&R Air Manis @ Kompleks Agropolitan Sabak Bernam*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memuktamadkan reka bentuk dan memperoleh pelbagai kelulusan tanah dan perancangan</li> </ul>
Kompleks Pendaratan Hasil Laut Sekinchan*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini masih berada pada peringkat awal bagi mendapatkan kelulusan untuk pemindahan tanah</li> </ul>
Jambatan Sg Air Tawar – Hutan Melintang*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini masih berada pada peringkat awal bagi mendapatkan kelulusan berkaitan alam sekitar dan menyediakan pelan reka bentuk</li> </ul>
Kompleks Jeti Nelayan Bagan Sg Besar*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini masih berada pada peringkat awal untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri</li> </ul>
Pelan Fiberisasi Sabak Bernam (TM)*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini masih berada pada peringkat awal untuk menyediakan pelan fiberisasi</li> </ul>
Pembangunan Semula Hay Resort*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini masih berada pada peringkat awal perancangan</li> </ul>



## Jadual 4.17: PPI baharu di bawah Pembangunan Berasaskan Geografi SABDA

### Baharu

SSAF @Jelutong Jati*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemilihan operator telah selesai pada tahun 2023</li> <li>Pengujian kebolehlaksanaan sedang dijalankan (penternakan lembu dan kerbau)</li> <li>Operator akan memulakan kerja lapangan pada tahun 2024</li> </ul>
SSAP @Sungai Air Tawar*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persiapan tapak sedang dijalankan</li> <li>Tuaian pertama dijangka pada suku pertama tahun 2024</li> </ul>
SSAF @Sungai Panjang*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini masih berada pada peringkat awal. Operator akan memulakan persiapan tapak pada suku kedua (ke-2) tahun 2024</li> </ul>
SSAP @Changkat Menteri*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini masih berada pada peringkat awal. Kelulusan yang melibatkan alam sekitar dan kajian kebolehlaksanaan untuk tanaman suai tanam dijangka akan dijalankan pada suku kedua (ke-2) tahun 2024</li> </ul>
Sabak Bernam Biosphere Reserve*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam proses menyediakan kertas kerja bagi kerja-kerja baik pulih</li> </ul>
Pusat Kajian dan Penyelidikan SABDA*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek di fasa rekabentuk dan perancangan</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)    
 ● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)    
 ● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)    
 \*PPI Pemacu Perubahan





## PEMBANGUNAN BERASASKAN GEOGRAFI 2: WILAYAH PEMBANGUNAN BERSEPADU DI SELANGOR SELATAN (IDRISS)

Pembangunan IDRISS memberikan tumpuan kepada usaha untuk mempromosikan negeri sebagai hab pelaburan dan perdagangan dalam wilayah yang terutamanya dipacu oleh aktiviti perindustrian dengan nilai tambah yang tinggi. Aktiviti-aktiviti utama di kawasan ini termasuk usaha menggalakkan aktiviti-aktiviti pelaburan dan pembangunan berimpak tinggi dan bernilai tinggi di daerah Sepang dan Kuala Langat, merealisasikan cadangan pembangunan, memastikan proses pembangunan dilaksanakan secara mampan dan memastikan kebajikan penduduk dan kawasan sekitarnya terjaga.

Projek-projek besar di bawah IDRISS ialah Carey Selangor (Pelabuhan Ketiga) dan Zon Ekonomi Khas Pulau Carey. Kedua-dua projek tersebut berada dalam fasa konsep dan permulaan iaitu memperoleh kelulusan yang diperlukan. Projek pembangunan ini dijangka mengambil masa selama 35 tahun. Sebaik sahaja siap, keluasan kawasan bagi keseluruhan projek penting ini ialah lebih kurang 6,000 hektar manakala kapasiti pelabuhan tersebut diunjurkan pada 35 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) iaitu lebih tinggi daripada kapasiti Pelabuhan Klang (20 juta TEU).

Projek-projek utama yang lain termasuk Taman Perindustrian Terurus (*NCT Smart Industrial Park*) dan pembangunan bercampur yang meluas (*Sepang Goldcoast Global Village* dan *Amverton Cove Eco-Integrated Township*). *Sepang Goldcoast Global Village* ialah kawasan perbandaran pantai bersepadu seluas 800 ekar yang ditetapkan sebagai destinasi pelancongan pantai bertaraf dunia. Kerja-kerja penebusgunaan tanah akan bermula pada tahun 2025. Pembangunan IDRISS turut dibantu oleh insentif negara dan negeri di bawah PPI Insentif Kerajaan Selangor (*Selangor Government Incentives, SGI*) yang diluluskan pada tahun 2023 (dilaporkan di bawah sektor E&E dan M&E). Seperti pembangunan di SABDA, kebanyakan PPI di bawah IDRISS sedang berada pada peringkat awal kelulusan (contohnya alam sekitar, tanah, perancangan) dan reka bentuk.





## SOROTAN UTAMA: NCT SMART INDUSTRIAL PARK

NCT Smart Industrial Park akan menjadi MIP pertama di Selangor yang dipacu oleh prinsip-prinsip ESG dan menawarkan talian internet 5G. Taman perindustrian bernilai RM8 bilion itu akan dibangunkan dalam tiga fasa selama sepuluh tahun dan dijangka akan mewujudkan 50,000 peluang pekerjaan ketika proses pembinaan selain pekerjaan yang akan diwujudkan selepas projek siap.

NCT Smart Industrial Park juga merupakan pembangunan yang sudah memperoleh sijil GreenRE dan akan dilengkapi dengan kilang sedia solar, sistem penuaian air hujan serta sistem pengurusan air dan sisa untuk mengurangkan kesan perindustrian dan jejak karbon. Untuk membantu operasi perniagaan, Pusat Global Smart akan merangkumi sebuah pusat sehenti bagi perkhidmatan perniagaan seperti Pusat Perkhidmatan Pelaburan, Pusat Perintah IOC, Pusat Data, Pusat Peningkatan Kemahiran IR 4.0, Pusat Pemecut Perniagaan dan Pusat Kesejahteraan.

Projek tersebut akan memulakan kerja-kerja pembinaan pada tahun 2024 dan diunjurkan untuk menyerahkan pemilikan kosong bagi Fasa Satu pada tahun 2025. Fasa Satu meliputi kawasan seluas 230 ekar dan terdiri daripada 101 unit kilang berkembar, berasingan dan berhubung serta 27 tapak tanah perindustrian berkeluasan sehingga 50 ekar.



Sumber: Laman sesawang NCT, data yang dilaporkan ketika KSP, The Edge

### Jadual 4.18: PPI yang sedang dijalankan dalam Pembangunan Berasaskan Geografi IDRIS

#### Sedang Dijalankan

Carey Selangor (Pelabuhan Ketiga)*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian kebolehlaksanaan telah diluluskan pada tahun 2022</li> <li>Kabinet bersetuju untuk projek ini diteruskan</li> <li>Kelulusan model perniagaan dan operasi dijangka akan diperoleh menjelang suku pertama tahun 2025</li> </ul>
Zon Ekonomi Khas Pulau Carey	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian pelan induk pembangunan Pulau Carey telah diluluskan di peringkat negeri</li> </ul>
Selangor Aero Park (SAP)*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan bagi pelantikan konsultan untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan SAP Fasa 1 diterima pada Februari 2023</li> <li>Kelulusan bagi pelaksanaan proses RFQ untuk pelantikan perancang induk pembangunan SAP diterima pada Januari 2024</li> <li>Sasaran bagi memuktamadkan penetapan konsep pembangunan ini ialah suku ke-empat (ke-4) 2024</li> </ul>
NCT Smart Industrial Park	<ul style="list-style-type: none"> <li>Telah mendapat kelulusan kebenaran merancang untuk fasa 1</li> <li>Kerja-kerja pembinaan akan bermula pada tahun 2024 dan fasa 1 dijangka akan siap pada tahun 2025</li> </ul>
Sepang Goldcoast Global Village	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan ini masih berada pada peringkat awal, kelulusan perancangan dijangka akan diperoleh pada suku ketiga (ke-3) tahun 2024</li> <li>Kerja-kerja penebusgunaan dijangka akan bermula pada tahun 2025</li> </ul>

### Jadual 4.19: PPI baharu di bawah Pembangunan Berasaskan Geografi IDRIS

#### Baharu

Integrated AgTech and Life Science Hub	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian perkongsian dengan pemain-pemain industri sedang dalam kemajuan</li> <li>Pembinaan rumah hijau sedang dijalankan</li> </ul>
Amverton Cove Eco-Integrated Township	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapatkan kelulusan berkaitan kerja-kerja tanah dan perancangan</li> </ul>
Able Industrial Park	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam proses memohon kebenaran merancang dan pertukaran hakmilik tanah</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)


\*PPI Pemacu Perubahan



## PEMBANGUNAN BERASASKAN GEOGRAFI 3: ZON PEMBANGUNAN EKONOMI SELANGOR MARITIME GATEWAY (ZPE SMG)

Pembangunan ZPE SMG merangkumi pembangunan infrastruktur yang berkaitan dengan penambahbaikan kualiti sungai dan pembangunan bercampur di pinggir sungai. ZPE SMG meliputi kawasan seluas lebih 27,900 hektar dari Mid Valley, Kuala Lumpur sehingga muara sungai dan pulau-pulau berhampiran dengan Pelabuhan Klang. Pembangunan tersebut meletakkan sasaran untuk mempercepat

pertumbuhan ekonomi di Selangor dengan menggunakan laluan air, termasuk di dua buah lokasi utama – *Westports dan Northport*. Memandangkan PPI di bawah ZPE SMG ini melibatkan pembangunan jangka panjang dan berskala besar, kebanyakan PPI tersebut masih berada pada peringkat awal kelulusan (contohnya, alam sekitar, tanah, perancangan) dan reka bentuk.



Di dalam belanjawan Negeri, Jajaran Rel Kita Selangor telah diumumkan, iaitu laluan rel terancang yang menghubungkan Klang ke Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sabak Bernam. Kajian kebolehlaksanaan dan kajian perancangan dijangka

akan bermula pada tahun 2024. Jaringan pengangkutan yang dipertingkat itu nanti akan membantu pembangunan ZPE SMG pada masa akan datang.

**Jadual 4.20: PPI yang sedang dijalankan dalam Pembangunan Berasaskan Geografi ZPE SMG**

### Sedang Dijalankan

Pembangunan ZPE SMG [sebelum ini Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM)]	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Pelan Induk sedang dalam fasa perangkaan konsep</li> </ul>
--	---

**Jadual 4.21: PPI baharu di bawah Pembangunan Berasaskan Geografi ZPE SMG**

### Baharu

Pembangunan Bercampur Berkonsepkan Persiaran Sungai di Seksyen 24, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan perancangan berada pada pelbagai peringkat (contohnya, peringkat permohonan, kelulusan bersyarat)</li> <li>Pembangunan Fasa 1 dijangka akan bermula pada tahun 2025</li> </ul>
Pembangunan Bercampur Berkonsepkan Persiaran Sungai di KLO8 Tanjung Syawal, Klang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan perancangan berada pada pelbagai peringkat (contohnya, peringkat permohonan, kelulusan bersyarat)</li> <li>Pembangunan Fasa 1 dijangka akan bermula pada tahun 2025</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## LAIN-LAIN: KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM (KSSA)

Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) Selangor disenaraikan sebagai pemacu perubahan di dalam RS-1. Projek ini bertujuan untuk membina stadium yang *vibrant*, lestari dan dilengkapi dengan kemudahan sukan bercirikan teknologi terkini dan memberi nafas baru di persekitarannya.

Pembangunan semula ini akan menjana aktiviti ekonomi di kawasan persekitaran, bertindak sebagai langkah mitigasi banjir dan menambah baik aliran trafik melalui pembangunan LRT3. Pembangunan semula KSSA adalah berasaskan TOD yang mengintegrasikan kompleks tersebut dengan infrastruktur pengangkutan yang lebih luas.

### Jadual 4.22: PPI lain yang baharu

#### Baharu

Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)*	• Mendapatkan kelulusan untuk kerja-kerja merobohkan struktur yang sedia ada
----------------------------------	--



Pencapaian utama  
(2021-2023)



Pelaksanaan sedang  
dijalankan (Setakat 2023)



Pelaksanaan yang dirancang  
(2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## 4.3

# Isu dan Cabaran

### Menarik pelaburan bernilai tinggi secara berterusan dan membina ekosistem yang betul untuk memastikan kejayaan RS-1

Pelaburan memainkan peranan penting dalam kejayaan pelaksanaan RS-1 serta berfungsi sebagai asas pertumbuhan ekonomi dan memudahkan peralihan kepada pelaburan berkeutamaan dan bernilai tinggi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran utama yang perlu ditangani. Cabaran-cabaran ini termasuk persaingan sengit serantau, had dalam ketersediaan modal, kemahiran tenaga kerja, keupayaan pembangunan produk serta infrastruktur dan ketersambungan ekosistem. Walaupun pembangunan infrastruktur fizikal adalah penting, pemacu perubahan yang sebenarnya terletak pada kelengkapan keseluruhan mekanisme tadbir urus bersama yang berkesan yang mewujudkan persekitaran yang konsisten dan mesra perniagaan. Dengan menangani cabaran ini dan memupuk persekitaran perniagaan yang kondusif, Selangor boleh menarik dan mengekalkan pelaburan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan memudahkan peralihan kepada ekonomi yang lebih mampan dan berdaya tahan.

### Pembiayaan mampan untuk projek-projek infrastruktur

Pembangunan infrastruktur memerlukan sumber kewangan yang agak besar. Memandangkan kebanyakan projek infrastruktur utama dan inisiatif pembangunan berasaskan geografi adalah dalam fasa awal, perbelanjaan yang ketara bagi tujuan pembangunan infrastruktur dijangka akan berlaku semasa fasa pelaksanaan kelak, berkemungkinan pada penghujung garis masa pelaksanaan RS-1 atau selepas tempoh pelaksanaan RS-1. Risiko peningkatan kos boleh berlaku disebabkan oleh inflasi, peningkatan harga komoditi global dan pertukaran kadar mata wang yang tidak menentu. Selangor perlu meneroka mekanisme pembiayaan yang inovatif dan memanfaatkan kerjasama awam-swasta untuk memastikan ketersediaan pembiayaan yang mampan untuk projek-projek infrastruktur.

### Ketidaktentuan dalam rantaian bekalan global dan kesediaan ESG syarikat tempatan

Seperti yang ditekankan dalam KSP RMK-12 Malaysia, ketidaktentuan dalam rantaian bekalan global menimbulkan cabaran penting bagi Malaysia serta pembangunan ekonomi Selangor. Beberapa faktor menyumbang kepada gangguan ini, termasuk pertumbuhan eksport yang lebih perlahan dan pemecahan yang lebih mendalam dalam kalangan ekonomi.

Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan menjejaskan keupayaan Selangor untuk meluaskan jangkauan pasarannya dan menjana pertumbuhan ekonomi. Memandangkan perdagangan global menghadapi ketidaktentuan, permintaan untuk eksport Selangor mungkin berkurangan, menjejaskan industri berorientasikan eksport di dalam negeri. Kelembapan pertumbuhan eksport ini boleh menghalang kemajuan ekonomi negeri dan memerlukan strategi inovatif bagi mempelbagaikan pasaran dan industri di Selangor.

Tambahan pula, pemecahan yang lebih mendalam dalam kalangan ekonomi-ekonomi sedunia menambahkan kerumitan kepada rantaian bekalan global. Dengan peningkatan perlindungan dan halangan perdagangan, aktiviti melibatkan integrasi ekonomi menjadi lebih mencabar. Keadaan yang merisaukan ini ditambahkan lagi dengan keperluan ESG yang semakin ketat yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah (EU) dan beberapa negara tertentu. Dengan pertambahan bilangan negara yang menemukan syarat ESG yang lebih ketat, perniagaan yang beroperasi dalam rantaian bekalan global mesti menavigasi landskap pematuhan dan standard kemampuan yang kompleks. Memenuhi keperluan ini selalunya memerlukan pelaburan yang besar ke dalam amalan kemampuan, ketelusan dan penyumberan yang bertanggungjawab, menambah satu lagi lapisan kerumitan kepada pengurusan rantaian bekalan dan memerlukan pihak-pihak peniaga untuk menyesuaikan operasi mereka dengan sewajarnya.

Selangor sebagai pemain utama dalam rantaian bekalan global, akan mengemudi pemecahan ini dan mencari jalan untuk mengekalkan daya saingnya. Ini mungkin melibatkan pengukuhan perkongsian serantau, meneroka laluan perdagangan baharu dan meningkatkan daya tahan rantaian bekalan.



## 4.4

# Hala Tuju

Pertumbuhan ekonomi Selangor dijangka bertambah baik pada 2024 dengan permintaan domestik dijangka untuk terus memacu pertumbuhan disokong oleh prospek pendapatan isi rumah yang semakin baik. Trajektori positif ini diperkukuh oleh penurunan kadar pengangguran negeri daripada paras tertinggi 4.3% pada 2021 kepada 2.3%. Selain itu, permintaan barangan global dijangka lebih kukuh, disokong oleh dasar monetari ekonomi maju yang lebih ketat berikutan peningkatan kadar faedah untuk mengawal inflasi. Dari sudut pandangan sektoral, jangkaan peningkatan dalam pertumbuhan berkemungkinan jelas pada semua sektor, terutamanya dengan penekanan yang ketara pada sektor pembuatan dan perkhidmatan<sup>14</sup>.

Jangkaan pertumbuhan ekonomi Selangor sejajar dengan peranan strategiknya dalam memajukan agenda ekonomi negara terkini dengan tumpuan yang kuat untuk meningkatkan dan memanfaatkan kompleksiti ekonomi di samping menunjukkan prestasi dalam standard ESG. Salah satu daripada cabaran utama untuk merealisasikan hasrat tersebut adalah untuk menarik bakat ke dalam sektor-sektor seperti ekonomi digital, E&E, M&E dan aeroangkasa. Dari perspektif peralihan tenaga yang saksama pula, keperluan untuk menambah dan menambah baik kemahiran dalam kalangan tenaga kerja yang sedia ada juga menjadi cabaran dan peluang. Walaupun Selangor memiliki pekerja-pekerja berkemahiran tinggi yang paling ramai dalam kalangan negeri di Malaysia, usaha berterusan masih diperlukan untuk memupuk bakat-bakat berpotensi dan sedia ada dengan kemahiran-kemahiran baharu agar negeri ini kekal berdaya saing di rantau ASEAN. Usaha ini penting untuk mengekalkan tenaga kerja berkemahiran.

Usaha memperkukuh infrastruktur digital dan fizikal ialah pemboleh daya yang penting untuk mencapai sasaran tersebut. Tumpuan bukan hanya kepada memperluas jaringan pengangkutan bagi kesemua

kumpulan sasaran dan kawasan geografi, tetapi juga untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan inovasi dalam perkhidmatan yang sedemikian. Banyak usaha yang telah dicurahkan dalam mempersiapkan PMKS agar menjadi lebih berdaya digital dan berdaya saing.

Selanjutnya, ketersediaan infrastruktur secara khusus diberikan penekanan dalam pembangunan tiga wilayah pembangunan berasaskan geografi, beserta dengan penambahan pembesaran *Westports* dan pengenalan pelabuhan baharu di Carey Selangor (Pelabuhan Ketiga), memperkenalkan taman-taman perindustrian dan perniagaan yang baharu, pelabuhan, kerja-kerja infrastruktur untuk meningkatkan jaringan pengangkutan serta mengindahkan persekitaran bandar. Usaha-usaha sedemikian adalah penting untuk merangsang Selangor sebagai destinasi pelaburan berdaya saing pada peringkat global, seiring dengan seruan 'Ekonomi MADANI: Menaikkan Siling'.

Pembangunan Berasaskan Geografi dijangka melonjakkan Selangor sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing di peringkat global seperti yang ditakrifkan dalam 'Ekonomi MADANI: Menaikkan Siling', khususnya IDRIS dan tumpuannya pada pembangunan perindustrian berkemplexiti tinggi seperti *NCT Smart Industrial Park*, *Selangor Aero Park* dan *Integrated AgTech and Life Science Hub*. Industri-industri ini terus disokong oleh infrastruktur pemboleh seperti Carey Selangor (Pelabuhan Ketiga), Zon Ekonomi Khas Pulau Carey dan Insentif Kerajaan Selangor (SGI).

Usaha bersepadu serta pelaksanaan strategi dan inisiatif yang berkesan ini akan menyumbang kepada pengukuhan ekonomi lalu menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan wilayah yang seimbang. Di samping itu, ia akan menyediakan dan meningkatkan peluang pekerjaan dan saluran penyertaan ekonomi untuk rakyat Selangor, membolehkan mereka mencapai aspirasi dan memenuhi potensi mereka.

<sup>14</sup> Laporan Ekonomi Negeri Selangor 2022/2023

# 05

## Tema Strategik 2: **Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial**

Pengenalan	71
Pencapaian dan Kemajuan Utama	72
Isu dan Cabaran	83
Hala Tuju	84




# 5.1 Pengenalan

Pembangunan sosioekonomi hanya akan lengkap dan seimbang sekiranya inklusiviti dititikberatkan, khususnya bagi golongan rentan. Tema Strategik 2 yang membincangkan tentang peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial bagi rakyat Selangor yang berhasrat untuk memberikan peluang penjanaaan pendapatan yang saksama bagi segenap lapisan masyarakat. Intervensi

bersasar kepada masyarakat miskin bandar dan luar bandar untuk memastikan pembentukan masyarakat inklusif. Hasrat ini dilaksanakan melalui enam (6) bidang tumpuan yang mewakili cabaran-cabaran penting yang dihadapi penduduk di Selangor bagi memberikan manfaat kepada rakyat yang terdiri daripada pelbagai kumpulan umur, tahap pendapatan dan taraf sosioekonomi.


**Rajah 5.1** Gambaran keseluruhan Tema Strategik 2



KSP mendapati kesemua 21 strategi utama sedang dilaksanakan dengan tahap kemajuan yang berbeza-beza berdasarkan PPI tersendiri.

## 5.2 Pencapaian dan Kemajuan Utama

Rajah 5.2 Status pelaksanaan PPI bagi Tema Strategik 2



### BIDANG TUMPUAN 1: PENJANAAN PENDAPATAN DAN KEBAJIKAN SOSIAL

Sasaran utama bagi Bidang Tumpuan 1 adalah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan kemiskinan. Langkah ini termasuk bantuan penyediaan pembiayaan mikro dan bantuan geran mikro kepada PMKS yang layak dan usahawan-usahawan baharu untuk meningkatkan tahap pendapatan mereka. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan bantuan pekerjaan dalam ekonomi gig sebagai langkah untuk menyelesaikan masalah pengangguran. Walaupun inisiatif-inisiatif penjanaaan pendapatan menyediakan langkah yang mampan untuk membawa keluar isi rumah daripada kepompong kemiskinan, bantuan segera dan program kebajikan sosial juga turut dijalankan untuk memenuhi keperluan segera masyarakat.

Kebanyakan skim atau inisiatif yang diperkenalkan seperti Skim Hijrah Selangor, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor dan Dana Usahawan Madani Selangor merupakan inisiatif jangka panjang. Inisiatif *Selangor Freelance Job-Matching Platform*, telah selesai dilaksanakan. Inisiatif ini khusus untuk menyokong proses pemulihan pasca COVID-19 dan menangani masalah pengangguran yang kini semakin menurun ekoran daripada peningkatan semula aktiviti ekonomi dalam negeri. Walaupun kebanyakan program menyediakan bantuan secara langsung kepada penerima manfaat, program-program seperti Program Sinergi Prihatin membolehkan organisasi tempatan membantu masyarakat secara bersasar.



## SOROTAN UTAMA: SKIM MIKRO KREDIT HIJRAH SELANGOR

Skim Mikro Kredit Hijrah Selangor menyediakan skim pembiayaan mikro kepada usahawan di Selangor yang berjumlah di antara RM1,000 hingga RM50,000 untuk membantu perniagaan baharu atau sedia ada. Terdapat pelbagai skim pembiayaan yang ditawarkan oleh Yayasan Hijrah Selangor (YHS) seperti i-Bisnes, NaDI, *Zero to Hero* dan *Go-Digital*, masing-masing menasarkannya kepada jenis perniagaan dan kumpulan sasaran tertentu.

Skim Mikro Kredit Hijrah Selangor bermula pada 2015 dan sehingga Mei 2024 telah meluluskan 89,700 permohonan pinjaman untuk 59,916 usahawan, dengan jumlah pembiayaan RM818,729,500. Semasa fasa pelaksanaan RS-1 dari 2021 – 2023, seramai 18,259 penerima telah menerima bantuan pembiayaan daripada Skim Mikro Kredit Hijrah Selangor bernilai RM246,045,000.

Pelbagai proses penambahbaikan telah dilakukan baru-baru ini untuk melaksanakan program pengurusan hutang untuk meningkatkan kutipan melalui tele collector YHS sendiri, ejen kutipan hutang, serta kerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk membantu penstrukturan semula pinjaman. Baru-baru ini, YHS juga telah menyusun semula skim pembiayaan dengan menyatukan semua skim sebelumnya ke dalam Skim i-Bisnes untuk pinjaman individu manakala Skim NaDI memfokuskan kepada pinjaman kumpulan.

Dalam usaha memperkasakan usahawan, YHS komited ke arah pembangunan usahawan dengan menyediakan latihan melalui program dalaman serta kerjasama dengan institusi lain yang pakar dalam bidang seperti pendidikan kewangan dan pemasaran digital.

Pada masa hadapan, Selangor akan melihat perkembangan Skim Mikro Kredit Hijrah Selangor dengan memantau tahap pendapatan atau jumlah hasil keuntungan perniagaan yang dibantu, selaras dengan aspirasi untuk melebarkan golongan kelas menengah di negeri Selangor.

### Jadual 5.1: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Penjana Pendapatan dan Kebajikan Sosial

#### Selesai

<i>Selangor Freelance</i> (Platform pepadanan kerja)	<ul style="list-style-type: none"> <li>5,000 orang peserta berdaftar telah melengkapkan latihan dan menerima insentif dalam tempoh program selama enam bulan pada tahun 2022</li> <li>Inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran rakyat Selangor dalam arena global bidang <i>freelancing</i> digital</li> </ul>
Indeks Kesejahteraan yang baharu bagi Negeri Selangor	DOSM telah menghasilkan dan menerbitkan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia pada peringkat negeri yang boleh digunakan untuk memantau kesejahteraan rakyat
Pengecualian Fi Lesen Penjaja	Seramai 87,044 penjaja dan peniaga kecil menerima manfaat pada tahun 2023

#### Sedang Dijalankan

Dana Usahawan Madani Selangor (DUMS)	Seramai 326 telah menerima manfaat melalui pemberian geran peralatan di antara RM10,000 hingga RM30,000
Pusat Wanita Berdaya (PWB)	Sebanyak 2,309 program pemeraksanaan wanita telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 75,000 orang peserta secara keseluruhan bagi menggalakkan menjana pendapatan secara aktif
Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor	Seramai 1,139 penerima manfaat dari kalangan peniaga kecil telah menerima bantuan peralatan dan latihan perniagaan dengan nilai maksima RM10,000
Program Bantuan Peralatan Usahawan India Selangor (i-SEED)	Seramai 640 penerima telah menerima manfaat bantuan peralatan atau mesin berdasarkan perniagaan/perusahaan dengan nilai maksima RM10,000
Program Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merupakan pemberian sebanyak RM3,600 setahun atau RM300 sebulan kepada setiap keluarga yang layak bagi menampung pembelian barangan keperluan asas keluarga tanpa tunai di kedai / pasaraya terpilih</li> <li>Seramai 27,542 orang penerima manfaat pada tahun 2023. Penerima BINGKAS akan kekal di dalam program selama dua tahun</li> </ul>
Skim Mesra	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program pemberian bantuan baucar beli-belah RM150 dan khairat kematian RM500 kepada warga emas dan OKU</li> <li>Sebanyak 570,604 penerima manfaat ahli Skim Mesra telah menerima baucer 'Jom Shopping' dan sebanyak 14,341 khairat kematian telah dituntut oleh waris penerima bantuan</li> </ul>

## Sedang Dijalankan

Program Pusat Kebajikan Lestari	• Sebanyak 121 pusat kebajikan telah menerima manfaat untuk pembelian barangan keperluan dan yang dipohon
Program Sinergi Prihatin	• Sebanyak 29 NGO dan organisasi sosial menerima manfaat ini bagi melaksanakan program berteraskan kebajikan
Kerangka pemantauan program kebajikan sosial	• Semua program RS-1 termasuklah program-program kebajikan sosial kini sedang dipantau oleh jabatan-jabatan yang berkaitan
Skim Mikro Kredit Hijrah Selangor	• Pembiayaan bermula RM1,000 sehingga RM50,000 kepada usahawan dan bakal usahawan
Insentif dan galakan untuk pensijilan profesional	• Satu program insentif baharu akan dibangunkan pada tahun 2024 (program belum lagi dimulakan dan masih dalam kajian pada tahun 2023)
Skim Air Darul Ehsan	• Seramai 34,011 penerima manfaat pada tahun 2023
Jom Shopping Perayaan	• Seramai 78,055 penerima manfaat menerima baucar ini pada tahun 2023
Jelajah Ehsan Rakyat	• Penjualan barang keperluan asas seperti ayam, telur, daging, ikan dan minyak masak pada harga yang lebih rendah berbanding pasaran melalui penjelajahan ke sembilan daerah di Selangor untuk mengurangkan tekanan kos hidup yang meningkat • Seramai 7,031,825 pembeli menerima manfaat daripada program ini pada tahun 2023

## Jadual 5.2: PPI baharu dalam bidang tumpuan Penjanaaan Pendapatan dan Kebajikan Sosial

### Baharu

Program BIKE-CARE	• Menyediakan bantuan tunai RM1,000 kepada 200 orang penerima pada tahun 2023 untuk membeli motosikal untuk menjadi penunggang e-panggilan. Program masih lagi dijalankan
-------------------	---

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## SOROTAN UTAMA: BINGKAS (BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR)

BINGKAS menyediakan bantuan sebanyak RM300 sebulan melalui e-dompot bagi tempoh 2 tahun untuk membeli keperluan asas isi rumah. Penerima bantuan BINGKAS boleh membeli barangan asas seperti barang runcit, lampin pakai buang, ubat-ubatan dan barangan sekolah di kedai yang mengambil bahagian di seluruh Selangor dengan menggunakan kredit yang diberikan ke dalam e-dompot BINGKAS. Inisiatif ini meletakkan sasaran untuk membantu mengurangkan kos sara hidup bagi keluarga dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan. Setakat tahun 2023, terdapat seramai 27,542 penerima bantuan dalam program BINGKAS.





## BIDANG TUMPUAN 2: TUMPUAN KHAS KEPADA KUMPULAN SASAR

Tumpuan khas kepada kumpulan sasaran bertujuan untuk membantu golongan belia, warga emas dan orang kurang upaya. Inisiatif-inisiatif berkaitan belia kebanyakannya meletakkan keutamaan pada penambahbaikan kebolehpasaran serta penyediaan saluran untuk golongan belia melibatkan diri dalam program-program kemasyarakatan.

Memandangkan Selangor sedang menuju ke arah menjadi Negeri menua, isu-isu berkenaan kesihatan, kesejahteraan dan peluang ekonomi yang sesuai untuk warga emas perlu ditangani. Golongan ini perlu diperkasakan dalam penjana pendapatan bagi membasmi kemiskinan serta

meningkatkan kualiti hidup dengan melibatkan diri secara aktif dalam masyarakat. Program Pekerjaan Warga Emas Selangor akan diperkenalkan pada tahun 2025 untuk menyediakan peluang pekerjaan yang lebih fleksibel dan bersesuaian untuk warga emas. Satu lagi program baharu yang menyediakan latihan kepada penjaga warga emas juga akan diperkenalkan untuk meningkatkan jumlah penjaga terlatih.

Salah satu daripada pencapaian penting dalam membantu golongan orang kurang upaya ialah penubuhan Majlis Tindakan OKU Selangor (MTOS) untuk menyelia dan membangunkan Pelan Tindakan OKU Selangor.

### Jadual 5.3: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Tumpuan Khas kepada Kumpulan Sasar

#### Selesai

<i>Selangor Active Ageing Programme</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seminar Konvensyen Warga Emas telah dilaksanakan pada tahun 2022 dan 2023. Program ini akan diteruskan sebagai langkah proaktif untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas di Selangor</li> </ul>
<i>Selangor Kerjaya Job-Matching Platform</i> (oleh MBI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 6,795 jawatan telah diisi melalui 48,346 pendaftaran platform yang telah disediakan</li> </ul>

#### Sedang Dijalankan

<i>Pelaksanaan Dasar Belia Selangor</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah 714 program atau acara dilaksanakan oleh Penggerak Belia Selangor (PeBS) berdasarkan domain-domain di dalam Dasar Belia Selangor</li> </ul>
<i>Program Sukarela Penggerak Belia Selangor (PeBS)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencapaian seramai 276 ahli pada tahun 2021, 269 ahli pada tahun 2022 dan 280 ahli pada tahun 2023 bagi menggerakkan program pembangunan belia secara menyeluruh dan menyampaikan dasar-dasar kerajaan di peringkat umbi</li> <li><b>Mensasarkan seramai 280 orang ahli sukarelawan pada setiap tahun</b></li> </ul>
<i>Selangor Volunteer (SERVE)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 6,286 ahli sukarelawan direkrut bagi menggerakkan sukarelawan terutama generasi muda membantu masyarakat melalui misi kemanusiaan bencana</li> </ul>
<i>Selangor Mega Job Fair</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 32,064 peserta hadir di Karnival Kerjaya Mega Selangor dari tahun 2021 hingga tahun 2023</li> <li>Seramai 565 orang majikan menyertai karnival tersebut dari tahun 2021 hingga tahun 2023 dengan lebih daripada 55,000 peluang pekerjaan disediakan (2021-2023)</li> </ul>
<i>SAY LEAD Entrepreneurship Programme for PWDs</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 70 orang telah menerima manfaat latihan keusahawanan yang berterusan untuk membantu golongan kelainan upaya menjana pendapatan yang diterajui oleh <i>Selangor Youth (SAY)</i></li> </ul>
<i>Independent Living Support Centre (ILSC)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program ini memberi peluang pembelajaran dan pekerjaan kepada belia OKU berusia 17 tahun hingga 25 tahun. Pada tahun 2023 seramai 48 peserta telah menyertai program ini</li> </ul>
<i>Inisiatif Roda Darul Ehsan (RIDE)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 9,000 orang telah menerima insentif ini dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.65 juta kepada rakyat Selangor yang melaksanakan <i>P-Hailing</i> sepenuh masa</li> </ul>
<i>Pelaksanaan Pelan Tindakan OKU Selangor</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemurnian Dasar OKU dan Pelan Tindakan OKU Selangor terkini sedang dilaksanakan. Program akan dilaksanakan berdasarkan Pelan Tindakan OKU Selangor</li> </ul>

## Sedang Dijalankan

Selangor Youth Excel Programme	• Program baharu akan dibangunkan pada tahun 2024 untuk meningkatkan kebolehpasaran belia
Selangor Silver Workforce Employment Platform	• Program baharu akan dibangunkan pada tahun 2024 untuk menyediakan peluang pekerjaan (fleksibel, separuh masa dan kerja yang kurang memberi kesan fizikal) untuk warga emas di bawah portfolio Ekonomi Penjagaan
Membina fasiliti persaraan dan menyediakan latihan penjaga untuk warga emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program baharu akan dibangunkan pada tahun 2024 untuk melatih penjaga warga emas</li> <li>• Fasiliti persaraan terancang sedang dibina oleh Selgate sementara fasiliti kediaman persaraan yang lain sedang dibina dan disiapkan oleh pemain sektor swasta yang lain</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 3: WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Bidang tumpuan ini lebih memberi tumpuan kepada wanita, keluarga dan masyarakat bagi memperkasakan khidmat penjagaan yang selamat dan boleh dipercayai. Ia juga meningkatkan capaian kepada pendidikan kanak-kanak di awal usia agar dapat meningkatkan kesejahteraan golongan ibu yang berkerjaya dan mengekalkan keterlibatan tenaga kerja yang tinggi dikalangan wanita. PPI dalam bidang tumpuan ini menyediakan subsidi untuk menampung kos penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak selain melatih pengasuh bagi memastikan pendidikan yang inklusif untuk semua.

Kesejahteraan rakyat di Selangor berkait rapat dengan keharmonian keluarga dan nilai-nilai kekeluargaan. Bidang tumpuan ini turut memperlihatkan inisiatif-inisiatif untuk menambah baik amalan kekeluargaan yang menjadi batu asas bagi meningkatkan tahap kesejahteraan secara menyeluruh di Selangor.

PPI baharu yang diperkenalkan ketika KSP memberikan tumpuan kepada inisiatif pembangunan luar bandar, inisiatif berfokuskan kanak-kanak dan inisiatif kebudayaan yang merangkumi bidang-bidang lain yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran kesejahteraan sosial.



## SOROTAN UTAMA: PROGRAM ANAK ISTIMEWA SELANGOR (ANIS)

Program ANIS bertujuan menyediakan pelbagai bantuan bagi meningkatkan kesejahteraan dan memberikan sokongan kepada keluarga yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas. Bantuan Khas ANIS ialah program bantuan tunai berjumlah sehingga RM5,000 kepada satu isi keluarga yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas di bawah usia 18 tahun dengan tujuan untuk membantu membeli peralatan atau mesin khas atau untuk meringankan beban kos lain yang berkaitan. Didik ANIS pula ialah program yang menyediakan bantuan tunai sekali bayar kepada institusi-institusi pendidikan yang menjalankan program intervensi awal untuk kanak-kanak berkeperluan khas. Dari tahun 2021 hingga tahun 2023, terdapat seramai 2,020 penerima Bantuan Khas ANIS dan Didik ANIS.

Akademi ANIS pula menyediakan program latihan atau seminar kepada ibu bapa, penjaga, guru-guru dan sukarelawan untuk membantu kanak-kanak berkeperluan khas manakala Pusat ANIS ditubuhkan untuk menyediakan program intervensi awal bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Sejak tahun 2021, terdapat seramai 4,156 peserta di institusi-institusi ANIS yang meliputi Pusat ANIS, Prasekolah ANIS dan Akademi ANIS.





## Jadual 5.4: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

### Selesai

Kursus Intensif Perkembangan Kanak (KIPK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 155 orang pengasuh kanak-kanak dilatih dari tahun 2021 hingga 2022</li> <li>Program ini tidak diteruskan pada tahun 2023 dan digantikan dengan program latihan pengasuhan yang baharu untuk pengasuh kanak-kanak (IMPAK)</li> </ul>
---	--

### Sedang Dijalankan

Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (ASUH Pintar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 1,489 penerima manfaat telah menerima bantuan bulanan sebanyak RM100 untuk menampung kos penjagaan kanak-kanak</li> </ul>
Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 6,039 penerima bantuan bulanan sebanyak RM50 untuk menampung kos tadika</li> </ul>
Program Anak Istimewa Selangor (ANIS) Kanak-kanak Berkeperluan Khas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 2,020 penerima bantuan tunai secara <i>one-off</i> berjumlah sehingga RM5,000 bagi keluarga yang mempunyai ahli keluarga berkeperluan khas dan bantuan tunai kepada institusi pengajian yang menjalankan Program Intervensi Awal</li> <li>Seramai 4,156 orang peserta dan kanak-kanak berkeperluan khas telah mendaftar di institusi ANIS termasuk Pusat ANIS, Prasekolah ANIS dan Akademi ANIS</li> </ul>
Pelaksanaan solusi bandar pintar untuk mencegah jenayah dengan <i>Smart Selangor Delivery Unit</i> (SSDU)	<ul style="list-style-type: none"> <li>71 buah CCTV telah dipasang dan beroperasi</li> </ul>
Iltizam Anak Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 11,000 penerima manfaat (pada tahun 2023) menerima sumbangan tahunan sebanyak RM100 (sehingga lima tahun) untuk dana pendidikan SSPN Prime</li> </ul>
Pusat Smart Desa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penubuhan dua (2) Pusat Smart Desa pada tahun 2023</li> <li>PlanMalaysia telah mengenal pasti lokasi menubuhkan dua (2) Pusat Smart Desa pada tahun 2024</li> </ul>
Memastikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan sokongan yang selamat dan boleh dipercayai	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program baharu untuk meningkatkan penjagaan kanak-kanak yang selamat dan boleh dipercayai akan dibangunkan pada tahun 2024 untuk dilaksanakan pada masa akan datang</li> </ul>
Menggalakkan penubuhan pra-sekolah swasta di kawasan terpinggir	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian baharu untuk menentukan keperluan pusat penjagaan kanak-kanak yang selamat mengikut penawaran dan permintaan (<i>supply vs demand</i>) di setiap kawasan atau daerah akan dibangunkan pada tahun 2024</li> </ul>
Advokasi kepada amalan kehidupan positif dan pengurusan masa yang kondusif untuk kesejahteraan keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seminar Keluarga Negeri Selangor telah dijalankan pada September 2023</li> <li>Pelan tindakan baharu untuk kesejahteraan keluarga akan dibangunkan pada tahun 2024</li> </ul>
Pelaksanaan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Selangor telah diluluskan pada Mac 2023</li> <li>Program-program berkaitan akan dibangunkan berdasarkan teras yang dikenal pasti dalam dasar tersebut</li> </ul>
Melaksanakan inisiatif dan program Dasar Wanita Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program seperti latihan dan acara berkaitan akan dijalankan berdasarkan teras utama dalam Dasar Wanita Selangor</li> </ul>
Program pemerkesaan pengasuh kanak-kanak dan pembangunan pangkalan data (IMPAK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program latihan pengasuhan kepada pengasuh kanak-kanak akan dilaksanakan pada tahun 2024 dan seterusnya</li> </ul>
PINTAS Insentif Yuran Pendaftaran Taska	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menetapkan sasaran seramai 5,000 orang penerima insentif dengan nilai manfaat berjumlah RM100 secara <i>one-off</i> bagi menampung yuran pendaftaran khidmat jagaan kanak-kanak dari golongan keluarga M40</li> </ul>
Galeri Seni Kontemporari dan Moden Shah Alam (SAMA)*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan konsep SAMA telah selesai dan sedang dalam proses mendapatkan kelulusan</li> </ul>
Rumpun Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar Perpaduan Rumpun Selangor akan dibangunkan</li> <li>Karnival Perpaduan akan dijalankan di setiap daerah bermula dari tahun 2024</li> </ul>
Dana Bantuan Guaman Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemberian subsidi sehingga RM3,000 untuk perkhidmatan guaman bagi kes kekeluargaan dan pekerjaan</li> <li>Seramai 22 orang telah mendapat manfaat bantuan guaman pada tahun 2023</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 4: PERUMAHAN MAMPU MILIK

Perumahan mampu milik merupakan satu isu utama yang membelenggu kehidupan kebanyakan rakyat, terutamanya di kawasan bandar. Oleh itu, PPI di bawah bidang tumpuan ini memberikan fokus kepada penerokaan model-model baharu untuk perumahan mampu milik dan perluasan program sewaan dan baik pulih rumah. Selain inisiatif Rumah Selangorku yang bertumpu kepada peningkatan bekalan perumahan mampu

milik bagi sewa kepada pembelian (*rent-to-own*), terdapat juga inisiatif untuk membaiki dan baik pulih rumah sedia ada yang amat memerlukan pembaikan untuk menjadikannya lebih berdaya huni. Bidang tumpuan ini turut merangkumi inisiatif untuk membaiki dan membina unit-unit perumahan baharu bagi masyarakat Orang Asli.



### SOROTAN UTAMA: RUMAH SELANGORKU

Rumah Selangorku ialah inisiatif oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan unit perumahan mampu milik dengan pelbagai spesifikasi melalui perkongsian bersama pemaju-pemaju swasta. Dasar Rumah Selangorku memberikan mandat kepada pemaju-pemaju swasta untuk memperuntukkan sebahagian daripada unit-unit perumahan yang dibina untuk kategori-kategori Rumah Selangorku manakala Kerajaan Negeri, melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), akan menguruskan permohonan dan menentukan pembeli yang layak bagi unit-unit perumahan mampu milik ini berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Rumah Selangorku menyasarkan pembeli rumah untuk kali pertama di Selangor yang tidak pernah memiliki hartanah di dalam negeri serta berpendapatan isi rumah kurang daripada RM10,000 sebulan. Harga unit-unit Rumah Selangorku bermula daripada RM42,000 sehingga RM250,000 berdasarkan lima jenis unit yang berbeza dengan pelbagai saiz dan spesifikasi.

Sasaran keseluruhan program Rumah Selangorku adalah untuk menyediakan 60,000 unit rumah menjelang tahun 2025.

#### Jadual 5.5: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Perumahan Mampu Milik

##### Selesai

Insentif Galakan Pembinaan Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI) Pasca COVID-19	• Pengecualian yuran pembangunan (RM500) bagi semua projek perumahan mampu milik di Selangor hingga tahun 2023 dan pengurangan deposit premium tanah daripada 150% kepada 100% di Selangor
---	--

##### Sedang Dijalankan

Skim Ceria	• Sejumlah 40 projek baik pulih dan penambahbaikan disiapkan di kawasan-kawasan perumahan kos rendah
Program Bina Baru dan Baikpulih Rumah Kerajaan Prihatin	• Sejumlah 109 keluarga telah dibantu dalam membina baharu atau baik pulih rumah kepada pemohon yang menepati kriteria
Membaik pulih rumah di perkampungan Orang Asli	• Sebanyak 13 buah rumah Orang Asli telah menerima bantuan bina baharu atau baik pulih rumah pada tahun 2023
Rumah Selangorku	• Sebanyak 15,043 unit perumahan Rumah Selangorku siap dibina • Program ini akan diteruskan sehingga mencapai sasaran akhir iaitu sebanyak 60,000 unit rumah menjelang tahun 2025
Skim Smart Sewa dan Smart Sewa 2STAY	• Terdapat 1,146 unit rumah Smart Sewa pada tahun 2022 dan 422 unit rumah Smart Sewa pada tahun 2023 • Sasaran pembelian sebanyak 3,000 unit Rumah Selangorku menjelang tahun 2025
Pengecualian Cukai Pintu	• Pemberian pengecualian cukai taksiran yang dikenakan kepada pemilik rumah kampung dan kediaman kos rendah • Seramai 426,656 penerima telah menerima manfaat pengecualian cukai pada tahun 2023
Skim Selangorku To Ownership (S2-Own)	• Pembinaan Rumah Selangorku Jenis A bagi penempatan sebanyak 249 orang penduduk setinggan di kawasan Bandar Petaling Jaya Selatan
Insurans Pangsapuri Kos Rendah	• Pemberian polisi perlindungan bencana alam dan kerosakan bangunan yang melibatkan pangsapuri kos rendah di Selangor • Sebanyak 39,367 unit rumah telah menerima skim insurans ini pada tahun 2023

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 5: KESIHATAN AWAM

Kesihatan adalah salah satu faktor penting yang mempengaruhi kesejahteraan hidup. Peranan Kerajaan Negeri dalam bidang tumpuan kesihatan awam ini memfokuskan kepada penggalakan gaya hidup sihat untuk meningkatkan tahap kesihatan, penggalakan

saringan kesihatan secara kerap untuk pengesanan awal serta penyediaan bantuan untuk mengurangkan kos bagi mendapatkan rawatan perubatan di hospital dan klinik swasta.



### SOROTAN UTAMA: ILTIZAM SELANGOR SIHAT

Iltizam Selangor Sihat bertujuan untuk mengurangkan kos bagi mendapatkan rawatan perubatan di klinik dan hospital swasta di Selangor. Program tersebut menyediakan perlindungan perubatan sehingga RM500 kepada rakyat Selangor yang layak daripada kumpulan berpendapatan B40 untuk memberi subsidi kos rawatan kesihatan asas di klinik dan hospital swasta. Tambahan pula, Iltizam Selangor Sihat turut menyediakan khairat kematian berjumlah RM1,000. Untuk penyakit kritikal dan kemalangan yang menyebabkan kecacatan kekal, Iltizam Selangor Sihat menyediakan perlindungan berjumlah RM5,000.

Seramai 251,380 orang penerima daripada keluarga B40 telah menerima manfaat daripada perlindungan perubatan berjumlah RM500 di bawah Iltizam Selangor Sihat dari tahun 2021 hingga tahun 2023.



### Jadual 5.6: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Kesihatan Awam

#### Selesai

<i>Prevention of Outbreak at Ignition Sites (POIS)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>POIS dijalankan untuk mengawal jangkitan COVID-19 di tapak perindustrian semasa pandemik</li> </ul>
--	--

#### Sedang Dijalankan

Iltizam Selangor Sihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 251,380 penerima manfaat daripada kumpulan berpendapatan B40 telah menerima perlindungan kos perubatan sehingga RM500 di klinik dan hospital swasta dalam tempoh tiga tahun</li> </ul>
Program Bantuan Sihat Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 7,461 penerima manfaat telah menerima bantuan kewangan untuk membiayai kos rawatan dialisis, pembedahan kecil dan pembedahan katarak</li> </ul>
Ujian Saringan Kanser Selangor (SELCAN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 10,077 penerima manfaat telah menerima perkhidmatan saringan kanser</li> </ul>
Skim Insurans Am Negeri Selangor (INSAN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 6,000,000 orang mendapat perlindungan insurans melalui INSAN bagi tempoh 12 bulan</li> </ul>
Program Kawalan dan Pencegahan Denggi untuk mengurangkan kadar jangkitan denggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Empat kempen pencegahan denggi telah dijalankan pada tahun 2023</li> <li>Kadar kes denggi kian meningkat di Selangor (kecuali semasa PKP yang menunjukkan penurunan). Untuk mengurangkan kadar peningkatan tersebut, lebih banyak kempen pencegahan akan dijalankan pada tahun 2024 dan seterusnya</li> </ul>
Program Selangor Saring	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 19,888 orang menjalani saringan kesihatan percuma, termasuk saringan fizikal, air kencing dan darah dari tahun 2022 hingga tahun 2023</li> </ul>

## Sedang Dijalankan

Program Anak Selangor Anak Sihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 1,520 orang kanak-kanak daripada keluarga B40 menerima pek makanan dan multivitamin untuk mengurangkan kadar kebantutan dan susutan dalam kalangan kanak-kanak</li> <li>Program ini akan diperluaskan menerusi kerjasama sektor swasta bagi mendapatkan tajaan dan membantu lebih ramai kanak-kanak</li> </ul>
Program Mental Sihat Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 97,223 saringan kesihatan mental dijalankan melalui aplikasi SELangkah</li> <li>Seramai 945 pengguna telah mendapatkan manfaat daripada perkhidmatan Talian Sehat</li> <li>Seramai 208 penerima subsidi untuk kos perundingan/rawatan psikiatri atau psikologi</li> </ul>
Program Slim Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 2,136 orang menyertai program ini selama 4 minggu pada tahun 2022</li> <li>Program ditangguhkan pada tahun 2023 dan akan disambung semula pada tahun 2024</li> </ul>
Persediaan untuk penjagaan kesihatan warga emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pada masa ini, kebanyakan program kesihatan yang ditaja oleh Kerajaan Negeri telah pun memberi manfaat kepada warga emas (iaitu Bantuan Sihat Selangor, Selangor Saring, SELCAN, Iltizam Sihat Selangor)</li> <li>Seiring dengan usaha Selangor untuk bersiap sedia menjadi negeri menua, rancangan yang lebih menyeluruh perlu dibangunkan untuk menghadapi peningkatan populasi warga emas yang boleh membebankan sistem kesihatan yang sedia ada</li> </ul>
Pendigitalan dan menggabungkan semua program kesihatan dalam aplikasi SELangkah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pada masa ini, beberapa program kesihatan negeri diuruskan di dalam aplikasi SELangkah kerana sesetengah program tersebut mempunyai laman sesawang atau portal tersendiri</li> <li>Pada tahun 2024, pangkalan data HAYAT (rekod perubatan elektronik) dirancang untuk dimasukkan ke dalam aplikasi SELangkah</li> </ul>
SUKA Volunteer Programme	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program kesukarelawanan untuk menjalankan program-program kesihatan awam kerajaan Selangor dan meningkatkan advokasi kesihatan awam di kalangan komuniti</li> </ul>
Skim Rawatan Jantung	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan untuk rawatan jantung, dengan nilai bantuan maksima RM50,000 kepada isi rumah berpendapatan bulanan kurang daripada RM8,000</li> </ul>
Skim Rawatan Tuberkulosis	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan untuk rawatan tuberkulosis dengan nilai bantuan maksima RM800</li> </ul>
Iltizam Selangor Sihat Penjawat Awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Skim Iltizam Selangor Sihat Penjawat Awam (ISSPA) membolehkan Penjawat Awam Kerajaan Negeri Selangor Gred 44 dan ke bawah untuk menerima rawatan kesihatan dan perubatan daripada hospital dan klinik swasta yang terpilih. Kos rawatan kesihatan dan perubatan tersebut dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga RM 10,000 setahun seorang untuk rawatan pesakit dalam. Manakala untuk rawatan pesakit luar individu memperoleh RM250.00 setahun</li> </ul>
Pemeriksaan Kesihatan Mata	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 1,958 penerima telah mendapat pemeriksaan kesihatan mata percuma pada tahun 2023</li> </ul>
Skim Kesihatan Wanita Selangor (MAMMOSEL)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 298 penerima telah mendapat pemeriksaan kesihatan wanita yang merangkumi pemeriksaan mamogram, ultrabunyi dan biopsi secara percuma pada tahun 2023</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 6: PENDIDIKAN

Bidang tumpuan pendidikan beraspirasi untuk melengkapikan usaha Kementerian Pendidikan di peringkat pendidikan rendah sehingga pendidikan tinggi. Kerajaan Negeri tidak hanya menawarkan bantuan kewangan untuk menggalakkan para pelajar menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti pinjaman boleh ubah dan biasiswa tetapi juga menyasarkan inisiatif yang boleh meningkatkan prestasi dan perkembangan keseluruhan para pelajar yang meliputi aspek akademik dan bukan akademik.

Selangor memiliki tiga buah institusi pengajian milik negeri iaitu Universiti Selangor (UNISEL), Universiti Islam Selangor (UIS) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC). Sesetengah inisiatif di bawah bidang tumpuan ini bertujuan untuk menambah baik kemudahan, modul dan program di institusi-institusi tersebut.

**Jadual 5.7: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Pendidikan**

### Selesai

Merapatkan jurang pendidikan daripada generasi pandemik	<ul style="list-style-type: none"> <li>3,259 kanak-kanak menyertai Aktiviti 3M (menulis, membaca dan mengira) Pesta Buku Kanak-Kanak pada tahun 2023</li> </ul>
---	---

### Sedang Dijalankan

Selangor BITARA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiga biasiswa penuh dianugerahkan kepada Anak Selangor yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah di 100 universiti terbaik di dunia</li> </ul>
Program BITARA	<ul style="list-style-type: none"> <li>47 Anak Selangor ditaja untuk belajar di Kolej Yayasan Saad (KYS) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) 100% daripada pelajar yang ditaja memperoleh CGPA 3.0 dan ke atas</li> </ul>
Pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah 2,180 penerima pinjaman boleh ubah Yayasan Selangor untuk melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi awam atau swasta di Selangor</li> </ul>
Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 8,146 penerima manfaat bantuan tunai bernilai RM1,000 untuk mengurangkan bebanan kos bagi pelajar yang memulakan pengajian di institusi pendidikan tinggi</li> </ul>
Program Sekolah Angkat Zakat Selangor (PROSAZ)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 20 buah sekolah menerima bantuan dana sehingga RM25,000 pada tahun 2023 untuk pelaksanaan program akademik dan bukan akademik yang memberi manfaat kepada 810 pelajar daripada keluarga asnaf</li> </ul>
Form Six Sponsorship Programme (PTEYS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 1,007 orang pelajar ditaja untuk meneruskan pengajian ke Tingkatan 6 di Selangor</li> </ul>
Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>443 orang pelajar Selangor menerima pinjaman boleh ubah pada tahun 2023 untuk meneruskan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia</li> </ul>
Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah sekolah yang melaksanakan PTRS telah meningkat daripada 177 buah pada tahun 2021 kepada 189 buah pada tahun 2022 dan seterusnya kepada 225 buah pada tahun 2023</li> <li>Seramai 135,000 orang pelajar berdaftar dalam portal PTRS (mendapat capaian kepada bahan-bahan pembelajaran)</li> </ul>
Program Pelajar Berpotensi Tinggi (HIPERS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 3,409 orang pelajar dipilih untuk menyertai program HIPERS</li> <li>58% daripada pelajar HIPERS menerima keputusan 4A dan ke atas dalam SPM pada tahun 2022</li> </ul>
Program Penerokaan Bahasa di Perpustakaan Awam Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 5,102 peserta dalam Program Penerokaan Bahasa</li> <li>Seramai 3,345 peserta menyempurnakan keseluruhan program selama 12 minggu ini</li> </ul>
Program Pembangunan Kemahiran STEM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah sekolah yang menyertai <i>Mini Theater</i> STEM (pertandingan inovasi STEM) telah meningkat daripada 15 buah pada tahun 2021 kepada 40 buah pada tahun 2023</li> <li>Seramai 3,491 peserta dalam Seminar Menjana Naratif Inovasi STEM yang dijalankan pada tahun 2023</li> </ul>

## Sedang Dijalankan

<p>Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 2,282 orang pelajar menyertai program-program TVET di IKTISASS</li> <li>Kini terdapat dua buah institusi IKTISASS TVET, iaitu STDC Kuala Selangor dan STDCx Shah Alam</li> </ul>
<p>Program Pemeraksanaan Mahasiswa Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah 13 program dan konvensyen pemeraksanaan pelajar dijalankan yang melibatkan seramai 3,205 orang pelajar</li> </ul>
<p>Program Pembangunan Gugusan Pendidikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Inisiatif ini meliputi program-program pelajar di dua buah institusi milik Kerajaan Negeri, iaitu UNISEL dan UIS</li> <li>Tiga program dijalankan dari tahun 2022 hingga tahun 2023 dengan penglibatan seramai 620 orang peserta</li> </ul>
<p>Majlis Konsultasi Akademia-Industri Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melibatkan pembangunan modul latihan untuk STDC melalui kerjasama dengan pihak industri. Contohnya, terdapat modul yang dibangunkan melalui kerjasama dengan Apple, Siemens dan Festo yang telah dilancarkan untuk program latihan yang melibatkan seramai 548 orang pelajar dari tahun 2022 hingga tahun 2023</li> </ul>
<p>Program Pembangunan &amp; Penyelidikan Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah 30 geran penyelidikan telah dianugerahkan pada tahun 2023 untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan</li> <li>Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Selangor telah dijalankan secara tahunan pada tahun 2022 dan 2023 dengan jumlah kehadiran pelawat seramai hampir 15,000 orang (secara terkumpul)</li> </ul>
<p>Pemeriksaan Institusi Pengajian Tinggi di bawah Kerajaan Negeri</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penambahbaikan fasiliti fizikal di tiga buah institusi milik Kerajaan Negeri, iaitu UNISEL, UIS dan STDC. Kerajaan Negeri memperuntukkan dana kepada institusi-institusi tersebut untuk menjalankan projek-projek baik pulih atau penambahbaikan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selesa</li> <li>Pada tahun 2023, sejumlah RM9.99 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penambahbaikan</li> </ul>
<p>Program Pembangunan Remaja</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi seminar akan dijalankan untuk mendidik golongan remaja berkenaan akil baligh dan keselamatan seks</li> </ul>
<p>Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 995 buah sekolah telah menerima bantuan kewangan untuk membaik pulih serta membaiki infrastruktur sekolah di Negeri Selangor</li> </ul>
<p>Bantuan Yuran Asas Universiti</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan khas kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi milik Kerajaan Negeri Selangor iaitu UNISEL dan UIS. Bantuan ini adalah sebanyak RM500 bagi setiap semester akademik dan maksimum dua (2) semester setahun</li> <li>Seramai 2,122 orang telah menerima bantuan ini pada tahun 2023</li> </ul>
<p>Iltizam Pendidikan Fardhu Ain</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 22,226 orang pelajar dari keluarga B40 telah menerima subsidi yuran KAFA berjumlah RM30 sebulan</li> </ul>
<p>Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor (SEPINTAS)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 958 orang pelajar telah menerima bantuan daripada program pinjaman komputer 'refurbished' yang bertujuan membantu pengguna yang kurang berkemampuan untuk tujuan pembelajaran di jarak jauh</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan





## 5.3

# Isu dan Cabaran

### Kadar kemiskinan

Tumpuan dan usaha yang lebih kukuh diperlukan untuk menangani kemiskinan dan mengurangkan ketidaksamaan dari perspektif multidimensi, menoktahkan kemiskinan tegar, memperkasakan golongan B40 dan menyokong golongan M40 untuk mencapai masyarakat yang inklusif. Walaupun pendapatan isi rumah menunjukkan peningkatannya yang ketara di Selangor, kemiskinan mutlak menunjukkan sedikit penurunan daripada 1.7% pada tahun 2020 kepada 1.5% pada tahun 2022, manakala kemiskinan relatif meningkat daripada 13.9% pada tahun 2020 kepada 14.2% pada tahun 2022. Pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar dapat mengurangkan kemiskinan dalam jangka masa yang panjang, tetapi usaha untuk mendidik dan meningkatkan pendapatan di kawasan luar bandar masih diperlukan. Selanjutnya, memandangkan Selangor sedang menuju ke arah menjadi negeri menua dengan peningkatan peratus populasi berumur 65 tahun dan ke atas, terdapat risiko bahawa kemiskinan boleh menjadi semakin kritikal tanpa pendekatan yang berfokus untuk menanganinya secara komprehensif. Ini memerlukan penyediaan peluang penjana pendapatan dan kesejahteraan sosial, melalui pembangunan ekonomi penjagaan serta menyediakan perkhidmatan sokongan dan infrastruktur yang diperlukan oleh komuniti. Tindakan proaktif dan multidimensi diperlukan untuk menangani kemiskinan secara menyeluruh agar generasi akan datang tidak terbeban dengan tanggungjawab kewangan yang meningkat di samping keperluan penjagaan ibu bapa yang menua.

### Prestasi kesejahteraan dan kebahagiaan

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (*Malaysia Happiness Index*) yang diterbitkan oleh DOSM pada tahun 2021 berasaskan lima tahap skor di mana Selangor berada di kedudukan sederhana bahagia (5.74), berbanding dengan skor purata kebangsaan (6.48). Dua dimensi yang merupakan cabaran bagi Selangor adalah keselamatan awam (5.35) dan pengalaman emosi (5.32). Indeks ini mula diterbitkan pada tahun 2021 dan perlu dipantau pada masa depan. Selangor perlu mengenalpasti punca masalah dan cara untuk mengatasi isu-isu.

### Program-program sosial yang dibiayai negeri

Walaupun Selangor mempunyai bilangan program sosial yang tinggi, saiz program dan bilangan penerima manfaat adalah bergantung kepada jumlah peruntukan. Capaian program-program sosial perlu diperluaskan kepada lebih ramai penduduk di Selangor bagi memaksimumkan impak terhadap indikator makro seperti kadar kemiskinan.

Selangor akan menjalankan kajian yang komprehensif terhadap keberkesanan dan impak jangka panjang program-program sosial kepada penerima manfaat. Dengan menggunakan pakai pendekatan yang lebih komprehensif dan berasaskan data, hasil kajian dapat memastikan kemampuan dan keberkesanan program-program sosial dalam menangani kemiskinan dan isu sosial.

## 5.4 Hala Tuju

Sementara Tema Ekonomi mengangkat usaha untuk “menaikkan siling”, tema Sosial pula memberi fokus untuk “menaikkan lantai” dalam konteks Ekonomi MADANI. Memandangkan Selangor beraspirasi menjadi Negeri berpendapatan tinggi, pembangunan yang inklusif dan tahap kesejahteraan yang baik perlu diiringi dengan usaha untuk menambah peluang penjanaan pendapatan yang berkualiti tinggi serta memenuhi keperluan asas institusi keluarga dan individu. Selain pembangunan ekosistem yang meluas, program-program yang dijalankan perlu lebih bersasar dan diberikan keutamaan untuk mempertingkatkan lagi indikator-indikator sosial seperti pertambahan pendapatan, kesihatan dan pendidikan.

Usaha untuk memastikan pembangunan dan kesejahteraan yang inklusif adalah isu yang merentas semua teras. Ia perlu dimangkinkan oleh prestasi ekonomi yang kukuh dan pembangunan yang mampan, serta diterajui oleh mekanisme tadbir urus yang baik. Walaupun pendapatan isi rumah di Selangor telah

meningkat dalam tempoh RS-1, masih terdapat jurang kemiskinan mutlak dan relatif dalam kalangan golongan rentan dan kemiskinan multidimensi. Kebanyakan usaha tertumpu kepada mengurangkan kos sara hidup merangkumi keperluan asas untuk mendapatkan rawatan perubatan, penjagaan kanak-kanak dan pendidikan serta skim pembiayaan mikro. Agensi-agensi Negeri telah melaksanakan program-program tersebut dengan efisien. Namun begitu, Selangor sedar bahawa peluasan program adalah bergantung kepada peruntukan belanjawan dan peningkatan bilangan program sosial yang bersaing untuk mendapatkan dana. Penyusunan keutamaan program bagi setiap bidang tumpuan atau golongan sasaran perlu dijalankan dengan lebih efektif bagi memberikan impak yang lebih berkesan kepada indikator sosial.

# 06

## Tema Strategik 3: **PEMACUAN KELESTARIAN**


Pengenalan	86
Pencapaian dan Kemajuan Utama	87
Isu dan Cabaran	97
Hala Tuju	98

# 6.1 Pengenalan

Tema Pemacuan Kelestarian dalam RS-1 meletakkan sasaran untuk merangsang pembangunan mampan dan daya tahan di Negeri Selangor. Tema ini meliputi lima bidang tumpuan untuk meningkatkan kelestarian

negeri merangkumi kesiapsiagaan dan tindak balas terhadap bencana, kualiti dan ketersediaan air, pelepasan GHG, pengurusan sisa dan pemuliharaan biodiversiti.

**Rajah 6.1** Gambaran keseluruhan Tema Strategik 3




KSP mendapati bahawa semua 14 strategi bagi Tema Kelestarian menunjukkan kemajuan yang positif dengan majoriti PPI berada dalam fasa pelaksanaan. PPI yang dilaksanakan di bawah setiap strategi mengikut perancangan untuk mencapai sasaran masing-masing

menjelang penghujung tempoh pelaksanaan RS-1. Namun begitu, sesetengah PPI masih lagi berada dalam fasa konsep dan permulaan atau fasa reka bentuk dan perancangan.



## 6.2. Pencapaian dan Kemajuan Utama

**Rajah 6.2 Status pelaksanaan PPI bagi Tema Strategik 3**



### **BIDANG TUMPUAN 1: DAYA TAHAN DAN PENGURUSAN BENCANA**

Daya tahan dan pengurusan bencana merupakan bidang tumpuan yang kritikal memandangkan Selangor semakin kerap terdedah kepada risiko banjir akibat daripada perubahan iklim. Pada tahun 2022, bencana banjir di Malaysia telah mengakibatkan kerugian berjumlah lebih kurang RM622.4 juta (bersamaan dengan 0.3% KDNK Malaysia), dan Selangor merupakan negeri keempat yang paling teruk terjejas<sup>15</sup> dengan kerugian RM25.5 juta. Oleh itu, strategi-strategi dalam bidang tumpuan ini bertujuan untuk menambah baik kemampuan dan kebolehan negeri dalam mendepani bencana dengan memperkenalkan langkah-langkah mitigasi yang sewajarnya untuk mengurangkan impak bencana serta menambah baik kesiapsiagaan masyarakat.

Dalam usaha untuk mengurangkan risiko bencana dan meningkatkan kesiapsiagaan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT memperkenalkan program kesiapsiagaan

dan kesedaran menghadapi bencana, membina baharu dan menambah baik infrastruktur mitigasi banjir sedia ada. Kebanyakan projek infrastruktur tersebut masih lagi di peringkat pembinaan khususnya di Shah Alam dan Klang. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM68 juta untuk kerja-kerja pembinaan infrastruktur mitigasi banjir bagi tahun 2024.

Kerajaan Negeri melalui Belanjawan Selangor 2024 telah mengumumkan peruntukan sejumlah RM1.4 juta bagi menubuhkan Pusat Operasi Bencana Daerah yang berperanan untuk merancang dan bertindak balas terhadap bencana setempat bersama agensi berkaitan. Selanjutnya, Majlis Tindakan Iklim Selangor akan dinaik taraf kepada Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Selangor yang bukan sahaja bertindak sebagai pihak yang menyelia tetapi juga berperanan merancang, menyelaras dan mengusulkan tindakan mitigasi yang baharu untuk dilaksanakan.

<sup>15</sup> DOSM 2023. Special report on the impact of floods in Malaysia in 2022.



## SOROTAN UTAMA: PUSAT OPERASI BENCANA DAERAH (DDOC)

DDOC yang pertama telah dilancarkan pada 2 November 2023 di PDT Petaling dan akan beroperasi seiring dengan Pusat Operasi Smart Selangor (SSOC).

Penubuhan DDOC bertujuan meningkatkan tahap kesiapsiagaan negeri untuk menghadapi bencana yang berkemungkinan berlaku pada masa akan datang, khususnya ketika musim monsun. Pengoperasian pusat tersebut meningkatkan tindak balas kecemasan melalui pengumpulan dan penyebaran maklumat berkaitan bencana pada masa nyata kepada komuniti dan agensi yang berkaitan.



DDOC turut memanfaatkan platform SelGDX untuk memperoleh maklumat daripada agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar Malaysia dan Jabatan Meteorologi Malaysia untuk mengumpul data dengan pantas dan merancang tindak balas yang sesuai dengan lebih awal bagi menghadapi sebarang bencana yang akan menimpa.

Dalam beberapa tahun yang akan datang, Kerajaan Negeri Selangor turut berhasrat menubuhkan DDOC di setiap daerah di Selangor. Melalui penubuhan DDOC, kesiapsiagaan dan daya tahan masyarakat setempat untuk menghadapi bencana di harap dapat dipertingkatkan.

Sumber: Selangor Journal

### Jadual 6.1: PPI yang sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Daya Tahan dan Pengurusan Bencana

#### Sedang Dijalankan

Penilaian semula terhadap sistem saliran dan kawasan tadahan sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiga projek penambahbaikan sistem saliran dan kawasan tadahan telah selesai</li> <li>Tiga projek sedang dibina dan dijangka akan selesai pada tahun 2024</li> <li>Pembinaan 13 projek lain yang telah dikenal pasti akan bermula selepas tahun 2023</li> </ul>
Pelaksanaan projek infrastruktur mitigasi banjir dengan kadar segera	<ul style="list-style-type: none"> <li>23 projek mitigasi banjir telah selesai</li> <li>Lapan projek sedang dalam pembinaan</li> <li>Pembinaan 15 projek lain yang telah dikenal pasti akan bermula selepas tahun 2023</li> <li>Kerajaan Negeri baru-baru ini telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM65 juta untuk usaha mitigasi banjir melalui pelaksanaan pelbagai program, pembangunan dan pengurusan yang menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kejadian banjir di Selangor</li> </ul>
Skuad Pantas Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua 12 PBT telah menubuhkan Skwad Pantas selaras dengan keputusan MMKN pada tahun 2013</li> <li>Dokumen "Garis Panduan Skop Tugasan Pasukan Tindakan Segera (Pantas) di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor" telah diedarkan ke setiap PBT</li> <li>Penambahbaikan sistem komunikasi antara agensi dirancang untuk diwujudkan bagi mempercepat tempoh tindak balas</li> </ul>
Penubuhan Pusat Operasi Bencana Daerah (DDOC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>DDOC telah ditubuhkan di tiga buah daerah (Petaling, Klang dan Hulu Langat) pada tahun 2023</li> <li>Penubuhan DDOC akan diperluas kepada enam buah daerah yang lain menjelang tahun 2024</li> </ul>
Pemantauan kepatuhan projek pembangunan terhadap Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk mitigasi bencana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lebih kurang 2,500 permohonan projek pembangunan yang diusulkan telah diteliti oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada tahun 2021 hingga tahun 2023</li> <li>JPS akan terus meneliti permohonan projek pembangunan yang dikemukakan mengikut panduan daripada MSMA</li> </ul>
Program Kesedaran dan Persediaan Menghadapi Bencana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Modul untuk Program Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Masyarakat (CBDRR) telah dibangunkan dengan kerjasama daripada Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) pada tahun 2022</li> <li>Latihan untuk Pelatih (Training of Trainers) dijalankan pada tahun 2022</li> <li>Satu program rintis dilaksanakan pada tahun 2022</li> <li>Program CBDRR akan dilancarkan di semua sembilan daerah dari tahun 2024</li> </ul>
Pembangunan Pelan Tindakan Pengurusan Bencana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri merancang untuk membangunkan pelan tindakan ini sebagai panduan tambahan bagi rancangan negeri untuk menguruskan bencana dengan lebih baik</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 2: PENGURUSAN AIR

Selangor komited untuk memastikan kualiti, ketersediaan dan keselamatan air terjamin untuk mengurangkan kejadian gangguan air yang tidak terancang akibat daripada pencemaran air mentah. Oleh itu, strategi-strategi di bawah bidang tumpuan ini telah dirancang bagi meningkatkan kualiti, ketersediaan dan kemampunan air di Negeri Selangor dengan mencegah pencemaran sumber air, mengurangkan kebocoran melalui penambahbaikan infrastruktur serta menggalakkan perubahan sikap dalam penggunaan dan pemuliharaan air.

Kebanyakan PPI berada dalam fasa pelaksanaan dan pengurusan air adalah salah satu daripada bidang tumpuan yang menunjukkan prestasi terbaik yang telah pun menunjukkan impak positif. Antara perubahan ketara yang dapat dilihat adalah pelaksanaan prinsip denda kepada pelaku pencemaran (*polluters pay principle*) melalui cadangan pewartaan Peraturan-Peraturan Pelesenan Pembuangan Air Kembalian, dan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Buangan dan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2024 yang akan mengenakan fi kepada pelaku pencemaran. Selangor merupakan antara negeri terawal yang memperkenalkan peraturan sedemikian. Satu lagi PPI yang berkait rapat ialah pembersihan sungai-sungai tercemar di Selangor yang dipacu oleh usaha untuk mencegah aktiviti pencerobohan kawasan hutan tadahan air di bawah bidang tumpuan biodiversiti dan sumber asli. Pembersihan

dan pemuliharaan sungai adalah satu lagi aspek tumpuan dalam inisiatif Pengurusan Sumber Air Bersepadu SMG. Pada asalnya, inisiatif tersebut hanya memberikan tumpuan kepada pembersihan dan pemuliharaan sungai, namun skopnya kemudian telah diperluas meliputi pengurusan sumber air yang mampan di lembangan Sungai Klang untuk mencapai Indeks Kualiti Air Kelas 2 (kini berada pada Kelas 3 kecuali Jeti Sungai Udang yang berada pada Kelas 1). Pada masa yang sama, infrastruktur tersebut juga berfungsi untuk meningkatkan kapasiti muatan Sungai Klang untuk mencegah banjir.

Usaha untuk meningkatkan margin rizab simpanan air merupakan usaha berterusan Negeri Selangor bagi memastikan keterjaminan air. Skim Bekalan Air Rasau akan meningkatkan margin rizab simpanan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya daripada 13.8% pada Oktober 2023 kepada 15.6% sebaik sahaja ia mula beroperasi pada suku ketiga (ke-3) tahun 2025. Selain itu, kerja-kerja pengagihan bekalan air bagi LRA yang lain seperti LRA Langat 2 Fasa 1 masih dalam fasa pelaksanaan. Akhir sekali, Kerajaan Negeri sudah mula mengarusperdanakan ketahanan iklim melalui keterjaminan air, bermula dengan kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) bagi Sungai Langat dan Sungai Selangor (2022-2030).



### SOROTAN UTAMA: SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Selangor telah membuat ketetapan untuk melaksanakan tindakan-tindakan jangka panjang dan jangka pendek dalam mengatasi henti tugas LRA akibat dari insiden pencemaran sumber air mentah dan memastikan kelestarian air kepada pengguna di bawah Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) ini. Perancangan di bawah SJAM ini merangkumi dua (2) fasa, iaitu Fasa 1 bagi menangani isu pencemaran air di Sungai Selangor dan Fasa 2 bagi memastikan kecukupan air mentah dalam menghadapi musim kemarau.

SJAM Fasa 1 dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2024 akan memberi manfaat kepada rakyat bagi menjamin ketersediaan bekalan air yang berterusan walaupun berlaku pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor dan Sungai Langat. Jumlah kos pelaksanaan adalah RM320 juta.

SJAM Fasa 2 pula, Kerajaan Negeri menumpukan kepada Program Pengurusan Sumber Air secara holistik bagi memastikan simpanan air mencukupi untuk menampung permintaan pada ketika itu. Kerajaan Negeri Selangor akan memanfaatkan semua kolam takungan dan tasik yang telah ada di Negeri Selangor sebagai sumber air alternatif semasa musim kemarau selain dari kolam takungan di bawah Operasi Pengepaman Air Kolam (OPAK) sedia ada.

## Jadual 6.2: PPI yang sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Pengurusan Air

### Sedang Dijalankan

<p>Pendigitalisasian pemantauan sumber air</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan perkongsian data melalui portal Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Air Bersepadu (IWRIMS) yang dibangunkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB), Air Selangor dan Jabatan Meteorologi Malaysia</li> <li>Empat buah stesen telemetri dibangunkan sebagai sistem amaran awal bagi kejadian pencemaran (dua stesen di lembangan Sungai Langat dan dua stesen di lembangan Sungai Selangor) pada tahun 2023</li> <li><b>Pengujian dan pentauliahan sedang dijalankan untuk stesen-stesen tersebut</b></li> <li><b>Stesen telemetri di Sungai Gong sedang dibina</b></li> </ul>
<p>Friends of River Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyokong 33 komuniti Friends of River yang menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemulihan di 33 batang sungai dan anak sungai secara sukarela</li> <li><b>Menambah baik aplikasi laman sesawang untuk merekodkan dan mengemaskini aktiviti pemeliharaan dan pemulihan dengan lebih baik</b></li> </ul>
<p>Program Mitigasi Banjir di bawah projek <i>Selangor Maritime Gateway</i> (SMG)*</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Reka bentuk hidraulik dan hidrologi telah selesai</li> <li><b>Pakej 1 bagi Sungai Klang (Blok 1 dan 3) sedang diperluas dan diperdalam di samping kerja-kerja membina struktur untuk memperkukuh cerun dan membina ban</b></li> <li><b>Kerja-kerja memperluas dan memperdalam sungai bagi Pakej 2 Sungai Klang (Blok 2 dan 4) akan bermula selepas tahun 2025</b></li> </ul>
<p>Pembangunan skim bekalan air baharu dan loji rawatan air*</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembinaan LRA Labohan Dagang Fasa 1 dan paip pengagihan telah selesai pada Disember 2022 dan kini sedang beroperasi</li> <li><b>Pembinaan LRA Langat 2 Fasa 1 dan LRA Sungai Rasau Peringkat 1 masih dijalankan dan masing-masing dijangka akan siap dan beroperasi menjelang suku pertama tahun 2024 dan suku ketiga (ke-3) tahun 2025</b></li> <li>Kerajaan Negeri akan menerima peruntukan sebanyak RM1.8 bilion daripada Kerajaan Persekutuan untuk kerja sumber air bagi LRA Sungai Rasau Peringkat 1. Air Selangor juga akan memperuntukkan RM3.4 bilion untuk projek tersebut</li> <li>Pembinaan LRA Sungai Rasau Peringkat 1 dijangka akan meningkatkan margin rizab simpanan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada 15.6%</li> <li>Setelah siap, skim ini akan mempunyai kapasiti 1,400 liter air bersih setiap hari melalui sembilan kolam <i>Off-River Storage</i> (ORS) dwi-fungsi. Kolam-kolam itu akan berfungsi sebagai kolam tadahan untuk tebatan banjir serta sumber air mentah kepada Skim Bekalan Air Rasau</li> </ul>
<p>Kajian tentang pengurusan sumber air bersepadu dan menyeluruh untuk menjamin bekalan air jangka panjang berikutan perubahan iklim</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menyediakan kajian berkenaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) untuk Sungai Langat dan Sungai Selangor (2022-2030) pada Mac dan April 2022</li> <li>Pelan IRBM untuk Sungai Klang (2023-2030) juga telah selesai baru-baru ini</li> <li><b>Aktiviti-aktiviti di bawah Pelan IRBM Sungai Langat dan Sungai Selangor kini sedang dijalankan</b></li> <li><b>Aktiviti-aktiviti di bawah Pelan IRBM Sungai Klang akan dijalankan bermula pada tahun 2024</b></li> </ul>
<p>Program pengurangan air tidak berhasil (NRW)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurangan NRW daripada 28.53% (2020) kepada 27.75% (2023)</li> <li>Indeks Paip Pecah menurun daripada lapan bilangan kes/100km/tahun (2020) kepada 4.2 bilangan kes/100km/tahun (2023)</li> <li>Sepanjang 183 km paip diganti pada tahun 2022 (112.35km) hingga 2023 (70.4km)</li> <li>Secara kumulatif, 440 km paip akan diganti menjelang tahun 2025</li> <li>Mencapai pengurangan NRW 27.8% menjelang penghujung tahun 2023 dan 27.5% menjelang tahun 2025</li> </ul>
<p>Program dan inisiatif pemuliharaan air</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kempen yang dirancang untuk tahun 2023 telah selesai 100%</li> <li><b>Sekurang-kurangnya 20 program pemuliharaan air akan dijalankan pada setiap tahun</b></li> </ul>
<p>Pelaksanaan Prinsip Pembayaran oleh Pencemar dan Dasar Pelepasan Sifar</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Pelaksanaan prinsip bayaran oleh pihak-pihak yang mengembalikan air kembalian dan memasukkan atau melepaskan bahan buangan dan bahan pencemar adalah berdasarkan prinsip penyertaan (<i>participation</i>) dan sumbangan (<i>contribution</i>) untuk memulihkan semua sumber air melalui Peraturan-Peraturan Pelesenan Pembuangan Air Kembalian, dan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Buangan dan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2024</b></li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 3: NEGERI RENDAH KARBON

Sejajar dengan sasaran Malaysia untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050, Selangor turut mengumumkan komitmen terhadap aspirasi tersebut. Langkah ini adalah penting kerana pencapaian Malaysia dalam sasaran pelepasan karbon sifar bersih akan bergantung kepada pengalihan struktur tenaga dan ekonomi di Selangor sebagai salah satu negeri perindustrian terbesar di Malaysia.

Semasa tempoh kajian, tumpuan diberikan dalam membina asas yang betul dan kukuh untuk pelaksanaan strategi karbon sifar bersih dan pertumbuhan hijau. Sementara tema Ekonomi memberikan tumpuan kepada mencipta pasaran hijau, tema Kelestarian pula meletakkan sasaran untuk meningkatkan peratusan tenaga boleh baharu dalam campuran penjanaan tenaga, menggalakkan mobiliti rendah pelepasan dan menggubal dasar-dasar dan peraturan-peraturan baharu untuk membolehkan pelaksanaan yang lebih kukuh dan padu.

Bidang tumpuan Negeri rendah karbon memperlihatkan penglibatan yang ketara dalam kalangan PBT pada peringkat daerah melalui tindakan iklim setempat. Contohnya, penentuan garis dasar bagi pelepasan GHG dijalankan bersama-sama dengan PBT. Oleh itu, usaha untuk memperkemas dan menyelaraskan pelaksanaannya

perlu dijalankan bagi membangunkan sistem inventori GHG. Pelaksanaan konsep mobiliti rendah karbon melalui pembinaan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan stesen pengecas EV turut menjadi antara agenda PBT. Perluasan jaringan pengecas EV melibatkan pelbagai pemegang taruh, di mana MBI secara aktif sedang menyelaraskan dan menubuhkan kerjasama dengan rakan kongsi strategik. Usaha seperti ini bukan hanya mengurangkan pelepasan GHG, tetapi juga menawarkan manfaat bersama seperti menambah baik kualiti udara. Oleh hal yang demikian, petunjuk makro berkaitan dengan kualiti udara (penurunan PM2.5) telah diperkenalkan.

Dalam menyokong usaha NETR, Kerajaan Negeri Selangor mengumumkan Visi Tenaga *Net Zero* 2040 melalui salah sebuah anak syarikat kerajaan, Air Selangor. Inisiatif tersebut dilancarkan baru-baru ini dan bertujuan untuk menjana 1,460 gigawatt tenaga elektrik hijau setiap tahun menjelang 2040. Inisiatif tersebut dijangka akan mengelakkan pelepasan karbon sebanyak 138,800 tan serta mengurangkan Indeks Tenaga Korporat untuk Air Selangor sebanyak 15% dalam tempoh 15 tahun. Aktiviti-aktiviti ini akan bertindak sebagai batu loncatan ke arah peralihan Selangor menjadi Negeri Rendah Karbon.

### Jadual 6.3: PPI yang sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Negeri Rendah Karbon

#### Sedang Dijalankan

Stesen Janakuasa Pulau Indah (PIPP)*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Secara keseluruhannya, 98.34% daripada pembinaan PIPP sudah selesai termasuk Laluan Transmisi 500KV dan Stesen Pemeteran Gas Petronas</li> <li><i>Back Energisation</i> telah dicapai pada Oktober 2023 bagi Blok 1 dan pada Februari 2024 bagi Blok 2</li> <li>PIPP kini sedang melalui proses pengujian dan pentauliahan dan dijangka akan memulakan operasi komersial pada suku keempat (ke-4) tahun 2024</li> </ul>
Pembangunan sistem inventori gas rumah hijau untuk Negeri Selangor*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Garis dasar pelepasan GHG (atau sekurang-kurangnya, karbon) telah dibangunkan oleh tujuh PBT berdasarkan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon Negara (LCCF)</li> <li>Selangor sedang dalam proses penilaian dan semakan teknikal dari segi keupayaan, fungsi dan simpanan sistem, dana dan peranan PBT</li> <li>MGTC kini sedang membangunkan sistem inventori GHG untuk Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) berdasarkan LCCF</li> <li>Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (SPBT, UPEN) dan SSDU sedang menilai kesesuaian platform inventori GHG digital untuk diguna pakai pada peringkat negeri dan digunakan oleh kesemua 12 PBT bagi tujuan penyelarasan dan keharmonian</li> </ul>

## Sedang Dijalankan

Program Selangor Mobiliti (sebelum ini dikenali sebagai Pelaksanaan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon di peringkat negeri dan tempatan)

- 194 buah stesen pengecas EV telah dipasang oleh Kerajaan Negeri di seluruh Selangor
- 100 km laluan pejalan kaki dan basikal dirancang untuk dibangunkan menjelang tahun 2025
- Kerajaan Negeri akan menangani ketersambungan *First* dan *Last Mile* di bawah Program Selangor Mobiliti. Ia sedang merintis transit responsif permintaan (DRT) melalui bukti konsep, dilengkapi dengan mempertingkatkan laluan pejalan kaki. Untuk melaksanakannya, Kerajaan Negeri telah memberi komitmen sebanyak RM5 juta kepada projek rintis
- Negeri Selangor akan memasang 1,000 unit pengecas EV sehingga tahun 2025 dan 4,000 unit sehingga tahun 2030

Net Zero Cities Selangor 2050

- Pembangunan rancangan tersebut dijangka akan bermula selepas sistem inventori GHG sudah selesai dibangunkan

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 4: PENGURUSAN SISA

Selangor sedang menggiatkan usahanya dalam pengurusan sisa dari perspektif perundangan dan infrastruktur bagi menangani isu-isu seperti pengurangan dan pengurusan sisa yang lebih baik. Penjanaan sisa pepejal harian di Selangor kini dianggarkan sebanyak 7,700 tan sehari.

Salah satu daripada pendekatan utama untuk mengalihkan sisa pepejal dari tapak pelupusan adalah melalui

pembangunan loji *Waste-to-Energy* (WTE) untuk menjana tenaga elektrik. Pada masa ini, kemajuan projek ini disasar untuk mencapai operasi komersial untuk dua daripada tiga loji WTE yang sedang dibangunkan oleh Worldwide Holdings. KDEB Waste Management (KDEBWM) juga akan membangunkan sebuah loji WTE yang berpotensi untuk menjana 58 megawatt tenaga elektrik daripada 2,400 tan sisa pepejal sehari.





## Jadual 6.4: PPI yang sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Pengurusan Sisa

### Sedang Dijalankan

Pembangunan Pelan Induk Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor (PISPPANS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>PISPPANS telah dibangunkan dan bertindak sebagai pelan induk Negeri untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal dan operasi pembersihan awam</li> </ul>
Pengutipan sisa terjadual, industri dan komersial berpusat dan terselaras	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada MMKN untuk membenarkan mandat undang-undang pengutipan berpusat dan terselaras bagi sisa terjadual, industri dan komersial</li> </ul>
Membangunkan Fasiliti Pengumpulan & Pemuliharaan Bahan (MRCF) di setiap daerah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiga buah MRCF, sebuah Pusat Kitar Semula Komuniti secara <i>Buy-Back</i>, tiga buah Pusat Kitar Semula secara <i>Drop-Off</i> dan sebuah Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (ADTREC) yang berjumlah lapan Pusat Kitar Semula kini diuruskan oleh KDEB Waste Management (KDEBWM), dengan sebanyak 60 tan kapasiti kutipan setiap hari</li> <li>KDEBWM sedang dalam proses untuk membangunkan lagi lima buah Pusat Kitar Semula yang terdiri daripada dua buah ADTREC dan tiga buah Pusat Kitar Semula secara <i>Buy-Back</i> atau <i>Drop-Off</i></li> <li>Secara keseluruhannya, Selangor meletakkan sasaran untuk mempunyai kapasiti kutipan sebanyak 150,090 tan setiap hari menjelang tahun 2025</li> </ul>
Mengutamakan usaha pengasingan sumber dan program 3R ( <i>Reuse, Reduce, Recycle</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selangor mencapai 8.24% kadar kitar semula untuk semua jenis sisa dengan MBSA dan MBSJ sebagai penyumbang utama</li> <li>Selangor telah menjalankan program kesedaran kitar semula secara aktif dengan sejumlah 623 program dijalankan pada tahun 2023 oleh PBT</li> <li>Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan fasiliti kitar semula di setiap PBT melalui kolaborasi bersama KDEBWM</li> <li>Selangor meletakkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sisa sebanyak 15% menjelang tahun 2025</li> </ul>
Pembangunan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) dengan loji rawatan <i>Waste-to-Energy</i> (WTE)*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembinaan loji WTE di Jeram telah bermula pada 1 Ogos 2023. Majlis pecah tanah telah diadakan pada 17 Oktober 2023</li> <li>Projek ini berjalan seperti dirancang dan dijangka akan memulakan operasi komersial menjelang tahun 2025</li> </ul>
<i>Sultan Idris Shah Green Energy Plant (SISGEP)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri mengumumkan rancangan untuk membangunkan SISGEP yang menggunakan teknologi WTE dengan kapasiti untuk menguruskan 2,400 tan sisa pepejal pada setiap hari bagi menjana 58 megawatt tenaga</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 5: BIODIVERSITI DAN SUMBER ASLI

Bidang tumpuan biodiversiti dan sumber asli meletakkan sasaran untuk mengekalkan hutan simpanan kekal dan meningkatkan biodiversiti flora dan fauna serta litupan pokok di seluruh negeri. Ini dapat diperkuatkan lagi

melalui penggubalan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan untuk mencegah penyusutan hutan dan aktiviti-aktiviti pencerobohan hutan serta memulihkan kawasan hutan terosot.




### SOROTAN UTAMA: HUTAN WARISAN DIRAJA SELANGOR



Penubuhan Hutan Warisan Diraja Selangor (RSHF) meliputi kawasan seluas 108,000 hektar dipandu daripada komitmen tidak berbelah bahagi daripada DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah terhadap pemuliharaan alam sekitar, penyelidikan, pendidikan, rekreasi dan ekopelancongan. Inisiatif penting ini merangkumi hampir 26 hutan simpanan kekal yang terletak di Hulu Selangor, Batang Kali, Hulu Gombak dan Hulu Langat.

Diklasifikasikan sebagai Taman Negeri di bawah kategori hutan yang dilindungi seperti yang termaktub di dalam Seksyen 10 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985, RSHF memainkan pelbagai peranan penting. Ia akan menjadi kawasan tadahan air, habitat kepada pelbagai flora dan fauna serta bertindak sebagai penyelesaian semula jadi bagi kawalan hakisan tanah dan banjir. Selain itu, ia juga bertindak sebagai kawasan tadahan karbon penting yang menyumbang kepada usaha rantau ini dalam memerangi perubahan iklim.

Inisiatif ini dijalankan pada masa yang genting ketika kebimbangan dunia terhadap isu-isu kelestarian alam sekitar dan perubahan iklim semakin memuncak. RSHF yang bertunjangan capaian yang meluas dan sasaran yang menyeluruh ini menjadi bukti terhadap pendirian proaktif Negeri Selangor dalam menangani cabaran-cabaran tersebut dan demi menjaga khazanah alam sekitar negeri untuk generasi akan datang.



Sumber: Selangor Journal



## Jadual 6.5: PPI yang sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Biodiversiti dan Sumber Asli

### Sedang Dijalankan

Meningkatkan biodiversiti bandar melalui pembangunan kawasan hijau bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selangor kini mempunyai sebanyak 77 kawasan hijau bandar yang dibangunkan di dalam negeri dengan sebanyak 160.7 hektar keluasan daripada kawasan tersebut telah diwartakan</li> </ul>
Mengawal pembangunan di tanah gambut tertakluk kepada terma dan syaratnya yang ditetapkan oleh PBT & pihak berkuasa Negeri (PBN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri secara aktif memastikan semua pembangunan di tanah gambut mematuhi Panduan untuk Pembangunan di Kawasan Tanah Gambut Selangor dan menjalankan penguatkuasaan melalui Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JTPKSAS)</li> <li>Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sedang membangunkan Pelan Pengurusan Bersepadu untuk Hutan Paya Gambut Selangor Selatan (IMP-SSPSF) dan mengkaji Pelan Pengurusan Bersepadu untuk Hutan Paya Gambut Selangor Utara (IMP-NSPSF) yang sedia ada</li> </ul>
Mengelakkan aktiviti yang mengganggu kawasan tadahan dalam hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri menjalankan usaha secara berterusan untuk mengekalkan 44,606.78 hektar kawasan tadahan air melalui pewartaan di bawah enakmen Akta Perhutanan Negeri (EAPN) 1985</li> <li>Agensi Kerajaan Negeri seperti JPNS dan LUAS melaksanakan rondaan dan aktiviti penguatkuasaan secara rutin mengikut bidang kuasa masing-masing</li> </ul>
Pengekalan sekurang-kurangnya 31% kawasan hutan simpanan kekal daripada jumlah keseluruhan tanah milik Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hutan simpanan kekal Selangor kini meliputi 250,987.12 hektar (31.7%) daripada keseluruhan tanah Kerajaan Negeri</li> <li>Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 250,250.33 hektar kawasan hutan simpanan kekal sehingga tahun 2030 sebagaimana sekarang</li> </ul>
Pelan Pengurusan Selangor <i>Central Forest Spine</i> (CFS) 2020-2029	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selangor memperkenalkan Pelan Pengurusan CFS dan menubuhkan jawatankuasa pelaksana dan pemandu untuk memacu pelaksanaan pelan tersebut</li> <li>Jawatankuasa tersebut sedang melaksanakan pelan tersebut di mana 28% daripada projek atau KPI yang disenaraikan telah selesai dengan pencapaian sebanyak 50% disasarkan menjelang tahun 2025</li> </ul>
Pewartaan kawasan sensitif alam sekitar untuk tanah kerajaan mengikut jenisnya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memandangkan terdapat empat PBT di Selangor yang berada di kawasan <i>Central Forest Spine</i> (CFS), Kerajaan Negeri telah mewartakan kawasan CFS tersebut di tiga daripada empat PBT, iaitu Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), melalui Rancangan Tempatan masing-masing</li> <li>Kerajaan Negeri kini dalam proses mewartakan satu lagi kawasan CFS, iaitu Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) melalui Rancangannya</li> <li>Kerajaan Negeri merancang untuk mewartakan kawasan CFS melalui pembangunan Rancangan Kawasan Khas yang mengambil kira Rangka Kerja Ekologi CFS</li> </ul>
Program Karbon Selangor (sebelum ini dikenali sebagai Memanfaatkan piawaian pasaran karbon sukarela sedia ada untuk sumber asli Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> <li>LLSB membangunkan dan melancarkan rangka kerja untuk Program Keseimbangan dan Pengurusan Karbon Selangor. Ini adalah projek rintis untuk menunjukkan kebolehlaksanaan penjana kredit karbon melalui pemulihan paya bakau</li> <li>Fasa pertama bagi projek rintis tersebut akan memulihkan lebih kurang 70 hektar hutan paya bakau terdegradasi di dalam SMG dan mengesahkan projek untuk kredit karbon tersebut. LLSB sedang mengenal pasti jururunding atau rakan kongsi untuk membantu menilai simpanan karbon yang tersedia di Selangor serta menghantar dokumen reka bentuk projek bagi tujuan pensijilan dan pengesahan</li> <li>LLSB berhasrat untuk memperbesar projek tersebut dengan pertambahan keluasan yang bergantung pada hasil daripada projek rintis tersebut</li> </ul>
Hutan Warisan Diraja Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembukaan Hutan Warisan Diraja Selangor baru-baru ini telah diisytiharkan oleh Sultan Selangor, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah</li> <li>Pelancaran Pelan Induk bagi Pembangunan Hutan Warisan Diraja Selangor diadakan serentak dengan pembukaan hutan tersebut</li> <li>Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan pembangunan fasiliti yang tersenarai dalam pelan induk tersebut bermula pada tahun 2025 hingga 2030</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## PROJEK, PROGRAM DAN INISIATIF 'CROSS CUTTING'

PPI 'cross cutting' meliputi pembangunan dan tindakan mampan yang dipelopori oleh Kerajaan Negeri yang merentas lima bidang tumpuan. Selangor telah menerbitkan Semakan Subnasional Sukarela (VSR) Selangor yang pertama untuk menyampaikan bagaimana Selangor dan agensi-agensi serta PBT-nya melaksanakan usaha-usaha Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada peringkat tempatan. Selangor turut memberikan Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) dan Geran Kecil

Teknologi Hijau (GKTH) pada setiap tahun sejak 2018 untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar serta menggalakkan penggunaan teknologi hijau untuk meningkatkan kemampanan. Satu hasrat ketara Selangor yang dapat dilihat ialah komitmen untuk menanam 11 juta batang pokok di seluruh Selangor bagi mempertingkatkan biodiversiti bandar.

**Jadual 6.6: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Projek, Program dan Inisiatif 'Cross Cutting'**

### Selesai

Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) dan Geran Kecil Teknologi Hijau (GKTH)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah RM1.3 juta telah berjaya diberikan kepada pemohon geran untuk GKAS dan GKTH bagi menggerakkan usaha kemampanan oleh Kerajaan Negeri</li> </ul>
Voluntary Subnational Review (VSR) Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan VSR Selangor telah diterbitkan pada tahun 2022 dan dibentangkan di Forum Bandar Sedunia Ke-11 di Poland dan Forum Politik Aras Tinggi (HLPF) di New York pada tahun 2023</li> <li>Tiga PBT di Selangor telah menerbitkan <i>Voluntary Local Review (VLR)</i> termasuk MBSA, MBSJ dan MPSP</li> <li>Tujuh PBT lain sedang menyediakan draf VSR masing-masing</li> </ul>

### Sedang Dijalankan

Program kecekapan penggunaan air di premis entiti milik negeri dan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selangor telah memasang sejumlah 80 buah unit penuaian air hujan di seluruh premis milik Kerajaan Negeri</li> <li>Kerajaan Negeri dengan aktif melaksanakan program kecekapan penggunaan air di kesemua 12 PBT dan akan memanjangkan program tersebut untuk dilaksanakan di sembilan PDT</li> <li>Kerajaan Negeri meletakkan sasaran untuk memasang lebih banyak unit sistem penuaian air hujan selain di premis-premis milik Kerajaan Negeri dengan sasaran pemasangan sebanyak 1,000 unit setahun</li> </ul>
Mempromosikan bangunan hijau dalam mengurangkan impak karbon operasi di bangunan milik Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>11 buah sistem fotovoltan telah berjaya dipasang di premis milik Kerajaan Negeri</li> <li>Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan karbon operasi, Kerajaan Negeri menetapkan garis dasar penggunaan elektrik untuk memantau dan menjalankan intervensi dengan lebih baik bagi menguruskan permintaan</li> <li>Kerajaan Negeri berhasrat untuk memasang infrastruktur tenaga boleh baharu di anak syarikatnya, Air Selangor, untuk mengurangkan sejumlah 2 juta tan pelepasan karbon dalam masa 30 tahun</li> </ul>
Menekankan prinsip reka bentuk mampan untuk mewujudkan bandar yang selamat dan mampan di Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri memasang sebanyak 722 kamera litar tertutup (CCTV) untuk menjamin keselamatan rakyat Selangor</li> <li>Kerajaan Negeri menyelaraskan pelaksanaan Program Bandar Selamat bersama-sama dengan 12 PBT untuk meningkatkan keselamatan dan keamanan melalui reka bentuk dan infrastruktur yang lebih selamat</li> <li>Selangor mengumumkan rancangan untuk menanam 11 juta batang pokok dengan peruntukan sebanyak RM500,000</li> </ul>
Meningkatkan kecekapan tenaga bagi kenderaan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Negeri telah berjaya menggantikan 10% daripada kenderaan kerajaan sama ada dengan kenderaan cekap tenaga (EEV), EV, kenderaan elektrik hybrid (HEV) atau kenderaan elektrik hibrid <i>plug-in</i> (PHEV)</li> <li>Kerajaan Negeri mencapai 10% daripada sasarannya untuk memasang sebuah stesen pengecas EV di setiap PBT dan PDT</li> <li>Selanjutnya, kenderaan kerajaan yang bakal dilupuskan akan digantikan dengan EV</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## 6.3. Isu dan Cabaran

### Kejadian banjir yang berulang dan pembangunan pesat

Bagi menangani risiko bencana seperti banjir, Selangor telah membuat pelaburan yang besar sebagai contoh membina tebatan banjir. Walau bagaimanapun, peningkatan kekerapan banjir yang berlaku memerlukan usaha pihak Negeri bagi mencegahnya. Isu penempatan bangunan sedia ada yang berada di kawasan kerap berlaku banjir dan sistem peparitan yang sering tersumbat oleh sampah sarap adalah antara cabaran yang perlu ditangani.

Jumlah penguatkuasa yang tidak mencukupi untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan bagi membanteras aktiviti pelupusan sisa secara haram antara faktor yang menjadi penghalang kepada usaha kerajaan Negeri untuk menangani isu tapak sampah haram. Selain daripada menaiktaraf infrastruktur, melebarkan dan membersihkan sungai, Selangor perlu mengambil tindakan supaya pembangunan bandar adalah secara mampan dan lestari serta mengambil tindakan yang sewajarnya supaya kawasan tadahan tidak diceroboh.

### Kekurangan pendekatan sistem untuk menangani isu-isu kelestarian

Selangor berhasrat untuk menangani isu kemampanan alam sekitar bertukar daripada pendekatan secara tertutup kepada pendekatan lebih bersistem dengan menangani punca cabaran melalui pembangunan sistem yang komprehensif. Pendekatan yang sistematik bagi menangani isu pelepasan karbon akan juga memberi manfaat kepada rakyat apabila kualiti udara dapat dipertingkatkan. Selain itu, janaan tenaga yang boleh diperbaharui turut membantu untuk menangani isu pelepasan karbon yang membawa kepada kelestarian alam sekitar. Begitu juga, pengurusan sisa pepejal secara bersepadu dapat mengurangkan penghasilan, pengumpulan dan pelupusan sisa pepejal, antaranya melalui aktiviti kitar semula yang dapat membantu kepada pemulihan sumber.

### Data dan kapasiti terhad dalam isu iklim terkini

Data yang tepat dan terkini diperlukan untuk memahami dan menangani isu dan cabaran perubahan iklim yang kompleks secara berkesan. Ketersediaan data yang terhad, menyukarkan pembangunan strategi dan dasar yang tersasar.

Selain itu, kapasiti dan kepakaran institusi untuk menganalisis dan mentafsir data secara cecap dan berkualiti, juga diperlukan. Bagi mengatasi cabaran ini, Selangor akan memberi keutamaan kepada aktiviti mengumpul, menafsir dan menganalisa data menerusi satu sistem yang bakal dibangunkan. Peningkatan kapasiti modal insan diperlukan bagi menangani isu perubahan iklim pada masa kini demi memastikan masa hadapan yang mampan dan berdayan tahan.

## 6.4

# Hala Tuju

Sepanjang tempoh semakan RS-1 didapati kebanyakan PPI telah berjaya dilaksanakan ataupun sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, cabaran utama dihadapi oleh Selangor adalah dilema untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan perlindungan alam sekitar. Pembangunan yang pesat dan kurang penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan alam sekitar memberi kesan negatif.

Tindakan intervensi yang dilaksanakan tertumpu kepada kemampuan negeri untuk berdepan dengan isu bencana dan perubahan iklim seperti memperkenalkan rangka kerja dasar dan peraturan yang berkaitan. Selain itu, usaha untuk memperkukuhkan infrastruktur fizikal tahan bencana juga diberi penekanan. Penggunaan teknologi maklumat turut memainkan peranan yang penting dalam memberikan amaran awal kepada agensi yang berkenaan agar risiko bencana kepada komuniti dapat dikurangkan.

Pihak berkuasa tempatan memainkan peranan penting dalam merealisasikan pembangunan lestari melalui perancangan dan reka bentuk bandar. Reka bentuk bandar yang lestari merupakan antara faktor yang mendorong penduduk untuk mengubah tingkah laku mahupun gaya hidup. Semua usaha ini akan membolehkan Selangor mencapai status negeri rendah karbon dan berdaya tahan.

# 07

## Tema Strategik 4: **TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN**

Pengenalan	100
Pencapaian dan Kemajuan Utama	101
Isu dan Cabaran	111
Hala Tuju	112

# 7.1

## Pengenalan

Tema Strategik 4 menumpukan kepada Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan melalui penggunaan teknologi dan strategi berpacuan data bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan, menambah baik penggubalan dasar berasaskan bukti dan menjamin akauntabiliti dalam pentadbiran Kerajaan. Ia terdiri daripada lima bidang tumpuan

yang memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tadbir urus Kerajaan Negeri Selangor ke arah kecemerlangan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Sejumlah 12 strategi utama dilaksanakan melalui 52 PPI bagi mencapai sasaran tersebut.

**Rajah 7.1** Gambaran keseluruhan Tema Strategik 4



**52** Bilangan terkini projek/program/inisiatif setakat Kajian Separuh Penggal


Secara amnya, kesemua PPI di bawah Tema Strategik 4: Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan berjalan lancar bagi mencapai sasaran yang ditetapkan menjelang berakhirnya tempoh penyampaian RS-1 walaupun terdapat kelewatan pelaksanaan bagi beberapa PPI. KSP mendapati kesemua strategi utama

dilaksanakan mengikut perancangan dan kebanyakan PPI sedang dilaksanakan dan dipantau oleh pemilik masing-masing manakala sebahagian PPI berada dalam fasa konsep dan permulaan atau dalam fasa reka bentuk dan perancangan.



## 7.2 Pencapaian dan Kemajuan Utama

Rajah 7.1 Status pelaksanaan PPI bagi Tema Strategik 4



### BIDANG TUMPUAN 1: PENJAJARAN STRATEGIK MATLAMAT DAN DASAR

Penjajaran strategik matlamat dan dasar adalah penting untuk menggalakkan kerjasama dan penyelarasan dalam kalangan pemegang taruh di Selangor. Perkongsian sasaran dan tujuan yang sama membolehkan pendekatan bersepadu dalam Kerajaan Negeri melalui pengumpulan sumber, perkongsian maklumat dan kepakaran untuk mengurangkan pertindihan dan memaksimumkan impak kolektif daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif.

Di antara inisiatif-inisiatif yang dijalankan di bawah bidang tumpuan ini, dua inisiatif telah diklasifikasikan sebagai pemacu perubahan. SIAP ditubuhkan untuk memantau, menilai dan melaporkan prestasi penyampaian RS-1. Akauntabiliti pemilik inisiatif dan pemegang taruh serta halangan-halangan pelaksanaan inisiatif dikenal pasti melalui pemantauan dan pelaporan tersebut. Halangan-halangan yang dikenal pasti diperbincang bersama agensi pelaksana, jawatankuasa CORE dan pihak pembuat keputusan utama untuk penyelesaian. Belanjawan Selangor 2024 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1 juta untuk menambah baik fungsi dan kapasiti SIAP sebagai unit pemantauan utama prestasi penyampaian RS-1.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam tema Kelestarian, pematuhan terhadap rancangan pembangunan tempatan adalah penting untuk mengelakkan rebakan bandar dan

pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar selain membolehkan pembangunan yang lebih tersusun di seluruh negeri. Oleh itu, pewartaan dan pematuhan rancangan tempatan dan negeri merupakan satu proses yang penting. Semasa tempoh kajian, perbincangan telah diadakan untuk menyelaraskan sistem digital dan fizikal dalam kalangan PBT dengan lebih baik. Contohnya, sistem i-Sekat akan diselaraskan sebagai platform utama yang digunakan di semua PBT berbanding penggunaan 12 sistem berasingan di setiap PBT pada masa akan datang.

Selain itu, penubuhan Lembah Klang Raya Selangor sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan Selangor 2024 yang menggunakan model pembangunan metropolitan akan menyelaraskan tadbir urus bandaraya Subang Jaya, Shah Alam, Petaling Jaya dan Klang. Rancangan untuk menggubal Enakmen Lembah Klang Raya Selangor bertujuan untuk menyeragamkan proses permohonan, pelesenan dan kelulusan perniagaan oleh PBT dan merejuvenasi bandar-bandar matang serta mengoptimumkan sumber kerajaan dan mengelakkan pertindihan tanggungjawab. Penubuhan badan berkuasa wilayah yang baharu tersebut akan mempercepat hasrat Kerajaan Negeri ke arah menjadi metropolis pertama di Malaysia.

## Jadual 7.1: PPI yang sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Penjajaran Strategik Matlamat dan Dasar

### Sedang Dijalankan

<p>Semakan Tahunan Kemajuan bagi Rancangan Selangor Pertama (RS-1)*</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>SIAP menyelaras pelaporan semasa daripada semua pemilik projek RS-1 untuk memantau status pelaksanaan</li> <li>Mereka bentuk papan pemuka digital untuk memantau dan menganalisis prestasi bagi setiap tema dan bidang tumpuan dengan lebih baik di samping menghubungkannya dengan petunjuk-petunjuk makro</li> <li>Tiga mesyuarat CORE dan satu pembentangan kepada MTES dan MMKN berkenaan status pelaksanaan dan pencapaian keseluruhan RS-1 akan dijalankan secara tahunan oleh SIAP</li> </ul>
<p>Penyediaan Rancangan Tempatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lapan PBT telah menyiapkan danewartakan Rancangan Tempatan mereka yang diselaraskan dengan RSNS 2035</li> <li>Empat PBT, iaitu MDSB, MPAJ, MPKS dan MPSP, kini sedang menyediakan draf Rancangan Tempatan mereka untuk diselaraskan dengan RSNS 2035 dan dijangka akan diwartakan menjelang tahun 2025</li> </ul>
<p>Mempercepat pelaksanaan Perolehan Digital Kerajaan Secara Berpusat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencapaian utama dicapai di bahagian hadapan (<i>front-end</i>) perkhidmatan perolehan tersebut melalui pengumuman tender dan keputusan penender berjaya yang sepenuhnya secara digital</li> <li>Sistem <i>end-to-end</i> Tender Online Selangor yang merangkumi keseluruhan rantaian nilai akan diperluas pada tahun 2024 (daripada perolehan tender kepada penghantaran tender dan pemakluman keputusan akhir) dengan kadar penggunaan sebanyak 100% oleh semua agensi Kerajaan Negeri menjelang tahun 2025</li> </ul>
<p>Memperluas sistem i-Sekat kepada semua PBT</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua 12 PBT dijangka akan menggunakan sistem i-Sekat secara bersepadu menjelang tahun 2025 bagi memastikan pengalaman pengguna dan kemudahan penggunaan yang lebih baik</li> </ul>
<p>Semakan semula Rancangan Struktur Negeri Selangor (RSNS) 2035</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pindaan draf dokumen RSNS 2035 sedang disediakan untuk pemertaan menjelang tahun 2025</li> </ul>
<p>Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Berpusat (RMC)*</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RMC dijangka akan ditubuhkan pada tahun 2024</li> <li>Dua bengkel untuk menyelaras dan membangunkan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Peringkat Negeri Selangor dengan semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dirancang untuk diadakan pada tahun 2024 dan 2025</li> </ul>

## Jadual 7.2: PPI baharu dalam bidang tumpuan Penjajaran Strategik Matlamat dan Dasar

### Baharu

<p>Enakmen Lembah Klang Raya Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pewartaan Enakmen Lembah Klang Raya Selangor pada tahun 2025</li> <li>Menubuhkan Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya Selangor selepas enakmen diluluskan</li> </ul>
---	---

● Pencapaian utama (2021-2023)    
 ● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)    
 ● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)    
 \*PPI Pemacu Perubahan





## BIDANG TUMPUAN 2: PENGURUSAN PRESTASI DAN AKAUNTABILITI

Pengurusan prestasi adalah penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat, para pelabur dan pemegang taruh di negeri ini. Inisiatif-inisiatif yang dijalankan dalam bidang tumpuan ini bertujuan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan dasar dan penyampaian kualiti perkhidmatan yang lebih bermutu tinggi di seluruh negeri.

Komitmen Selangor terhadap ketelusan dan keterbukaan dapat dilihat melalui penerbitan laporan pada peringkat negeri secara berkala seperti laporan tahunan Kerajaan Negeri dan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai dokumen sokongan utama bagi penyampaian RS-1. Tahap kemampanan PBT turut diukur dan diterbitkan melalui MURNInets.

Terdapat dorongan yang kuat untuk mencegah rasuah khususnya dalam kalangan anak syarikat MBI. Walaupun PPI berkaitan dasar integriti dan tadbir urus anak syarikat MBI telah selesai, program baru berkenaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) akan diperkenalkan di semua 44 jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Pembangunan Polisi Integriti dan Tadbir Urus serta Pelan Komunikasi Integriti dan Tadbir Urus diharapkan dapat memperkukuh integriti di semua GLC Kerajaan Negeri. Susulan pelaksanaan dasar tersebut, pelan anti rasuah untuk GLC Kerajaan Negeri telah dibangunkan untuk memastikan semua GLC Kerajaan Negeri mematuhi garis-garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui penubuhan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan OACP pada peringkat agensi.

### Jadual 7.3: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Pengurusan Prestasi dan Akauntabiliti

#### Selesai

Polisi Integriti dan Tadbir Urus Anak Syarikat MBI	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Polisi Integriti dan Tadbir Urus telah selesai pada tahun 2021 dan Pelan Komunikasi Integriti dan Tadbir Urus telah selesai pada tahun 2022</li> <li>93 majlis ikrar bersama anak-anak syarikat MBI dan sesi taklimat berkenaan keperluan untuk meneliti semula CRM dan OACP bagi MBI dan anak-anak syarikatnya telah dijalankan pada tahun 2022</li> <li>Kursus Pegawai Integriti Bertauliah dalaman telah dijalankan untuk mendapatkan pentauliahian semua Pegawai Perhubungan MBI daripada SPRM sebagai pegawai integriti serta untuk mematuhi garis-garis panduan SPRM</li> </ul>
--	--

#### Sedang Dijalankan

Membentuk Petunjuk Persepsi Tadbir Urus Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tahap kepuasan awam terhadap perkhidmatan Kerajaan Negeri dilaporkan berada pada tahap 81.45%, 82% dan 83.2% masing-masing pada tahun 2021, 2022 dan 2023, melepasi sasaran 75% yang diletakkan</li> <li>Meningkatkan prestasi bagi tahun 2024 dan 2025</li> </ul>
Pelaporan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2023-2025	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan pencapaian separuh pertama 2023 bagi projek-projek yang menyokong penyampaian RS-1 yang digariskan dalam Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (2023-2025) telah dibentangkan dalam mesyuarat bersama Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pelaksanaan projek pada 15 Julai 2023</li> <li>Pengumpulan dan penyusunan pencapaian separuh kedua 2023 akan dilaporkan dalam mesyuarat Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada suku pertama tahun 2024</li> <li>Pelaporan seterusnya akan dilaksanakan dalam mesyuarat yang diadakan dua kali setahun bersama pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (2024-2025)</li> </ul>
Penerbitan Laporan Tahunan Rasmi Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berkenaan prestasi, pencapaian dan perbelanjaan Kerajaan Negeri telah diterbitkan pada tahun 2021 dan 2022</li> <li>Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2023 disasarkan untuk diterbitkan pada bulan Julai 2024</li> </ul>
Penggunaan kriteria S.M.A.R.T. dalam penetapan KPI untuk inisiatif RS-1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiga bengkel telah diadakan pada tahun 2023 untuk memberikan penjelasan berkenaan kaedah untuk menetapkan KPI dan output bagi PPI RS-1 kepada pemilik-pemilik PPI</li> <li>Semua PPI RS-1 sedang disemak sebagai sebahagian daripada KSP untuk memastikan output dan sasaran yang jelas dan memenuhi kriteria S.M.A.R.T.</li> </ul>

## Sedang Dijalankan

MURNInets 2.0	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua PBT mendapat skor lebih daripada 80% bagi setiap dimensi dalam MURNInets 2.0 bagi tahun 2021 dan 91.67% daripada PBT mendapat skor yang sama bagi tahun 2022</li> <li>Laporan status kemampunan MURNInets 2.0 bagi tahun 2022 telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor pada tahun 2023 dan status kemampunan bagi tahun 2023 telah diumumkan pada Hari Perancangan Bandar Sedunia peringkat negeri pada bulan November 2023</li> <li>80% daripada PBT disasarkan untuk mendapat skor lebih daripada 80%, manakala status kemampunan mereka akan dilaporkan secara tahunan bagi tahun 2024 dan 2025</li> </ul>
Penambahbaikan laman web dan media sosial Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat tahunan telah dijalankan bersama Jawatankuasa Teknikal Laman Web Negeri Selangor pada tahun 2021, 2022 dan 2023</li> <li>Laman web Kerajaan Negeri menarik lebih dua juta orang pelawat setiap tahun pada tahun 2021 dan 2022. Setakat 15 Disember 2023, terdapat seramai 1.9 juta orang pelawat</li> <li>Lebih daripada 1,000 hantaran berkenaan Kerajaan Negeri telah dikongsi di pelbagai platform melalui akaun media sosial rasmi Kerajaan Negeri pada tahun 2021, 2022 dan 2023</li> <li>Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web Negeri Selangor akan diadakan secara tahunan</li> <li>Bilangan pelawat di laman web dan hantaran media sosial berkenaan Kerajaan Negeri akan terus direkodkan dan dikongsi dengan sasaran sebanyak dua juta orang pelawat dan 600 hantaran setiap tahun</li> </ul>
Memperluaskan perancangan belanjawan tahunan dan pelaksanaan melalui konsultasi awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Enam program libat urus dengan wakil-wakil industri untuk mendapatkan maklum balas melalui sesi dialog awam atau survei berkenaan perancangan belanjawan telah diadakan pada tahun 2021 (satu sesi), 2022 (dua sesi) dan 2023 (tiga sesi)</li> <li>Mengadakan sekurang-kurangnya dua sesi libat urus dengan wakil-wakil industri sebagai sebahagian daripada perancangan belanjawan tahunan</li> </ul>
Pemantapan program di bawah Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>44 OACP telah dibangunkan bagi semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri pada tahun 2023 dengan pelan tindakan tertentu yang telah ditetapkan, merangkumi tiga bidang utama: pembangunan, pembiayaan dan pentadbiran</li> <li>52% daripada pelan tindakan OACP telah dilaksanakan pada peringkat jabatan dan agensi pada tahun 2023</li> <li>Semua pelan tindakan di bawah setiap OACP dirancang untuk dilaksanakan pada peringkat jabatan dan agensi menjelang tahun 2025</li> </ul>
Programme and Project Monitoring and Reporting System (PMRS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>PMRS akan dibangunkan pada bulan Jun 2024 untuk menjejaki kemajuan, prestasi dan hasil inisiatif Kerajaan Negeri yang akan dirumuskan dalam papan pemuka <i>traffic light</i> masa nyata dan untuk menyediakan laporan</li> <li>Sistem ini dijangka akan dilancarkan di semua agensi dan jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2025</li> </ul>
Membangunkan Analisis Manfaat-Kos dan Rangka Kerja Penilaian Impak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian awal berkenaan analisis manfaat-kos dan rangka kerja penilaian impak akan dijalankan pada tahun 2024, bergantung pada pembangunan Sistem <i>SmartProject</i>. Ia merupakan modul pemantauan projek berasaskan hasil yang dijangka akan dilancarkan pada tahun yang sama dan digunakan sepenuhnya pada tahun 2025</li> <li>Sistem tersebut akan menjadi input bagi rangka kerja yang diusulkan untuk dibangunkan menjelang tahun 2025 setelah siap</li> </ul>

## Jadual 7.4: PPI baharu dalam bidang tumpuan Pengurusan Prestasi dan Akauntabiliti

### Baharu

Pelancaran Pelan Anti Rasuah untuk MBI dan anak syarikatnya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mekanisme CRM telah dibangunkan untuk 15 buah organisasi termasuk MBI dan anak-anak syarikatnya</li> <li>Tujuh anak syarikat MBI telah membangunkan OACP masing-masing</li> <li>MBI telah menyiapkan OACP dan melancarkannya secara rasmi pada November 2023</li> <li>Lapan anak syarikat MBI akan membangunkan pelan tindakan OACP masing-masing pada tahun 2024 dan tujuh lagi agensi pada tahun 2025</li> </ul>
---	---

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 3: TENAGA KERJA AWAM YANG TANGKAS

Kerajaan Negeri perlu membentuk tenaga kerja awam yang tangkas dan dinamik serta dilengkapi dengan kemahiran, kemampuan dan kompetensi yang bersesuaian melalui program-program latihan bagi mendepani perubahan landskap dan perkembangan keperluan rakyat. *Digital Accelerator* merupakan inisiatif di bawah domain Kerajaan Pintar dalam Pelan Tindakan Smart Selangor 2025 yang bertujuan membina kapasiti digital manakala Program SELECT merupakan program pembangunan bakat kepimpinan dalam kalangan tenaga kerja awam. Program seperti Skim *Cross-Fertilisation* dan Program *Mentor-Mentee* pula menyokong pembangunan sepanjang hayat dan pembangunan profesionalisme dalam kalangan tenaga kerja awam.

Seiring dengan usaha Kerajaan Negeri dalam memperkukuh pelaksanaan dan penggubalan dasar yang berpacuan data,

entiti seperti *Intelligence Analytics Unit* (IAU) Negeri dan SIAP memainkan peranan penting dalam menyelaraskan kefahaman berkenaan rangka kerja penilaian impak dan proses pemantauan dan penyemakan yang lebih baik untuk melengkapkan kitaran pelaksanaan projek. KSP RS-1 memudah cara usaha yang dijalankan di seluruh Negeri dalam melaksanakan PPI dengan teori perubahan, sasaran dan output yang jelas.

Sementara itu, PPCP dilaksanakan melalui kerjasama program kebajikan di antara Kerajaan Negeri selaku pembiaya dengan persatuan kebajikan dan NGO sebagai penggerak program. Inisiatif tersebut mensasarkan penubuhan kerangka kerjasama formal antara Kerajaan Negeri dengan masyarakat sivil yang mencetuskan idea dan melaksanakan program berasaskan masyarakat.

### Jadual 7.5: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Tenaga Kerja Awam yang Tangkas

#### Selesai

<i>Digital Accelerator</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalankan taklimat Latihan Digital Kerajaan Negeri Selangor (SGDT) secara maya bersama CyberSecurity Malaysia pada bulan Februari 2023</li> <li>Lapan program latihan pensijilan telah selesai pada tahun 2023 di bawah SGDT yang bertujuan untuk memperkasakan dan meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai IT kerajaan negeri</li> <li>162 orang peserta daripada skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat terlibat dalam program latihan tersebut</li> <li>Peperiksaan bagi lapan modul tersebut diadakan pada bulan November 2023</li> </ul>
----------------------------	--

#### Sedang Dijalankan

Forum Penglibatan dan Pertukaran Pekerja Seluruh Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan sesi libat urus bersama penjawat awam berkaitan Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam pada 26 September 2023</li> <li>Menjalankan persidangan berkenaan Pengurusan Sumber Manusia pada 19 Disember 2023</li> </ul>
Skim <i>Cross-Fertilisation</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selangor menyertai Skim <i>Cross-Fertilisation</i> yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dengan seorang pegawai dipinjamkan pada tahun 2023</li> <li>Menyediakan dasar dan melaksanakan Program Rintis Skim <i>Cross-Fertilisation</i> Negeri Selangor (SCFS) menjelang Ogos 2024</li> <li>SCFS membolehkan pegawai ditempatkan secara sementara bagi kemajuan kerjaya, memperluas pengalaman, pengetahuan dan kemahiran baharu</li> </ul>
Semakan peningkatan tahap kerjaya dan rangka kerja pengurusan prestasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan sistem <i>MyPerformance</i>, iaitu mekanisme yang digunakan untuk memperakui kompetensi kerja secara menyeluruh, di 43% daripada agensi Kerajaan Negeri dengan 50% daripada bilangan kakitangan mencapai 100% sasaran prestasi bagi tahun 2023</li> <li>Sistem tersebut sedang dibangunkan untuk turut meliputi kakitangan kontrak kerana ia kini meliputi kakitangan tetap sahaja</li> <li>Pelaksanaan sistem <i>MyPerformance</i> dipanjangkan kepada pegawai lantikan kontrak mulai tahun 2024</li> </ul>
Menubuhkan <i>Intelligence Analytics Unit</i> (IAU) negeri*	<ul style="list-style-type: none"> <li>IAU ditubuhkan untuk menyelia analitik data bagi proses penggubalan dasar yang lebih baik dan bermaklumat</li> <li>Bakat dan pakar dalaman dengan kompetensi yang tepat akan dilantik untuk menjalankan fungsi-fungsi IAU</li> </ul>

## Sedang Dijalankan

Program SELECT: Memperkenalkan program latihan berasaskan keberhasilan untuk kemahiran permintaan tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>51 orang peserta menyempurnakan latihan kursus khas tersebut yang bertujuan untuk meningkatkan kelompok yang mempunyai bakat kepimpinan berdasarkan atribut Kerangka Kompetensi Kepimpinan Perkhidmatan Awam: autentik, tangkas dan berdaya suai, strategik, keterampilan eksekutif dan transformatif</li> <li>Sekurang-kurangnya sepuluh orang peserta disasarkan untuk menyempurnakan latihan tersebut pada setiap tahun dari tahun 2024</li> </ul>
Program Mentor-Mentee	<ul style="list-style-type: none"> <li>56% daripada agensi Kerajaan Negeri melaksanakan Program <i>Mentor-Mentee</i> pada tahun 2023. Program ini terdiri daripada enam aktiviti dan pembelajaran berstruktur yang disusun untuk kakitangan baharu dan dinaikkan pangkat</li> <li>Program Pementoran dijangka dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri menjelang tahun 2025</li> </ul>
Kerjasama awam-Swasta-Sivil (PPCP)*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sembilan persatuan kebajikan dan NGO menerima peruntukan bajet yang keseluruhannya berjumlah RM450,000 untuk Program Sinergi Prihatin iaitu satu program kerjasama berasaskan kebajikan dengan Kerajaan Negeri pada tahun 2023</li> <li>Mengagihkan RM150,000 kepada persatuan kebajikan dan NGO untuk melaksanakan program kebajikan sosial dengan kerjasama NGO pada tahun 2024</li> </ul>
Persiapan Sistem Pemandanan Kemahiran-Kerjaya Dalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>Proses pemilihan pegawai yang terlibat dalam <b>Pembangunan Kompetensi Kerja pada peringkat agensi sedang dijalankan</b></li> <li>Membangunkan Kamus Kompetensi yang lengkap berdasarkan garis panduan daripada Kerajaan Persekutuan menjelang tahun 2025. Ia akan menggariskan dan mentakrifkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu ditunjukkan oleh para pegawai Kerajaan Negeri mengikut tahap kompetensi dan bidang tugas</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 4: KEMAMPANAN HASIL

Sebagai negeri yang pesat membangun, Selangor perlu mencari sumber hasil baharu bagi Kerajaan Negeri untuk melindungi daya tahan fiskal bagi menyokong keperluan pembangunan pada masa hadapan dan memastikan hasil Kerajaan Negeri meningkat seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Dengan adanya sumber hasil yang mampan, ia akan membolehkan penyampaian perkhidmatan berkualiti yang lebih baik kepada rakyat Selangor. Walaupun hal ini banyak ditangani melalui kutipan cukai, usaha memperkukuh kerjasama awam-swasta yang berinovasi adalah penting bagi mempelbagaikan sumber dan risiko pembiayaan.

Kerajaan Negeri telah menikmati sebahagian daripada bayaran dividen sejumlah RM40 juta daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC). Menjelang penghujung tahun 2023, portfolio pelaburan Kerajaan Negeri dalam bentuk Ekuiti dan Sukuk bernilai RM989.41 juta. Untuk meningkatkan pembayaran dan pematuhan cukai serta mengelakkan ketirisan, inisiatif-inisiatif telah digerakkan ke arah menganjurkan kempen kesedaran di peringkat PBT, menggunakan konsep ekonomi

tingkah laku, melaksanakan platform masa nyata dalam talian yang memudah cara pemantauan pengeluaran bahan batuan serta memantau dan menguatkuasakan pertukaran guna tanah.

Sebagai sebahagian daripada pengumuman Belanjawan Selangor 2024, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta untuk memperluas Sistem *Smart Docket*. Dalam pengumuman yang sama, Kerajaan Negeri turut menyatakan keperluan untuk meningkatkan kadar bayaran fi pejabat disebabkan oleh peningkatan sumbangan kos permohonan untuk hal ehwal berkaitan tanah terhadap perbelanjaan operasi Kerajaan Negeri. Satu perbincangan telah diadakan antara PTGS dan semua PDT pada tahun 2023 mengenai kadar bayaran fi pejabat baharu memandangkan semakan terakhir dilakukan terhadap Peraturan Kaedah-kaedah Tanah Selangor (Pindaan) (No. 2) 2007. Dengan semakan semula tersebut, Kerajaan Negeri dijangka akan mengutip RM50 juta hasil tambahan daripada fi pejabat.



## SOROTAN UTAMA: SISTEM SMART DOCKET

Didorong oleh konsep Smart Selangor, Sistem *Smart Docket* telah diperkenalkan oleh PTGS untuk mengurus dan menyelia pengeluaran bahan batuan termasuk pasir dan granit. Dengan memanfaatkan teknologi dan sistem yang maju seperti *Internet of Things* (IoT), Sistem *Smart Docket* tersebut mengurangkan ketirisan pada hasil Negeri dan meningkatkan kutipan hasil daripada bahan batuan.

Sebelum penubuhan Sistem *Smart Docket*, pemberian docket bergantung pada proses yang menggunakan tulisan tangan dan dikendalikan secara manual oleh operator, menyebabkan ia terdedah kepada isu-isu berkaitan keselamatan atau penipuan data. Dengan adanya sistem masa nyata dalam talian tersebut, integriti data dapat dipelihara dan teknologi-teknologi lain seperti kamera litar tertutup (CCTV) dan sistem kedudukan sejagat (GPS) dapat diintegrasikan dengan Sistem *Smart Docket* bagi memastikan semua operator mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.



Sebagai satu sistem yang bersepadu sepenuhnya, proses *Smart Docket* bermula dengan menimbang berat lori tanpa muatan bahan batuan yang tiba di tapak perlombongan sebelum ia dibenarkan untuk masuk ke dalam kawasan perlombongan dan data berat lori tersebut disimpan di dalam pelayan sistem. Selepas lori tersebut dimuatkan dengan bahan batuan yang dikeluarkan daripada kawasan perlombongan, ia akan ditimbang semula dan Berat Kenderaan Kasar (berat kenderaan ditambah dengan muatan maksimum yang dibenarkan) akan direkodkan. Gambar, nombor pendaftaran dan muatan lori tersebut akan turut dirakam dan dihantar ke pejabat operasi untuk disimpan di dalam pelayan sistem. *Smart Docket* hanya akan dicetak apabila semua syarat dipenuhi oleh lori tersebut. Semua maklumat yang diperolehi semasa proses tersebut dijalankan akan dihantar ke pejabat operasi di PTGS.

Sistem *Smart Docket* kini digunakan di 33 buah tapak perlombongan di seluruh Selangor dan dipantau sepenuhnya oleh PTGS untuk memastikan semua peraturan guna tanah dipatuhi oleh syarikat dan individu untuk meningkatkan kutipan hasil daripada denda, permit dan jenis-jenis bayaran yang lain daripada Sistem *Smart Docket* tersebut. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4.7 juta untuk aktiviti yang berkaitan dengan Sistem *Smart Docket* termasuk peluasan tapak, penambahbaikan sistem dan pembangunan aplikasi mudah alih. Peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM6 juta juga telah diumumkan dalam Belanjawan Selangor 2024 untuk memperluas sistem tersebut.

Sumber: Selangor Journal, PTGS, Belanjawan Selangor 2024

### Jadual 7.6: PPI yang sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Kemampanan Hasil

#### Sedang Dijalankan

Memperkuh penguatkuasaan Anak Syarikat Negeri bagi penyelesaian tunggakan cukai	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menubuhkan <i>One-Stop-Centre</i> untuk menyelesaikan isu berkaitan penyelesaian cukai tertunggak daripada GLC Kerajaan Negeri dan rakan usahasama mereka</li> </ul>
Membina Model Pelaburan Berdaya Tahan berasaskan pasaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kedudukan portfolio bagi Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS), Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Tabung Amanah Bencana Alam (TABA) disasarkan untuk mencapai kadar pertumbuhan nilai aset sebanyak 8% bagi tahun 2024 dan 2025</li> </ul>
Mensyaratkan tiada tunggakan cukai untuk pembaharuan lesen perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan taklimat berkenaan pelaksanaan i-Sekat (sistem pemantauan pintar yang akan menggantung pembaharuan lesen perniagaan bagi pemilik perniagaan yang mempunyai tunggakan cukai) kepada PBT pada bulan Februari 2023</li> <li>Pelaksanaan fasa kedua (ke-2) i-Sekat akan bermula pada 2024</li> <li>70% daripada pemilik lesen perniagaan dijangka akan menjelaskan tunggakan cukai mereka kepada PBT masing-masing pada tahun 2025</li> </ul>

## Sedang Dijalankan

Mengguna pakai <i>nudge economics</i> untuk mengurangkan tunggakan cukai dan menambah baik kutipan penalti (cukai taksiran)	<ul style="list-style-type: none"> <li>PBT mengeluarkan lebih daripada 1.5 juta Notis E untuk tunggakan cukai taksiran tahunan antara tahun 2021 dengan 2023</li> <li>Purata kutipan tunggakan cukai taksiran yang dikutip oleh PBT pada tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah sebanyak 84.65%, 94.71% dan 80.08%</li> <li>PBT menasarkankan untuk mengeluarkan 1,540,199 dan 1,567,014 Notis E pada tahun 2024 dan 2025</li> <li>Sasaran peratusan tunggakan cukai taksiran yang dikutip ditetapkan pada kadar 70% bagi tahun 2024 dan 2025</li> </ul>
Kempen Kesedaran Cukai PBT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan kempen kesedaran cukai tahunan pada peringkat PBT</li> <li>Mengadakan promosi berpusat pada peringkat negeri berkenaan kesedaran cukai yang dilaksanakan secara bersama oleh UPEN, PTGS, PBT dan PDT pada tahun 2024</li> </ul>
Mengenal pasti aktiviti haram secara inovatif menggunakan data dan teknologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem <i>Smart Docket</i> telah diuji rintis di tiga buah tapak penggunaan pada tahun 2017 dan diperluas kepada 33 buah tapak pada tahun 2018 dan 2019 untuk mengenal pasti sebarang aktiviti haram yang berkaitan dengan guna tanah. Sistem tersebut telah mula digunakan sejak tahun 2020</li> <li>Kini, 33 buah tapak telah melaksanakan Sistem <i>Smart Docket</i> yang merekodkan nombor lori dan berat bahan batuan ketika transaksi masuk dan keluar</li> <li>Sistem tersebut dipantau secara berterusan untuk memastikan pelaksanaannya di semua tapak</li> <li>RM6 juta diperuntukkan di bawah Belanjawan Selangor 2024 bagi memperluas sistem tersebut</li> </ul>
Menguatkuasakan program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dari bulan Oktober 2019 hingga bulan Oktober 2023, 415 orang pemilik kilang dan tanah menghantar permohonan bagi menukar status terkini mereka untuk beroperasi secara sah. Daripada jumlah tersebut, 365 mendapat kelulusan</li> <li>Satu mesyuarat Jawatankuasa Khas KTK akan diadakan secara tahunan untuk menyelesaikan dan menyelaraskan isu-isu yang berkaitan dengan program tersebut</li> </ul>
Mewujudkan garis panduan seragam mengenai proses dan prosedur hapus kira untuk PBT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan draf Garis Panduan Penjelasan Nilai Akaun Belum Terima Hasil dengan sasaran untuk memuktamadkan dan membentangkannya kepada MMKN pada tahun 2024</li> <li>Pelaksanaan garis panduan yang seragam di semua PBT akan bermula pada tahun 2024</li> <li>Penurunan sebanyak 1% bagi Akaun Belum Terima Hasil disasarkan menjelang tahun 2025</li> </ul>
Membangunkan rangka kerja formal pembayaran dividen daripada Anak Syarikat Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Draf polisi dividen yang akan memberikan butiran mengenai sumbangan yang diperlukan daripada GLC Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri sedang disediakan</li> <li>Sebagai sebahagian daripada pembayaran dividen, sebanyak RM40 juta akan dibayar kepada Perbendaharaan Negeri pada tahun 2024 sementara mekanisme pembayaran belum lagi diputuskan</li> <li>Kadar dividen untuk pembayaran pada masa depan akan ditetapkan pada tahun 2025</li> </ul>
Mengguna pakai model PPP untuk meningkatkan nilai hartanah Negeri dan meningkatkan pendapatan sewa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Draf akhir bagi Perjanjian <i>Tripartite</i> antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Discovery Wetlands Sdn. Bhd. (DWSB) untuk pembangunan Paya Indah Wetlands, kawasan ekopelancongan yang dilindungi di bawah pengurusan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), sedang diteliti oleh Jabatan Peguam Negara</li> <li>Sebaik sahaja Perjanjian <i>Tripartite</i> tersebut dimuktamadkan, Kerajaan Negeri akan mula mengutip hasil daripada operasi Paya Indah Wetlands pada kadar 6% pada bulan Januari 2024, 7% pada tahun 2025 dan 7.5% pada tahun 2026</li> </ul>

## Jadual 7.7: PPI baharu dalam bidang tumpuan Kemampanan Hasil

### Baharu

Mengguna pakai <i>nudge economics</i> untuk mengurangkan tunggakan cukai dan menambah baik kutipan penalti (cukai tanah dan petak)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi sehingga 100% kadar pengecualian fi tunggakan kepada pembayar cukai dari 1 Januari hingga 28 Februari 2023</li> <li>Sebanyak 18,258 tunggakan cukai tanah dan petak diselesaikan pada tahun 2023 dengan nilai bayaran sebanyak RM11,288,696 dan yuran pengecualian berjumlah RM4,745,449</li> </ul>
--	--

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan



## BIDANG TUMPUAN 5: TRANSFORMASI TEKNOLOGI

Proses transformasi digital dalam sektor awam di Selangor meletakkan sasaran untuk mentransformasi penyampaian perkhidmatan awam secara positif dengan cara meningkatkan kecekapan operasi dan memacu penggubalan dasar yang lebih berpacukan data serta membolehkan capaian yang lebih meluas kepada masyarakat dan meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan. Hal ini selaras dengan visi Selangor untuk menjadi Negeri Pintar dengan membolehkan rakyat serta sektor awam dan swasta untuk mengoptimalkan dan mengintegrasikan teknologi digital dalam kehidupan seharian mereka.

Sistem Smart DUN dibangunkan sebagai platform digital untuk rakyat memohon bantuan kewangan daripada Pejabat Ahli Dewan Negeri (ADN) di bawah inisiatif *Government Approval Acceleration* bagi mencapai pendigitalan penuh dalam perkhidmatan kerajaan seperti yang dinyatakan dalam agenda 5 Tekad Untuk 5 Tahun dan Belanjawan Selangor 2024. Pelaksanaan Sistem e-Tanah membolehkan semua

transaksi berkaitan tanah dijalankan di kaunter setempat (*Single Point of Contact*, SPOC) manakala pengambilgunaan platform pembayaran berpusat iaitu *Citizen e-Payment App* (CEPat) dan aplikasi mudah alih *all-in-one* iaitu *Selangor Super App* meningkatkan akses kepada perkhidmatan kerajaan. Usaha transformasi digital tersebut memainkan peranan penting dalam menambah baik pengalaman pengguna, memacu akauntabiliti dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap.

Usaha untuk mendigitalisasikan perkhidmatan kerajaan turut diperluas kepada pentadbiran hal ehwal agama Islam. Inisiatif-inisiatif digital yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) seperti e-Masjid, Smart Masjid, e-Khutbah dan evoKhutbah memperkemas tugas-tugas pengurusan dan proses-proses pentadbiran berkaitan manakala e-Tauliah memudah cara proses permohonan bagi lesen untuk mengajar agama Islam di Selangor.



### SOROTAN UTAMA: SISTEM e-TANAH SELANGOR

Sistem e-Tanah telah dibangunkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim) sebagai sistem pengurusan dan pentadbiran tanah bersepadu untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia bagi merealisasikan visi e-Kerajaan. Pada 2 Disember 2021, Kerajaan Negeri Selangor menandatangani perjanjian bersama Kerajaan Persekutuan serta syarikat konsesi sistem, bagi pelaksanaannya di PTGS serta pejabat daerah dan tanah di Negeri Selangor.

Pembangunan Sistem e-Tanah Selangor meletakkan sasaran untuk memudah cara dan menyelaraskan proses bayaran cukai tanah dan petak selain meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Untuk mencapai objektif ini, PTGS telah mengintegrasikan tiga perkhidmatan elektronik, iaitu e-Hasil, e-Semakan dan e-Bayaran ke dalam portal e-Tanah untuk memudahkan dan melancarkan pengalaman pengguna. Lanjutan daripada pengintegrasian tersebut, Sistem e-Tanah Selangor memulakan operasinya di seluruh PDT di Selangor pada 30 Oktober 2023 dengan pelaksanaan sembilan modul utama termasuk pendaftaran, hasil, *consent*, strata, lelong, pelupusan tanah, pengambilan tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan.



Sumber: Selangor Journal, PTGS

## Jadual 7.8: PPI yang telah selesai dan sedang dijalankan dalam bidang tumpuan Transformasi Teknologi

### Selesai

Semakan rangka kerja dan dasar data sektor awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan Dasar Perkongsian Data Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tahun 2023</li> </ul>
---	--

### Sedang Dijalankan

Projek pelaksanaan Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik (e-Tanah) Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan portal e-Tanah untuk memudah cara transaksi berkaitan tanah. Portal tersebut sudah boleh diakses sejak 30 Oktober 2023</li> <li>Perkhidmatan digital seperti e-Hasil, e-Semakan dan e-Bayaran diintegrasikan ke dalam portal e-Tanah pada tahun 2023</li> <li>Peningkatan kadar kutipan cukai tanah dan petak sebanyak 124% (RM14,432,475.20) antara 1 Januari hingga 18 Januari 2022 dan 1 Januari hingga 18 Januari 2023, daripada nilai kutipan sebanyak RM11,573,360.31 yang melibatkan 41,355 transaksi kepada RM26,005,835.51 melibatkan 84,489 transaksi</li> <li>Melaksanakan sistem e-Tanah di PTGS dan semua PDT</li> </ul>
SISMAPS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan portal Sistem Maklumat Perancangan Negeri Selangor (SISMAPS) pada tahun 2021 untuk menyediakan bank data guna tanah yang komprehensif bagi Kerajaan Negeri dan meningkatkan kompetensi data guna tanah untuk semua peringkat pengguna</li> <li>Membangunkan aplikasi mudah alih SISMAPS pada tahun 2022 dan papan pemuka SISMAPS pada bulan November 2023 untuk menambah baik modul portal tersebut</li> <li>Mengumpul dan mengesahkan input data SISMAPS dengan semua PBT</li> </ul>
Selangor Government Data Exchange (SelGDX)*	<ul style="list-style-type: none"> <li>SelGDX yang bertindak sebagai platform perkongsian data rentas agensi bersepadu mula digunakan pada 13 Oktober 2023</li> <li>12 daripada 30 antara muka pengaturcaraan aplikasi (API) yang disasarkan telah diintegrasikan ke dalam Platform SelGDX setakat 11 Januari 2024</li> </ul>
Selangor Super App	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selangor Super App digunakan untuk mengagihkan bantuan kewangan kepada penerima BINGKAS dan INSAN</li> <li>Selangor Super App digunakan untuk penyaluran bantuan melalui e-dompet kepada penerima INSAN dan pernah digunakan bagi program BINGKAS</li> <li>Semua inisiatif aplikasi digital Kerajaan Negeri termasuk Selangor Super App akan diperkemas untuk mengelakkan pertindihan fungsi</li> </ul>
Government Approval Acceleration	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menubuhkan Portal Kita Selangor untuk memudah cara proses permohonan bagi mendapatkan bantuan Kerajaan Negeri di bawah Pakej Kita Selangor 2.0 pada tahun 2021</li> <li>Membangunkan sistem e-MMKN untuk mendigitalisasikan mesyuarat MMKN pada tahun 2022</li> <li>Menyiapkan projek rintis untuk Sistem Smart DUN (platform untuk menguruskan permohonan bantuan kewangan di Pejabat ADN Selangor) pada tahun 2023 yang meliputi lima daripada 56 kawasan ADN di Selangor</li> <li>Sistem tersebut disasarkan untuk diperluas kepada 51 kawasan ADN yang lain menjelang tahun 2024</li> </ul>
Citizen e-Payment App (CEPat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>11 PBT mengguna pakai CEPat (platform pembayaran berpusat untuk semua perkhidmatan kerajaan yang berbayar) pada tahun 2023 dengan sejumlah 33 perkhidmatan berbayar telah dimasukkan ke dalam aplikasi ini</li> <li>Seramai 171,000 orang pengguna berdaftar dengan CEPat setakat tahun 2023</li> <li>Semua PBT disasarkan untuk mengguna pakai CEPat pada tahun 2024 dengan 45 perkhidmatan berbayar akan dimasukkan ke dalam aplikasi ini</li> </ul>
Mempercepat penglibatan digital PBT dan PDT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengintegrasikan Pusat Data Smart Selangor (SSDC), iaitu pusat data hibrid Peringkat 3 dan Peringkat 4 (Siap), dengan Amazon Web Services (AWS) Outpost menjelang 17 Oktober 2022 untuk membolehkan perkhidmatan awan hibrid</li> <li>Melaksanakan Fasa 1 dan 2 SeGNet iaitu jaringan jalur lebar berkelajuan tinggi bersepadu yang menghubungkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk 13 nod setakat tahun 2023</li> <li>Pelaksanaan SeGNet untuk enam lagi nod disasarkan untuk dicapai pada tahun 2024</li> </ul>
Pembangunan sistem bestari bencana untuk merangka dasar berasaskan bukti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan infrastruktur DDOC iaitu pusat operasi dan pemantauan berpusat di PDT untuk tiga buah daerah, iaitu PDT Klang, PDT Petaling dan PDT Hulu Langat yang dilancarkan pada tahun 2023</li> <li>Infrastruktur DDOC untuk enam lagi PDT akan dibangunkan pada tahun 2024 di samping Sistem Pengurusan Bencana dan papan pemuka berasaskan bukti</li> </ul>
Program Digital First	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan perolehan untuk MySUKSELCloud iaitu perkhidmatan perkomputeran awan masih dalam proses</li> <li>Projek rintis untuk Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS) iaitu perkhidmatan pengurusan rekod yang digunakan untuk menguruskan keseluruhan kitaran hayat rekod akan dilancarkan pada tahun 2024</li> <li>Pusat data Kerajaan Negeri yang kedua akan dibangunkan pada tahun 2024</li> </ul>



## Sedang Dijalankan

Menyeragamkan rangka kerja aplikasi mudah alih Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bengkel pembangunan rangka kerja aplikasi mudah alih akan dijalankan pada suku pertama tahun 2024</li> <li>Kelulusan MMKN dijangka akan diperoleh apabila draf rangka kerja dimuktamadkan menjelang suku keempat (ke-4) tahun 2024</li> </ul>
---	--

## Jadual 7.9: PPI baharu dalam bidang tumpuan Transformasi Teknologi

### Baharu

Pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan untuk pembangunan <i>Central Data Warehouse</i> (CaWah) Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perunding akan dipilih untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan menjelang suku ketiga (ke-3) tahun 2024</li> <li>Laporan kajian kebolehlaksanaan akan dibangunkan menjelang suku keempat (ke-4) tahun 2024</li> </ul>
Pembangunan <i>Central Spatial Data Platform</i> (CSDP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Konsep dan struktur CSDP akan ditubuhkan menjelang tahun 2024</li> <li>Platform CSDP akan ditubuhkan menjelang tahun 2025</li> <li>Kakitangan akan dilatih untuk memastikan pemilikan dan penggunaan platform CSDP menjelang tahun 2025</li> </ul>

● Pencapaian utama (2021-2023)

● Pelaksanaan sedang dijalankan (Setakat 2023)

● Pelaksanaan yang dirancang (2024 dan selanjutnya)

\*PPI Pemacu Perubahan

## 7.3 Isu dan Cabaran

### Keupayaan dan keutamaan yang berbeza dalam kalangan PBT

Keupayaan dan keutamaan yang berbeza dalam kalangan PBT menjadi cabaran dalam mencapai usaha yang konsisten dan selaras di seluruh Selangor, terutamanya dalam usaha kelestarian dan pembasmian kemiskinan. Setiap PBT mungkin mempunyai tahap pemahaman, sumber dan keutamaan yang berbeza apabila membabitkan inisiatif-inisiatif kelestarian. Ini boleh membawa kepada jurang perbezaan dalam pelaksanaan dan keberkesanan program-program tersebut. Tambahan pula, setiap PBT membangunkan sistem digital berlainan untuk penduduk tempatan, menjadikan tugas untuk menjajarkan sistem-sistem tersebut sesuatu yang mencabar walaupun usaha-usaha untuk mengintegrasikan inisiatif pendigitalan berasaskan keutamaan dasar telah berjalan.

### Padanan kompetensi dalam tenaga kerja awam

Padanan pekerjaan dengan kompetensi yang tepat dalam tenaga kerja awam adalah penting bagi tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Tenaga kerja awam memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dasar-dasar dan program-program, dan kompetensi mereka secara langsung memberi impak kepada kualiti dan kecekapan perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dari

segi kemahiran dan kepakaran dalam kalangan tenaga kerja awam yang memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan.

### Cabaran-cabaran dalam meningkatkan hasil Negeri dan pembiayaan RS-1

Cabaran-cabaran dalam meningkatkan hasil Negeri boleh memberi impak kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif dan perkhidmatan. Pembiayaan yang mencukupi penting untuk pembangunan infrastruktur, program-program sosial dan perkhidmatan-perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, Selangor mungkin menghadapi kekangan dalam menjana hasil yang mencukupi yang boleh memberi impak kepada skala dan keberkesanan inisiatif-inisiatif kerajaan. Bagi menangani cabaran ini, Selangor perlu meneroka aliran hasil yang pelbagai seperti meneroka sektor ekonomi baharu, menarik pelaburan, mengoptimumkan kutipan hasil cukai dan meneroka mekanisme pembiayaan yang inovatif. Dengan mempelbagaikan sumber hasil dan memastikan kemampuan fiskal, Selangor dapat meningkatkan kapasitinya untuk membiayai dan menyampaikan perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program penting bagi manfaat penduduknya.

## 7.4

# Hala Tuju

Tadbir urus yang baik membolehkan penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif, responsif dan tangkas untuk beradaptasi dengan cabaran mendatang. Kemajuan pelaksanaan kebanyakan PPI didapati mengikut perancangan dan garis masa projek. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian PPI masih berada dalam fasa konsep dan permulaan atau reka bentuk dan perancangan. Walaupun RS-1 tidak memperkenalkan reformasi perkhidmatan awam yang besar, terdapat beberapa perubahan yang menyumbang kepada tadbir urus yang lebih baik seperti usaha memupuk tenaga kerja awam yang berdaya dan kreatif, penggunaan teknologi digitalisasi dan peningkatan integriti dan akauntabiliti. Selain itu, pengenalan mekanisme pemantauan melalui penubuhan SIAP telah mengorak perubahan pendekatan di jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor dalam aspek pengurusan projek yang bukan hanya tertumpu kepada penyiapan tugas tetapi juga memberi fokus kepada aspek pengukuran keberhasilan untuk perancangan dasar dan program yang lebih baik pada masa akan datang. Tadbir urus kolaboratif pelbagai peringkat (*collaborative*

*multilevel governance*) diperlukan di Selangor untuk mengintegrasikan dasar dan polisi negara-negeri-tempatan bagi menjamin perancangan yang lebih konsisten. Cabaran bagi sebuah negeri yang maju seperti Selangor adalah untuk sentiasa membina daya cipta dan menonjolkan keistimewaannya agar terus berkembang dan berupaya menangani pelbagai cabaran. Ia hanya boleh direalisasikan melalui ketersediaan tenaga kerja yang mantap untuk menyediakan perkhidmatan awam yang mudah diakses, cekap dan berkesan. Melangkah ke hadapan, usaha perlu ditumpukan kepada pemberdayaan jentera kerajaan untuk berperanan sebagai *pemboleh daya dan pemudahcara* dan bukannya sekadar penyampai perkhidmatan agar perkhidmatan awam terus utuh atas dasar kepercayaan dan integriti.

# 08

## MEMACU PEMBANGUNAN WILAYAH YANG SEIMBANG DAN MENYETEMPATKAN IMPAK



Pembangunan Wilayah dan Daerah di  
Selangor: Kini dan Masa Hadapan 114

Pencapaian di Daerah: Bagaimanakah RS-1  
Memberikan Impak kepada Setiap Daerah? 115

# 8.1 Pembangunan Wilayah dan Daerah di Selangor: Kini dan Masa Hadapan

Prestasi sosioekonomi dan alam sekitar adalah spesifik berdasarkan sesuatu konteks dan perlu ditangani melalui dasar-dasar kerajaan tempatan yang terancang. Oleh itu, dasar-dasar pembangunan wilayah dan tempatan memainkan peranan yang penting bagi mengatasi punca-punca utama jurang yang berterusan antara pembangunan wilayah dengan mengenal pasti kawasan-kawasan yang berfungsi bagi kemajuan pembangunan wilayah selain daripada kawasan pentadbiran. Pelaksanaan RS-1 menggerakkan momentum pembangunan secara strategik kawasan barat Selangor yang kurang membangun. Usaha ini menjadi semakin penting khususnya untuk menarik pelaburan bernilai tinggi dan berkeutamaan serta memastikan pembangunan wilayah yang seimbang dan inklusif di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

**Rajah 8.1 Rancangan-rancangan pembangunan wilayah yang diketengahkan dalam RS-1**



Selain inisiatif-inisiatif pembangunan yang diterajui oleh Kerajaan Negeri, Selangor secara aktif memastikan usaha-usaha ini selari dengan keutamaan pembangunan negara. Ini dapat ditunjukkan menerusi peranan pentingnya dalam projek ECRL yang merupakan suatu projek infrastruktur yang penting bagi meningkatkan ketersambungan dan kesepaduan ekonomi dengan pantai timur Semenanjung Malaysia. Untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi infrastruktur tersebut, Kerajaan Negeri menyelaraskan rancangan

pembangunan sosioekonominya bersama-sama PBT untuk meningkatkan pembangunan berorientasikan pengangkutan dan memastikan ketersambungan bersama transit massa atau transit aliran ringan terhubung dengan baik. Langkah penjajaran strategik ini bukan hanya memperkukuh komitmen Selangor demi mencapai sasaran-sasaran pembangunan dalam negara akan juga menyumbang secara signifikan kepada peningkatan sosioekonomi di dalam negeri dan wilayah secara keseluruhannya.


## 8.2

# Pencapaian di Daerah: Bagaimanakah RS-1 Memberikan Impak kepada Setiap Daerah?

Naratif yang berkaitan dengan pembangunan lokaliti di setiap daerah perlu diketengahkan kerana walaupun RS-1 merupakan rancangan di peringkat Negeri, PDT dan PBT di Selangor terlibat dengan secara aktif dalam penjajaran dasar-dasar dan pelaksanaan PPI RS-1. Selanjutnya, dasar-dasar atau program-program pembangunan Negeri dan persekutuan akan menghasilkan kesan limpahan kepada kawasan setempat dan impak-impak positifnya perlu dimanfaatkan.

**Bagaimanakah daerah-daerah di Selangor menyokong visi RS-1 untuk menjadi negeri yang pintar, berdaya huni dan makmur?**

Rajah 8.2 Ilustrasi Pelaksanaan RS-1 di PDT dan PBT



# Sabak Bernam

Kawasan keutamaan pembangunan pertanian

## Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi

- 108,300 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM4,454 pendapatan isi rumah penengah dalam sebulan
- 66.5% populasi memiliki akses internet

#### Kluster Ekonomi

- Pertanian & industri berasaskan pertanian; Perikanan & akuakultur



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Daerah Sabak Bernam

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MDSB
- Rancangan Tempatan MDSB

#### Anugerah dan Pengiktirafan

ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT CEMERLANG 2023 MENCAPI 5 BINTANG	ANUGERAH KEMAMPAKAN BANDAR MURNInets 2023	ANUGERAH SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB PBT) MENCAPI 5 BINTANG
--	---	---

#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



### Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1<sup>16</sup>

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.58	0.75	0.79
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.74	0.87	0.83
Pemacuan Kelestarian	0.58	0.84	0.80
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	0.74	0.78	0.85

● Mampan ● Sederhana Mampan ● Kurang Mampan

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)



#### Pengukuhan Ekonomi

Pembangunan sektor pertanian Negeri Selangor terus berkembang maju dan Sabak Bernam merupakan zon pembangunan ekonomi SABDA. Sejalan dengan Pelan Strategik MDSB 2021-2025, MDSB giat mempromosikan pembangunan dan diversifikasi sektor pertaniannya untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani. Pembangunan SABDA akan menjadi pemangkin pembangunan infrastruktur serta mewujudkan ekosistem yang menarik pelaburan dan industri-industri yang berkaitan. Pembangunan tersebut akan meningkatkan peluang pekerjaan di Selangor serta memberi peluang latihan dan akses pasaran kepada pihak PMKS. Sebahagian Lebuhraya Pantai Barat yang berhubung ke SABDA telah siap dibina tetapi pembangunan sepenuhnya lebuhraya dijangka akan siap pada 2025. Infrastruktur tersebut akan menghubungkan SABDA ke kawasan selatan Selangor (Banting) dan Taiping, Perak. Infrastruktur ketersambungan lain termasuk Jambatan Sungai Air Tawar – Hutan Melintang memendekkan jangka masa perjalanan antara dua kawasan utama tersebut serta mengurangkan kesesakan trafik di Jambatan Sungai Bernam.

Tambahan pula, daerah Sabak Bernam kini sedang membangunkan infrastruktur-infrastruktur pelancongan bagi mempromosikan Sabak Bernam sebagai destinasi agropelancongan dan ekopelancongan. Sebagai contoh, R&R Air Manis @ Kompleks Agropolitan Sabak Bernam akan dibangunkan bagi meningkatkan keselesaan para pelancong di kawasan tersebut. Sebuah kompleks yang mempromosikan SABDA sebagai kawasan yang dipacu pertanian akan dibina bersebelahan dengan R&R tersebut. Projek-projek ekopelancongan di bawah RS-1 juga beroperasi dengan harapan untuk menarik lebih ramai pengunjung ke daerah ini seperti projek Ekopelancongan Ban Canal.



#### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Sabak Bernam menumpukan kepada pengukuhan rantaian pertanian bernilai tinggi di samping memberi penekanan kepada peningkatan akses kepada pendidikan berkualiti dan latihan kemahiran untuk meningkatkan pembangunan modal insan di Sabak Bernam. Ia bertujuan untuk dijadikan tulang belakang kepada pembasmian kemiskinan dan memacu pembangunan yang seimbang. Selain itu, penduduk juga boleh memanfaatkan program kebajikan sosial Iltizam Selangor Penyayang untuk membantu golongan rentan serta mengurangkan tahap kemiskinan. Tambahan pula, inisiatif pemeliharaan budaya dan pemeliharaan warisan juga disertakan untuk memupuk semangat jati diri tempatan dan komuniti.



#### Pemacuan Kelestarian

Pelan Strategik MDSB 2021-2025 memainkan peranan yang penting dalam memastikan keterjaminan makanan jangka panjang untuk Selangor. Ia juga menekankan penambahbaikan sistem pengurusan sisa dan menggalakkan usaha pemuliharaan dan kitar semula. Tambahan pula, pelan itu menggalakkan penggunaan sumber tenaga boleh baharu dan menggalakkan peningkatan kecekapan tenaga. Akhir sekali, pelan ini menekankan perlindungan dan pemeliharaan sumber semula jadi, termasuk kawasan hutan, sungai, dan pantai.



#### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

Pelan tersebut juga memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur digital dan ketersambungan internet bagi membantu pengurusan e-pentadbiran dan perkhidmatan digital. Ia juga bertujuan untuk menambah baik sistem dan infrastruktur pengangkutan awam untuk meningkatkan mobiliti dan kesalinghubungan dalam kawasan Sabak Bernam. Pendigitalan juga penting dalam pembangunan pertanian. RS-1 juga memperkenalkan Taman Agro Pintar Selangor dan Ladang Agro Pintar Selangor sebagai sebahagian daripada inisiatif SABDA yang memberikan tumpuan kepada pembangunan berteknologi tinggi dalam sektor pertanian (1,102 ha).

<sup>16</sup> Nota: Source: PLANMalaysia Selangor Indikator MURNInets disusun semula mengikut Tema Strategik RS-1 dan indikator bagi tema Kelestarian telah dipuratakan. Pengukuhan Ekonomi diwakili oleh D1: Ekonomi Berdaya Saing; Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial adalah D3 - Komuniti Sejahtera; Pemacuan Kelestarian adalah D2 - Kualiti Persekitaran Mampan, D4 - Gunatanah dan Sumber Asli Optimum, D5 - Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien; Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan adalah D6 - Urus Tadbir Efektif

# Kuala Selangor

Pemacu pembangunan ekonomi di kawasan Selangor Barat

## Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi


- 290,800 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM5,855 pendapatan isi rumah penengah sebulan
- 83.6% populasi memiliki akses Internet

#### Kluster Ekonomi

- Ekopelancongan; Perikanan dan akuakultur ; Pertanian



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Perbandaran Kuala Selangor

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MPKS
- Rancangan Tempatan MPKS
- Pelan Strategik Pendigitalan Teknologi Maklumat dan Komunikasi MPKS
- Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi MPKS

#### Anugerah dan Pengiktirafan

PUJIAN KHAS KATEGORI KERAJAAN (RUANG AWAM) BAGI PLACEMAKER AWARDS ASEAN 2021	ANUGERAH EMAS UNTUK INISIATIF PELANCONGAN AWAM SEMPERNA MTC AWARD 2022	ANUGERAH SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN MENCAPAI 95.71%
--	--	---

#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



## Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.71	0.83	1.00
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.80	0.96	0.72
Pemacuan Kelestarian	0.80	0.78	0.86
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	0.78	0.96	0.89

● Mampan ● Sederhana Mampan ● Kurang Mampan

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)



### Pengukuhan Ekonomi

Sebagai sebahagian daripada koridor utara, Kuala Selangor terkenal dengan aktiviti pertanian, potensi pelancongan dan sumber semula jadinya. Kuala Selangor akan dibangunkan sebagai pusat utama sektor ekopelancongan dan perikanan. Penambahbaikan ini akan menjadi kritikal untuk agenda keterjaminan makanan Negeri Selangor seperti yang dilihat dalam pembangunan Zon Industri Akuakultur yang berhampiran dengan kawasan ternakan udang harimau dan kerang yang ada seperti dicadangkan dalam Rancangan Tempatan MPKS 2035. Selain itu, sebuah taman perindustrian terurus (MIP) akan dibangunkan dengan menampilkan konsep *Environment, Social and Governance* (ESG) untuk menarik pelaburan hijau. Fasa pertama bagi pembangunan perindustrian tersebut dijangka akan siap menjelang 2027. Tumpuan kepada ekopelancongan dan rekreasi pantai juga akan diberikan fokus bagi menarik pelancong dengan memanfaatkan tarikan sedia ada seperti Taman Alam, Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Taman Ikan Air Tawar, Pantai Remis dan 'Sky Mirror', berserta dengan tarikan baharu yang juga akan dibangunkan. Rancangan Tempatan Kuala Selangor juga memfokuskan kepada penambahbaikan kemudahan e-dagang bagi menampung dan menyokong permintaan komersial yang akan datang, mempermudah carakan transaksi aktiviti-aktiviti pertanian, serta menambah baik hubungan perantara daerah di Selangor.



### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Rancangan Tempatan MPKS 2035 mengenal pasti isu-isu berkaitan kekurangan penawaran perumahan sedia ada terutamanya pembangunan rumah mampu milik. Oleh itu, usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup di Kuala Selangor melalui pembangunan hartanah kediaman, termasuk menyepadukan projek kediaman dalam taman perindustrian terurus di Kota Puteri. Penambahbaikan ketersambungan pengangkutan, seperti ECRL dan WCE juga dirancang untuk menyokong aktiviti sosioekonomi di daerah ini.



### Pemacuan Kelestarian

Salah satu projek berimpak tinggi daripada Rancangan Tempatan MPKS 2035 memfokuskan kepada pelan tebatan banjir bagi kawasan yang berhampiran dengan Sungai Buloh, terutama sekali di sekitar kawasan Simpang Tiga Ijok. Projek ini dibangunkan bertujuan untuk mengawal hakisan tanah di tebing sungai dan mengurus air larian ribut. Tambahan pula, usaha sedang dijalankan untuk mewartakan kawasan *Central Forest Spine* di Kuala Selangor melalui Rancangan Tempatan MPKS 2035. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada perancangan yang lebih besar dalam usaha pemeliharaan dan perlindungan kawasan Hutan Warisan Diraja Selangor. Pewartaan tersebut juga akan menyumbangkan kepada pencapaian sasaran makro pengkalan sekurang-kurangnya 31% kawasan litupan hutan daripada keseluruhan kawasan di Selangor. Satu lagi projek utama RS-1 ialah pembangunan loji WTE Jeram yang boleh memproseskan 2,700 tan sisa pepejal dan menjana sehingga 52 megawatt tenaga elektrik dalam tempoh seharian. Selain itu, projek Solar Skala Besar Malaysia (LSS-5) akan dilaksanakan di Kuala Selangor.



### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

Salah satu daripada sembilan DDOC yang telah dibangunkan untuk tindak balas bencana yang lebih pantas terletak di Kuala Selangor. DDOC merupakan sebuah pusat pemantauan dan operasi berpusat yang akan bekerjasama dengan SSOC untuk mengesan paras air sungai dan keadaan cuaca serta mengeluarkan notis pemberitahuan dan amaran secara langsung. MPKS juga menggunakan platform SelGDX untuk mengakses maklumat terkini daripada agensi-agensy lain seperti Jabatan Meteorologi. Selain itu, Sistem *e-Tanah* dan Sistem *Smart Docket* turut dipakai sebagai sebahagian usaha pendigitalan.

# Hulu Selangor

Peningkatan usaha dalam menangani kemiskinan luar bandar

## Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi


- 244,200 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM6,249 pendapatan isi rumah penengah sebulan
- 91.2% populasi memiliki akses internet

#### Kluster Ekonomi

- Automotif dan industri sokongan; Perkhidmatan



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Perbandaran Hulu Selangor

#### Dasar Utama

- RTDHS 2035
- RKK Bandar Kuala Kubu Bharu 2025
- Dokumen Pelan Tindakan Pelaksanaan Zon Bandar Rendah Karbon Bandar Kuala Kubu Bharu 2020-2035

#### Anugerah dan Pengiktirafan

SIJIL PENGIKTIRAFAN BANDAR SDG BAGI PENYIAPAN SDG CITY ROADMAP DAN VLR	ANUGERAH BERPRESTASI HIJAU 2023	ANUGERAH BANDAR MAMPAK TERBAIK PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2023 KATEGORI PERBANDARAN/DAERAH
--	---------------------------------	---

#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)



### Pengukuhan Ekonomi

Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 mencadangkan penubuhan kluster industri automotif di Hulu Selangor (Serendah-Sungai Choh-Bukit Beruntung dan beberapa industri terpilih di Lembah Beringin-Bernam Jaya). Kerja-kerja menaik taraf infrastruktur fizikal sedang berjalan untuk mewujudkan ekosistem moden dan alam semula jadi melalui rangkaian hijau yang luas bagi menarik pelabur. Tambahan pula, Selangor akan memperkenalkan sebuah kawasan pembangunan baharu yang dikenali sebagai Zon Pembangunan Kuala Selangor dan Hulu Selangor yang memberikan tumpuan untuk mempertingkatkan hab pertanian, akuakultur dan ekopelancongan untuk merangsang pembangunan pertanian luar bandar. Rentetannya, Hulu Selangor memanfaatkan teknologi hijau sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan ekonomi melalui projek tenaga boleh baharu dan pembuatan peralatan serta komponen pengangkutan. Salah satu projek tersebut melibatkan Projek Payung di Daerah Hulu Bernam, Bernam Jaya. Projek yang dicadangkan ini melibatkan pembangunan ladang solar berskala besar seluas 386 ekar. Potensi kapasiti yang akan dijana daripada Projek Payung ini adalah 100 megawatt. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk Projek Cross yang meliputi kawasan seluas 430 ekar. Potensi kapasiti yang akan dijana daripada projek ini pula adalah 195 megawatt-puncak apabila direalisasikan. Kedua-dua projek ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi di wilayah utara Negeri Selangor.



### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Bajet MADANI 2023, Majlis Pelancaran Program MyPSV Peringkat Kebangsaan telah dianjurkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), dengan kerjasama MPHS dan agensi-agensi Daerah Hulu Selangor. Program ini bertujuan untuk membantu golongan B40 memperoleh Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV), termasuk pemandu e-hailing dan bas daripada golongan B40. Inisiatif ini menggalakkan keterangkuman sosial dengan menyediakan peluang kepada golongan B40 untuk menyertai industri kenderaan perkhidmatan awam. Sebagai sokongan kepada agenda SDG PBB, MPHS telah membuat kemajuan yang signifikan dalam tiga SDG, iaitu SDG 1, SDG 2 dan SDG 3. Penerima manfaat yang telah menerima bantuan daripada Endowment MPHS termasuk 1,300 pelajar berpendapatan rendah yang yuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mereka telah dibayar. Selain itu, manfaat lain yang diterima termasuk projek pemulihan pusat transit di Kuala Kubu Bharu yang sedang dijalankan. Pada masa ini, pemberian manfaat juga melibatkan program sarapan percuma untuk semua pelajar sekolah rendah di daerah Hulu Selangor.



### Pemacuan Kelestarian

Selaras dengan promosi ekonomi pekeliling, Program Kitar Semula Minyak Terpakai telah dilancarkan di bawah Program Sisa Jadi Dana (SIDINA) dan merangkumi kitar semula pelbagai barang, terutamanya minyak masak terpakai. Kerjasama antara MPHS dan *Trash4Cash* memudahkan pembelian minyak masak terpakai pada harga RM2.30 sekilogram. Projek tenaga boleh baharu yang telah diluluskan dan sedang beroperasi di Hulu Selangor yang dibangunkan dengan kerjasama sektor swasta merupakan ladang solar terapung dan projek mini hidro di Sungai Batang Kali. Tambahan pula, sebuah syarikat solar dari China telah melabur dalam salah satu kilang panel solar terbesar di luar China. Kilang yang terletak di Bandar Industri Bernilai Tinggi Serendah ini akan menjadi pembekal utama panel solar yang mempromosikan dengan lebih luas agenda teknologi hijau di Hulu Selangor.



### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

SSIPR Selangor memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan dalam komuniti luar bandar. Ini termasuk pelaksanaan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan, yang menyokong golongan B40 dalam perolehan peralatan serta menjadikan golongan tersebut untuk lebih berjaya keusahawanan. Program lain, seperti i-Seed dan DUMS, juga menyumbang dalam usaha pembasmian kemiskinan. Inisiatif-inisiatif ini juga sejajar dengan Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor 2022-2026, yang menekankan kepentingan mengatasi isu kemiskinan dan mempromosikan pemberdayaan ekonomi dalam daerah tersebut selain itu, Hulu Selangor mempunyai visi untuk menjadi bandar karbon rendah melalui aplikasi teknologi hijau melalui lima usaha strategik: tadbir urus yang lebih baik untuk mengurangkan 10% emisi karbon menjelang tahun 2035; pembangunan daerah Hulu Selangor sebagai bandar yang cekap tenaga; mengurangkan sisa pepejal sebanyak 10%; mengurangkan sisa air, dan penciptaan bandar yang selesa didiami.

### Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.88	0.75	1.00
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.84	0.98	0.99
Pemacuan Kelestarian	0.93	0.89	0.94
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	1.00	1.00	1.00

● Mampan     
 ● Sederahana Mampan     
 ● Kurang Mampan



# Gombak

Memacu pertumbuhan melalui pemberdayaan sosial dan kelestarian

## Pejabat Daerah dan Tanah Gombak

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi

- 945,500 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM8,501 pendapatan isi rumah penengah sebulan
- 88.3% populasi memiliki akses Internet

#### Kluster Ekonomi

- Pendidikan; Perkhidmatan Ekopelancongan; Perkhidmatan Ekonomi Bandar



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Perbandaran Selayang

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MPS
- Rancangan Tempatan MPS

#### Anugerah dan Pengiktirafan



#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



### Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.88	1.00	0.88
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.92	0.89	0.93
Pemacuan Kelestarian	0.90	0.94	0.91
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	1.00	1.00	0.89

● Mampun ● Sederahana Mampun ● Kurang Mampun

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Perbandaran Selayang (MPS)



#### Pengukuhan Ekonomi

Gombak boleh dibangunkan sebagai bandar ilmu dan membuka potensinya melalui peningkatan infrastruktur dan akses. Pengiktirafan ini memposisikan Gombak sebagai hab bagi industri-industri berasaskan pengetahuan, institusi-institusi penyelidikan, dan fasiliti-fasiliti pendidikan. MPS berharap untuk membina pangkalan bakatnya untuk menarik perniagaan dan pelaburan yang lebih banyak. Pihak daerah juga berharap untuk meningkatkan akses rakyat kepada pendidikan, infrastruktur (contohnya, Transit Aliran Bas), fasiliti penyelidikan, dan pembangunan kemahiran agar turut menyumbang kepada kemajuan ekonomi Gombak serta daerah-daerah Selangor yang lain dengan menyediakan modal insan yang sewajarnya.



#### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

MPS dengan kerjasama Platform Selangor (PLATS) menganjurkan Program Latihan Pembangunan Penjaja Mikro Selangor untuk lebih kurang 170 penjaja gerai makanan dan PMKS. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan teknologi untuk meningkatkan perniagaan mereka serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan. MPS bersama dengan pihak kerajaan Negeri di bawah RS-1 dan Rancangan Struktur Negeri Selangor sedang menangani isu berkenaan perumahan mampu milik. Perbincangan juga diadakan dalam Kumpulan Fokus Pembasmian Kemiskinan Daerah untuk mengatasi kawasan-kawasan kemiskinan bandar yang wujud dalam Gombak.



#### Pemacuan Kelestarian

MPS memainkan peranan yang aktif dalam usaha untuk menangani isu pembuangan sampah secara haram. Pasukan Tugas Majlis telah ditubuhkan di Gombak Setia dan kampung-kampung berdekatan Selayang bagi menangani isu tersebut. Inisiatif ini sejajar dengan hasrat pihak Negeri untuk meningkatkan kadar kitar semula sisa Selangor serta mewujudkan bandar yang bersih. Selain itu, fasa yang akan datang dalam RS-1 melibatkan persiapan untuk pembinaan loji WTE di Rawang, iaitu Loji SIGSEP. Ia akan menghasilkan 58 megawatt elektrik daripada sisa pepejal Selangor dan menyumbang kepada matlamat perubahan kepada tenaga hijau dan penambahbaikan pengurusan sisa.




#### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

MPS sedang bekerjasama dengan agensi-agensi Negeri dalam mengunapakaikan teknologi digital untuk meningkatkan capaian rakyat kepada perkhidmatan kerajaan, menyelaraskan proses pentadbiran, dan meningkatkan komunikasi antara kerajaan dan rakyat. Inisiatif-inisiatif ini terdiri daripada pembangunan Sistem e-Tanah, DUMS dan i-Seed.



## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)



### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Perbandaran Ampang Jaya

### Dasar Utama

- Pelan Strategik MPAJ
- Rancangan Tempatan MPAJ

### Anugerah dan Pengiktirafan

JOHAN INOVASI SOSIAL BAGI MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR 2023

JOHAN KATEGORI SEKTOR AWAM BAGI ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR 2023

ANUGERAH PENARAFAN BANDAR PINTAR MALAYSIA 2023

### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



### Pengukuhan Ekonomi

Ampang Jaya mengalami pertumbuhan ekonomi melalui kesan luaran daripada pertumbuhan ekonomi Kuala Lumpur Raya. Bagi meningkatkan pembangunan daerah Ampang Jaya, MPAJ telah bekerjasama dengan sebuah syarikat telekomunikasi utama di Malaysia, untuk mendorong transformasi digital di Hulu Klang. Sebagai sebahagian daripada strategi pemuliharaan bandar, MPAJ telah membangunkan semula kawasan *greyfield* (contohnya, pusat membeli-belah terbengkalai) dan *brownfield* dengan aktiviti-aktiviti yang berdaya ekonomi. Strategi ini disokong dengan memperkenalkan produk-produk pelancongan semulajadi sebagai sebahagian daripada inisiatif pelan induk EkoPelancongan. MPAJ juga bekerjasama dengan komuniti perniagaan untuk menggalakkan inovasi dan penyelidikan di peringkat tempatan dan antarabangsa.



### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

MPAJ mengambil berat terhadap keterangkuman sosial dan kesejahteraan dari pelbagai sudut seperti melalui persiapan menghadapi masyarakat menua dan membangunkan program kerjasama dengan komuniti melalui penglibatan Ahli-ahli Majlis, memperkasakan persatuan penduduk, memupuk hubungan rapat dengan sekolah, masjid, komuniti, NGO dan rumah anak yatim. Pihak PBT memperuntukkan sebanyak RM57,200 bagi tujuan penyaluran bantuan keperluan harian dan makanan semasa bulan Ramadhan kepada rakyat yang memerlukan. Bagi tujuan penyelarasan urbanisasi dan rejuvenasi, pihak PBT kini sedang giat menggalakkan pemilikan rumah mampu milik bagi daerah tersebut.



### Pemacuan Kelestarian

Pelaksanaan Rancangan Induk Landskap di Ampang Jaya memfokuskan kepada penghijauan dan pengindahan kawasan-kawasan tertentu. Laluan pejalan kaki dibina bertujuan untuk meningkatkan aksesibiliti dan menyediakan persekitaran yang lebih inklusif dan menggalakkan penduduk berjalan kaki. Pengurusan sisa juga penting bagi pihak MPAJ disebabkan kawasan tadahan air yang terletak di kawasan Gombak. Salah satu daripada PPI RS-1 membincangkan penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih baik untuk memastikan bahawa simpanan tadahan air dilindungi. Sebagaimana dengan MPS, MPAJ sedang membangunkan inventori GHG sebagai sebahagian daripada Pelan Tindakan Bandar Bebas Karbon Ampang Jaya 2030 untuk mewujudkan bandar yang selesa dan selamat. Pelan tersebut membincangkan bagaimana mengurangkan pelepasan karbon dengan mengubah cara penggunaan tenaga, corak mobiliti, dan penggunaan sumber.



### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

MPAJ sedang dalam proses menyiapkan VLR untuk mengenalpasti sumbangan mereka terhadap SDG. Usaha ini dipandu oleh komitmen Kerajaan Negeri untuk mempromosikan lokaliti SDG di daerah-daerah dan kawasan-kawasan dalam Negeri Selangor. Proses pembangunan pelan pelaksanaan dan VLR tersendiri memberikan peluang kepada PBT dan komuniti untuk memperkukuhkan keupayaan dan mencipta penyelesaian secara bersama. Sebagai contoh, Ampang Jaya bekerjasama rapat dengan komuniti setempat untuk mengenalpasti kawasan bandar yang bersesuaian untuk menjalankan aktiviti-aktiviti landskap. Bagi mendorong transformasi digital, MPAJ bekerjasama dengan sektor swasta untuk mempercepatkan peralihan daerah ke arah bandar pintar, sejajar dengan Pelan Bandar Pintar MPAJ yang memfokuskan kepada pembangunan infrastruktur pintar, ekonomi pintar, persekitaran pintar dan tadbir urus pintar. Kerjasama ini akan membolehkan pihak daerah untuk menerokai pelaksanaan infrastruktur teknologi 5G bagi membolehkan akses internet dan perkhidmatan digital yang lebih maju. Pembangunan MRT-3 yang akan datang juga akan meningkatkan ketersambungan pengangkutan kawasan daerah dan mengintegrasikan Ampang Jaya ke dalam kawasan Kuala Lumpur Raya.

## Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.75	0.75	0.75
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.84	0.91	0.99
Pemacuan Kelestarian	0.79	0.90	0.95
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	0.89	0.89	1.00

● Mampan    ● Sederhana Mampan    ● Kurang Mampan

# Petaling

Kawasan ujian utama Selangor untuk reka bentuk dan pelaksanaan inovatif

## Pejabat Daerah dan Tanah Petaling

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi


- 2,290,000 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM8,993 pendapatan isi rumah penengah sebulan
- 95% populasi memiliki akses internet

#### Kluster Ekonomi

- Aeroangkasa dan aerotropolis; Pendidikan; Perkhidmatan



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Bandaraya Petaling Jaya

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MBPJ
- Rancangan Tempatan MBPJ

#### Anugerah dan Pengiktirafan



#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



## Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.75	0.75	0.75
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.99	1.00	0.99
Pemacuan Kelestarian	0.96	0.98	0.97
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	0.96	0.96	1.00

● Mampun ● Sederhana Mampun ● Kurang Mampun

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)



### Pengukuhan Ekonomi

Petaling Jaya memberikan fokus kepada pembangunan persekitaran yang kondusif dan menggalakkan untuk pertumbuhan inovasi dan ekonomi. Petaling Jaya menumpukan usaha untuk menarik pelaburan industri bernilai tinggi, menggalakkan kemajuan teknologi, dan mencipta ekonomi yang dinamik dan kompetitif yang mampu berkembang maju dalam pasaran global dengan melabur dalam penambahbaikan modal insan dan bakat. Petaling Jaya menyasarkan menarik pelaburan domestik dan asing dengan menyediakan rangka kerja dasar dan panduan pembangunan yang menyelesaikan. Pegawai Pelaburan juga dilantik untuk mengawasi pembangunan tersebut. Strategi pembangunan pula memberikan fokus kepada kawasan-kawasan persekitaran stesen transit melalui pelaksanaan panduan Pembangunan Berorientasikan Transit. Strategi ini menggalakkan pembangunan bercampur, sistem pengangkutan yang efisien, dan aktiviti ekonomi yang berdaya saing di kawasan-kawasan tersebut. Petaling Jaya juga memfokuskan pembangunan sektor pelancongannya untuk menempatkan Petaling Jaya sebagai Pusat Bandar Pertukaran Kebudayaan Antarabangsa. Inisiatif ini bukan sahaja akan menarik para pelancong untuk berkunjung ke Petaling Jaya tetapi juga akan mencipta peluang untuk usahawan dan perniagaan tempatan. Selain itu, Petaling Jaya juga menekankan pembangunan usahawan mikro dan sektor tidak formal dengan menyediakan sokongan dan sumber-sumber untuk membantu mereka berkembang dan menyumbang kepada ekonomi tempatan.



### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Konsep Bandar Inklusif memfokuskan kepada menangani keperluan dan penglibatan semua kumpulan, termasuk kanak-kanak, wanita, warga emas, orang kurang upaya, dan golongan miskin bandar, dalam perancangan pembangunan dan pembinaan komuniti merentas tiga spektrum: spatial, sosial dan ekonomi. Dalam konteks inklusiviti berasaskan spatial, matlamatnya adalah untuk memastikan pembangunan perumahan, pusat bandar, kemudahan awam, dan kawasan rekreasi yang bebas halangan melalui prinsip-prinsip reka bentuk sejagat. Inklusiviti berasaskan sosial memastikan hak-hak kumpulan yang terpinggir serta penyertaan mereka juga diambil kira dalam proses membuat keputusan, modal insan, dan pemberdayaan masyarakat. MBPJ adalah PBT pertama di Malaysia yang melibatkan kanak-kanak dalam proses perancangan pembangunan melalui platform Ahli Majlis Kanak-Kanak dalam memastikan suara dan pandangan mereka diambil kira dalam pembuatan dasar. Inklusiviti berasaskan ekonomi pula memfokuskan penyediaan peluang kepada kumpulan yang terpinggir untuk meningkatkan status ekonomi dan ketahanan mereka. Objektifnya termasuk menjadikan 100% pusat bandar dan taman awam dapat dinikmati sepenuhnya, memastikan bahawa semua pembangunan baru mematuhi prinsip reka bentuk sejagat, mencapai 30% penyertaan wanita dalam program-program dan pembuatan dasar serta mengurangkan kadar kemiskinan kepada kurang daripada 0.6% daripada jumlah penduduk keseluruhan Negeri Selangor. Inisiatif seperti bengkel kemahiran bagi warga emas untuk menjana pendapatan, kelas komputer, program kemahiran belia, dan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat untuk golongan B40 bertujuan untuk memberikan peluang yang sama kepada semua penduduk Petaling Jaya. Inisiatif-inisiatif tersebut bertujuan untuk mewujudkan sebuah bandar yang inklusif di mana semua individu mempunyai peluang yang sama dan akses kepada sumber dan perkhidmatan tanpa mengira latar belakang.




### Pemacuan Kelestarian

MBPJ merupakan PBT dalam Selangor yang pertama telah memperkenalkan Pelan Tindakan Iklim 2030 pada Mac 2023 untuk memisahkan kadar pertumbuhan ekonomi daripada pelepasan karbon. Pelan tersebut menetapkan sasaran pengurangan karbon di Petaling Jaya sebanyak 33% menjelang tahun 2030 sejajar dengan sasaran *National Low Carbon Cities Masterplan*. Pelan ini mempunyai enam (6) Tema dan 56 Pelan Tindakan yang telah mengambil kira faktor kerentanan dan daya tahan bandaraya Petaling Jaya seperti *Renewable Sources And Energy Efficiency, Pedestrian First And Green Transportation*. MBPJ juga telah mengenal pasti projek mitigasi dan penyesuaian iklim yang bernilai sebanyak RM9 bilion yang akan menyerap atau mengelakkan enam juta tan CO<sub>2</sub>. Sebagai contoh, MBPJ akan mempertingkatkan pemasangan bumbung solar dan kemudahan stesen pengecas EV serta mempertingkatkan bilangan pokok dalam bandar dengan penanaman sebanyak 75,000 pokok menjelang 2025. Anggaran sejumlah RM13 juta juga telah diperuntukkan untuk melaksanakan program landskap di 37 kawasan di MBPJ pada tahun 2024.



### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

Petaling Jaya menyasarkan untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan penyelesaian *Internet of Things* (IoT) untuk mencapai pembangunan bandar yang mampan. Pusat Pintar Petaling Jaya akan berfungsi sebagai hab utama untuk mengumpul data dari pusat-pusat pintar mini di jabatan-jabatan dalam Majlis. Sebanyak 38 daripada 44 papan muka telah siap dibangunkan dan akan siap sepenuhnya pada tahun 2024 untuk mencapai agenda utama termasuk bandar inklusif, pintar, rendah karbon, mesra kanak-kanak, pembelajaran, ekonomi berdaya saing, ekonomi kitaran, masyarakat 5.0, selamat dan berdaya tahan, dan e-tadbir urus. Pusat Data Utama berperanan mengumpul, menganalisa dan melaporkan agenda tentang kemajuan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan menjelang tahun 2030. Tumpuan bagi e-tadbir urus adalah untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap, telus, bertanggungjawab, berintegriti dan didorong dengan penggunaan teknologi pintar dan IoT. Ini termasuk meningkatkan komunikasi antara majlis bandaraya, para penduduk, peniaga-peniaga, NGO dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Matlamat bagi tumpuan tersebut termasuk dengan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan telus, mencapai indeks penarafan 5 bintang setiap tahun, pengiktirafan antarabangsa dan nasional untuk amalan terbaik, kadar kepuasan awam melebihi 95%, kadar kutipan hasil melebihi 90%, dan penyertaan awam dalam proses membuat keputusan.



**Pihak Berkuasa Tempatan**

- Majlis Bandaraya Subang Jaya

**Dasar Utama**

- Pelan Strategik MBSJ
- Rancangan Tempatan MBPJ
- Kajian Sukarela Tempatan MBSJ

**Anugerah dan Pengiktirafan**

SIJIL PENGIKTIRAFAN BANDAR SDG BAGI PENYIAPAN SDG CITY ROADMAP DAN VLR	ANUGERAH KEMAMPAHAN BANDAR MURNINETS 2023	ANUGERAH EMAS UNTUK PERANCANGAN STRATEGIK BAGI MIP PLANNING EXCELLENCE AWARD 2022
--	---	---

**Sumbangan Tertinggi kepada SDG**



**Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1**

Tema Strategik	2021	2022	2023
<b>Pengukuhan Ekonomi</b>	0.83	0.75	0.75
<b>Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial</b>	0.94	0.96	0.97
<b>Pemacuan Kelestarian</b>	0.88	0.89	0.95
<b>Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan</b>	1.00	1.00	1.00

● Mampun    ● Sederhana Mampun    ● Kurang Mampun

**Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)**



**Pengukuhan Ekonomi**

Subang Jaya mempunyai struktur ekonomi yang pelbagai dan kukuh terutama sekali dalam sektor pembuatan, perkhidmatan, peruncitan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Bagi tujuan mencapai aspirasi 2035 dalam mewujudkan bandar pilihan dan peluang yang mampan, Subang Jaya memfokuskan pada promosi inovasi dan keusahawanan, peningkatan infrastruktur dan ketersambungan, pembangunan modal insan, penarikan pelaburan langsung asing, penyokongan pelancongan dan hospitaliti, dan penggalakan amalan mampan. Sebagai contoh, pendekatan yang diguna pakai oleh MBSJ dalam memperkemaskan proses pelesenan perniagaan telah menghasilkan peningkatan yang ketara dalam bilangan permohonan dan hasil kutipan. Ini telah dicapai melalui pengenalan Garis Panduan Pelesenan baharu yang selaras dengan aliran perniagaan semasa dan penambahbaikan platform dalam talian permohonan baru lesen dan pembaharuan. Langkah-langkah ini telah memudahkan dan melancarkan proses bagi pihak peniaga untuk mendapatkan lesen yang diperlukan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan sektor perniagaan di Subang Jaya.



**Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial**

Rancangan Tempatan Subang Jaya memfokuskan kepada enam teras utama, iaitu mewujudkan Bandar Hijau, Bandar Pintar, Bandar Kesihatan, Bandar Selamat, Bandar Kesejahteraan dan Bandar Mesra Wanita. Kesemuanya meletakkan masyarakat dan golongan rentan sebagai fokus utama terutama sekali golongan wanita, kanak-kanak dan golongan miskin. Sebagai contoh, Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) yang dahulunya dikenali sebagai Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) merupakan satu inisiatif yang memfokuskan sokongan kepada golongan B40, penduduk perumahan kos rendah, persatuan-persatuan penduduk, masyarakat tempatan, golongan belia, dan industri-industri kecil dan sederhana. MBSJ telah memperuntukkan RM290,000 untuk program Kebajikan Masyarakat Bandar dan RM2,000 kepada setiap Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) melalui Geran Peruntukan PKMB. Sepanjang tahun 2019, 21 Program Usahawan PKMB telah berjaya dilaksanakan dengan perbelanjaan sebanyak RM42,000. Program-program tersebut antaranya adalah bengkel pembuatan kek dan roti, penciptaan kraf daripada barangan terpakai, dan lawatan ke KEMAS di Kampung Endah, Banting. MBSJ juga menawarkan kelas PKMB seperti jahitan, kraftangan, kemahiran kulinari, dan hidropnik untuk memberi peluang kepada golongan sasaran bagi mengembangkan kemahiran dan meningkatkan taraf hidup mereka.




**Pemacuan Kelestarian**

Rancangan Tempatan Subang Jaya memberi penekanan terhadap kelestarian, menggabungkan prinsip pemuliharaan alam sekitar, kecekapan penggunaan sumber dan iklim berdaya tahan. MBSJ telah melaksanakan inisiatif seperti kajian VLR bagi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan telah membangunkan inventori GHG. MBSJ adalah komited terhadap meningkatkan daya tahan risiko bencana dan melibatkan diri dalam Pasukan Tugas Negeri Selangor dan Pusat Pengurusan Bencana Negeri. Subang Jaya telah berjaya mencapai kemajuan dalam menyediakan laluan pejalan kaki di sepanjang tepi jalan raya, tetapi usaha lanjut masih diperlukan untuk meningkatkan ketersambungan yang lebih lancar. Inisiatif pertanian bandar juga sedang diterokai untuk menggalakkan pengeluaran makanan yang mampan. Secara keseluruhannya, pelbagai inisiatif dan tindakan menunjukkan komitmen MBSJ terhadap pembangunan yang mampan, penjagaan alam sekitar dan daya tahan dalam mewujudkan sebuah bandar yang berdaya huni dan berdaya tahan.



**Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan**

MBSJ telah bekerjasama bersama organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial untuk Asia dan Pasifik (UNESCAP) dalam membangunkan pelan pemuliharaan dan daya tahan COVID-19 yang menggalakkan tindak balas ekonomi dan kewangan yang mampan, berdaya tahan dan inklusif. Selain itu, penubuhan *Subang Jaya Vibrant Command Center* (SJVCC) mengintegrasikan Pusat Panggilan MBSJ, Bilik Kawalan CCTV dan fungsi pengurusan kecemasan untuk digunakan sebagai hab untuk pengumpulan maklumat, tindak balas kecemasan dan pemantauan CCTV. MBSJ juga telah menggunakan teknologi 5G dalam operasinya dalam melaksanakan projek-projeknya seperti projek Lampu Isyarat Pintar dan Tempat Letak Kereta Pintar. Ia juga telah diguna pakai dalam penyelesaian Keselamatan Pintar untuk penambahbaikan aliran trafik, pengurusan tempat letak kereta dan keselamatan menggunakan data masa nyata dan pemantauan CCTV. MBSJ juga telah menggunakan teknologi untuk pengurusan bandar yang cekap dan berkesan. Tambahan pula, penyediaan Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025 merupakan bukti bandaraya ini komited dalam memberikan pilihan dan ruang kepada warganya dengan matlamat menjadi Bandaraya Mampan yang Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman melalui pengekal unik sebagai Bandaraya *Smart Vibrant* yang hidup, bersemangat, bertenaga, mesra, hijau dan pintar.



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Bandaraya Shah Alam

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MBSA
- Rancangan Tempatan MBSA
- Kajian Sukarela Tempatan MBSA

#### Anugerah dan Pengiktirafan

ANUGERAH  
DIAMOND BAGI  
CABARAN BANDAR  
RENDAH KARBON 2030

ANUGERAH  
MLAA HONOUR BAGI  
KATEGORI GOVERNMENT -  
GREEN INITIATIVE AWARDS

SIJIL PENGIKTIRAFAN  
BANDAR SDG BAGI  
PENYIAPAN SDG CITY  
ROADMAP DAN VLR

#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



#### Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.58	1.00	0.75
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.96	0.90	0.78
Pemacuan Kelestarian	0.92	0.92	0.91
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	0.89	0.89	1.00

● Mampam ● Sederhana Mampam ● Kurang Mampam

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)



#### Pengukuhan Ekonomi

Shah Alam merupakan salah satu pusat ekonomi yang berkembang pesat di Selangor dan merupakan petempatan pusat pentadbiran Selangor. Rancangan Tempatan MBSA 2035 berhalu tuju terhadap penarikan pembangunan komersial dan industri yang lebih banyak dengan memberikan tumpuan kepada penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Rancangan ini mengenal pasti tujuh kawasan fokus yang akan dibangunkan menjadi pusat ekonomi yang dinamik seperti Kota Kemuning dan Kwasa Damansara. Sebagai negeri yang paling ramai penduduknya di Malaysia, Selangor juga diiktiraf sebagai kuasa ekonomi bagi negara yang didayakan oleh ketersambungan pengangkutan dan aset infrastruktur utama sedia ada yang strategik.



#### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

MBSA menjalankan pelbagai inisiatif yang ditujukan kepada pelbagai golongan penduduk seperti menyediakan perkhidmatan pintu-ke-pintu untuk menyokong pesakit dalam mendapatkan rawatan perubatan percuma serta menawarkan bantuan kewangan berjumlah RM287,000 kepada masyarakat miskin tegar dengan kerjasama dengan kerjasama PKNS dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Program Rumah Selangorku oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah menawarkan rumah berkualiti yang mampu dimiliki, program sewaan untuk golongan kurang upaya dan perumahan kos rendah untuk isi rumah kumpulan B40. Pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya baharu dan penyediaan kemudahan seperti hospital, sekolah dan balai polis juga diberikan keutamaan. Matlamatnya adalah untuk mengurangkan jurang antara tahap sara hidup bandar dan pinggir bandar bagi memastikan kesejahteraan dan inklusiviti semua penduduk di Shah Alam.




#### Pemacuan Kelestarian

Rancangan Tindakan Bandar Rendah Karbon Shah Alam 2035 membentuk landasan bagi kelestarian alam sekitar Shah Alam dan usaha pembendungan perubahan iklim dengan mengurangkan pelepasan GHG secara mutlak sebanyak 33% menjelang tahun 2030 dan mencapai neutral karbon menjelang tahun 2050. Ini termasuk memberi keutamaan kepada penambahbaikan pengangkutan awam yang bertujuan untuk mencapai pembahagian kongsi mod pengangkutan sebanyak 40:60 antara pengangkutan awam dan kenderaan persendirian menjelang tahun 2035. Shah Alam telah mewujudkan infrastruktur mobiliti aktif sepanjang 31 km dan laluan bas percuma di bawah program Bas Smart Selangor sepanjang 21 km. Keutamaan masih berterusan terhadap pencegahan bencana dan banjir disebabkan Shah Alam dan Klang merupakan kawasan yang paling terjejas di Selangor semasa banjir 2021. MBSA memperuntukkan RM300 juta untuk digunakan selama tempoh lima tahun untuk menaik taraf longkang serta menambah bilangan unit pam air dan takungan air. Skwad Pasukan Tindakan Segera (Skuad PANTAS) juga telah ditubuhkan untuk mengendalikan kes kecemasan dan bencana di Shah Alam. Shah Alam telah menjalankan kajian bersama dengan Jepun mengenai sistem amaran awal bencana pada tahun 2022. Kebanyakan usaha kelestarian pihak bandaraya telah dilaporkan dalam VLR Shah Alam.



#### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

MBSA telah melaksanakan pelbagai inisiatif pentadbiran untuk meningkatkan kecekapan dan keselesaan bagi orang ramai. Pengenalan Perkhidmatan Awam Elektronik (ePS) membolehkan pelanggan dan orang ramai untuk berurusan secara atas talian dan mengurangkan keperluan untuk beratur secara fizikal di kaunter. Selain itu, MBSA telah memasang kira-kira 1,972 titik panas Wifi percuma di seluruh bandar serta mempromosikan ketersambungan digital untuk kegunaan penduduk. Pihak majlis juga memberikan keutamaan kepada pembangunan perumahan yang mampu dimiliki dengan pembinaan 3,842 unit rumah untuk menangani keperluan perumahan penduduknya. Dalam pengurusan dan pemantauan bencana, MBSA mengendalikan *Smart Selangor Command Centre* yang menggunakan teknologi terkini untuk memantau keadaan cuaca, aras laut, pencemaran udara, banjir dan data-data lain yang relevan. Inisiatif-inisiatif pentadbiran ini menunjukkan komitmen MBSA untuk memanfaatkan teknologi dan sistem yang cekap untuk meningkatkan penawaran perkhidmatan dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan penduduk Shah Alam.



# Klang

*Pelaburan strategik dalam pertumbuhan ekonomi dan peningkatan keselesaan hidup*

## Pejabat Daerah dan Tanah Klang

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi

- 1,093,300 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM7,888 pendapatan isi rumah penengah sebulan
- 87.5% populasi memiliki akses Internet

#### Kluster Ekonomi

- Ekopelancongan; Maritim dan pelabuhan



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Bandaraya Diraja Klang

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MBDK

#### Anugerah dan Pengiktirafan

PENSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)	ANUGERAH BANDAR PALING BAHAGIA 2022	LOKASI PELABURAN PALING DIUTAMAKAN DI SELANGOR BAGI KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (2019-2022)
--	-------------------------------------	--

#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



### Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.88	0.58	0.75
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.92	0.89	0.99
Pemacuan Kelestarian	0.79	0.91	0.91
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	0.89	1.00	1.00

● Mampun ● Sederhana Mampun ● Kurang Mampun

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)



### Pengukuhan Ekonomi

Klang merupakan sebuah bandar pelabuhan utama di Selangor, dibantu oleh jaringan kemudahan pengangkutan, khususnya perhubungan pelabuhan dan rel sedia ada. Laluan LRT3 dijangka beroperasi pada 2025 akan meningkatkan ketersambungan pengangkutan untuk kira-kira 2 juta penduduk di koridor barat Klang dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di rantau ini. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih berdaya huni serta menarik pelaburan sebanyak RM1 bilion ke kawasan tersebut. Selain itu, projek Jajaran Rel Kita Selangor akan membolehkan pengangkutan barangan dan orang ramai dengan lebih cekap di antara daerah akan memupuk integrasi serantau dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Satu projek yang baharu dengan keluasan 1,500 hektar untuk pembangunan logistik bagi memperkukuhkan kedudukan Klang sebagai sebuah bandar logistik dan pelabuhan. Secara keseluruhannya, pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur pengangkutan termasuk perhubungan pelabuhan dan rel memainkan peranan yang penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan ke Klang. Inisiatif ini meningkatkan ketersambungan, memudahkan perdagangan dan mewujudkan peluang untuk perniagaan dan industri berkembang maju di daerah ini.



### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Strategi keterangkuman sosial di Klang tertumpu kepada usaha untuk memastikan pembangunan perumahan yang terkawal dan terancang, termasuk memelihara ciri-ciri budaya warisan dan persekitaran perumahan yang berkualiti, sihat dan berdaya huni. Pembangunan ini termasuk pembinaan 19,000 unit rumah mampu milik yang akan dibina menjelang 2035 bagi menampung permintaan penduduk Selangor, penaik tarafan rumah mampu milik yang sedia ada dan mengekalkan kampung tradisional sebagai elemen warisan Negeri. Strategi ini juga menekankan penyediaan kemudahan komuniti yang mencukupi, selamat dan inklusif seperti pembinaan hospital, klinik kesihatan, sekolah, balai bomba, balai polis dan dewan serbaguna berdasarkan unjuran dan keperluan penduduk.



### Pemacuan Kelestarian

Antara tumpuan utama di Klang adalah usaha mitigasi dan pembersihan sungai untuk meningkatkan kemampunan. Ini termasuk meningkatkan kapasiti daya tampung kawasan tadahan air dan kolam tadahan banjir, serta membangunkan pelan induk tebatan banjir untuk tadahan Sungai Damansara, Sungai Subang dan lembangan Sungai Buloh. Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan impak banjir dan melindungi kawasan sekitar daripada kerosakan. Di samping itu, usaha berterusan sedang dilakukan untuk membangunkan Loji Janakuasa Pulau Indah (PIPP) dengan kemudahan Turbin Gas Kitaran Gabungan (CCGT) gas asli yang mampu menjana sebanyak 1,200 megawatt. PIPP direka bentuk untuk mencapai kecekapan melebihi daripada 60% berbanding dengan penggunaan arang batu dan minyak serta menggalakkan penjanaan tenaga yang lebih bersih dan mampan di Selangor. Pembangunan ini sejajar dengan matlamat untuk memajukan kelestarian dan mengurangkan impak alam sekitar di Klang. MBDK juga telah membangunkan Pelan Rendah Karbon MBDK 2027 yang menjadi dokumen panduan utama ke arah menjadi sebuah bandar mampan. Usaha juga sedang dilakukan untuk mempertingkatkan persekitaran dan daya tarikan Klang. Projek ZPE SMG yang melibatkan pembersihan 75,000 tan sampah dari Sungai Klang, pelebaran dan pendalaman sungai untuk meningkatkan kualiti air dan daya tampung. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih berdaya huni serta menarik pelaburan sebanyak RM1 bilion ke kawasan itu.



### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

Klang telah dinaik taraf sebagai bandaraya dan kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Diraja Klang. Dalam fasa RS-1 berikutnya, empat majlis bandaraya (Klang, Subang Jaya, Shah Alam dan Petaling Jaya) akan disatukan di bawah Lembah Klang Raya Selangor, dengan mengguna pakai model pertumbuhan metropolitan dan berfungsi sebagai projek rintis bagi tadbir urus berteknologi tinggi.

# Hulu Langat

Menerajui pembangunan dan reka bentuk bandar yang hijau

## Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi

- 1,417,500 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM8,361 pendapatan isi rumah penengah sebulan
- 93.4% populasi memiliki akses Internet

#### Kluster Ekonomi

- Ekopelancongan; Perkhidmatan



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Perbandaran Kajang

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MPKj
- Rancangan Tempatan MPKj

#### Anugerah dan Pengiktirafan



#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



### Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	0.83	0.67	0.75
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.98	0.99	0.98
Pemacuan Kelestarian	0.97	0.90	0.94
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	1.00	0.89	1.00

● Mampan ● Sederahana Mampan ● Kurang Mampan

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)



#### Pengukuhan Ekonomi

Aktiviti perniagaan dan perkhidmatan khususnya bidang ekopelancongan, pendidikan dan kesihatan merupakan tulang belakang bagi daerah Hulu Langat bagi mengimbangkan aktiviti ekonomi bandar dan luar bandar. Limpahan pembangunan dari bandar-bandar besar bersebelahan iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya menjadikan kawasan Hulu Langat sebagai bandar pilihan untuk didiami serta merupakan antara sumber perkhidmatan utama di Negeri Selangor bagi sektor perumahan mampu milik, pendidikan dan kesihatan. Sokongan perlu diberikan kepada pihak PMKS untuk menolong pembangunan industri, melalui pemerkasaan panduan mesra perniagaan, penciptaan perwakilan perniagaan dan pemupukan perhubungan antara peniaga dan majlis. Ini telah dicapai melalui penelitian dan pemilihan panduan serta pembangunan inisiatif perniagaan bersama. Selain itu, Kajang terkenal sebagai sebuah bandar yang berkembang dengan ketersambungan melalui laluan MRT dan peningkatan daya tarikannya sebagai pusat pembelajaran dan pendidikan yang meliputi universiti-universiti terkenal. Pembangunan ini menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan dan daya tarikan Kajang sebagai destinasi untuk penduduk dan pelajar.



#### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Untuk memperkuat rangkaian sosial, usaha difokuskan kepada penubuhan rangkaian di setiap kawasan serta pelaksanaan program-program sosial yang relevan dan mengukur keberkesanannya. Pemberdayaan komuniti diberikan keutamaan melalui pemilihan program yang bersesuaian, pemerkasaan pemimpin komuniti, dan penilaian keberkesanan program secara berkala. Selain itu, pihak majlis telah melaksanakan program kebahagiaan dengan menggunakan media sosial sebagai pemangkin untuk mencipta inisiatif bagi mempromosikan kebahagiaan dalam komuniti tempatan dan melaksanakan program lapangan bagi melibatkan para penduduk. Usaha ini bertujuan untuk memupuk hubungan sosial yang lebih kukuh, memberdayakan komuniti dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan penduduk di kawasan tersebut.



#### Pemacuan Kelestarian

MPKj terlibat dalam Kerangka Bandar Rendah Karbon Malaysia dan telah menyediakan Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 sebagai projek perintis zon rendah karbon di dalam kawasan pentadbiran MPKj yang akan dikembangkan ke kawasan bandar-bandar lain. MPKj menunjukkan komitmennya dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan karbon dan mempromosikan amalan lestari dengan menganjurkan pelbagai pertandingan rendah karbon yang bertujuan bagi memupuk kesedaran dan menggalakkan pelaksanaan amalan hijau di peringkat komuniti. MPKj merupakan PBT pertama di Malaysia yang menggunakan kaedah *End-of-Life Vehicles (ELV)* sejak tahun 2021 di mana setiap kenderaan akan dileraikan secara teratur mengikut kaedah SW422 (piawaian Jabatan Alam Sekitar) dan komponen yang tidak dapat dikitar semula akan dihantar untuk proses rawatan lanjut. Pihak MPKj juga komited untuk melestarikan sumber semula jadinya seperti yang diperlihatkan dalam usaha untuk mewartakan kawasan *Central Forest Spine Selangor*. MPKj telah menetapkan visinya yang terbaharu iaitu Bandar Berdaya Huni, Menjana Ekonomi Negara yang memfokuskan kepada pelaksanaan konsep Pintar, Hijau dan Mampan di setiap sektor.



#### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

MPKj telah mengumumkan pelaksanaan Pelan Tindakan Perbandaran Pintar Majlis Perbandaran Kajang 2030 (Smart Kajang 2030) yang disediakan secara 'in-house' pada tahun 2023 dengan menggunakan kecerdasan digital dan teknologi untuk memacu lapan sektor: makanan dan agro pintar; penjagaan kesihatan dan pendidikan; pengurusan bencana; pengangkutan dan mobiliti; pengurusan air; tenaga dan utiliti serta bangunan. Salah satu matlamatnya adalah untuk mencapai 100% liputan 4G di keseluruhan Kajang. Selain itu, pihak MPKj telah memperkenalkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) 2022-2026 yang penting dalam pelaksanaan dasar anti-rasuah dan pencegahan penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan di dalam majlis.



# Kuala Langat

Perluasan aset semulajadi dan warisan geologi

## Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi


- 317,500 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM6,950 pendapatan isi rumah penengah sebulan
- 95.9% populasi memiliki akses Internet

#### Kluster Ekonomi

- Pendidikan; Perkhidmatan



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Perbandaran Kuala Langat

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MPKL
- Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon Kuala Langat 2030
- Rancangan Tempatan MPKL
- Pelan Strategik Teknologi Maklumat & Komunikasi MPKL

#### Anugerah dan Pengiktirafan



#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



#### Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	1.00	0.58	1.00
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.49	0.96	0.90
Pemacuan Kelestarian	0.91	0.77	0.91
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	0.81	0.93	1.00

● Mampan ● Sederhana Mampan ● Kurang Mampan

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)



#### Pengukuhan Ekonomi

IDRISS merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi yang penting bagi daerah Kuala Langat. Ia memberi fokus kepada sektor perindustrian, perkhidmatan logistik, penyimpanan, perniagaan, perumahan, pelancongan dan pendidikan. Projek-projek utama baharu di bawah IDRISS juga termasuk *Amverton Cove Eco-integrated Township*, yang merangkumi 70% pembangunan industri, 20% pembangunan komersial dan 10% pembangunan perumahan. Kerajaan Negeri juga dalam usaha memperkenalkan insentif yang merangsang untuk pembangunan *Managed Industrial Park* bagi menggalakkan peningkatan bilangan projek pembangunan yang dijalankan sebagai sebahagian daripada projek IDRISS di Selangor.



#### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Kuala Langat memfokuskan kepada kitaran ekosistem yang kondusif bagi menyediakan peluang perniagaan yang lebih inklusif. Ia juga mempromosikan pertumbuhan ekonomi dan memberdayakan komuniti untuk meningkatkan kesejahteraan sosial. Terdapat beberapa inisiatif yang dapat menyumbangkan kepada penyediaan peluang yang saksama bagi para peniaga dan penduduk. Ini termasuk pengurusan permohonan permit dan lesen yang telus, penyediaan ruang kedai yang mampu milik di zon perniagaan strategik, dan penubuhan pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan industri.



#### Pemacuan Kelestarian

Di bawah Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon Kuala Langat 2030, Kuala Langat telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 20% menjelang tahun 2025 dan 45% menjelang tahun 2030. Terdapat lima elemen utama yang merangkumi landskap hijau, mobiliti, sisa, tenaga dan air, serta pentadbiran yang diketengahkan oleh rancangan tersebut. Penetapan ini menekankan kepentingan memelihara warisan geologi dan ekologi wilayah tersebut. Tambahan pula, pemertanian Hutan Warisan Diraja Selangor, merangkumi kira-kira 108,000 hektar, bertujuan untuk melindungi alam sekitar semula jadi dan kepelbagaian biologi di keseluruhan kawasan *Central Forest Spine Selangor*.



#### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

MPKL memberi fokus kepada meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam dan infrastruktur. Peningkatan pengurusan trafik disokong oleh inisiatif seperti lampu trafik pintar, sistem tempat letak kereta pintar dan penubuhan Pusat Kawalan Kuala Langat yang membantu dalam memastikan peraliran trafik yang lancar. Fokus ini juga menekankan penyelenggaraan dan pemantauan keadaan jalan raya dengan matlamat bagi mencapai peratusan yang tinggi untuk penjagaan jalan dengan baik dan kadar kemalangan yang rendah.



# Selangor

Peneraju dalam pendigitalisasian

## Pejabat Daerah dan Tanah Selangor

### FAKTA DAN ANGKA

#### Populasi

- 331,500 (2022)

#### Profil Sosioekonomi

- RM8,937 pendapatan isi rumah penengah sebulan
- 94.5% populasi memiliki akses internet

#### Kluster Ekonomi

- Aeroangkasa dan aerotropolis



#### Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Perbandaran Sepang

#### Dasar Utama

- Pelan Strategik MPSp
- Rancangan Tempatan MPSp
- *Smart and Low Carbon Cyberjaya Action Plan 2025 dan Sepang SDG Roadmap 2030*

#### Anugerah dan Pengiktirafan



#### Sumbangan Tertinggi kepada SDG



### Pemetaan prestasi MURNInets berdasarkan Tema Strategik RS-1

Tema Strategik	2021	2022	2023
Pengukuhan Ekonomi	02.9	0.75	0.83
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	0.97	0.98	0.79
Pemacuan Kelestarian	0.96	0.99	0.96
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	0.85	0.85	1.00

● Mampun ● Sederhana Mampun ● Kurang Mampun

## Perkembangan penting sejak pelaksanaan RS-1: Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)



#### Pengukuhan Ekonomi

Daerah Sepang adalah pemain utama dalam perancangan pembangunan IDRIS untuk pembangunan ekonomi Selangor. Rancangan IDRIS menyediakan kemudahan infrastruktur dan fasiliti berserta dengan insentif untuk para pelabur untuk menarik pelaburan dan menyelaraskan kelulusan pembangunan. Projek-projek yang berimpak tinggi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Sepang dengan mencipta peluang untuk perniagaan dan industri, menarik pelaburan serta menjadikan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan pantai bertaraf dunia. Projek-projek tersebut terdiri daripada projek seperti *Selangor Cyber Valley*, *Selangor Aero Park*, dan *Selangor Goldcoast Global Village*.



#### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Selangor bersungguh-sungguh dalam usahanya untuk memerangi isu kemiskinan dan mengurangkan bilangan individu miskin tegar serta meningkatkan taraf kehidupan golongan miskin. Ia juga berhasrat untuk mengurangkan jumlah bilangan penduduk yang kini hidup di bawah paras kemiskinan. Antara keutamaan Sepang ialah memastikan pematuhan para pemaju dalam penyediaan perumahan yang mampu milik selaras dengan sasaran Negeri. Akses kepada perkhidmatan kewangan seperti kewangan mikro berserta dengan penyesuaian pekerjaan sedang dipermudah carakan oleh Sepang bagi manfaat golongan B40. Pilihan seperti menyewa atau membeli rumah atau rumah pertama melalui Program Rumah Selangorku dan Program Sewa Bijak Selangor juga dipromosikan oleh pihak Sepang. Salah satu projek berimpak tinggi adalah penyediaan platform *Selangor Care 4 U* yang berfungsi sebagai sistem data yang komprehensif untuk menyediakan talian bantuan bagi keluarga yang miskin. Platform tersebut dilengkapi dengan pangkalan data keluarga miskin dan miskin tegar untuk pemberian bantuan yang disasarkan.



#### Pemacuan Kelestarian

MPSp berkomitmen ke arah kelestarian dan telah menetapkan sasaran yang mencabar bagi mencapai kadar kitar semula sebanyak 10% untuk sisa pepejal menjelang tahun 2025. Matlamat ini mencerminkan dedikasi mereka untuk mengurangkan pembaziran dan mempromosikan ekonomi pekeliling. Antara projek yang dilakukan untuk memberikan tumpuan kepada inisiatif tersebut adalah seperti mengompos sisa makanan dengan menggunakan pencernaan anaerobik untuk dijadikan baja serta mengumpul minyak masak terpakai untuk tujuan dijadikan semula sebagai *Aedes Bio-based Fuel (ABBF)* yang mesra alam. Usaha-usaha ini tidak hanya mengurangkan pencemaran dan kerosakan alam sekitar tetapi juga menambah nilai kepada sumber yang terbuang. Selain itu, MPSp mempromosikan pengurusan sisa yang bertanggungjawab dengan menghasilkan kompos daripada sisa landskap dan menggunakan baja kompos yang dihasilkan untuk kawasan landskap lembut. Selanjutnya, MPSp sedang mengembangkan sistem inventori GHG pertamanya sebagai sebahagian daripada Rancangan Utama Bandar Rendah Karbon Malaysia. Melalui inisiatif-inisiatif ini, MPSp berusaha untuk menjadi bandar yang bersih, hijau, pintar dan lestari.



#### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

Rancangan Strategik Digitalisasi MPSp 2021-2025 mendorong usaha digitalisasi di Sepang. MPSp telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan sistem rangkaian telekomunikasi yang komprehensif. Ia telah menghasilkan peningkatan komunikasi dan ketersambungan internet di daerah tersebut. Inisiatif-inisiatif ini menyumbang kepada amalan tadbir urus yang baik serta mencipta persekitaran yang kondusif bagi pembangunan yang mampan dan kemakmuran keseluruhan daerah. Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian berencana sebagai perantara untuk kerjasama dan koordinasi di antara pihak-pihak berkepentingan serta memastikan pengawalan dan bantuan paduan yang berkesan terhadap sektor perindustrian. Selain itu, penubuhan unit pelaburan dan pelantikan pegawai khusus untuk pelaburan memperkuat lagi usaha MPSp bagi menarik pelaburan tempatan dan antarabangsa ke Sepang.

The background features a complex network of nodes and connections, with wavy lines in shades of red, orange, and yellow. The nodes are represented by small circles of varying sizes and colors, connected by thin lines. The overall aesthetic is modern and digital.

# 009

**Langkah ke  
Hadapan**



Kemajuan RS-1 didasari oleh keinginan untuk beradaptasi dengan persekitaran makro yang dinamik dan merebut peluang-peluang baharu yang muncul. Dalam era ekonomi global yang semakin kompetitif, Selangor perlu bertindak dengan lebih tangkas untuk menangani isu-isu dengan lebih berkesan. Selangor telah meneroka pendekatan pembangunan geografi yang lebih seimbang dan menyediakan peluang penjana pendapatan merentasi semua lapisan masyarakat. Kesejahteraan sosial akan dipertingkatkan lagi dengan mengutamakan kelestarian alam sekitar melalui infrastruktur hijau dan pemuliharaan sumber asli. Selangor akan terus memperkasa keupayaan pelaksanaan dan penguatkuasaan, memupuk tenaga kerja berkeupayaan dan berkemahiran tinggi serta menaiktaraf infrastruktur digital ke arah menjadi sebuah negeri pintar, berdaya huni dan makmur.



***Kerajaan Negeri Selangor berusaha untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang turut mengambil kira keterangkuman sosial dan kelestarian alam sekitar. Keterjaminan makanan, penjaan tenaga yang lebih bersih, kualiti dan ketersediaan air, dan juga penerimgunaan digital adalah antara keutamaan yang diberikan penekanan dalam Kajian Separuh Penggal RS-1***

*- YAB Dato' Menteri Besar Selangor*



# Singkatan

<b>Terma</b>	<b>Definisi</b>
ADN	Ahli Dewan Negeri
AHO	Authorised Halal Integrated Selangor (HIS) Operator
AI	Kecerdasan buatan
ANIS	Anak Istimewa Selangor
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
AWS	Amazon Web Services
B40	Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah
BESS	Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri
BINGKAS	Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor
CBDRR	Program Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Masyarakat
CCTV	Kamera litar tertutup
CCUS	Carbon Capture, Utilisation and Storage
CEPat	Aplikasi Citizen e-Payment
CFS	Central Forest Spine
CIP	Platform Maklumat Berpusat
CoE	Pusat Kecemerlangan
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019
CRA	Certificate Readiness Assessment
DDI	Pelaburan langsung domestik
DDMS	Sistem Pengurusan Dokumen Digital
DDOC	Pusat Operasi Bencana Daerah
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DUN	Dewan Negeri
DWSB	Discovery Wetlands Sdn. Bhd
E&E	Elektronik dan elektrik
ECRL	East Coast Rail Link
EEV	Kenderaan cekap tenaga
EM & EE	Pengurusan Tenaga & Kecekapan Tenaga
ESG	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus
EU	Kesatuan Eropah
EV	Kenderaan elektrik
EXCO	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
FDI	Pelaburan langsung asing
GDV	Nilai Pembangunan Kasar
GHG	Gas Rumah Hijau
GKAS	Geran Kecil Alam Sekitar
GKTH	Geran Kecil Teknologi Hijau
GLCs	Syarikat Berkaitan Kerajaan

<b>Terma</b>	<b>Definisi</b>
GPC	Global Protocol for Community-Scale Greenhouse Gas Emission Inventories
HALALSEL	Pangkalan data perniagaan bersijil halal
HEV	Kenderaan elektrik hibrid
HIPERS	Program Pelajar Berpotensi Tinggi
HLPF	Forum Politik Aras Tinggi
HPIPT	Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi
i-SEED	Pembangunan dan Pemerkasaan Usahawan India Selangor
IAU	Intelligence Analytics Unit Negeri
IDRISS	Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan
IEIP	IoT-Enabled Industrial Park
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IKTISASS	Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor
ILC	Pusat Pembelajaran Berdikari
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IMFAN	Rangkaian Gabungan Mesra Muslim Antarabangsa
IMP-NSPSF	Pelan Pengurusan Bersepadu untuk Hutan Paya Gambut Selangor Utara
IMP-SSPSF	Pelan Pengurusan Bersepadu untuk Hutan Paya Gambut Selangor Selatan
IMPAK	Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Kanak-Kanak
INSAN	Skim Insurans Am Negeri Selangor
IoT	Internet of Things
IR 4.0	Revolusi Industri Keempat
ISP	Iltizam Selangor Penyayang
ISWMC	Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu
IWRM	Pengurusan Sumber Air Bersepadu
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JALIN	Jalur Lebar Industri Selangor
JICA	Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun
JLH	Juta liter sehari
JPNS	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JTPKSAS	Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KESAS	Konsortium Expressway Shah Alam Selangor Sdn Bhd
KIPK	Kursus Intensif Perkembangan Kanak Perkembangan
KPI	Indeks Prestasi Utama
KSP	Kajian Separuh Penggal
KSSA	Kompleks Sukan Shah Alam
KTK	Kilang Tanpa Kebenaran
LLSB	Landasan Lumayan Sdn Bhd

## Terma

## Definisi

---

LPHS	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
LRT	Transit Aliran Ringan
LUAS	Lembaga Urus Air Selangor
M&E	Mesin dan kejuruteraan
MBDK	Majlis Bandaraya Diraja Klang
MBI	Menteri Besar Selangor Incorporated
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya
MDSB	Majlis Daerah Sabak Bernam
MGTC	Malaysian Green Technology and Climate Change Centre
MIP	Managed Industrial Park
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MMSW	Malaysia Maritime Single Window
MoA	Memorandum Perjanjian
MoU	Memorandum Persefahaman
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPHS	Majlis Perbandaran Hulu Selangor
MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
MPKL	Majlis Perbandaran Kuala Langat
MPKS	Majlis Perbandaran Kuala Selangor
MPS	Majlis Perbandaran Selayang
MPSp	Majlis Perbandaran Sepang
MQF	Rangka Kerja Kelayakan Malaysia
MRCF	Fasiliti Pengumpulan dan Pemuliharaan Bahan
MRF	Fasiliti Pemuliharaan Bahan
MSF4.0 - CET	Malaysian Smart Factory 4.0 untuk Centre of Emerging Technologies
MSMA	Manual Saliran Mesra Alam
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan
NDC	Nationally Determined Contribution
NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional
NGOs	Pertubuhan bukan kerajaan
NIMP 2030	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030
NRW	Air tidak berhasil
OACP	Pelan Anti Rasuah Organisasi
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
OGPV	Fotovolta Luar Grid
OKU	Orang Kurang Upaya

<b>Terma</b>	<b>Definisi</b>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PeBS	Penggerak Belia Selangor
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PHEV	Kenderaan elektrik hibrid plug-in
PIPP	Stesen Janakuasa Pulau Indah
PISPPANS	Pelan Induk Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor
PKPS	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PLATS	Platform Selangor
PM2.5	Jirim zarah 2.5
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
POC	Bukti Konsep
POIS	Pencegahan Wabak di Tapak Perebakan
POV	Bukti Nilai
PPAS	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
PPCP	Kerjasama Awam-Swasta-Sivil
PPI	Projek, Program dan Inisiatif
PPP	Kerjasama Awam-Swasta
PRF	Hutan simpanan kekal
PROSAZ	Program Sekolah Angkat Zakat Selangor
PTEYS	Program Tingkatan 6 Yayasan Selangor
PTGS	Pejabat Tanah dan Galian Selangor
PTRS	Program Tuisyen Rakyat Selangor
PV	Fotovolta
PWB	Pusat Wanita Berdaya
R&R	Rehat and Rawat
RIDE	Inisiatif Roda Darul Ehsan
RMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Berpusat
RMK-12	Rancangan Malaysia Ke-12
PMRS	Programme and Project Monitoring and Reporting System
RoRo	Roll on-Roll off
RS-1	Rancangan Selangor Pertama
RSHF	Hutan Warisan Diraja Selangor
RSNS	Rancangan Struktur Negeri Selangor
S-DAICO	Selangor Darul Ehsan Aerospace Industry Coordination Office
SABDA	Pembangunan Kawasan Sabak Bernam
SAMA	Galeri Seni Kontemporari dan Moden Shah Alam
SAP	Selangor Aero Park

## Terma

## Definisi

---

SBAP	Pelan Tindakan Bioteknologi Selangor
SCALE	Smart Selangor Cloud Accelerator Learning Programme
SDCOE	Selangor Drone Centre of Excellence
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SeGNet	Jaringan Gigabit Selangor
SELBIO Accelerate	Program Selangor Biotechnology Accelerator
SELCAN	Ujian Saringan Kanser Selangor
SeIGDX	<i>Selangor Government Data Exchange</i>
SELHAC	Konvensyen Halal Antarabangsa Selangor
SERVE	Selangor Volunteer
SEZ	Zon Ekonomi Khas
SGDT	Latihan Digital Kerajaan Negeri Selangor
SIGI	Insentif Kerajaan Selangor
SIAP	Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit
SIBS	Selangor International Business Summit
SISGEP	Sultan Idris Shah Green Energy Plant
SJAM	Skim Jaminan Air Mentah
SPHM	Sijil Pengesahan Halal Malaysia
SPOC	Single Point of Contact
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SSAF	Ladang Agro Pintar Selangor
SSAP	Taman Agro Pintar Selangor
SSDC	Pusat Data Smart Selangor
SSDU	Smart Selangor Delivery Unit
SSFP	Platform Rangka Kerja Kemahiran Selangor
SSR	Sistem Penarafan Bintang
STDC	Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
TABA	Tabung Amanah Bencana Alam
TAWAS	Tabung Warisan Anak Selangor
TEU	Unit Bersamaan Dua Puluh Kaki
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
TWNS	Tabung Warisan Negeri Selangor
UPBN	Unit Pengurusan Bencana Negeri
UIS	Universiti Islam Selangor
UNESCO	Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu
UNISEL	Universiti Selangor
VSR	Semakan Subnasional Sukarela

<b>Terma</b>	<b>Definisi</b>
WCE	Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat
WTE	Waste-to-Energy
YoY	Year-on-Year
ZPE SMG	Zon Pembangunan Ekonomi <i>Selangor Maritime Gateway</i>











Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat 13  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)

**#KitaSelangor**